

**KAJIAN PENINDASAN TERHADAP MASYARAKAT INDIA
DI MALAYSIA DALAM CERPEN – CERPEN KARYA S.VADIVELOO
BERDASARKAN TEORI SUBALTERN**

MANIYARASAN A/L MUNIANDY

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2018**

**KAJIAN PENINDASAN TERHADAP MASYARAKAT INDIA
DI MALAYSIA DALAM CERPEN – CERPEN KARYA S.VADIVELOO
BERDASARKAN TEORI SUBALTERN**

MANIYARASAN A/L MUNIANDY

TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

2018

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: MANIYARASAN A/L MANIYARASAN

No. Pendaftaran / Matrik: AHA110021

Nama Ijazah: DOKTOR FALSAFAH

Tajuk Kertas Projek / Laporan Penyelidikan / Disertasi / Tesis (“Hasil Kajian Ini”):

KAJIAN PENINDASAN TERHADAP MASYARAKAT INDIA DI MALAYSIA
DALAM CERPEN-CERPEN KARYA S.VADIVELOO BERDASARKAN TEORI
SUBALTERN

Bidang Penyelidikan: PENGAJIAN KESUSASTERAAN TAMIL

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang / penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang / penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabunya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa juu bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.
- (7) Tandatangan Calon

Tarikh: 13 Ogos 2018

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,
Tandatangan Saksi

Tarikh: 13 Ogos 2018

Nama : PROF.MADYA DR.KRISHANAN MANIAM
Jawatan: PENSYARAH, JABATAN PENGAJIAN INDIA, FSSS.

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

ABSTRAK

Kajian “Penindasan Terhadap Masyarakat India Di Malaysia Dalam Karya Cerpen S.Vadiveloo Berdasarkan Teori Subaltern” ini dilaksanakan bertujuan mengkaji penindasan kuasa superior British, Jepun dan elit India terhadap masyarakat India di Malaysia dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo. Kajian ini penting kerana dapatan daripada kajian ini akan menyingkap realiti sejarah yang dipersembah melalui sentuhan kreatif, cerpen oleh S.Vadiveloo cerpenis berwibawa. Dengan hal yang demikian, masyarakat dalam kalangan kumpulan etnik yang pelbagai akan berpeluang memahami dan menghayati realiti sejarah, khususnya mengenai citra sosial masyarakat India di Malaysia. Sebanyak tiga buah antologi cerpen yang dihasilkan oleh S.Vadiveloo telah dipilih untuk kajian ini. Ianya adalah ‘Valluvarin Kaatali’(Kekasih Valluvar) yang dihasilkan pada tahun 1964, ‘Irunda Ulagam’ (Dunia gelap) yang dihasilkan pada tahun 1970 dan ‘Putiya Paatai’ (Jalan baharu) yang dihasilkan pada tahun 1981. Plihan antologi ini berasaskan populariti antologi cerpen berkenaan yang dianggap mewakili citra sosial masyarakat India, yang menjadi pekerja di ladang-ladang getah di bawah seliaan kuasa kolonial British, dan golongan elit India, di Malaya. Bahkan, cerpen-cerpen yang dipilih juga dianggap turut mengisahkan penindasan yang dialami oleh masyarakat India yang menjadi buruh paksa projek kereta api maut yang menghubungkan Siam-Burma semasa pendudukan Jepun di Malaya. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan yang menggunakan Teori Subaltern yang diperkenal oleh Antonio Gramsci dan kemudiannya dimajukan oleh Gayatri Chakraworthy Spivek (1998) dan Model Pencerminan (1971) yang diperkenal oleh George Lucas. Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa masyarakat India generasi pertama yang tinggal di ladang-ladang getah telah ditindas oleh kuasa penjajah, Jepun dan elit India dalam bentuk menikmati keperluan asas dan mengalami persekitaran hidup yang sihat. Selain itu,

masyarakat India turut mengalami penindasan dalam bentuk rutin kerja yang dilakukan oleh mereka. Tenaga masyarakat India diperah oleh pemodal British yang memiliki ladang-ladang getah tanpa mengira masa dan jantina. Disamping itu, kaum wanita turut dieksplorasi dari aspek gender oleh kelompok elit India. Tentera Jepun yang memerintah negara ini juga didapati menindas masyarakat India dalam bentuk peradaban. S.Vadiveloo didapati menggunakan upaya kreatifnya, menghasilkan cerpen berkualiti sebagai landasan untuk mencerminkan kesemua penindasan yang dialami oleh masyarakat India ketika zaman penjajahan British dan Jepun di Malaya. Pengkaji mencadangkan lebih banyak kajian masa depan yang menumpu sama ada dalam bidang yang sama atau melibatkan aspek ekonomi dan politik yang belum mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji. Barangkali pengkaji terkemudian boleh menggunakan bahan kajian dan pelbagai teori yang lain bagi memperoleh kesan yang pelbagai dan lebih bermanfaat untuk khalayak seluruhnya.

ABSTRACT

This study on “The Opression of the Indian Community in Malaysia in the Short Stories authored by S. Vadiveloo based on the Subaltern Theory” has been carried out with the intention of studying the oppression by the British, Japanese and Indian elites over the Indian community in Malaysia as found in S.Vadiveloo’s short stories. This study is important because the findings will show the reality of history as depicted through the creative work in the stories by the authoritative short story writer S. Vadiveloo. That being so, the communities in multi ethnic groups will get the opportunity to understand and appreciate historical reality, especially about the social image of the Indian community in Malaysia. Three anthologies of short stories penned by S. Vadiveloo were chosen for this study. They were ‘Valluvarin Kaathali’ (Valluvar’s Lady Love) written in 1964, ‘Irunda Ulagam’ (The Dark World) written in 1970 and ‘Puthiya Paathai’ (The New Path) written in 1981. These anthologies of short stories were chosen based on their popularity as they were considered to represent the social image of the Indian people who were workers in rubber plantations in Malaya under the supervision of British and Indian elites. Moreover, the selected stories were also considered to portray the oppression suffered by the Indian people who were forced labourers in the death railway project that linked Siam and Burma during the Japanese occupation in Malaya. This study is a literature study that uses the Subaltern Theory introduced by Antonio Gramsci and later developed by Gayatri Chakraworthy Spivek (1998) and the Reflection Model (1971) introduced by George Lucas. The findings of this study show that the first generation Indian community that lived in the rubber plantations were oppressed by the colonizing powers, the Japanese and the Indian elite from enjoying basic necessities and experiencing a healthy living environment. Apart from that, the Indian people also experienced oppression in the routine work that was done by them.

The strength of the Indian community was squeezed dry by British investors who owned rubber plantations without consideration for time or gender. Besides that, women were sexually exploited by the Indian elite group. The Japanese army that ruled this country has also been found to have oppressed the Indian community in civilized living. S.Vadiveloo has been found to have used his creative ability to produce short stories of quality as a platform to mirror all the oppression that the Indian community underwent during the rule of the British and Japanese in Malaya. The researcher suggests that more studies with the same focus either in the same field or that which involve economic and political aspects that have not yet attracted the attention of researchers. Perhaps forthcoming researchers could use other study materials and various other theories to achieve effects that are varied and more beneficial to all audiences.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan kesyukuran kepada Tuhan Yang Maha Esa atas limpah kurnia dan keyakinan daripadanya membolehkan saya menyempurnakan tesis ini dengan penuh kesungguhan. Segala pencapaian yang baik adalah datang daripadaNya. Pertamanya, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih saya kepada penyelia saya iaitu, Profesor Madya Dr.Krishnan Maniam yang banyak membantu dan membimbing saya tanpa mengira waktu dan masa. Segala nasihat, tunjuk ajar, panduan dan motivasi yang diberikan oleh penyelia telah merangsangkan saya bagi menyempurnakan tesis. Selain itu, saya juga ingin merakam terima kasih saya kepada barisan pensyarah di Jabatan Pengajian India yang sudi membantu saya secara langsung dan tidak langsung dalam proses penyempurnaan tesis ini. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada Unit Bahagian Tajaan di Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memberikan biasiswa selama lima tahun kepada saya. Saya juga turut merakamkan penghargaan kepada ahli keluarga saya iaitu, isteri saya yang dikasih Pn.Vathsala Periasamy,B.CEd, dan anak-anak saya yang disayangi Dr.M.Vallarmahthy, B.DS, dan M.Venmmathy,B.SS yang sentiasa memberikan sokongan moral, doa dan restu kepada saya dengan meyediakan satu suasana yang aman dan damai dalam keluarga. Selain itu, bantuan dan sokongan kawan-kawan saya di IPG Kampus Tuanku Bainun, Bukit Mertajam, turut saya hargai. Akhirnya, saya ingin merakamkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu saya secara langsung atau tidak langsung dalam proses menyiapkan kajian tesis ini. Dengan hati yang tulus, Terima Kasih.!

MANIYARASAN A/L MUNIANDY
Jabatan Pengajian India
Universiti Malaya
OGOS 2018

KANDUNGAN

BORANG PERAKUAN TESIS	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
KANDUNGAN	xxiii

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1-6
1.2	Latar Belakang Kajian	6-8
1.3	Pernyataan Masalah	8-13
1.4	Objektif Kajian	13
1.5	Persoalan Kajian	14
1.6	Kepentingan Kajian	14-
		15
1.7	Kaedah Kajian	16
	Jenis Kajian	16
	Pendekatan Kajian	16
	Metod Kajian	16-
		17
	Bahan Kajian	17
	Skop Kajian	18
	Teknik Pengumpulan Data	18
	Teknik Analisis Data	18
	Pendekatan Teori	19

	Pendekatan Model	19
	Batasan Kajian	19
	Kerangka Konseptual	20
	Kerangka Teori	21
1.8	Kajian Literatur	22-
		48
1.9	Definisi Istilah	48
1.10	Pembahagian Bab	49-
		50
1.11	Rumusan	50

BAB DUA

KONSEP, TEORI DAN MODEL

2.1	Pengenalan	51-52
2.2	Konsep Subaltern	53-55
2.3	Teori Subaltern	56-59
2.4	Model Pencerminan George Lucas (MPL)	60-62
2.5	Rumusan	63

BAB TIGA

SEJARAH PERKEMBANGAN CERPEN TAMIL

MALAYSIA DAN

SUMBANGAN MENDIANG S.VADIVELOO

3.1	Pengenalan	64
3.2	Perkembangan Cerpen Tamil	65-74
3.3	Sumbangan Cerpenis S.Vadiveloo	75

3.3.1	Latar Belakang	75-76
3.3.2	Perkhawinan	76-77
3.3.3	Penglibatan Dalam Bidang Bukan Kesusasteraan	77-78
3.3.4	Penglibatan Dalam Bidang Penulisan Rencana	78-80
3.3.5	Penglibatan Dalam Bidang Kritikan Kesusasteraan	81-82
3.3.6	Penglibatan Dalam Bidang Genre Cerpen	82-87
3.3.7	Penglibatan Dalam Persatuan Penulis	87-92
3.4	Tema Dalam Penulisan S.Vadiveloo	93
3.4.1	Cinta dan Perkhawinan	93
3.4.2	Masalah Keluarga	94
3.4.3	Keruntuhan Moral Dan Kebebasan Sosial	94
3.4.4	Pendudukan Jepun Di Malaya	95
3.4.5	Politik	95-96
3.4.6	Masyarakat Majmuk Di Malaysia	96
3.4.7	Kewarganegaraan	97
3.4.8	Arak dan Pencabulan Kehormatan Wanita	97-98
3.4.9	Pelajaran	98-99
3.4.10	Agama	100-

		101
3.4.11	Kepercayaan Karut	101-
		102
3.4.12	Penindasan Penjajah British	102
3.5	Rumusan	103-
		105

BAB EMPAT

CITRA PENINDASAN KUASA SUPERIOR
BRITISH,JEPUN DAN INDIA ELIT TERHADAP
MASYARAKAT INDIA DI MALAYSIA DALAM
CERPEN-CERPEN S.VADIVELOO

4.1	Pengenalan	106-107
4.2	Penindasan Oleh Kuasa Superior Pemodal British	107-108
4.2.1	Gambaran Penindasan Daripada Aspek Kebajikan	109-116
4.2.2	Gambaran Penindasan Daripada Aspek Kesejahteraan Hidup	116-125
4.2.3	Gambaran Penindasan Daripada Aspek Kesihatan	126-136
4.2.4	Gambaran Penindasan Daripada Aspek Pendidikan	137-149
4.2.5	Gambaran Penindasan Daripada Aspek Keselamatan	150-156

4.3	Penindasan Oleh Kuasa Superior Tenera Jepun		157-158	
4.3.1	Gambaran	Penindasan	158-174	
	Daripada Aspek Kebajikan			
4.3.2	Gambaran	Penindasan	174-186	
	Daripada Aspek Kesihatan			
4.3.3	Gambaran	Penindasan	187-195	
	Daripada Aspek Keselamatan			
4.3.4	Gambaran	Penindasan	195-208	
	Daripada Aspek Kemanusiaan			
4.3.5	Gambaran	Penindasan	208-212	
	Daripada Aspek Kesejahteraan			
	Hidup			
4.4	Penindasan Oleh Kuasa Superior Kelompok India elit		213	
4.4.1	Gambaran	Penindasan	Oleh Kelompok Kerani	214-227
4.4.2	Gambaran	Penindasan	Oleh Kelompok Guru	227-235
4.4.3	Gambaran	Penindasan	Oleh Kelompok Kanggani	236-249
4.5	Rumusan		249-251	

BAB LIMA

CITRA PENINDASAN KUASA SUPERIOR DAN KAUM LELAKI TERHADAP WANITA INDIA INDIA DALAM CERPEN-CERPEN S.VADIVELOO

5.1	Pengenalan	252-253
5.2	Penindasan Wanita Oleh Ahli Keluarga	254
5.2.1	Gambaran Penindasan Wanita Oleh Bapa	254-257
5.2.2	Gambaran Penindasan Wanita Oleh Suami	257-262
5.2.3	Gambaran Penindasan Wanita Oleh Anak	262-264
5.3	Penindasan Wanita Oleh Bukan Ahli Keluarga	265
5.3.1	Gambaran Penindasan Wanita Oleh Tuan Rumah	265-266
5.3.2	Gambaran Penindasan Wanita Oleh Pengurusan Ladang	266-268
5.3.3	Gambaran Penindasan Wanita Oleh Puak Kanggani	268-271
5.3.4	Gambaran Penindasan Wanita Oleh Puak Kerani	271-272
5.4	Penindasan Wanita Dari Aspek Sosiobudaya	272
5.4.1	Gambaran Penindasan Wanita Daripada Aspek Sosial	273-280
5.4.2	Gambaran Penindasan Wanita Daripada Aspek Budaya	280-285

5.5	Penindasan Wanita Dari Aspek Fizikal dan Emosi	285
5.5.1	Gambaran Penindasan Wanita Daripada Aspek Fizikal	285-286
5.5.2	Gambaran Penindasan Wanita Daripada Asoek Emosi	287-292
5.6	Penindasan Wanita Oleh wanita	293
5.6.1	Gambaran Penindasan Wanita Oleh Wanita Daripada Kalangan Ahli Keluarga	293-294
5.6.2	Gambaran Penindasan Wanita Oleh Wanita Dalam Kalangan Bukan Ahli Keluarga	294-296
5.7	Rumusan	296-299

BAB ENAM

KESIMPULAN

6.1	Pengenalan	300-301
6.2	Penemuan Kajian	301-307
6.3	Cadangan	308
6.4	Kesimpulan	308-309

RUJUKAN

311-316

LAMPIRAN A Cerpen Tang Memaparkan 317-320

Penindasan

LAMPIRAN B Gambar Yang Memaparkan 321-326

Penindasan

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

“Masyarakat India memberi sumbangan yang penting dalam pembentukan negara Malaysia. Tanpa masyarakat India, negara Malaysia tidak dapat terjadi seperti mana yang ada sekarang” (Najib Razak, 2017, m.s.21). Berkaitan dengan perkara ini, Patricia Spencer (2013) menghuraikan bahawa “ketika zaman penjajahan British, pekerja India memainkan peranan penting dalam bidang ekonomi Malaysia, terutamanya dalam industri perladangan getah” (m.s.1). Menurutnya:

Indian Tamils were treated as tools of production in the colonial capitalist enterprise. Given their Subaltern background, it was easy for the British to manipulate them. (Spencer, 2013, m.s.1)

Beliau menjelaskan bahawa kuasa British menggunakan orang-orang Tamil sebagai alat untuk meningkatkan produktiviti mereka di Malaya. Selain itu, kuasa British memanipulasikan latar belakang Subaltern yang dialami oleh masyarakat Tamil untuk mengembangkan ekonomi mereka di Malaya. Edward Said dalam bukunya Orientalism banyak membincangkan tentang pascakolonialisme serta pengaruh kuasa penjajah. Menurutnya, kuasa superior akan mendominasikan golongan inferior.

Berkaitan dengan kuasa superior ini, Azhar Wahid (2011) menyatakan bahawa “kuasa kapitalis ini akan menguasai sesuatu kelompok dan menjadi organiser. Pada akhirnya peranan organiser ini membawa kepada kolonialisme” (m.s.170). Ashcroft (2006) berpendapat bahawa “kolonialisme dipenuhi dengan eksplorasi dan penaklukan. Kolonialisme akan membentuk kuasa hegemoni. Pada akhirnya, kuasa hegemoni

tersebut akan menentukan kesemuanya kerana seluruh dunia menganggap kolonialisme sebagai kuasa beradab dan superior”(m.s.12).

Dalam membincangkan tentang kolonialisme ini, Walia (2001) menjelaskan bahawa “kolonialisme akan membawa kepada eksplotasi, pencerobohan dan penaklukan. Di samping itu, kolonialisme turut membawa kepada pembentukan kuasa hegemoni, kuasa superior dan inferior” (ms.3). Sebagai menyokong pendapat Walia, Zainal Kling (2005) menyatakan bahawa “kuasa penjajah sengaja memperkecilkan bangsa jajahan dengan membuat pemerian amat serong tentang mereka” (m.s.14).

Jika diperhalusi secara mendalam tentang pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh Walia (2001), Zainal Kling (2005), Ashcroft (2006), Azhar Wahid (2011) dan Spencer (2013), maka dapat dirumuskan bahawa kuasa superior akan membawa impak buruk kepada anak jajahan dan akhirnya dijadikan sebagai golongan Subaltern yang tidak bersuara menentang kuasa superior. Dapatan ini dapat dibuktikan dengan kenyataan yang diberikan oleh Sir Thomas Hyslop.

Menurut Kondapi (1951), Thomas Hyslop menyeru kerajaan British di India bahawa “we want Indians as indentured labourers, not as free men”(m..s.7). Boleh dikatakan bahawa syarat tersebut menjadi tunjang kepada pemodal British untuk memperalatkan pekerja India dengan sesuka hati. Syarat inilah memberi ruang kepada pengusaha-pengusaha ladang getah dan para kanggani untuk menindas golongan pekerja India daripada aspek sosial dan ekonomi.

Masyarakat India banyak berjasa kepada perkembangan ekonomi negara ini, namun pengorbanan mereka tidak mendapat pengiktirafan sepenuhnya daripada kerajaan British yang menjajah Malaya ketika itu. Maniyarasan (2015) menyatakan bahawa “sejarah yang ditulis oleh British tidak mendedahkan kematian ribuan orang India akibat gigitan ular dan serangga lain ketika melakukan kerja-kerja penerokaan

hutan belukar di Malaya” (m.s.52). Berkaitan dengan hal ini, Ramasamy (1999) turut mengkritik bahawa “kuasa British menjadikan masyarakat India di negara ini sebagai masyarakat yang mundur sehingga sekarang” (m.s.21). Menurutnya, kuasa penjajah British telah mengabaikan kemajuan masyarakat India di Malaya.

Pemikiran dan perbincangan tentang kuasa penjajah, pascakolonialisme dan golongan Subaltern ini tidak terhenti setakat golongan akademik sahaja, malah terus menular dalam pemikiran para karyawan sastera. Berkaitan dengan hal ini, para penulis menghasilkan sajak, cerpen dan novel dengan mendirikan watak-watak daripada golongan Subaltern dengan menyelitkan peristiwa atau kisah penindasan yang dilakukan oleh kuasa superior Birish, Jepun dan elit India terhadap masyarakat tempatan. Sehubungan perkara ini, Mana Sikana (1988) menjelaskan bahawa “sebuah karya sastera tidak hanya ditulis untuk memenuhi rangsangan diri sendiri, tetapi mempunyai tanggungjawab sosial dan pembangunan tamadun manusia” (m.s.16). Berkaitan dengan tujuan penghasilan karya sastera ini, Hashim Awang (1985) berpendapat bahawa:

Tujuan penghasilan karya kesusasteraan dapat dibahagikan kepada dua: yakni untuk pelajaran dan hiburan, disamping menjadi bahan hiburan, kesusasteraan juga bertanggungjawab memperlihatkan aliran pemikiran sesuatu masyarakat yang hidup pada sesuatu zaman. (Hashim Awang, 1985, m.s.13)

Pandangan mengenai tujuan penghasilan karya sastera ini turut dikuatkan oleh Samad Ismail. Menurutnya cerita yang dikemukakan dalam sesuatu cerpen itu sebenarnya adalah penterjemahan pengalaman yang dilakukan oleh seseorang penulis. Dalam usaha mengulas tentang tujuan penghasilan karya sastera ini, Othman Puteh pula menyatakan bahawa cerpen yang dihasilkannya merupakan pengalaman yang dipetik daripada sekitar kehidupannya sendiri. Menurutnya, cerpen adalah sastera kreatif yang menggabungkan fakta dengan imaginasi.

Berdasarkan kepada pendapat-pendapan yang diberikan oleh Samad Said Hashim Awang (1985), Othman Puteh dan Mana Sikana (1988) maka dapat disimpulkan bahawa sesuatu cerpen yang dihasilkan oleh penulis adalah merupakan cerminan kehidupan sama ada individu atau sekumpulan masyarakat yang tinggal di sesuatu masa dan di sesebuah negara. Jika diperhalusi dengan teliti, maka pandangan sarjana-sarjana ini amat sesonim dengan tujuan penghasilan cerpen-cerpen S.Vadiveloo. Mendiang S.Vadiveloo didapati menggunakan genre cerpen sebagai alat kritikan sosial dan medan bagi mencerminkan penindasan yang dialami oleh masyarakat India sewaktu zaman penjajahan British, Jepun dan zaman pascakemerdekaan. Dalam membincangkan tentang tema cerpen-cerpen S.Vadiveloo, Krishnan (1993) menjelaskan bahawa:

Penulis veteran seperti S.Vadiveloo telah membuat pengamatan terperinci tentang kehidupan sosial masyarakat India di negara ini. S.Vadiveloo berjaya menghasilkan cerpen-cerpen yang berlatar belakangkan zaman penjajahan British dan Jepun dengan baik sekali. Cerpen-cerpen S.Vadiveloo disambut dengan baik oleh pihak akhbar serta para pembaca. Keberanian S.Vadiveloo dalam hal memaparkan penindasan kuasa superior terhadap masyarakat India ini menjadi titik tolak kepada perkembangan aliran cerpen Tamil yang bercorak radikal pada tahun 1970-an dan tahun-tahun seterusnya. (Krishnan, 1993, m.s. 261)

Jika diteliti secara mendalam, dapat diketahui bahawa S.Vadiveloo bukan sahaja merakamkan sejarah kehidupan masyarakat India yang tinggal di ladang-ladang getah, malah mengutarakan ratapan pekerja-pekerja ladang getah yang serba kekurangan. Cerpen-cerpen S.Vadiveloo bukan sekadar suatu teks protes sosial atau pun mengisahkan kehidupan sosial masyarakat India di ladang-ladang getah di Tanah Melayu sahaja, malah berjaya memaparkan penindasan yang dialami oleh pekerja-pekerja ladang getah oleh pemodal British, Jepun, kelompok India elit. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa cerpen-cerpen S.Vadiveloo berjaya

menjelmakan kehidupan sosial masyarakat India di ladang-ladang getah ketika zaman penjajahan dahulu.

Kajian pasca kolonialisme yang bertajuk “Kajian Penindasan Terhadap Masyarakat India Di Malaysia Dalam Karya Cerpen S.Vadiveloo Berdasarkan Teori Subaltern” ini menghuraikan cerpen-cerpen karya S.Vadiveloo yang berlatar belakangkan zaman penjajahan British dan pendudukan Jepun di Tanah Melayu dengan berlandaskan teori Subaltern yang dibangunkan oleh Gayatri Chakraworthy Spivek dan Model Pencerminan yang dimajukan oleh Lucas. Kajian ini melibatkan fakta sejarah mengenai kuasa penjajah British, Jepun serta berbagai bentuk fenomena lain yang ditimbulkan oleh kuasa-kuasa tersebut terhadap masyarakat India di Malaysia.

Kajian ini menjelaskan fakta sejarah yang menghubung kaitkan dengan realiti sosioekonomi masyarakat India yang hidup di ladang-ladang getah semasa penjajahan British dan pendudukan Jepun di Malaya. Golongan masyarakat India yang lebih dikenali sebagai buruh-buruh India murah daripada perspektif barat diberi gelaran baharu sebagai masyarakat India generasi pertama. Mengikut penafsiran Teori Subaltern, masyarakat yang tidak mendapat sebarang pembelaan daripada mana-mana kuasa daripada aspek sosial, ekonomi mahu pun politik ini dikenali sebagai golongan Subaltern.

Jika ditinjau daripada aspek sejarah, golongan masyarakat India ini banyak mengorbankan tenaga dan nyawa mereka demi kepentingan ekonomi British. Kuasa British yang menjajah negara ini gagal merakamkan pengorbanan masyarakat India generasi pertama ini daripada sudut sejarah. Topik dan isu yang dibincang dalam kajian ini boleh dianggap penting kepada pengkaji sastera, peneliti isu sosial, penganalisis politik, politikus, aktivis dan generasi muda, khususnya mahasiswa kerana sejarah

dipandang daripada perspektif subaltern. Suara golongan subaltern ini harus diberi penghormatan oleh barisan sarjana yang menulis sejarah.

Pengaplikasian teori Subaltern biasanya digunakan untuk menganalisis gejala budaya, sejarah, politik, ekonomi, sastera yang berlaku di negara-negara pasca kolonial dan di negara-negara dunia ketiga. Pertama kalinya teori diaplikasikan dalam sebuah karya Tamil yang dihasilkan di Malaysia. Penelitian cerpen berdasarkan teori Subaltern ini membantu melihat penghidupan masyarakat India yang ditindas oleh kuasa-kuasa superior British dan Jepun yang pernah mengeksplorasi kaum di negara ini.

Penelitian ini mendapati masyarakat India ditindas daripada aspek keperluan asas seperti makanan, minuman dan tempat tinggal. Selain itu, masyarakat India turut ditindas dalam bentuk persekitaran hidup yang meliputi sistem perhubungan, komunikasi, kemudahan, keselamatan dan kesejahteraan. Golongan ini didapati turut ditindas dalam bentuk rutin seperti tempat pekerjaan, proses pekerjaan dan pengurusan pekerjaan.

Disamping teori Subaltern, kajian ini turut mengaplikasikan Model Pencerminan yang diperkenalkan oleh Lucas dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo bagi mengesahkan peristiwa penindasan yang dipaparkan itu memiliki unsur-unsur kebenaran daripada sudut sejarah. Menurut model ini, karya sastera adalah sebagai pencerminan yang terdapat dalam alam kenyataan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Ramaya (1996) selaku cerpenis Tamil yang terkenal di Malaysia mengakui bahawa “S.Vadiveloo adalah penulis Tamil yang menghasilkan cerpen-cerpen yang berjiwa masyarakat India. Individu yang ingin melakukan kajian tentang cerpen Tamil di Malaysia, maka ia perlu bermula daripada S.Vadiveloo” (m.s.289). Ini adalah kerana,

S.Vadiveloo menghasilkan cerpen-cerpen Tamil yang memaparkan kehidupan sosiobudaya masyarakat India yang tinggal di ladang-ladang getah di Malaya. Cerpen-cerpen S.Vadiveloo menjadi tunjang kepada cerpen-cerpen yang lain kerana tema, latar dan watak yang digunakan oleh beliau begitu unik dan cemerlang sekali.

Sehingga sekarang hanya tiga buah cerpen sahaja dialih bahasa ke Bahasa Malaysia oleh M.Mannar Mannan dan A.Nagappan. Cerpen-cerpen beliau yang lain hanya popular dalam kalangan masyarakat India sahaja. Pemikiran beliau tentang kehidupan masyarakat India di ladang-ladang getah ketika zaman penjajahan perlu menjadi tatapan umum agar generasi muda dan individu atau golongan yang tidak dapat membaca bahasa Tamil atau pun mereka yang tidak berpeluang membaca, menghayati cerpen-cerpen S.Vadiveloo. Kajian ini akan memupuk kesedaran kepada mereka tentang penindasan yang dialami oleh masyarakat India generasi pertama.

Dalam cerpen-cerpen yang dikaji didapati cerpenis S.Vadiveloo memaparkan sikap materialistik yang diamalkan oleh pemodal British. Cerpenis memaparkan sikap kerahan tenaga manusia yang dilakukan oleh pengusaha-pengusaha ladang getah terhadap masyarakat India yang ramainya terdiri daripada pekerja ladang getah. Cerpen-cerpen S.Vadiveloo turut memaparkan sikap tidak bertanggungjawab yang terdapat pada pemodal British terhadap keselamatan dan kesihatan para pekerja di ladang getah. Pemodal British yang sepatutnya menyediakan tempat tinggal yang selesa untuk para pekerja dan ahli keluarga mereka didapati lalai dalam melakukan tanggungjawab tersebut.

Cerpen-cerpen S.Vadiveloo menggambarkan bahawa rumah pekerja didirikan secara berbaris dengan sebuah bilik tidur. Beliau juga memaparkan bahawa enam buah rumah akan berkongsi sebuah tandas. Selain penindasan daripada aspek tempat tinggal, terdapat juga gambaran tentang penindasan pekerja India daripada aspek kesihatan dan

perubatan. S.Vadiveloo turut menggambarkan bahawa ramai orang India meninggal dunia ketika zaman pendudukan Jepun kerana tidak mendapat bantuan perubatan yang sempurna. Selain itu, S.Vadiveloo turut memaparkan peristiwa penindasan masyarakat India daripada aspek ekonomi. Masyarakat India yang tinggal di kawasan ladang getah digambarkan hidup dalam kemiskinan dan kesusahan. Hidup mereka dipenuhi dengan serba kekurangan. Cerpenis memaparkan bahawa para pekerja dibayar upah yang paling minima, sedangkan pada masa yang sama harga getah melonjak tinggi di pasaran dunia.

Suara-suara golongan pekerja ladang getah yang tidak bernasib baik ini perlu dikaji secara ilmiah agar didokumentasikan. Disamping itu, pengorbanan masyarakat India generasi pertama yang kini hanya dikenali sebagai buruh-buruh India murah ini perlu mendapat pengiktirafan kerana tanpa mereka negara Malaya tidak dapat menjadi negara pengeksport utama getah di dunia.

1.3 Pernyataan Masalah

Cerpen menjadi genre kesusasteraan yang disukai ramai. Cerpenis menggunakan medan ini untuk memancarkan fikiran mereka tentang kehidupan masyarakat yang diwakilinya. Karya sastera perlu memberi impak kepada pembaca dan seterusnya kepada masyarakat. Menyedari hakikat tersebut, karyawan menghasilkan karya yang mencerminkan kehidupan sesuatu masyarakat agar menjadi panduan kehidupan agama bangsa dan negara. Maka, karya-karya yang sedemikian itu perlu dikaji bagi meneliti isi kandungan dan peristiwa yang dipaparkan olehnya.

Antara cerpenis Tamil yang sangat terkenal di Malaysia ialah S.Vadiveloo. Beliau adalah penulis yang sangat terkenal dalam tahun 1950-an hingga 1990-an. S.Vadiveloo banyak menghasilkan cerpen-cerpen Tamil yang bertaraf antarabangsa. Perkara ini dapat dibuktikan menerusi hadiah dan pingat yang diperoleh oleh beliau

dalam jangka masa tiga puluh tahun. Cerpenis dan ilmuan Tamil terkenal di Malaysia, R.Karthigesu (1993) mengakui bahawa “S.Vadiveloo adalah seorang cerpenis yang berwibawa. Hampir kesemua cerpen-cerpen S.Vadiveloo menggambarkan kehidupan masyarakat India di negara ini” (m.s.9). Pendapat beliau disokong oleh Pachai Balan (1993). Menurutnya:

S.Vadiveloo berjaya menghasilkan penulisan yang berjiwa masyarakat India di Malaysia. Hampir keseluruhan cerpen dan novel yang dihasilkan dalam tahun 1960-an dan 1970-an mengisahkan kehidupan sosial masyarakat India. Namun, cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh S.Vadiveloo mempunyai keunikan tersendiri berbanding dengan cerpenis yang lain. (Pachai Balan, 1993, m.s. 257)

Berpendukan kepada pandangan R.Karthigesu (1993) dan Pachai Balan (1993), maka dapat dipastikan bahawa cerpen-cerpen S.Vadiveloo menggambarkan penindasan yang dialami oleh masyarakat India genarsi pertama yang berkerja sebagai buruh India murah di ladang-ladang getah kepunyaan pemodal British. Kisah nenek moyang sekitar tahun 30-an tersebut jarang dirakam oleh buku-buku sejarah atau pun cerpenis Tamil yang lain. Namun begitu, S.Vadiveloo berjaya merakamkan peristiwa-peristiwa pengorbanan masyarakat India di dalam cerpen-cerpen beliau. Jurang yang terdapat dalam pemaparan tersebut perlu diteliti secara akademik. Maka kajian ini akan memanusihi jurang tersebut.

Kesenangan yang dirasai oleh generasi sekarang datangnya daripada hasil pengorbanan masyarakat India generasi pertama. Sejarah yang ditulis oleh kuasa superior barat atau pun sarjana pro Barat tidak mengiktiraf pengorbanan golongan Subaltern kerana golongan tersebut tidak memiliki status sosial yang tinggi. Sumbangan golongan Subaltern mulai menerima pengiktirafan selepas Antonio Gramsci memperkenalkan pemikiran tentang golongan Subaltern di Itali. Kajian ini akan memberi status sosial yang tinggi kepada golongan pekerja tersebut kerana golongan

inilah menjadi tunjang kepada perkembangan perindustri perladangan getah di Malaya ketika zaman penjajahan.

Spencer (2013) dalam kajiannya menyatakan bahawa kuasa superior British menamakan masyarakat India yang dibawa ke Malaya sebagai “Indian Tamils, untouchable Madrasi class” (m.s.1). Menerusi kenyataan ini, dapat difahami bahawa kerajaan British di Malaya hanya melihat masyarakat India generasi pertama ini sebagai golongan manusia yang tidak mempunyai status sosial. Kuasa superior tersebut hanya melihat golongan pekerja ini sebagai mesin sahaja. Kajian ini akan memartabatkan maruah masyarakat India generasi pertama sebagai penyumbang ekonomi British di Malaya dan bukannya sebagai pendatang yang mencari perlindungan.

Kajian ini telah menghuraikan jenis-jenis penindasan yang dilakukan terhadap masyarakat India generasi pertama oleh kuasa British, Jepun dan elit India untuk membangunkan ekonomi mereka. Penindasan yang dilakukan oleh kuasa superior telah dinilai berdasarkan Teori Subaltern dan Model Pencerminan Lucas. Pada dasarnya, teori Subaltern ini dilahirkan untuk menghargai jasa-jasa golongan Subaltern demi kepentingan umum. Gramsci (1971) selaku pelopor teori Subaltern menyatakan bahawa “Subaltern groups are always subjects to the activity of ruling groups” (m.s.55). Pendapat Gramsci (1971) ini telah menguatkan hasil dapatan kajian ini kerana kuasa British selaku kuasa superior di Malaya telah memperalatkan masyarakat India demi kepentingan ekonomi mereka.

Rakaman tentang sejarah kedatangan dan kehidupan masyarakat India generasi pertama yang dimuatkan dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo dalam bentuk watak dan peristiwa ini berpotensi untuk memberi kesedaran kepada generasi muda tentang pengorbanan nenek moyang mereka. Mereka perlu menyedari bahawa segala kesenangan yang dirasai sekarang adalah daripada hasil titik peluh masyarakat India

ketika zaman penjajahan dahulu. Kajian ini mampu memberi kesedaran kepada generasi muda yang kurang mendapat pendedahan tentang masyarakat India genarasi pertama di Malaya ketika zaman penjajahan British dan jepun.

Di samping memberi kesedaran kepada genarasi muda, terdapat juga jurang dalam kajian-kajian mengenai cerpenis S.Vadiveloo. Sehingga sekarang tidak mempunyai sebarang kajian tentang cerpen-cerpen S.Vadiveloo sama ada di peringkat sarjana atau pun kedoktoran. Individu yang menjadi tunjang kepada perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia tidak pernah dikaji secara ilmiah. Maka, suatu kajian ilmiah perlu dilakukan untuk mengisi jurang tersebut agar sumbangan beliau dirakam secara sah.

Selain itu, kajian yang dijalankan berkaitan dengan kesusasteraan Tamil di Malaysia jarang menggunakan pendekatan sesuatu teori atau model. Sehingga sekarang, tidak ada sebarang kajian yang menggunakan pengaplikasian teori Subaltern dan Model Pencerminan dalam cerpen-cerpen atau pun novel Tamil di Malaysia. Pendekatan karya sastera berdasarkan teori Subaltern dan Model Pencerminan ini sudah tentu akan meneroka lembaran baharu dalam dunia penyelidikan. Kajian ini berpotensi mengisi jurang tersebut.

Dunia pendidikan yang menuju ke arah pembelajaran abad ke-21 ini, amat mementingkan kreatif dan inovatif. Penyelidikan ilmiah yang dilakukan tentang genre cerpen dan novel Tamil di Malaysia khususnya hanya tertumpu kepada kajian tema, latar dan watak sahaja. Selaras dengan kemajuan pendidikan di negara ini, penyelidikan silang budaya dan silang bidang akan membawa dapatan baharu kepada agama, bangsa dan negara. Kajian ini akan memenuhi jurang tersebut kerana kajian ini melibatkan aspek-aspek sejarah dalam kesusasteraan Tamil.

Cerpen-cerpen S.Vadiveloo memaparkan sikap kongkongan British yang meletakkan masyarakat India di ladang getah yang terletak berjauhan dari kawasan bandar. Kuasa-kuasa tersebut mencabul hak asasi manusia para pekerja ladang getah dengan menggunakan khidmat dan bantuan kanggani, kerani, pembantu perubatan yang berbangsa India. Golongan ini dikenali sebagai elit India. Kumpulan elit India ini menindas pekerja ladang getah daripada aspek sosial dan ekonomi. Tindakan mencabul hak asasi kemanusiaan ini dipaparkan dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo. Terdapat jurang dalam pendedahan tentang penindasan kumpulan elit India terhadap golongan pekerja ladang getah. Kajian ini berupaya mendedahkan penindasan yang dilakukan oleh kumpulan elit tersebut.

Genre cerpen adalah suatu dokumen sosial. Maka, cerpen yang dihasilkan oleh penulis perlu dikaji secara ilmiah agar intipati cerpennya menjadi tatapan umum. Penelitian secara ilmiah ini akan membantu menghayati pemikiran seseorang penulis bagi memilik negarakan hasil karya mereka. Usaha murni ini perlu dilakukan oleh para pengkaji di peringkat sarjana dan kedoktoran. Sehingga sekarang, hanya terdapat segelintir penulis India sahaja yang berkebolehan menghasilkan cerpen yang mengisahkan kehidupan masyarakat India di negara ini dalam bahasa Melayu.

Namun, terdapat ribuan cerpen yang mengisahkan kehidupan masyarakat India di negara ini. Malangnya cerpen-cerpen tersebut dihasilkan dalam bahasa Tamil. Cerpen-cerpen yang terbatas sekitar masyarakat India ini perlu menyilang bangsa dan budaya. Maka, kajian-kajian seperti ini telah membuka ruang baharu kepada mereka yang tidak dapat membaca cerpen-cerpen Tamil untuk mengetahui pemikiran penulis Tamil Malaysia serta gambaran kehidupan masyarakat India generasi pertama di negara ini.

Spivek (1992) selaku sarjana yang membangunkan teori Subaltern menyuarakan bahawa “who the hell wants to protect Subalternity?” (m.s.29). Menurut sarjana tersebut, golongan Subaltern tidak mempunyai ruang untuk menyuarakan kehendak dan masalah yang dihadapi oleh mereka. Golongan ini ditindas dan dibisukan oleh kuasa superior. Spivek (1992) menyeru agar perlu ada orang tengah untuk menyuarakan pendapat dan perasaan golongan Subaltern. Sebagai langkah menyahut seruan Spivek, pengkaji mengambil inisiatif untuk menyuarakan penindasan yang dialami oleh masyarakat India generasi pertama di negara ini agar diketahui umum.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mencapai empat objektif yang disenaraikan di bawah. Objektif pertama telah dijawab dalam bab tiga, manakala objektif kedua telah dijawab dalam bab empat. Objektif ketiga telah dijawab dalam bab lima. Akhirnya objektif keempat telah dijawab dalam bab enam.

- a) Menjelaskan sumbangan cerpenis S.Vadiveloo kepada perkembangan dunia kesusasteraan Tamil di Malaysia.
- c) Mengkaji gambaran penindasan kuasa superior British, Jepun dan elit India terhadap masyarakat India yang dipancarkan dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo berdasarkan Teori Subaltern dan Model Pencerminan Lucas.
- c) Mengkaji gambaran penindasan kaum lelaki terhadap wanita India yang dipancarkan dalam cerpen-cerpen karya S.Vadiveloo berdasarkan Teori Subaltern dan Model Pencerminan Lucas.

1.5 Persoalan Kajian

- a) Apakah sumbangan cerpenis S.Vadiveloo kepada perkembangan dunia kesusasteraan Tamil di Malaysia?
- b) Bagaimakah penindasan yang dialami oleh masyarakat India generasi pertama dicitrakan dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo berdasarkan Teori Subaltern dan Model Pencerminan Lucas.
- c) Bagaimakah penindasan yang dialami oleh kaum wanita India dicitrakan dalam cerpen-cerpen karya S.Vadiveloo berdasarkan Teori Subaltern dan Model Pencerminan Lucas.

1.6 Kepentingan Kajian

British hanya menamakan masyarakat India generasi pertama yang tiba di Malaya sebagai buruh-buruh India murah. Kuasa tersebut tidak menghargai jasa dan pengorbanan yang dilakukan oleh masyarakat tersebut. Penulis veteran seperti mendiang S.Vadiveloo telah membuat pengamatan yang terperinci tentang pengorbanan dan kehidupan sosial masyarakat India generasi pertama tersebut. Berdasarkan pengamatan dan pengalaman yang diperoleh itu, S.Vadiveloo berjaya menghasilkan cerpen-cerpen yang berlatar belakangkan zaman penjajahan British dan Jepun dengan terbaik sekali. Kajian ini perlu dilakukan untuk memartabatkan imej masyarakat India generasi pertama sebagai pendukung ekonomi Malaya ketika zaman penjajahan.

Selain itu, kajian ini menjadi penting kerana karya sastera ialah dokumen sosial yang berharga. Setiap hasil karya sama ada cerpen atau novel akan mencerminkan kehidupan dan kebudayaan sesuatu kumpulan masyarakat yang hidup di sesuatu tempat dan pada masa tertentu. Sehubungan dengan perkara tersebut, cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh S.Vadiveloo turut mengambarkan kehidupan masyarakat India yang tinggal di ladang-ladang getah ketika zaman penjajahan British dan pendudukan Jepun.

Cerpen-cerpen beliau perlu dikaji secara ilmiah mengikut perspektif atau teori tertentu untuk mendapat maklumat tambahan agar disampaikan kepada agama, bangsa dan negara. Ini adalah tanggungjawab yang dipikul oleh para penyelidik yang melakukan penyelidikan dalam bidang kesusasteraan.

Disamping itu, kajian ini perlu dilakukan kerana pengkaji memiliki tanggungjawab sosial untuk meneliti dan menganalisis segala rakaman tersurat dan tersirat yang terpahat dalam sesuatu karya kesusasteraan. Kajian ini menjadi penting kerana generasi muda dan dunia pendidikan perlu didedahkan peristiwa penindasan masyarakat India di negara ini ketika zaman penjajahan. Cerpen-cerpen S.Vadiveloo berjaya mencitrakan kehidupan masyarakat ladang getah dengan begitu teliti dengan menyelitkan unsur-unsur sejarah. Kajian ini perlu dilakukan untuk menghuraikan pengorbanan yang dilakukan oleh masyarakat India ketika zaman penjajahan dan pasca kemerdekaan Malaya.

Pendek kata, kajian ini perlu dilakukan kerana kajian ini dilakukan dengan silang bidang dan silang kebudayaan. Kajian seumpama ini akan menjadi perintis kepada bakal pengkaji yang ingin mengkaji kesusasteraan Tamil di Malaysia mengikut perspektif teori-teori tertentu. Kajian ini juga mampu menjadi panduan kepada para pengkaji baharu daripada pelbagai bidang seperti sastera, politik, sosial atau ekonomi untuk memahami realiti kehidupan masyarakat India generasi pertama yang dibawa dari negara India ke Malaya ketika zaman penjajahan dahulu.

1.7 Kaedah Kajian

Metodologi kajian amat penting untuk melakukan ses sebuah kajian yang berbentuk ilmiah. Tajuk ini merangkumi jenis kajian, pendekatan kajian, metode kajian, bahan kajian, skop kajian, teknik pengumpulan data, teknik analisis data, pendekatan teori, pendekatan model, batasan kajian, kerangka kajian dan kerangka konsep.

1.7.1 Jenis Kajian Kualitatif

Kajian kualitatif biasanya dilakukan untuk meneroka dan memahami pengertian masalah yang dialami oleh individu atau sekumpulan manusia. Sehubungan dengan perkara itu, kajian ini dilakukan untuk meneliti jenis-jenis penindasan yang dialami oleh masyarakat India generasi pertama yang dilakukan oleh kuasa British, Jepun ketika zaman penjajahan di Malaya.

1.7.2 Pendekatan Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan perpustakaan yang bersifat interpretasi maklumat berdasarkan teknik analisis deskriptif.

1.7.3 Metod Kajian

Kajian ini mengaplikasikan metod penelitian analisis kandungan. Metode penelitian ini dilakukan di dalam cerpen-cerpen pilihan karya S.Vadiveloo. Metod ini sangat membantu untuk menghuraikan gambaran penindasan masyarakat India yang diapaparkan dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo. Selain itu, metod ini juga membantu untuk melakukan penterjemahan yang tepat tentang watak dan peristiwa penindasan yang dialami oleh masyarakat India generasi pertama. Metod ini amat memudahkan pengkaji untuk membuat gambaran sistematis tentang penindasan serta membuat

perhubungan antara fenomena yang diselidiki. Metod penelitian analisis kandungan ini didapati sangat membantu untuk menghuraikan makna, perasaan, latar, peristiwa dan watak yang mengalami penindasan kuasa superior British, Jepun dan elit India.

1.7.4 Bahan Kajian

Kajian ini menggunakan tiga buah antologi cerpen yang dihasilkan oleh cerpenis S.Vadiveloo iaitu ‘Valluvarin Kaatali’ (Kekasih Valluvar) yang diterbitkan pada tahun 1964, ‘Irunda Ulagam’ (Dunia Gelap) yang diterbitkan pada tahun 1970 dan ‘Putiya Paatai’ (Jalan Baharu) yang diterbitkan pada tahun 1981. Pilihan antologi ini berasaskan populariti antologi cerpen berkenaan yang dianggap mewakili citra sosial masyarakat India, yang menjadi pekerja di ladang-ladang getah di bawah seliaan kuasa kolonial British, dan golongan elit India, di Malaya. Bahkan, cerpen-cerpen yang dipilih juga dianggap turut mengisahkan penindasan yang dialami oleh masyarakat India yang menjadi buruh paksa projek kereta api maut yang menghubungkan Siam-Burma semasa pendudukan Jepun di Malaya.

Cerpen-cerpen yang dipilih untuk kajian ini ialah ‘Putiya Paatai’ (Jalan Baharu), ‘Serambanil Iruntu Vante Sella’ (Sella Dari Seremban), ‘Thaayum Magalum’(Ibu Dan Anak Perempuan), ‘Kannan Remove Vaguppil Padikkiraan’ (Kannan Belajar Di kelas Peralihan), ‘Muundru Talaimurai’ (Tiga Generasi), ‘Pillai Varam’ (Zuriat), ‘Muthusamy Kilavan’ (Orang Tua Muthusamy), ‘Irattdai Puutdu’ (Dua Biji Mangga), ‘Irandu Kurudigall’ (Dua Orang Pencuri), ‘Irunda Ulagam’ (Dunia Gelap), ‘Karuppiah Kanggani’ (Kanggani Karuppiah), ‘Taayum Maganun’ (Ibu Dan Anak Lelaki), ‘Irandaaeathu Manaiwi’ (Isteri Kedua), ‘Tiruvaalar Sinnakannu’ (Encik Sinnakannu) dan ‘Irandu Tirudargall’ (Dua Orang Pencuri). Selain itu, akhbar Tamil Nesan dan Tamil Murasu turut dijadikan bahan sekunder bagi memperoleh maklumat tambahan tentang cerpen-cerpen karya S.Vadiveloo.

1.7.5 Skop Kajian

Perkara yang menjadi skop kajian isu-isu penindasan yang dilakukan oleh kuasa superior British, Jepun dan India elit terhadap masyarakat India di Malaya. Skop masa adalah zaman penjajahan British, zaman pendudukan Jepun dan zaman pasca kemerdekaan Malaya. Skop tempat bagi kajian ini adalah ladang-ladang getah yang terletak di Tanah Melayu. Skop masyarakat adalah orang-orang India yang dibawa dari negara India sebagai buruh-buruh India murah di bawah sistem kontrak dan sistem kanggani. Dalam kajian ini mereka dirujuk sebagai masyarakat India generasi pertama.

1.7.6 Teknik Pengumpulan Data

Teknik studi pustaka digunakan untuk pengumpulan data dalam cerpen-cerpen yang dipilih. Teknik ini membantu untuk memperoleh bahan penunjang yang berhubungan dengan tajuk kajian.

1.7.7 Teknik Analisis Data

Kajian ini menggunakan teknik reduksi bagi menggolongkan dan membuang bahan yang tidak berkaitan dan tidak perlu. Kajian ini turut menggunakan teknik penarikan kesimpulan dengan tujuan mengumpul hasil analisis bagi mengambil tindakan selanjutnya. Teknik seterusnya ialah penyajian data. Penyajian data dilakukan dalam bentuk rajah.

1.7.8 Pendekatan Teori

Kajian ini telah menggunakan Teori Subaltern (TS) yang diperkenal oleh Antonio Gramsci (1971) dan kemudiannya dimajukan oleh Gayatri Chakraworthy Spivek (1998). Teori Subaltern (TS) diaplikasikan dalam pembacaan teks cerpen bagi mengenalpasti gambaran penulis tentang unsur-unsur penindasan yang dilakukan oleh kuasa superior British, Jepun dan elit India. Huraian lanjut tentang teori ini terdapat dalam bab dua.


1.7.9 Pendekatan Model

Model Pencerminan Lucas (MPL) diperkenalkan oleh Georg Lucas (1971). Model Pencerminan atau Model Peniruan yang dimajukan oleh Lucas mampu melihat kesusasteraan sebagai lambang masyarakat. Lucas memberi gambaran bahawa sesebuah hasil karya kesusasteraan itu mencerminkan realistik sosial yang terdapat di luar kesusasteraan. Beliau menjelaskan bahawa kesusasteraan mengambil fenomena-fenomena sosial yang benar-benar berlaku untuk dijadikan persoalan-persoalannya. Model Peniruan yang dibangunkan oleh Lucas ini menganggap sastera sebagai pengetahuan realiti yang sedia ada di luar kesusasteraan. Model Pencerminan yang dimajukan oleh Lucas Model ini didapati sesuai untuk diaplikasikan dalam kajian ini. Model ini digunakan untuk memastikan gambaran peristiwa peninadasan yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo memiliki unsur-unsur kebenaran. Huraian lanjut tentang model ini terdapat dalam bab dua.

1.7.10 Batasan Kajian


Kajian ini mempunyai batasan daripada aspek pemilihan bahan kajian. Kajian ini hanya berpandukan kepada tiga buah antologi cerpen yang dihasilkan oleh S.Vadiveloo sahaja. Terdapat juga cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh cerpenis yang lain dengan berlatar belakangkan zaman penjajahan.

1.7.11 Kerangka Konseptual



Rajah 1.1 Kerangka Konseptual

1.7.12 Kerangka Teori



Rajah 1.2 Kerangka Teori

1.8 Kajian Literatur

Tinjauan literatur membantu menemui pembolehubah penting yang berkaitan dengan topik, mensintesis dan mendapat perspektif baharu tentang topik yang dikaji, mengenal pasti hubungan antara idea-idea dan amalan mengenai topik yang dikaji, mewujudkan konteks topik atau masalah, memahami struktur subjek dengan idea dan teori kepada aplikasi, mengenal pasti kaedah utama dan teknik penyelidikan yang telah digunakan berkaitan dengan topik kajian. Tinjauan literatur yang dilakukan telah membantu pengkaji untuk menilai secara kritikal dan mensintesis perkara-perkara berkaitan dengan kajian. Antara tajuk yang ditinjau di bawah tajuk ini ialah perbincangan tentang genre cerpen, kajian berkaitan dengan cerpen karya S.Vadiveloo, pasca kolonialisme, sejarah kedatangan masyarakat India ke negara ini, teori Subaltern dan Model Pencerminan Lucas.

Berkaitan dengan penghasilan cerpen ini, Hashim Awang (1985) berpendapat bahawa “penulisan cerpen dilakukan untuk tujuan pelajaran dan hiburan. Disamping bahan kesusasteraan menjadi bahan hiburan, karya tersebut perlu bertanggung jawab memperlihatkan aliran pemikiran sesuatu masyarakat yang hidup pada sesuatu zaman (m.s.13). Sementara itu, Othman Puteh pula memberi pendapat bahawa genre cerpen adalah sejenis sastera kreatif yang menggabungkan fakta dengan imaginasi. Pendapat mereka membuktikan bahawa cerpen adalah suatu dokumen sosial yang sangat berharga. Cerpenis menghasilkan cerpen untuk mencerminkan kehidupan masyarakat semasa dengannya. Dalam membincangkan tentang peranan karyawan yang mencipta kesusasteraan ini, Mana Sikana (1988) berpendapat bahawa:

Sebuah karya sastera tidak hanya ditulis untuk memenuhi rangsangan diri sendiri, tetapi mempunyai tanggung-jawab sosial dan pembangunan tamadun manusia. Penulis perlu menggerakkan segala kemampuannya dengan indera sasteranya untuk melahirkan karya yang bermutu agar sampai ke tangan khalayaknya. Karyawan perlu berusaha

dengan segala bakat dan kecerdikan yang ada bagi mencipta hasil karya yang mempesona dan mengagumkan. (Mana Sikana, 1988, m.s.10).

Berdasarkan pendapat Hashim Awang (1985) dan Mana Sikana (2008) maka dapat disimpulkan bahawa karya sastera dihasilkan bukan semata-mata untuk hiburan sahaja, malah untuk memenuhi tanggungjawab sosial yang lain. Karya yang dihasilkan itu mestilah mencerminkan kehidupan sesuatu masyarakat pada sesuatu peringkat waktu. Selain itu, cerpen adalah suatu alat sosial yang dapat mencerminkan masyarakat sesuatu zaman.

Disamping tinjauan mengenai genre cerpen, tinjauan literatur tentang hasil-hasil kajian paska kolonial dan kajian mengenai teori Subaltern turut dilakukan kerana kajian ini menggunakan teori Subaltern untuk menganalisis cerpen-cerpen karya S.Vadiveloo. Teori Subalter adalah antara teori yang terkandung dalam kajian pasca kolonial. Biasanya teori ini digunakan untuk meninjau sejarah daripada sudut masyarakat bawahan dan bukannya daripada sudut kuasa superior. Sarjana penulisan pasca kolonial yang terkenal, Ashcroft (2002) berpendapat bahawa

Kesusasteraan yang dihasilkan di negara-negara seperti Australia, Bangladesh, Canada, negara-negara Caribbean, India, Malaysia, Malta, New Zealand, Pakistan, Singapura, negara-negara Pasifik Selatan dan Sri Langka tergolong dalam kesusasteraan pasca kolonial.

(Ashcroft, 2002, m.s. 17)

Menurutnya, karyawan di negara-negara bekas penjajahan ini akan menjelaskan kesan-kesan penjajahan dalam karya sastera yang dihasilkan oleh mereka. Beliau turut menyatakan bahawa kolonialisme akan membawa kepada penjajahan sesebuah wilayah. Karya-karya pasca kolonialisme akan mencerminkan segala impak yang berlaku ketika zaman penjajahan dahulu. Impak yang dimaksudkan oleh beliau adalah seperti penindasan dan kezaliman penjajah terhadap kumpulan subordinan.

Berkaitan dengan kolonialisme ini, Walia (2001) menjelaskan bahawa “colonialism is accompanied by exploitation, annexation and conquest. Its hegemonic power rests on creating the binary opposition of self/other, white/black, good/evil, superior/inferior, and so on (m.s.3). Menurutnya, bentuk-bentuk kezaliman yang dilakukan oleh kuasa penjajah adalah seperti penindasan, peminggiran, pendominasian, penguasaan dan sebagainya. Menurutnya, masyarakat yang dizalimi oleh kuasa superior tersebut dikenali sebagai Subaltern. Dalam membincangkan tentang kezaliman kuasa penjajah ini Zainal Kling (2005) berpendapat bahawa:

Kuasa penjajah menzalimi anak-anak tempatan daripada aspek kelas sosial. Kuasa penjajah akan memberi gambaran yang amat buruk tentang manusia peribumi bagi mewajarkan mereka menjajah. Sesuai dengan keperluan ekonomi dan ketenteraan penjajah, maka wilayah asing itu dinamakan semula sebagai petanda penguasaan mereka. Akibatnya berlakulah penyingkiran manusia peribumi dari bumi sendiri sehingga bahasa dan budaya mereka tersingkir dan tersungkur dalam wacana kolonial itu. (Zainal Kling, 2005, m.s.14)

Sehubungan dengan perkara ini, masyarakat berketurunan India yang dibawa ke Malaya juga menerima nasib yang sama. Kuasa kolonial British memperalatkan masyarakat ini demi kepentingan ekonomi mereka. Antonio Gramsci (1971) selaku pelopor teori Subaltern, pernah menyatakan bahawa “golongan Subaltern sering diganggu oleh kumpulan manusia yang berkuasa. Mereka yang dikenali sebagai superior. Kuasa superior ini sentiasa melakukan kezaliman terhadap golongan Subaltern yang berada di bawah penguasaan mereka. Subaltern adalah kumpulan manusia yang ditindas, dipinggirkan, dibisukan, dikuasai, dan didominasi dengan hegemoni dan kuasa undang-undang” (m.s. 55).

Berkaitan dengan pengertian Subaltern ini, Biswas (2009) menyatakan bahawa “Subaltern referred to the subordination in terms of class, caste, gender, race, language and culture” (m.s. 21). Menurutnya, istilah Subaltern merujuk kepada golongan

terpinggir, daripada aspek klas sosial, kasta, gender, ras, bahasa dan budaya. Jika ditinjau secara mendalam, masyarakat India yang dibawa dari India memang menjadi golongan terpinggir di kampong-kampong negara India. Kumpulan manusia ini didominasi oleh tuan-tuan tanah. Kumpulan manusia ini dipandang rendah kerana mereka memiliki klas sosial yang rendah. Biswas (2009) turut menjelaskan bahawa teori Subaltern merupakan suatu teori yang berkembang pesat di rantau asing dan masih baharu di India. Selain itu, teori Subaltern ini akan menjadi penanda aras untuk mengenal pasti golongan manusia yang ditindas oleh kuasa superior.

Loui (2012) yang membincangkan tentang teori Subaltern ini berpendapat bahawa “Spivak proposes a theory of Subalternity in her essay ‘Can the Subaltern Speak?’ . Spivak means the oppressed subjects or more generally those of inferior rank” (m.s.5). Menurutnya, teori Subaltern ini telah dicadangkan oleh Spivek menerusi esei yang bertajuk ‘Can the Subaltern Speak’. Beliau menjelaskan bahawa Subaltern adalah golongan manusia yang memiliki status sosial yang rendah atau ‘inferior rank’. Jika ditinjau daripada kaca mata British, golongan ‘inferior rank’ yang dimaksudkan oleh mereka adalah golongan masyarakat India generasi pertama atau buruh-buruh India murah yang dibawa ke Malaya ketika zaman penjajahan British. Dalam memberi pengertian tentang superior dan inferior, Edward Said (1978) menghuraikan bahawa:

Kuasa superior tersebut sentiasa akan mencuba mendominasikan kuasa inferior. Kuasa barat berusaha menjadikan masyarakat inferior sebagai golongan lemah, bodoh, tidak bertamadun, tidak beradab, aneh dan tidak rasional (Edward Said, 1978, m.s.49)

Spivek (1988) yang membangunkan teori Subaltern ini berpendapat bahawa, “In the context of colonial production, the Subaltern has no history and cannot speak, the Subaltern as female is even more deeply in shadow” (m.s. 271). Menurutnya, dalam konteks kolonialisme, Subaltern merupakan golongan manusia yang tidak mempunyai

latar belakang daripada aspek sejarah, mereka tidak mempunyai ruang untuk bersuara. Dalam hal ini, kaum wanita turut digolongkan sebagai Subaltern. Beliau selaku sarjana yang membangunkan teori Subaltern ini menjelaskan bahawa kaum wanita juga merupakan Subaltern kerana mereka dihalang menerima hak kesamarataan.

Kajian mengenai golongan Subaltern ini banyak dilakukan di India dengan melibatkan aneka bidang. Prakash (1994) menjelaskan bahawa “The term ‘Subaltern’ now appears with growing frequency in studies on Africa, Latin America, and Europe. Subalternist analysis has become a recognizable mode of scholarship in history, literature, and anthropology” (m.s. 1476). Pandangan beliau menguatkan hasrat pengkaji untuk mengisi jurang yang terdapat dalam bidang kesusasteraan Tamil di Malaysia.

Oleh kerana kajian ini melibatkan teori Subaltern dalam karya cerpen, maka tinjauan yang dilakukan mendapati Sohaimi Abdul Aziz (2007) pernah melakukan kajian berdasarkan teori Subaltern dalam cerpen-cerpen Melayu. Dalam rumusan kajian tersebut beliau mengulas bahawa cerpen-cerpen seperti ‘Si Laknat’ yang dikarang oleh Marsli N.O., ‘Candra Luka Dalam Hati’ yang dikarang oleh Arena Wati, ‘Jauhari Si Jebat’ yang dikarang oleh Raihaini Mohd. Saaid dan ‘Mentua Sultan’ yang dikarang oleh Fudzail menunjukkan dua gambaran kehidupan berbeza yang dilalui oleh golongan Subaltern. Menurutnya, golongan Subaltern tersebut memperjuangkan hak dan suara mereka (m.s. 20).

Sementara itu, Mohamad Saleeh Rahamad (2007) juga didapati pernah melakukan kajian berdasarkan teori Subaltern dalam cerpen-cerpen Melayu seperti ‘Sidang Penghuni Rimba’ (Ismas Saring), ‘Koma’ (Nazri Hussein), ‘Namaku Madam Sara’ (Muhd. Mansur Abdullah) dan ‘Mati Bukan Hukuman’ (Aminah Mokhtar) . Dalam rumusannya beliau menjelaskan bahawa “cerpen-cerpen tersebut berada pada aliran arus perdana dan bersifat terkini. Isu yang dibincangkan dalam cerpen-cerpen

tersebut menyentuh mengenai keadilan dan kesaksamaan dengan mengembalikan hak dan suara golongan kerdil atau Subaltern yang sekian lama hidup dalam penindasan” (m.s.23). Berhubung dengan teori Subaltern yang digunakan dalam kajian ini, Mohamad Saleeh Rahamad (2014) berpendapat bahawa:

Persoalan suara Subaltern merupakan topik konseptual yang hangat dibincangkan pada ketika ini. Ini adalah kerana liputannya merangkumi pelbagai bidang kehidupan manusia. Golongan Subaltern ialah manusia yang ditindas, dipinggirkan, dibisukan, dikuasai, dan didominasi dengan hegemoni dan kuasa undang-undang. (Mohamad Saleeh Rahamad, 2014, m.s.39)

Selain itu, Azhar Wahid (2011) didapati melakukan kajian yang bertajuk ‘Hegemoni Intelektual Kolonialisme dalam Novel Melayu’ dengan berlandaskan teori Subaltern. Beliau didapati menganalisis tiga buah novel hasil karya A.Samad Ismail iaitu ‘Tembok Tidak Tinggi’, ‘Patah Sayang Terbang Jua’ dan ‘Kail Panjang Sejengkal’. Dalam rumusan kajiannya, beliau menyatakan bahawa ketika zaman kolonial para wartawan dilayan sebagai Subaltern.

Sementara itu, Abdul Jalil Ramli (2014) didapati menggunakan teori Subaltern dalam kajian kedoktorannya. Dalam rumusannya beliau membincangkan tentang dilema yang dialami oleh golongan terpinggir atau golongan Subaltern. Menurutnya, golongan Subaltern tidak diberi hak dan ruang untuk bersuara kerana mereka berada di bawah kekuasaan golongan elit dan penjajah. Kajian beliau didapati mempunyai persamaan dengan objektif kajian ini. Selain itu, Rosmah Derak (2007), juga didapati menghasilkan kajian yang bertajuk ‘Penulisan Sejarah Dalam Novel Terpilih Faisal Tehrani: Satu Kajian Subaltern’. Dalam kajian tersebut beliau menemui suatu bentuk persamaan yang jelas antara ketiga-tiga novel tersebut. Persamaan tersebut ialah usaha menulis semula sejarah yang berlaku sebagai suatu bentuk penentangan baru golongan yang telah lama terjajah.

Sementara itu, Jeniri Amir (2007) turut didapati melakukan kajian Subaltern yang bertajuk, ‘Jong Chian Lai Menonjolkan Suara Golongan Terpinggir’. Dalam rumusan kajiannya beliau membincangkan bahawa “golongan penulis bukan Melayu telah bertapak kukuh di hati para pembaca terutamanya di negeri Sarawak. Ini adalah kerana kebijaksanaan mereka mengemukakan persoalan mengenai perjuangan golongan yang tertindas atau subaltern yang menjadi tumpuan masyarakat”.

Krishnan (2008) didapati melakukan sebuah kajian berdasarkan teori Subaltern bertajuk “Cerpen-cerpen A.Samad Said dan Suara Kemanusiaan”. Dalam rumusan kajian tersebut beliau menjelaskan bahawa cerpen-cerpen A.Samad Said telah mengetengahkan penindasan yang dilakukan oleh penjajah serta usaha-usaha penjajah yang menutup mulut anak-anak pribumi sehingga menenggelamkan budaya masyarakat tempatan. Menurutnya, A.Samad Ismail telah mengemukakan saranan manusia kecil dan pinggiran menerusi cerpen-cerpen beliau.

Berkaitan dengan kajian Subaltern dalam novel *Interlok*, watak Maniam dalam novel tersebut digambarkan sebagai Subaltern. Dewan Masyarakat (Ogos, 2012) berpendapat bahawa “watak Maniam berada dalam keadaan miskin serta dalam keadaan kesihatan yang buruk. Watak tersebut digambarkan mengalami penyiksaan oleh Sistem Kangani. Selain itu, watak Maniam turut diperas oleh kelompok elit India yang terdiri daripada golongan India sendiri. Sistem kangani yang diperkenalkan oleh British menjadikan orang India sebagai buruh yang hidup sebagai ‘internal colonisation’, yakni mengalami penjajahan dalaman dan akhirnya hidup tanpa harapan untuk melebihi apa-apa yang ada pada mereka” (m.s.12).

Selain tinjauan terhadap kajian yang melibatkan cerpen-cerpen Melayu, tinjauan literatur turut dilakukan terhadap kajian-kajian yang melibatkan cerpen-cerpen Tamil. Hasil tinjauan mendapati bahawa banyak kajian dilakukan hanya berdasarkan kepada

tema, plot, struktur dan isu-isu sosial yang dimuatkan dalam cerpen-cerpen Tamil sahaja. Antara kajian yang ditinjau adalah seperti kajian Kalaivani Palaney (2011) yang membincangkan isu-isu semasa dalam cerpen Tamil terbitan Akhbar Malaysia. Kamachy Chelian (2013) melakukan kajian bertajuk “Stereotaip wanita dalam cerpen-cerpen Tamil Malaysia” manakala Veeramohan Veeraputhran (2008) melakukan kajian bertajuk “Pemaparan Unsur-unsur Ramayana dan Mahabaratha Dalam Cerpen Tamil Malaysia (1957-1987)”.

Walau bagaimanapun, sehingga sekarang tiada sebarang kajian dilakukan di peringkat sarjana atau pun kedoktoran berkaitan dengan antologi cerpen S.Vadiveloo. Subramaniam (1980) pernah menyatakan bahawa “S.Vadiveloo menjelmakan kehidupan sosial masyarakat India yang tinggal di ladang getah dengan begitu nyata sekali. Cerpen-cerpen beliau memiliki keistimewaan tersendiri berbanding dengan antologi cerpen yang dihasilkan oleh penulis-penulis Tamil yang lain” (m.s.20). Kenyataan beliau menjadi rangsangan utama bagi memilih cerpen-cerpen S.Vadiveloo untuk melakukan kajian ini.

Dhandayutham (1981) berpendapat bahawa “cerpen S.Vadiveloo yang bertajuk ‘Muundru Talaimurai’ (Tiga Generasi) dan cerpen ‘Thaayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) yang dihasilkan oleh S.Vadiveloo memaparkan realiti kehidupan masyarakat India yang ditindas oleh pengurusan ladang getah yang dimiliki oleh penjajah British”.(m.s. 8). V.S.Muthaya menjelaskan bahawa:

Cerpen “Doktor Santhosam” (Seorang Doktor yang bernama Santhosam) mengisahkan kehidupan masyarakat orang asli di negara ini. Menurutnya, watak Doktor Santhosam perlu dijadikan contoh dalam memelihara perpaduan kaum di negara ini.
(Muthaya, Tamil Nesan, 17.12.1967)

S.Kamalanathan yang melakukan ulasan tentang cerpen “Taayum Maganum” (Anak Lelaki dan Ibu) dalam akhbar Tamil Malar pada 2.4.1976 menjelaskan bahawa cerpen tersebut menceritakan peristiwa benar yang berlaku ketika zaman pendudukan Jepun. Cerpen “Irandu Tirudargall” (Dua Pencuri) telah menjadi pilihan cerpenis Beer Muhamad untuk menulis ulasan tentang watak dan peristiwa tentang cerpen tersebut. Cerpen tersebut mengisahkan sikap puak kanggani yang menindas golongan pekerja ladang getah ketika zaman pendudukan Jepun di negara ini. Ulasan tersebut diterbitkan oleh akhbar Tamil Malar pada 16.4.1967. Anbananthan (1967) memilih cerpen “Thiruvaalar Sinnakannu” (Encik Sinnakannu) untuk menulis ulasan berkaitan dengan watak dan peristiwa cerpen tersebut dalam akhbar Tamil Malar bertarikh 5.3.1967. Nagappan (1993) yang mengulas tentang tema cerpen “Muthusamy Kilawan” (Orang Tua Muthusamy) menyatakan bahawa:

Watak Muthusamy adalah seorang buruh paksa dan menghabiskan riwayatnya di bumi yang berdarah bukan sahaja menyiksa tulang daging dan urat saraf penduduk Malaya malah jiwanya juga turut disiksa. Orang tua Muthusamy mewakili penduduk Malaya yang tiba-tiba terjerumus ke neraka pendudukan Jepun itu. Di Tanah Melayu, Muthusamy berpisah daripada isteri dan di Thailand dia berpisah daripada anak yang menjadi waris tunggal bagi jurai Muthusamy. Setiap saat menipiskan harapannya untuk bertemu dengan anaknya itu. Hampa sahaja akhirnya. Siksaan lahir batin itu tidak memberi peluang mereka bertemu. Cerpen ini adalah suatu dokumentasi yang agak lengkap yang boleh mengimbangkan peristiwa-peristiwa zaman berdarah itu. Namun unsur seni dalam cerpen tetap dipelihara”.

(Nagappan, 1993, m.s.37)

Selain itu, Kuppusamy (1993) yang membincangkan tentang cerpen-cerpen S.Vadiveloo menyatakan bahawa “cerpen yang bertajuk ‘Irandawathu Manaiwi’ (Isteri Kedua) memaparkan penindasan yang dialami oleh wanita India di negara ini” (m.s. 12). Mengikut pandangannya, cerpen “Thiruvaalar Sinnakannu” (Encik Sinnakannu) juga memaparkan kisah sedih seorang pekerja ladang getah yang tidak mahir bertutur dalam

bahasa Melayu. Manakala cerpen “Irandon Tirudargall” (Dua Pencuri) mencitrakan kisah seorang kanggani yang menipu golongan pekerja ladang getah.

Murugu Subramaniam (1993) berpendapat bahawa “cerpen ‘Irattdai Puutdu’ (Dua biji mangga) karya S.Vadiveloo mengisahkan kehidupan masyarakat India yang dipenuhi dengan kejahanan, penipuan, dan penindasan. Manakala cerpen ‘Irunda Ulagam’ (Dunia Gelap) pula menjelaskan kehidupan masyarakat India sewaktu pendudukan Jepun di Malaya” (m.s. 14). Kirushnan (1993) menjelaskan bahawa “cerpen ‘Taayum Maganum’ (Ibu dan anak lelaki) karya S.Vadiveloo mengisahkan kisah hidup ibu tunggal yang bernama Mangamma. Ibu tersebut hidup bersendirian selepas suaminya dibawa ke Siam secara paksa oleh tentera Jepun” (m.s. 64).

Berkaitan dengan hal ini, Velusamy (1993) berpendapat bahawa “S.Vadiveloo merupakan cerpenis Tamil yang berwibawa di negara ini. Beliau mempunyai minat dan bakat yang mendalam dalam penghasilan cerpen. Ketika beliau menjawat jawatan presiden dalam Persatuan Penulis-penulis Tamil Malaysia, banyak program kesusasteraan telah diatur untuk memelihara kesusasteraan Tamil di negara ini. S.Vadiveloo jatu sakit pada tahun 1986 dan meninggal dunia pada 5 April 1992” (m.s. 74).

Dalam membincangkan tentang S.Vadiveloo, Nagappan (1980) menjelaskan bahawa “S.Vadiveloo menulis cerpen sejak tiga puluh tahun, dan dia dianggap sebagai penulis penting dalam perkembangan cerpen bahasa Tamil. Menurutnya, sejarah perkembangan kesusasteraan Malaysia tetap akan membicarakan mengenai seorang penulis yang boleh dikatakan penulis veteran dan masih produktif. Beliau adalah seorang Guru Besar Sekolah Tamil yang sentiasa kelihatan sibuk kerana tugas rasmi dan baktinya terhadap masyarakat melalui beberapa badan-badan bukan kerajaan. Sudah tiga buah antologi diterbitkan. Di antaranya antologi ini menceritakan era baharu dengan

bentuknya yang luar biasa iaitu antologi bilingual. Penulis yang saya maksudkan yang sentiasa memburu pembaharuan itu ialah Encik S.Vadiveloo” (Majalah Dewan Sastera, 19.12.1980)

Selain mereka, akhbar-akhbar Tamil yang diterbitkan di Malaysia sekitar tahun 60an turut menyiarakan berita-berita mengenai kecemerlangan S.Vadiveloo dalam menghasilkan cerpen-cerpen Tamil yang menawan hati pembaca. Berita tentang kecemerlangan tersebut disiarkan dalam akhbar Thinamani bertarikh 1.11.1981. Akhbar tersebut menghuraikan bahawa “S.Vadiveloo mencitrakan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku dalam kehidupan masyarakat India di negara ini. Masyarakat India perlu merenung kembali tentang kandungan cerpen-cerpen beliau”(m.s.12). Namun, seruan tersebut tidak mendapat sambutan baik. Pada tahun 1993, Nagappan (1993) mengambil inisiatif untuk menerbitkan buku memorial S.Vadiveloo.

Memandangkan keistimewaan yang terkandung dalam penulisan S.Vadiveloo, maka Persatuan Penulis Tamil Malaysia telah menganjur satu seminar kesusasteraan berkaitan dengan isu-isu yang dibincangkan dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo pada 5.3.1976 di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Appar, Kuala Lumpur. Seminar tersebut telah mengangkatkan martabat cerpen-cerpen S.Vadiveloo di dunia kesusasteraan Tamil Malaysia. Antara cerpen S.Vadiveloo yang dikaji dalam seminar tersebut ialah “Serambanil Iruntu Vante Sella” (Sella Yang Datang Dari seremban), “Taayum Magalum” (ibu dan anak perempuan), “Karuppaiyaa Kanggani” (Kanggani Yang Bernama Kanggani), “Irunda Ulagam” (Dunia Gelap), “Irandu Tirudargall” (Dua Pencuri) dan “Taayum Maganum” (Ibu Dan Anak Lelaki).

Sebagai langkah menghargai jasa cerpenis S.Vadiveloo, Maniyarasan (2016) mengambil inisiatif baharu untuk menerbitkan sebuah buku yang berkaitan S.Vadiveloo di India. Buku yang bertajuk “Malaysiawin Sirukatai Sirtpi S.Vadiveloo” (Cerpenis

Tamil Berwibawa S.Vadiveloo) pada tahun 2016 dengan kerjasama Jabatan pengajian India, Universiti Malaya dan Universiti Annamalai, Tamil Nadu, India. Dalam bab buku tersebut Punniawan (2016) selaku cerpenis veteran telah memilih cerpen S.Vadiveloo yang bertajuk “Kannan Remove Vaguppil Padikkiraan” (Kannan Belajar Kelas Peralihan) untuk membeii ulasan tentang cerpen tersebut. Dalam ulasannya beliau menerangkan bahawa:

Cerpen “Kannan Remove Vaguppil Padikkiraan” (Kannan Belajar Kelas Peralihan) mengisahkan masalah yang dialami oleh pelajar-pelajar sekolah Tamil yang menjejak kaki di alam sekolah menengah. Menurutnya masalah yang digambarkan oleh S.Vadiveloo adalah benar. Sebagai kanak-kanak yang membesar di ladang getah, saya sendiri mengalami kesulitan untuk meneruskan pelajaran saya kerana masalah bahasa dan kewangan. Seperti mana watak ibubapa Kannan, Ibu bapa saya turut menerima pendapatan yang rendah di ladang getah milik orang British. (Punniawan, 2017, m.s.55)

Ulasan Punniawan (2017) membuktikan bahawa kandungan cerpen-cerpen S.Vadiveloo yang mengisahkan realiti hidup masyarakat India di negara ini. Sebagai menyokong pendapat berkaitan dengan tema cerpen S.Vadiveloo, Maniyarasan (2015) dalam jurnal SARJANA yang diterbitkan oleh Universiti Malaya menjelaskan bahawa:

S.Vadiveloo memberi suara mewakili golongan subaltern yang dibisukan ini melalui cerpen-cerpen beliau. British tidak mendedahkan kesengsaraan yang dialami oleh golongan pekerja ladang malah membisukan mereka. Sejarah yang ditulis oleh mereka tidak mendedahkan kematian ribuan pekerja ladang ketika meneroka hutan belukar akibat gigitan ular dan serangga. Cerpenis Tamil S. Vadiveloo melaksanakan tanggungjawab sosial beliau dengan membongkarkan peristiwa pilu yang melanda masyarakat ladang getah sewaktu zaman penjajahan British dan Jepun di Malaya.

(Maniyarasan, 2015, m.s.51-52)

Sebagai kesimpulannya, S.Vadiveloo adalah cerpenis Tamil yang terpenting di dunia kesusasteraan Tamil Malaysia. Cerpen-cerpen beliau mengisahkan realiti hidup masyarakat India di negara ini. Sehingga kini hanya tiga buah cerpen karya S.Vadiveloo

telah dialih bahasa ke Bahasa Melayu untuk dijadikan tatapan umum. Namun begitu, sehingga sekarang belum ada sebarang kajian dikendalikan secara akademik terhadap cerpen-cerpen S.Vadiveloo sama ada di peringkat sarjana atau pun kedoktoran. Kajian ini akan dijangka akan mengisi jurang tersebut.

Selain kajian berdasarkan tema dan struktur cerpen Tamil Malaysia, Maniyarasan (2007) didapati telah melakukan kajian bertajuk “Kata-kata Pinjaman Bahasa Melayu Dalam Bahasa Tamil”. Beliau didapati menggunakan teori morfologi Nida dalam kajian sarjana beliau. Selain beliau, Ravindaran Maraya (2012) juga didapati melakukan kajian bertajuk “Penggambaran Citra Wanita Dalam Cerpen Tamil Malaysia” dengan melibatkan teori Arketaipal. Kedua-dua kajian tersebut dilakukan di peringkat sarjana di Universiti Malaya. Maka, dengan ini dapat dibuktikan bahawa terdapat jurang dalam kajian yang berkaitan dengan teori Subaltern dalam kesusastraan Tamil di Malaysia. Sehingga kini tidak ada sebarang kajian dilakukan tentang teori Subaltern dengan melibatkan cerpen atau novel Tamil yang dihasilkan di Malaysia. Inilah kajian pertama yang dilakukan berdasarkan teori Subaltern. Kajian ini didapati akan mengisi jurang tersebut.

Tinjauan literatur turut dilakukan tentang sejarah kedatangan masyarakat India ke Malaya. Ini adalah penting kerana cerpen-cerpen S.Vadiveloo menyentuh tentang kedatangan masyarakat India ke Malaya melalui sistem kanggani. Sehubungan dengan perkara ini, Sandu (2006) menjelaskan bahawa:

Dalam konteks sejarah, British menguasai keseluruhan Tanah Melayu sekitar tahun 1909, British meneroka lebih daripada seribu ekar untuk tujuan pertanian. Mereka mengalami kesukaran untuk mendapatkan tenaga buruh daripada masyarakat tempatan. Oleh itu, British mengalih pandangan mereka terhadap masyarakat India yang tinggal di kawasan kampong-kampong di negara India, terutamanya masyarakat Tamil di India Selatan. Mereka merancang untuk membawa masuk masyarakat India ke negara ini sebagai buruh untuk dikerjakan di kawasan

pertanian tersebut kerana masyarakat Tamil ini senang dikawal dan mudah diurus. (Sandu, 2006, m.s.151)

Menerusi pandangan tersebut, maka dapat dipastikan bahawa pihak British yang membawa masyarakat India ke Malaya. Namun begitu, Ramasamy (1999) mengemukakan pendapat yang berlainan. Menurutnya, ketibaan masyarakat India ke Malaya sudah bermula sejak tahun 1833. Kedatangan mereka bertambah sekitar tahun 1884 ekoran pelaksanaan ‘Indian Imigiration Oridinent’ kerana Sir Frederick Weld mengeluarkan kenyataan bahawa buruh-buruh India senang dikawal oleh British dan mereka sangat sesuai bekerja di ladang-ladang getah yang terletak di Malaya (m.s.11).

Ramasamy (1999) turut menjelaskan bahawa “antara ladang getah yang dikerjakan dengan tenaga kerja masyarakat India ialah Harri Sons&Crosfielf, Bousteed-Buttery, R.E.A-Cumberbatch, Sime Darby, Duff Development, Socfin, dan Dunlop Rubber Company” (m.s.18). Menurutnya, seramai 1,153,770 orang pekerja India telah dibawa masuk ke Malaya dibawah sistem kanggani untuk dijadikan buruh di ladang-ladang getah. Berkaitan dengan pembawaan masyarakat India ke Malaya, R.K.Jain (1970) menjelaskan bahawa “satu pertiga pekerja yang dibawa ke Malaya adalah dari kalangan golongan marginal dari India Selatan manakala kelompok daripada etnik Malayalee dan Ceylonis dibawa untuk menyelia golongan Tamil tersebut”(m.s.290). Manakala, Robert Jackson (1961) dalam ‘Jurnal Selangor’, keluaran 4(1895) pula mencadangkan bahawa “to ensure your independence, work with Javanese and Tamils”(m.s.104). Menurutnya, pemodal British diseru agar menggunakan pekerja-pekerja berbangsa Tamil dari India dan orang Jawa dari Indonesia untuk dikerjakan di ladang-ladang getah yang dimiliki oleh mereka bagi memudahkan segala urusan pentadbiran.

Sehubungan dengan perkara yang sama, setiausaha bagi jawatankuasa kabinet bagi negeri-negeri Tanah Jajahan British Malaya juga pernah mewartakan suatu memorandum pada 21 Disember tahun 1951. Memorandum tersebut menjelaskan bahawa orang Tamil yang dibawa ke Malaya adalah merupakan tenaga kerja yang tidak mempunyai sebarang kemahiran. Orang berbangsa Tamil ini amat sesuai dijadikan sebagai penoreh getah di ladang-ladang getah milik pemodal British (m.s. 239A). Sedutan fakta-fakta sejarah ini membuktikan bahawa pihak British sengaja membawa pekerja kuarang mahir untuk dijadikan hamba di ladang-ladang getah milik pemodal-pemodal British.

Berkaitan dengan tenaga pekerja ini, Karl Marx (1884) dalam ‘The Economic and Philosophic Manuscripts of 1844’, menyatakan bahawa “pekerja bukanlah hamba, malah mereka adalah manusia”(m.s.46). Pemodal British didapati menjadikan pekerja-pekerja India ini sebagai hamba kerana mereka dipaksa berkerja dari pagi hingga petang dengan upah yang paling minima. Spencer (2013) dalam kajiannya menyatakan bahawa:

The Indian working class played an important role within the colonial plantation economic structure. The plantation economy, especially the lucrative rubber industry, was an Indian domain. Without cheap Indian labor, the British would not have been able to enjoy a profitable rubber trade. The British needed Indian labor to begin working in the stalled rubber industry as soon as the war ended. (Patricia Spencer, 2013, m.s. 3)

Kenyataan yang diberikan oleh Patricia Spencer jelas membuktikan bahawa masyarakat India generasi pertama yang dibawa dari Tamil Nadu, India tersebut merupakan tulang belakang kepada kestabilan ekonomi Malaya ketika itu. Menurutnya, masyarakat India memainkan peranan penting dalam sektor perladangan getah. Tanpa sumbangan masyarakat India, British tidak dapat mengalami kemajuan dalam ekonomi mereka. British mendapat keuntungan yang tinggi menerusi pembayaran upah yang

minima kepada pekerja-pekerja ladang getah yang majoritinya terdiri daripada masyarakat India.

Berkaitan dengan hal ini, Guimoto (2013) turut menguatkan pandangan Patricia Spencer (2013) berkaitan dengan migrasi masyarakat India ke Malaya ketika zaman penjajahan. Beliau menjelaskan bahawa migrasi masyarakat India ke Malaya sudah bermula sejak tahun 1926 dan ramai di antaranya adalah etnik Tamil. Mereka ditempatkan di kawasan-kawasan pendalam untuk berkerja sebagai buruh di ladang-ladang getah yang dimiliki oleh pemodal British (m.s. 21). Beliau turut menjelaskan bahawa kesemua pekerja India menerima layanan buruk daripada pemodal British. Buruh-buruh India tersebut menerima upah yang paling rendah berbanding dengan pekerja berbangsa Cina.

Berhubung dengan perkara ini, Amarjit Kaur (1988) menjelaskan bahawa “para pekerja India dibayar upah mengikut jumlah hari berkerja. Pada dasarnya mereka hanya perlu berkerja selama sembilan jam sahaja dalam sehari, tetapi pada hakikatnya mereka berkerja lebih dari jumlah jam” (m.s.93). Menurutnya, masyarakat India yang dibawa dari India telah ditempatkan di ladang-ladang getah milik British tersebut berkerja keras dari subuh hingga petang dengan tujuan untuk memajukan ekonomi British yang menjajah Malaya pada ketika itu. Beliau menjelaskan bahawa para pekerja mengalami penindasan yang teruk daripada aspek sosial dan ekonomi.

Spencer (2013) menyatakan bahawa “Indian labor was solely used for the benefit of metropolitan capitalism” (m.s.30). Menurutnya, masyarakat India digunakan semata-mata untuk manfaat ekonomi pemodal British. Hasil kajian Spencer (2013) sedikit sebanyak telah membantu mengukuhkan hujahan kajian ini tentang penindasan masyarakat India generasi pertama dalam industri perladangan getah oleh kuasa British. Beliau selaku seorang berbangsa Eropah mengakui secara jujurnya bahawa bangsanya

telah menggunakan masyarakat India untuk kepentingan ekonomi bangsa mereka. Dapatan kajian beliau membuktikan bahawa masyarakat India generasi pertama mengalami penindasan yang teruk daripada pihak pemodal British. Ramasamy (1999) menyatakan bahawa “sekitar tahun 1953, pemodal British memiliki 83% dalam sektor perladangan getah” (m.s.18).

Hasil daripada pemerahan tenaga manusia masyarakat India, pihak British mendapat jutaan Sterling Pounds menerusi penjualan getah di pasaran dunia. Michael Stenson (1980) dalam bukunya menerangkan bahawa “memorandum tahun 1948 yang dikeluarkan oleh setiausaha Jawatankuasa Tanah jajahan British yang bertarikh 1 Julai 1948 menunjukkan bahawa nilai eksport getah Tanah Melayu ke England dalam tahun 1947 adalah bernilai 151 million Sterling Pounds” (m.s.116). Menurutnya, keuntungan yang diperoleh oleh British adalah daripada titik peluh masyarakat India di Malaya. Hasil usaha mereka menjadikan British kaya raya di peringkat dunia.

Berkaitan dengan hal ini, Peter Linebaugh and Marcus Rediker (2000) menyatakan bahawa “kejayaan perdagangan British terletak dalam peranan yang dimainkan oleh pekerja-pekerja India yang berada di Malaya” (m.s. 42). Namun, kekelan pekerja imigran di Malaya hanya bergantung kepada harga getah. Akta Pekerja British yang digubal pada tahun 1933 adalah bertujuan untuk memelihara kesejahteraan dan menjaga kebajikan dan keselamatan pekerja yang berkerja di tanah-tanah jajahan British. Akta ini menerangkan bahawa:

The health of workers and their dependants who live on the estates is the responsibility of employers, provisions relating to accommodation, sanitation and health, and hospitals are contained in the Code (Rump Labour Code,1933, m.s. 39).

Walaupun mempunyai akta yang melindungi para pekerja, pemodal British didapati tidak memandang serius tentang kebajikan pekerja India di ladang-ladang

getah. Cerpen-cerpen S.Vadiveloo mengambarkan bahawa masyarakat India banyak ditindas oleh pemodal British daripada aspek kebajikan ini. Berhubung dengan kemudahan kesihatan dan kesejahteraan masyarakat ladang getah ini, Mahalingam (2015) menjelaskan bahawa “water supply was either very much restricted or limited to the plantation’s labour areas and the quality of water was poor. A 1991 Labour department study revealed that water was supplied for limited hours at 634 estates and at a further 184 estates the only source of water was the communal stand pipe. One stand pipe can be shared by as many as 15 households with limited access time each day (m.s 5).

Menurutnya, masyarakat India selaku warga ladang getah yang utama telah mengalami kesukaran untuk mendapatkan bekalan air bersih. Beliau menjelaskan bahawa kajian yang dilakukan oleh Jabatan Buruh tahun 1991 menunjukkan bahawa sebanyak 634 ladang getah masih mengalami masalah bekalan air bersih. Di antaranya 184 ladang getah telah menyediakan bekalan air paip kepada para pekerja tetapi perlu dikongsi oleh 15 buah keluarga. Masalah bekalan air bersih ini masih diidapati berlarutan dari tahun 1930an hingga tahun 90an. Jika keadaan bekalan air berada di paras kritikal pada tahun-tahun 90an, maka sudah tentu masalah ini lebih teruk dalam tahun-tahun 30an.

Selain daripada aspek kebajikan, para pekerja turut ditindas daripada aspek ekonomi. Ramasamy (1999) menjelaskan bahawa “setiap pekerja yang dibawa ke Malaya dipaksa menanggung segala perbelanjaannya. Para pekerja yang menjelak kaki di Malaya memulakan kehidupan mereka dengan beban hutang yang tinggi. Mereka terpaksa berkerja tanpa sebarang upah sehingga 18 bulan sehingga melunaskan hutang perjalanan mereka. Pada awalnya mereka disyaratkan perlu berkerja selama 18 bulan di ladang-

ladang getah kepunyaan British. Kemudiannya jangka masa tersebut dipanjangkan sehingga 24 bulan” (m.s. 21).

Ramasamy (1999) turut menjelaskan bahawa “sekitar tahun 1884, para pekerja India dibayar 12 sen sebagai upah harian. Upah mereka akan dipotong sekiranya melakukan sebarang kesalahan atau kesilapan. Ramai pekerja India mengalami maut dan ramai yang berlari melepaskan diri daripada penindasan tersebut” (m.s.29). Menurutnya, ketika zaman penjajahan British, Malaya menjadi negara pengeluar getah yang terbesar di dunia. Walaupun negara menjadi pengeksport utama getah di dunia, namun golongan pekerja India yang menjadi nadi utama pengeluaran getah tersebut berada dalam keadaan miskin. Golongan ini tidak mendapat sebarang manfaat daripada kekayaan tersebut. Berhubung dengan sikap penjajah yang materialistik ini, Ashcroft (2006) menyatakan bahawa “kuasa superior akan menindas orang-orang Subaltern. Golongan Subaltern menjadi alat dalam aktiviti yang diusahakan oleh kumpulan pemerintah” (m.s.12). Berkaitan dengan sikap British yang menindas masyarakat India ini, Rajeswari (2015) berpendapat bahawa:

Kuasa British menguasai dan mendominasi para pekerja ladang getah untuk kepentingan dan keuntungan mereka. Kuasa tersebut mengamalkan sikap ambivalence dalam kalangan orang India dimana puak kerani dan kanggani diberi layanan istimewa berbanding dengan buruh yang menorah getah. Buruh adalah kumpulan sosial yang memiliki darjah sosial yang rendah. (Rajeswari, 2015, m.s. 48)

Menerusi pandangan ini, maka dapat dipastikan bahawa British bersikap talam dua muka ketika mengurus masyarakat India di ladang-ladang getah. Penindasan British lebih terpancar ketika harga getah menurun di pasaran dunia. Para pekerja India mengalami situasi yang tidak terjamin ketika harga getah menurun. Mereka berhadapan dengan risiko penghantaran balik ke negara India sewaktu harga getah jatuh di pasaran dunia. Berkaitan dengan hal ini, Amarjit Kaur (1988) menghuraikan bahawa:

Poor wages was the number one concern for Indian laborers. Because their wages were tied to the demand for rubber, the Indian working class was unable to depend on a steady income. Labor regulations prior to the war allowed for labor to be repatriated during down times and increased during peak times. (Amarjit Kaur, 1988, m.s. 96)

Selain daripada aspek sosioal, kuasa British didapati turut menindas para pekerja daripada aspek kemanusiaan. Kondapi (1951) menjelaskan bahawa “masyarakat India sudah terperangkap di bawah kekuasaan British. Kuasa tersebut menggunakan kesempatan yang ada untuk menganiaya masyarakat India yang berkerja di ladang-ladang getah. Kuasa tersebut melepaskan tangan pekerja-pekerja ladang getah ketika kuasa Jepun menyerang Malaya. Ini adalah suatu tindakan yang tidak berperikemanusiaan” (m.s.210). Perkara tidak berperikemanusiaan ini telah dibincangkan dalam cerpen ‘Irunda Ulagam’(Dunia Gelap) yang dikarya oleh S.Vadiveloo.

Dalam membincangkan isu tidak berperikemanusiaan ini, Kratoska (1998) menyatakan bahawa “pihak British memusnahkan jambatan-jambatan yang terdapat di Malaya dengan bertujuan menyekat kemaraan tentera Jepun. Pihak British memusnahkan sejumlah lima puluh jambatan di selangor” (m.s 49). Perbuatan ini menjadikan masyarakat India tersangkut di kawasan ladang getah dan tidak dapat melarikan diri daripada kekejaman Jepun. Isu ini turut dicitrakan oleh S.Vadiveloo dalam “Muthusamy Kilavan” (Orang Tua Muthusamy).

Dalam membincangkan tentang pendudukan Jepun di Malaya, Abu Talib Ahmad (2000) menghuraikan bahawa “buruh-buruh paksa yang terperangkap dalam genggaman Jepun dipaksa berkerja sebagai mesin. Beliau mengulas bahawa pembinaan landasan keretapi maut ini menghubungkan Siam dan Burma. Pembinaan ini melibatkan seramai 250,000 orang buruh paksa dan di antaranya 60,000 orang buruh paksa adalah dibawa dari Malaya. Mereka terdiri daripada orang Melayu, Cina dan India. Pembinaan

landasan keretapi sejauh 450 kilometer tersebut bermula pada akhir tahun 1942 dan awal tahun 1943” (m.s.54).

Cerpen S.Vadiveloo yang bertajuk “Irunda Ulagam” (Dunia Gelap) turut mencitrakan kezaliman Jepun ini dengan lebih dekat lagi. Berkaitan dengan buruh paksa ini, Pui Huan dan Diana Wong (2000) menghuraikan bahawa “seramai 3000 orang dijadikan buruh paksa di lapangan terbang yang dibina di Kuala Pilah” (m.s. 57). Menurutnya, masyarakat India dari kawasan sekitar dieksplorasi untuk membangunkan lapangan terbang tersebut. S.Vadiveloo dalam cerpen “Taayum Maganum” (Ibu dan Anak Lelaki) menggambarkan peristiwa sejarah ini dengan begitu teliti sekali.

Selain penindasan daripada aspek kerahan tenaga manusia, masyarakat tempatan turut mengalami kekurangan bekalan beras ketika zaman pendudukan Jepun di Malaya. Ahmad Ali Seman (2016) menjelaskan bahawa “ketika tentera Jepun menakluki Malaya, stok beras yang ada di Malaya hanya mencukupi untuk satu tahun sahaja” (m.s. 6). Peristiwa sedih ini telah dimuatkan oleh S.Vadiveloo dalam cerpen “Muthusamy Kilavan” (Orang Tua Muthusamy). Menurut Ahmad Ali Seman (2016):

Kekurangan beras berlaku kerana Jepun yang menghantar beras tersebut ke negara mereka. Selain itu, bekalan beras terputus apabila perang dunia berlaku. Beras yang diimport dari Siam dan Burma tidak sampai ke Malaya. Ini adalah kerana semua bahan yang dihantar ke Malaya menerusi kapal-kapal muatan telah dirampas oleh Jepun demi untuk menyelamatkan tenteranya daripada mati kelaparan. Memandangkan adanya amalan catuan beras, maka penduduk tempatan mengambil alternatif untuk menjadikan ubi kayu sebagai pengganti beras. (Ahmad Ali Seman, 2016, m.s. 6)

Cerpen-cerpen S.Vadiveloo membincangkan masalah catuan beras dan tindakan mamakan ubi kayu dalam cerpen-cerpen beliau dengan jelas sekali. Realiti kehidupan masyarakat India serta kaum-kaum yang lain lebih terpancar dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo. Cerpen beliau turut memaparkan kisah zaman Jepun yang dipenuhi dengan

inflasi kerana Jepun mengeluarkan mata wang pokok pisang tanpa sebarang kawalan. Penduduk tempatan mengalami kekurangan bekalan barang-barang keperluan seperti beras dan garam. Kebanyakan penduduk terpaksa menanam ubi kayu, keladi dan keledek bagi menggantikan beras. Perang Siam dan Burma menghalang pengimportan beras. Ramai terkorban akibat kekurangan makanan. Taraf kesihatan juga merosot akibat merebaknya penyakit seperti beri-beri, taun dan malaria. Peristiwa ini turut dimuatkan dalam cerpen “Irunda Ulagam” (Dunia Gelap). Berhubung dengan tindakan tentera Jepun yang menangkap orang-orang tempatan sebagai buruh paksa untuk dikerjakan di Siam, Lim Pui Huan dan Diana Wong (2000) menerangkan bahawa:

Kem-kem penempatan buruh-buruh paksa di negara Siam memang tidak selamat untuk diduduki oleh pekerja. Selain itu, jenis pekerjaan yang dilakukan oleh buruh-buruh paksa juga amat membahayakan nyawa. Menurutnya, buruh paksa yang menghidapi penyakit akan dirawat dengan cara perubatan tradisional. Pesakit yang tidak dapat diubati pula akan dibiarkan mati begitu sahaja. (Lim Pui Huan & Diana Wong, 2000, m.s.56)

S.Vadiveloo didapati mencitrakan peristiwa sedih ini dalam cerpen yang bertajuk “Irunda Ulagam” (Dunia Gelap). Lim Pui Huan dan Diana Wong (2000) turut menjelaskan bahawa “buruh-buruh paksa akan berkumpul di tempat di tapak pekerjaan pada pukul 6.00 pagi manakala mereka akan bermula berkerja pada pukul 7.00 pagi. Mereka akan diberi rehat selama 30 minit dan akan disambung semula. Kemudian mereka akan diberi rehat satu jam pada pukul 1 petang untuk makan tengah hari” (m.s.56). Mereka menjelaskan bahawa, zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu membawa kepada penyeksaan, penderitaan, kebuluran, ketakutan dan pengangguran dalam kalangan masyarakat tempatan.

Peristiwa bersejarah ini diselitkan dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo seperti “Muthusamy Kilavan” (Orang Tua Muthusamy) dan “Irunda Ulagam” (Dunia

Gelap). Berkaitan dengan isu penindasan masyarakat India oleh kuasa British dan tentera Jepun ini, Krishnan (1996) menyatakan bahawa:

S.Vadiveloo membuat pengamatan yang terperinci tentang penindasan yang dialami oleh masyarakat India di ladang getah. Beliau menerangkan bahawa S.Vadiveloo pernah membincarakan persoalan kehidupan pekerja ladang getah bukan sahaja daripada sudut kejadian malah juga daripada sudut kepercayaan, amalan, pengubahsuaian budaya dan pemikiran. Menurutnya, cerpen-cerpen S.Vadiveloo dianggap sebagai sebuah catatan dokumentasi soial yang menceritakan sejarah masyarakat India yang tinggal di ladang-ladang getah getah. Beliau berpendapat bahawa cerpen-cerpen S.Vadiveloo disambut baik oleh pihak akhbar serta para pembaca. (Krishnan, 1996, m.s. 98)

Berkaitan dengan penulisan S.Vadiveloo ini, Dhandayutham (1980) turut menggariskan bahawa perhatian penulis-penulis cerpen Tamil ketika zaman penjajahan dan pasca penjajahan lebih menjurus kepada masyarakat India yang tinggal di ladang-ladang getah. Menurutnya “penulis memilih tema sosioekonomi dan budaya masyarakat India di ladang getah bagi menghasilkan cerpen mereka. Cerpen-cerpen S.Vadiveloo menguatkan perbincangan mengenai kehidupan masyarakat India di ladang getah.(m.s.98).

Sehubungan dengan perkara ini, Subramaniam (1980) berpendapat bahawa kebanyakan cerpen yang dihasilkan oleh S.Vadiveloo ketika zaman pra dan pasca kemerdekaan mengisahkan kehidupan masyarakat Tamil dan isu-isu sosial yang melanda mereka di negara ini.(m.s. 20). Dalam membincangkan tentang hal ini Dhandayutham (1980) turut menyatakan bahawa:

Antara isu yang dibincangkan dalam cerpen-cerpen penulis tempatan pada akhir abad ke-19 adalah seperti isu-isu tentang struktur keluarga masyarakat India di ladang getah, pemikiran masyarakat India di ladang getah, status pendidikan masyarakat India di ladang getah, masalah kewarganegaraan yang dialami oleh masyarakat India, isu-isu penindasan pihak majikan, kerani dan kanggani, amalan sosiobudaya, kepercayaan dan agama, pengaruh kasta, kepercayaan dan amalan karut serta isu minuman keras

dalam keluarga dan masyarakat India. (Dhandayutham, 1980, m.s. 99).

Karthigesu (1993) berpendapat bahawa “S.Vadiveloo adalah penulis yang berjiwa masyarakat India. S.Vadiveloo pernah menghasilkan cerpen-cerpen yang membincangkan isu-isu yang melanda masyarakat India ketika tahun 50an dan 60an (m.s.11). Menurutnya, S.Vadiveloo banyak membincangkan tentang isu-isu pekerja ladang getah dalam cerpen-cerpen beliau. Antaranya adalah tentang kelompok India elit yang menetap di ladang-ladang getah. Beliau menjelaskan bahawa kelompok India elit ini memiliki latar belakang pendidikan dalam aliran bahasa Inggeris. Ramai di antaranya adalah golongan profesional yang memegang jawatan penting dalam pentadbiran kerajaan. Berkaitan dengan kelompok elit India ini, Maniyarasan (2015) menjelaskan bahawa:

Anak-anak kerani, guru dan pembantu perubatan dihantar ke sekolah kebangsaan yang terdapat di kawasan bandar. Mereka mempunyai lebih banyak peluang dalam bidang pendidikan berbanding dengan anak-anak pekerja ladang getah. Pembinaan rumah pekerja berjauhan sama ada dari bandar atau jalan utama menjadi halangan utama kepada anak-anak pekerja ladang getah yang meneruskan pengajian di peringkat menengah atau kolej. Faktor jarak dan pengangkutan ini menjadi penghalang utama dalam pembangunan pendidikan anak-anak pekerja ladang getah. Pengurusan ladang gagal dalam menyediakan kemudahan bas sekolah untuk anak-anak pekerja ladang yang ingin belajar di sekolah-sekolah menengah yang terletak di bandar. (Maniyarasan, 2015, m.s.48)

Perkara ini telah dibincangkan oleh S.Vadiveloo dalam cerpen “Kannan Remove Vaguppil Padikkiraan” (Kannan Belajar Di Kelas Peralihan) dan “Putiya Paatai” (Jalan Baru). Berhubung dengan tema penulisan cerpen-cerpen S.Vadiveloo ini, Krishnan (1996) mengulas bahawa:

Keberanian S.Vadiveloo menjadi sebagai titik tolak kepada perkembangan aliran cerpen Tamil yang radikal pada tahun 1970an dan tahun-tahun seterusnya. Beliau merumuskan bahawa S.Vadiveloo berjaya menghasilkan cerpen-cerpen

yang berlatar belakangkan zaman penjajahan British dan Jepun dengan terbaik sekali. Mengikutnya, S.Vadiveloo bukan sahaja merakamkan sejarah kehidupan masyarakat India di ladang getah malah mengutarakan ratapan pekerja-pekerja ladang getah yang serba kekurangan.(Krishnan, 1996, m.s. 98)

Menerusi pandangan-pandangan ini dapat dibuktikan bahawa cerpen-cerpen S.Vadiveloo banyak mencerminkan realiti kehidupan masyarakat India yang disiksa di ladang-ladang getah. Berkaitan dengan hal ini, Abrams (1953) dalam buku “The Mirror and The Lamp: Romantic theory and Critical Tradition” menghuraikan bahawa “sesuatu karya sastera terhasil berdasarkan peniruan yang terdapat dalam amalan manusia. Menurutnya, kesusasteraan adalah tragedi memetik. Beliau berpendapat bahawa ini adalah pandangan Plato dan Aristotle. Pandangan ini kemudiannya berkembang menjadi sebagai teori pragmatik dan seterusnya melahirkan teori kritikan sastera yang digunakan oleh para penyelidik kesusasteraan (m.s. 28).

Pandangan Abrams (1953) ini menguatkan tujuan kajian ini kerana cerpen-cerpen S.Vadiveloo dihasilkan dengan melibatkan unsur-unsur sejarah dan realiti kehidupan masyarakat India di Malaysia. Gomathy (2006) turut mengulas bahawa:

Considering a whole work of art, there are four elements which are well distinguished and made important in almost all the theories. First, there is the work, the artistic product itself. Since this is a human product, the next common element is the artist. The work is directly or indirectly related to the universe inclusive of man, material things, events and ideas. The audiences come as the final element. (Gomathy, 2006, m.s.5)

Menurut Gomathy (2006), Abrams cuba menghubung kaitkan pertalian antara penghasilan sastera, penulis dan pembaca. Beliau menyatakan bahawa, Abrams berjaya menjelaskan perhubungan antara kesusasteraan dengan penghasil kesusasteraan tersebut. Dalam membincangkan hal yang sama, Kennedy (1987) turut memberi dapatan bahawa “sesuatu karya sastera terhasil berdasarkan peniruan yang terdapat dalam amalan

manusia. Beliau menghuraikan bahawa kesusasteraan adalah tragedi memetik. Beliau mengulas bahawa istilah ‘memetik’ merupakan istilah pinjaman daripada bahasa Greek yang berbunyi sebagai ‘mim-e-sis’. Mengikut pengertian Bahasa Greek, ‘mim-e-sis’ membawa maksud pencerminan atau peniruan” (m.s. 97).

Berkaitan dengan memetik ini, Potolsky (2006) menghuraikan bahawa “mimetic approach is finding the similarities between the works and reality. It can be concluded that mimetic can be imitate all of the part of life of community and place that is described in art or literary work (m.s.1). Menurutnya pendekatan memetik ini sangat membantu untuk mengenal pasti unsur-unsur realistik yang terkandung dalam karya sastera. Beliau menghuraikan bahawa pendekatan memetik ini boleh dilakukan dalam semua lapangan kehidupan manusia. Selain itu, pendekatan memetik ini juga dapat digunakan untuk menentukan kemiripan di antara rakaman kesusasteraan dengan realiti sebenar. Berkaitan dengan memetik ini, Mana Sikana (1998) berpendapat bahawa

Marxisme melihat sesuatu hasil kesusasteraan itu mengikut lima jenis model. Menurutnya, model-model tersebut adalah seperti sama ada Model Pencerminan atau Model Peniruan, Model Penerbitan, Model Pengetahuan Negatif, Model Genetik dan Model Berpusatkan Bahasa.(Mana Sikana, 1998, m.s.275).

Menurutnya, sama ada Model Pencerminan atau Model Peniruan yang dimajukan oleh Lucas mampu melihat kesusasteraan sebagai lambang masyarakat. Menurutnya, Lucas memberi gambaran bahawa sesebuah hasil karya kesusasteraan itu mencerminkan realistik sosial yang terdapat di luar kesusasteraan. Beliau menjelaskan bahawa kesusasteraan mengambil fenomena-fenomena sosial yang benar-benar berlaku untuk dijadikan persoalan-persoalannya. Model Peniruan yang dibangunkan oleh Lucas ini menganggap sastera sebagai pengetahuan realiti yang sedia ada di luar kesusasteraan.

Realiti tersebut mempunyai bentuk yang disifatkan sebagai keseluruhan dialektik. Bagi meneliti realiti dalam kesusasteraan, kita perlu mengkaji karya penulis yang bersifat kreatif. Lucas berpendapat bahawa isi kandungan kesusasteraan dimanifestasikan dengan ciri teknik. Kreativiti penulis dikongkong oleh bentuk-bentuk estetika sastera. Kongkongan yang dimaksudkan adalah jalinan naratif yang terdapat dalam sesuatu kesusasteraan, watak dan sebagainya. Model Pencerminan yang dimajukan oleh Lucas Model ini didapati sesuai untuk diaplikasikan dalam kajian ini.

Secara keseluruhannya, tinjauan literatur ini dilakukan tentang genre cerpan dengan menyelitkan pandangan-pandangan sarjana tempatan dan luar negara. Selain itu, tinjauan literatur tentang kolonialisme dan kesan-kesan kolonialisme telah dilakukan berdasarkan pandangan sarjana-sarjana tempatan dan luar negara. Tinjauan khusus dilakukan tentang cerpen-cerpen S.Vadiveloo serta unsur-unsur realiti yang terkandung dalamnya. Disamping itu, tinjauan literatur tentang teori Subaltern dan Model Pencerminan Lucas turut dilakukan berdasarkan pandangan sarjana-sarjana yang berkaitan dengan jurusan-jurusan tersebut.

1.9 Definisi istilah

Terdapat dua istilah yang perlu diberi penerangan di bahagian ini. Ianya adalah ‘Subaltern’ dan ‘Penindasan’.

1.9.1 Subaltern

Subaltern ialah pegawai tentera yang bertauliah dan pangkatnya lebih rendah daripada kapten. Namun menurut pengertian pasca kolonialise, Subaltern adalah golongan manusia yang terpinggir kerana faktur kelas, gender, ras, bahasa dan budaya. Subaltern ialah golongan yang dipandang rendah atau golongan bawahan dalam hieraki sesuatu kumpulan masyarakat. Antaranya ialah buruh, pekerja seks, gay, lelaki lembut,

golongan miskin dan wanita. Istilah Subaltern yang digunakan dalam kajian ini membawa maksud orang bawahan, terpinggir atau kumpulan manusia yang berstatus rendah.

1.9.2 Penindasan

Manakala penindasan dapat dierangkan sebagai perihal menindih, penghimpitan, dan penekanan. Menghimpit membawa makna menekan dengan kuat atau membuat dengan sekehendak hati atau dengan kejam. Makna yang lain adalah memeras, memperkuda, dan menganiaya. Subalternisasi ialah suatu perbuatan atau kezaliman yang dilakukan oleh kuasa superior terhadap golongan inferior. Golongan inferior yang dikenali sebagai Subaltern ini tidak berani membantah segara arahan, suruhan atau permintaan kuasa superior ini. Golongan terpinggir ini akan menurut segala permintaan kuasa superior. Kuasa superior ini menegakkan kuasa mereka dengan cara menekan, mendominasi, meminggir serta menindas kumpulan manusia yang tidak mempunyai akses untuk bersuara ini. Segala perbuatan ini digolongkan sebagai penindasan.

1.10 Pembahagian Bab

Tesis ini meliputi enam bab. Kandungan bab satu meliputi pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, metodologi kajian yang merangkumi reka bentuk kajian, pendekatan kajian, bahan kajian, prosedur kajian, kaedah analisis data, pendekatan teori dan model, skop dan batasan kajian, kerangka kajian, kerangka teori, kajian literatur, definisi istilah dan pembahagian bab. Manakala Bab kedua pula menghuraikan landasan Teori Subaltern dan Model Pencerminan Lucas. Bab ketiga akan menghuraikan tentang perkembangan cerpen Tamil di Malaysia serta penglibatan S.Vadiveloo dalam dunia kesusasteraan Tamil di Malaysia. Bab empat merupakan jawapan kepada persoalan kajian yang kedua. Bab ini bermula dengan huraian berkaitan penindasan kuasa superior British, Jepun dan

kelompok elit India. Watak-watak masyarakat India generasi pertama yang ditindas oleh kuasa superior akan diuraikan mengikut pendekatan Teori Subaltern. Peristiwa-peristiwa penindasan masyarakat India yang dicerminkan dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo telah dipastikan realitinya menerusi Model Pencerminan Lucas. Penindasan yang dialami oleh masyarakat India ini diteliti mengikut aspek kebajikan, kesihatan, keselamatan, pendidikan, pemikiran dan keagamaan. Bab kelima merupakan jawapan kepada persoalan kajian yang ketiga. Bab ini meneliti penindasan yang dialami oleh wanita-wanita India yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo. Bab ini menjawab persoalan kajian yang ketiga. Penindasan yang dialami oleh wanita-wanita India diuraikan mengikut aspek sosial dan budaya. Peristiwa-peristiwa penindasan kaum wanita India diteliti mengikut Teori Subaltern manakala realiti penindasannya dipastikan menerusi Model Pencerminan Lucas. Bab enam merupakan kesimpulan bagi kajian ini.

1.11 Rumusan

Bab pertama merupakan ringkasan bagi keseluruhan kajian ini. Bab ini telah menghuraikan latar belakang kajian dan pernyataan masalah kajian ini. Kajian ini dilakukan berdasarkan empat objektif. Objektif-objektif tersebut telah dicapai dengan adanya bentuk kajian, bahan kajian, instrumen kajian, pendekatan kajian, skop dan batasan kajian, kerangka teori dan kerangka konsep kajian dan kajian literatur. Bab ini berjaya meninjau kajian-kajian lepas tentang genre cerpen, kajian berkaitan cerpen-cerpen Tamil, kajian berkaitan dengan teori Subaltern yang melibatkan genre cerpen, pasca kolonialisme dan tinjauan mengenai kedatangan masyarakat India ke Malaya. Perbincangan dalam bab ini dipercayai telah memberi gambaran menyeluruh tentang kajian ini.

BAB 2

KONSEP, TEORI DAN MODEL

2.1 Pengenalan

Bab ini mengandungi tiga bahagian, iaitu penerangan tentang konsep Subaltern, Teori Subaltern (TS) dan Model Pencerminan Lucas (MPL). Penerangan ini diberikan berdasarkan pandangan sarjana yang bergiat dalam bidang pasca kolonial.

Biswas (2009) mendefinisikan Subaltern sebagai kumpulan manusia subordinat daripada aspek kelas sosial, kasta, gender, ras, bahasa dan budaya (m.s.200). Pada awalnya, pemikiran tentang golongan Subaltern ini terdapat dalam penulisan Gramsci yang bertajuk Notebook 3 dan 14. Gramsci (1929), menggunakan istilah Subaltern ini untuk merujuk anggota tentera seperti askar dan konstabel tetapi dalam eseи-eseи yang seterusnya Gramsci menggunakan istilah tersebut untuk merujuk kepada golongan masyarakat sub ordinan atau golongan manusia bawahan. Berhubung dengan perkara ini, Marcus Green (2002) mengulas bahawa “Gramsci menggunakan konsep Subaltern untuk merujuk kumpulan manusia sub ordinan atau manusia yang berada dalam kelas sosial yang rendah” (m.s.2).

Louai (2011) menerangkan bahawa “Subaltern ialah sekumpulan manusia yang memiliki darjah sosial yang rendah. Kumpulan manusia ini mengalami penindasan daripada aspek dominasi oleh kumpulan hegemoni atau pemerintah elit. Kumpulan ini dipinggirkan daripada mendapat hak asasi yang sepatutnya dirasai bersama” (m.s.6). Menurutnya, Subaltern ini terbentuk daripada berbezaan yang terdapat dalam kalangan lapisan masyarakat. Ranajit Guha (1982) menjelaskan bahawa “Subaltern terbentuk kerana terdapat perbezaan daripada aspek kelas, kasta, umur, gender, pekerjaan dan lain-lain lambang dalam kalangan sesebuah kumpulan manusia” (m.s.8).

Mohamad Saleeh Rahamad (2014) menerangkan bahawa “kesedaran untuk mengapungkan suara golongan bawahan ini secara teoretikal dicetuskan oleh Antonio Gramsci (1891-1937), tokoh intelektual Marxis Itali yang dipenjarakan oleh Mussolini ini mempopularkan konsep Subaltern dalam notanya yang bertajuk Prison Notebooks. Nota tersebut dikatakan ditulis semasa beliau berada di dalam penjara. Subaltern meraikan sejarah yang ditulis daripada bawah atau a history told from below” (m.s. 37).

Edward Said (1996) menjelaskan bahawa istilah Subaltern pada awalnya digunakan oleh Antonio Gramsci menerusi buku Prison Notebook yang ditulis sekitar tahun 1929 dan 1935. Beliau menggunakan istilah Subaltern untuk merujuk golongan manusia yang ditindas oleh kuasa pemerintah.(m.s.49). Menurutnya, “kuasa penajah menganggap kumpulan manusia timur sebagai kumpulan ‘other’ dan juga sebagai kumpulan manusia ‘inferior’. Mereka menganggap dirinya sebagai ‘superior’ manakala masyarakat Asia sebagai ‘inferior’. Kuasa Barat menganggap masyarakat Timur sebagai manusia yang lemah, bodoh, tidak bertamadun, tidak beradab, aneh dan tidak rasional” (m.s.49).

Berdasarkan pendapat Antonio Gramsci (1929), Ranajit Guha (1982), Edward Said (1996), Marcus Green (2002), Amrita Biswas (2009), Louai (2011), dan Mohamad Saleeh Rahamad (2014) dapat disimpulkan bahawa Subaltern adalah individu atau kumpulan manusia yang tidak memiliki status sosial yang tinggi. Mereka ditindas dasi aspek politik, sosial dan ekonomi oleh kuasa superior yang menjadi pemerintah.

2.2 Konsep Subaltern

Pada awalnya konsep Subaltern ini telah diperkenalkan oleh Antonio Gramsci sekitar tahun 1929. Pemikiran Gramsci kemudiannya dimajukan sebagai teori oleh Gayatri Chakravorty Spivak pada tahun 1988. Spivek (1988) berpendapat bahawa “Subaltern adalah golongan yang tidak mempunyai latar belakang daripada aspek sejarah dan mereka tidak mempunyai ruang untuk bersuara. Dalam hal ini, kaum wanita turut digolongkan sebagai Subaltern” (m.s.27). Menurutnya, kaum wanita juga merupakan golongan Subaltern.

Berkaitan dengan konsep Subaltern ini, Mohamad Saleeh Rahamad (2014) berpendapat bahawa “persoalan Subaltern merupakan topik konseptual yang hangat dibincangkan pada ketika ini. Perkara ini hangat dibincangkan kerana liputannya merangkumi pelbagai bidang kehidupan manusia. Menurutnya, golongan Subaltern ialah manusia yang ditindas, dipinggirkan, dibisukan, dikuasai, dan didominasi oleh hegemoni dan kuasa undang-undang. Beliau menjelaskan bahawa manusia yang tergolong dalam Subaltern ini sentiasa mencari ruang untuk meluahkan keresahan dan keinginan mereka demi menjaga kedudukan mereka setara dengan pihak yang berkuasa (m.s.33).


Chakrabarty (2000) pula berpendapat bahawa “sekitar tahun 70an, konsep Subaltern menjadi lebih luas lagi. Ianya bukan sahaja merujuk kepada orang yang berkedudukan di bawah atau golongan terpinggir atau manusia kecil yang tidak berkuasa sahaja malah berkembang merujuk kepada kumpulan masyarakat daripada etnik yang kecil, masyarakat tempatan, kanak-kanak, orang tua yang uzur, kumpulan gay, dan kumpulan lesbian” (m.s.97).

Mhlahlo (2012) pula berpendapat bahawa “Subaltern adalah sekumpulan manusia yang mengalami penindasan oleh kuasa hegemoni. Subaltern dilarang atau dihalang untuk menerima hak sama rata atau status sosial yang sama seperti mana dialami oleh golongan elit. Subaltern turut ditegah dalam rakaman-rakaman sejarah, bahasa dan budaya” (m.s.12). Shamsul Amri Baharuddin (2013) pula menyatakan bahawa “Subaltern ialah kelompok masyarakat yang tertindas dan miskin, mereka daripada golongan kelas pekerja dan kelas bawahan, daripada kasta Dalit dan termasuk juga mereka yang tewas dalam perjuangan hidup terpinggir” (m.s.7). Menurutnya, kelompok manusia yang tertindas dan terpinggir ini sentiasa mencari ruang untuk meluahkan keresahan dan keinginan mereka.

Berkaitan dengan hal ini, Zainal Kling (2005) berpendapat bahawa “golongan yang berkuasa seperti kolonial atau elit peribumi menulis sejarah tentang golongan bawahan. Penulisan tersebut menjadi kurang sempurna kerana penulis memencarkan sumbangan golongan bawahan dalam perjuangan kemerdekaan tersebut. Suara-suara golongan terpencil tersebut telah dinafikan atau dibisukan. Akibatnya, golongan yang terpinggir ini terlindung oleh aktiviti golongan berkuasa. Pada akhirnya, kewujudan dan sumbangan golongan bawahan tidak muncul di permukaan akademia. Menurutnya, penindasan atau eksloitasi yang dilakukan oleh kuasa kolonial dan elit peribumi ini merupakan gejala paling buruk dalam dunia imperialisme” (m.s.14).

Homi Bhaba (1994) berpendapat bahawa “the Subaltern perhaps does not exist anymore in a postmodern capitalistic world where everything seems to move freely in that, third space of liminality, ambivalence and mimicry” (m.s. 8). Menurut Homi Baba, subalternisasi ini wujud dalam dunia pasca kapitalisme. Penindasan tersebut terpancar menerusi sikap liminality, ambivalence dan mimicry yang terdapat dalam kalangan penduduk dijajah.

Maka, dengan ini dapat dirumuskan bahawa Subaltern adalah suatu konsep yang menjelaskan perbuatan menindas atau penindasan yang dialami oleh sekumpulan manusia yang didominasi oleh kuasa hegemoni yang mempunyai kuasa. Subaltern merupakan individu atau kumpulan manusia yang memiliki klas sosial yang rendah. Golongan ini bukan sahaja ditindas oleh kuasa superior, malah turut ditindas oleh golongan elit yang dianggotai oleh kaum mereka sendiri. Masyarakat Subaltern ini sentiasa akan mencari ruang untuk meluahkan keresahan dan keinginan mereka demi menjaga kedudukan mereka setara dengan pihak yang berkuasa. Rajah di bawah menerangkan konsep subaltern yang dibincangkan dalam bab ini.



2.3 Teori Subaltern

Ashcroft (1955) berpendapat bahawa “Teori Subaltern sangat sesuai untuk kajian yang berkaitan dengan kebudayaan, agama, etnik dan bahasa” (m.s.2). Menurutnya, teori Subaltern sesuai digunakan untuk mendengarkan suara masyarakat terpinggir yang tidak dapat hak bersuara. Beliau menjelaskan bahawa teori Subaltern sesuai digunakan untuk menganalisis sesuatu teks sama ada ataupun cerpen bagi meneliti aspek sosiobudaya masyarakat tersebut. Menurut Spivek (1988) “golongan Subaltern tidak mempunyai ruang untuk bersuara maka mereka memerlukan seorang wakil daripada kumpulan intelektual sebagai medium bagi menyuarakan isi hati mereka” (m.s. 287).

Kajian yang melibatkan teori Subaltern akan membincangkan tentang golongan masyarakat kelas bawahan yang terdedah kepada peminggiran, penekanan, penindasan dan mendiskriminasikan daripada kuasa hegemoni yang terdiri daripada majikan atau kelompok elit. Berdasarkan teori ini, golongan Subaltern adalah kumpulan manusia yang lemah daripada aspek ekonomi. Mereka adalah miskin dan menerima upah yang paling minima. Selain itu, kebijakan mereka berada dalam keadaan tidak terurus dan mereka tidak berkemampuan untuk berjuang bagi menegakkan keadilan mereka.

Dalam membincangkan tentang teori Subaltern ini, Loui (2012) menjelaskan bahawa “Spivak proposes a theory of Subalternity in her essay ‘Can the Subaltern Speak?’”(m.s.5). Menurutnya, Spivek adalah sarjana yang memperkenalkan teori Subaltern. Dalam penulisan tersebut Spivek menyuarakan nasib seorang wanita yang membunuh diri di halaman rumahnya di bandar Culcatta, India. Hal ini turut dibincangkan oleh Ludden (2001). Menurutnya, esei yang bertajuk ‘Can the Subaltern speak?’ menjadi landasan kepada Spivek untuk melahirkan teori Subaltern secara teoritikal (ms.115). Spivek yang terkenal dalam bidang marxisme, feminism dan dekontraktivisme telah membangunkan teori Subaltern untuk melakukan kajian tentang

manusia-manusia tidak bersuara. Berkaitan dengan hal ini, Hayden (2008) turut mengulas bahawa “Spivak borrows the term ‘Subaltern’ from Gramsci, to refer to the unrepresented group of people in the society (Gramsci 55). She prefers the term ‘Subaltern’ as it encompasses the exact picture of the lower class people” (m.s.101).

Prakash (1994) menyatakan bahawa “the term Subaltern now appears with growing frequency in studies on Africa, Latin America, and Europe, and Subalternist analysis has become a recognizable mode of scholarship in history, literature, and anthropology” (m.s.1476). Pandangan Prakash membuktikan bahawa teori Subaltern merupakan suatu teori yang berkembang pesat di rantau Afrika, Amerika Latin dan Eropah. Selain itu, teori ini akan menjadi penanda aras bagi mengenal pasti golongan manusia yang ditindas oleh kuasa superior seperti kuasa pemerintah, kuasa hegemoni dan kumpulan elit yang dianggotai oleh golongan tersebut.

Sehubungan dengan perkara ini, Biswas (2009) menjelaskan bahawa “Ranajit Guha is undoubtedly the most famous name among all Subaltern Historians. His Elementary Aspects of Peasants Insurgency in Colonial India is considered to be the most powerful example of Subaltern historical scholarship”.(m.s.12). Menurutnya, Ranajit Guha adalah sarjana yang terkenal dalam bidang kajian pasca kolonial terutamanya dalam hal berkaitan dengan masyarakat Subaltern. Amrita Biswas turut menerangkan bahawa nama Ranajit Guha tidak asing lagi dalam kalangan sarjana yang menjalankan kajian mengenai Subaltern. Menurutnya, Ranajit adalah di antara orang yang mula-mula mengembangkan pemikiran Antonio Gramsci di negara India menerusi Subaltern Study Group.

Biswas (2009) turut menjelaskan bahawa penulisan Ranajit Guha (1981) dalam “Some Aspects of the Historiography of Colonial India” menerangkan bahawa golongan marginal dan orang kelas rendah adalah manusia yang tergolong dalam kumpulan

masyarakat Subaltern. Ranajit Guha menamakan golongan ini sebagai ‘mereka yang bukan elit’. Menurutnya, kelompok-kelompok yang terpinggir ini tidak mampu menyuarakan isi hatinya akibat daripada tekanan hegemoni atau kaum dominan. Pada pendapatnya golongan buruh biasanya menjadi sasaran kepada majikan dan golongan elit. Kumpulan masyarakat Subaltern menghadapi sekatan-sekatan dalam penglibatan sosial serta kehilangan hak kesamarataan dalam masyarakat yang dianggotainya (m.s.39). Menurutnya, golongan Subaltern adalah seperti buruh, masyarakat lapisan menengah di kota dan desa. Golongan Subaltern turut mengambil bahagian dalam perjuangan kemerdekaan India tetapi perjuangan mereka telah pun dinafikan oleh sejarahwan India. Kuasa British yang menjajah India telah mempengaruhi minda rakyat India sehingga sejarah negara India ditulis mengikut kaca mata pihak penjajah.

Menurut beliau, sejarah India hanya memihak kepada perjuangan dan sumbangan golongan kelompok India elit sahaja. Subaltern merupakan penduduk majoriti dalam jumlah penduduk India, namun suara mereka tidak menjadi lantang. Menurutnya penjajah menutup mulut golongan Subaltern dan menenggelamkan budaya mereka. Antara sarjana yang turut memainkan peranan dalam kajian-kajian yang berkaitan dengan masyarakat Subaltern adalah seperti Gyanendra Pandey, David Amold, Dipesh Chakrabarty, David Hardiman, dan Partha Chatterjee. Mereka mengaplikasikan idea mengenai Subaltern ini dalam eseи-eseи yang berkaitan dengan pasca kolonial. Mereka bersatu dan membentuk kumpulan Subaltern studies di India dan menghasilkan ratusan artikel tentang Subalternisasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat di negara India.

Idea Subalternisasi ini kemudiannya dibahaskan secara kritis oleh Gayatri Chakravorty Spivak sehingga terbentuk sebagai sebuah teori yang dikenali sebagai teori

Subaltern. Semenjak pembentukan kumpulan Subaltern studies, sarjana-sarjana tersebut bermula membidas rakaman penulisan sejarah negara India yang tidak mengiktiraf sumbangan golongan Subaltern terutamanya dalam usaha-usaha perjuangan kemerdekaan negara India.

Kumpulan Subaltern studies tersebut menuduh sejarah India hanya mengiktiraf sumbangan yang diberikan oleh golongan India elit seperti Nehru dan Gandhi sahaja. Kumpulan tersebut diketuai oleh Ranajit Guha. Beliau membuat kritikan bahawa sejarahwan negara India yang menulis sejarah negara India sudah mengetepikan sumbangan yang dilakukan oleh golongan Subaltern yang terdiri daripada rakyat biasa, petani dan masyarakat bawahan.

Secara amnya, Teori Subaltern adalah suatu penemuan baharu yang diperolehi daripada teori pasca kolonial. Teori ini sesuai digunakan untuk menganalisis gejala budaya, sejarah, politik, ekonomi, sastera dan sebagainya di negara-negara pasca kolonial dan di negara-negara dunia ketiga. Teori Subaltern dianggap relevan buat masa sekarang. Kajian ini menggunakan teori ini untuk mengenal pasti peristiwa dan watak-watak yang mengalami penindasan oleh kuasa British, Jepun dan India elit yang digambarkan dalam cerpen-cerpen S. Vadiveloo.

2.4 Model Pencerminan George Lucas

Sastera adalah cerminan hidup sesuatu kumpulan masyarakat. Berkaitan dengan perkara ini, Kennedy (1987) berpendapat bahawa “kesusasteraan adalah tragedi memetik. Pendekatan memetik adalah perkara yang berkaitan dengan peniruan yang berlaku dalam kehidupan manusia (m.s.97). Kennedy (1987) menjelaskan bahawa ‘memetik’ merupakan istilah pinjaman daripada bahasa Greek yang berbunyi sebagai ‘mim-e-sis’ . Menurutnya, ‘mim-e-sis’ bermaksud pencerminan atau peniruan (m.s.410). Beliau menjelaskan bahawa memetik sebagai perkara yang berkaitan dengan peniruan yang berlaku dalam kehidupan manusia.

Gomathy (2006) menerangkan bahawa “Abrams merupakan sarjana yang sangat terkenal dengan teori memetik. Abrams telah memperkenalkan empat teori kritikan sastera dan salah satunya ialah teori memetik” (m.s.5). Menurutnya, Abrams cuba menghubung kaitkan pertalian antara penghasilan sastera, penulis dan pembaca. Beliau menjelaskan bahawa kesusasteraan yang dihasilkan oleh penulis menghubungkan manusia dan kebendaan yang lain secara langsung atau pun tidak langsung.

Dalam pada itu, Abrams (1953) sendiri menghuraikan bahawa “the historic progression, from the beginning through the early nineteenth century, has been from the mimetic theory of Plato” (m.s.28). Menurutnya, pada awal abad ke-19 perkembangan sejarah sangat berkait rapat dengan unsur memetik. Menurutnya, perkara ini pernah dibincangkan oleh ahli falsafah seperti Plato dan Aristotle. Mereka berpendapat bahawa sesuatu karya sastera terhasil berdasarkan peniruan yang terdapat dalam amalan manusia. Menurut Abrams (1953), pandangan Plato dan Aristotle kemudiannya berkembang menjadi sebagai teori pragmatik dan seterusnya melahirkan teori kritikan sastera yang digunakan oleh para penyelidik kesusasteraan (m.s.3).

Abrams (1953) turut menjelaskan bahawa pendekatan memesis menganggap karya sastera sebagai dasar pencerminan. Pendekatan ini meneliti hubungan karya sastra dengan dunia kenyataan yang terdapat di luar karya sastra. Maka, dengan ini dapat diringkaskan bahawa pendekatan memetik memandang karya sastera sebagai rakaman realiti hidup.(m.s.3). Berkaitan dengan hal ini, Potolsky (2006) pula berpendapat bahawa pendekatan memetik ini sangat membantu untuk mengenal pasti unsur-unsur realistik yang terkandung dalam sesuatu perkara (m.s.1). Menerusi huraian ini dengan jelasnya dapat diketahui bahawa pendekatan memetik ini boleh dilakukan dalam semua lapangan kehidupan manusia. Selain itu, pendekatan memetik ini juga dapat digunakan untuk menentukan kemiripan di antara rakaman kesusasteraan dengan kenyataan sebener.

Berkaitan dengan perkara ini, Abrams (1953) menjelaskan bahawa pendekatan ini dilakukan untuk meneliti hubungan karya sastera dengan kenyataan di luar karya sastera. Menurutnya, teknik ini digunakan untuk memahami teks karya dengan realiti hidup seperti sosisobudaya dan keagamaan (m.s.89). Beliau menjelaskan bahawa memetik sangat berguna untuk mengetahui hubungan antara penulis dengan karya yang dicipta olehnya. Sastera yang dihasilkan Ianya saling berkaitan antara penulis, pengisian sastera dan persekitaran.

Dalam membincangkan tentang memetik ini, Teeuw (1984) turut menyatakan bahawa pendekatan teori memetik ini memudahkan seseorang untuk memahami hubungan antara karya sastra dengan realiti hidup seperti sosial, budaya, agama, politik dan sebagainya.(m.s.220). Mana Sikana (1998) menghuraikan bahawa marxisme melihat sesuatu hasil kesusasteraan itu mengikut lima jenis model, iaitu Model Pencerminan, Model Penerbitan, Model Pengetahuan Negatif, Model Genetik dan Model Berpusatkan Bahasa.(m.s.275).

Dalam kajian ini, Model Pencerminan yang dimajukan oleh Lucas (MPL) akan digunakan untuk meneliti peristiwa-peristiwa penindasan yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo. MPL melihat kesusasteraan sebagai lambang-lambang yang terjadi dalam sesuatu masyarakat. Mengikut MPL, sesebuah karya kesusasteraan itu adalah cerminan realiti sosial yang terdapat di luar kesusasteraan.

Pendapat Mana Sikana (1998) tentang memetik ini selari dengan pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Abrams (1953), Teeuw (1984), Kennedy (1987), Gomathy (2006) dan Potolsky (2006). Mereka sepakat bahawa kesusasteraan itu adalah cerminan realiti sosial yang terdapat di luar kesusasteraan. Maka, kajian ini akan mengaplikasikan teori memetik yang dipancarkan melalui Model Pencerminan yang dibangunkan oleh Lucas. Mengikut Mana Sikana (1998), Lucas menjelaskan bahawa teks kesusasteraan dimanifestasikan dengan ciri-ciri teknik.

Mengikut Mana Sikana (1998), Lucas berpendapat bahawa kreativiti penulis dikongkong oleh bentuk-bentuk estetika sastera. Kongkongan yang dimaksudkan oleh Lucas adalah jalinan naratif yang terdapat dalam sesuatu kesusasteraan, watak dan sebagainya (m.s.275). Oleh kerana itu, Model Pencerminan Lucas dianggap sesuai untuk digunakan dalam kajian ini. Pengaplikasian MPL ini telah membantu pengkaji untuk meneliti unsur-unsur realiti yang digambarkan oleh S.Vadiveloo dalam cerpen-cerpen beliau.

2.5 Rumusan

Subaltern adalah individu atau kumpulan manusia yang ditekan oleh kuasa hegemoni. Kuasa superior yang terdiri daripada kuasa pemerintah dan kumpulan elit ini akan mendominasi kelompok Subaltern demi kepentingan mereka. Kelompok elit yang sebangsa dengan golongan Subaltern tersebut turut tidak memberi ruang untuk mengemukakan perasaan dan pendapat mereka. Kumpulan Subaltern ini ditegah daripada menerima segala hak asasi yang sepatutnya dirasai oleh mereka. Golongan hamba, pelacur, gay, petani miskin, kumpulan agama, wanita, kumpulan manusia bukan seagama, manusia biasa, kumpulan manusia yang berbeza tradisi serta semua golongan manusia yang terpinggir adalah Subaltern. Kumpulan ini ditegah atau dihalang bersuara.

Selain itu, Subaltern adalah kumpulan manusia subordinat daripada aspek klas sosial, kasta, gender, ras, bahasa dan budaya. Subaltern merujuk kepada sama ada orang yang berkedudukan rendah atau golongan terpinggir atau manusia yang tidak berkuasa, kumpulan masyarakat daripada kumpulan etnik minoriti, masyarakat tempatan, kanak-kanak, orang tua yang uzur, kumpulan gay, dan kumpulan lesbian. Akhirnya, El Habib Louai menerangkan bahawa Subaltern ialah sekumpulan manusia yang memiliki darjat sosial yang rendah dan didominasi sama ada oleh kumpulan hegemoni atau pemerintah elit.

Menerusi dapatan daripada pandangan, pentafsiran dan penghuraian ini dapat disimpulkan bahawa golongan Subaltern terbentuk kerana adanya hegemoni, pemerintah, undang-undang, dan golongan elit. Kesemua mereka dikenali sebagai golongan berkuasa. Golongan berkuasa ini dikenali sebagai superior manakala golongan Subaltern ini sebagai inferior. Manusia dijadikan Subaltern kerana dipandang rendah oleh golongan berkuasa ini daripada aspek ekonomi, budaya, bangsa, jantina, agama, kelas sosial, kasta dan etnik.

BAB 3

SEJARAH PERKEMBANGAN CERPEN TAMIL DI MALAYSIA DAN SUMBANGAN CERPENIS S.VADIVELOO

3.1 Pengenalan

Bab ini dibahagikan kepada beberapa sub tajuk, di antaranya ialah perkembangan cerpen Tamil di Malaysia, sumbangan cerpenis S.Vadiveloo kepada dunia kesusasteraan Tamil Malaysia dan tema-tema penting dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo. Tajuk perkembangan cerpen Tamil disempurnakan menerusi kaedah kepustakaan. Buku, majalah dan akhbar menjadi rujukan penting untuk kesempurnaan tajuk ini. Perkembangan ini ditinjau dari zaman penjajahan, pasca kemerdekaan dan zaman selepas kemerdekaan sehingga akhir abad ke 20. Pandangan-pandangan sarjana tempatan dan luar negara diselitkan untuk mengetahui gambaran sebenar tentang perkembangan genre cerpen Tamil di Malaysia.

Sub tajuk kedua adalah berkaitan dengan sumbangan cerpenis S.Vadiveloo kepada dunia kesusasteraan Tamil Malaysia. Tajuk ini diteliti mengikut latar belakang penulis, penglibatan penulis dalam bidang kesusasteraan, penglibatan penulis dalam bidang penulisan ilmiah, penglibatan penulis dalam bidang kritikan sastera, penglibatan penulis dalam bidang penulisan kreatif dan akhirnya penglibatan penulis dalam aktiviti persatuan penulis dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang lain. Bab ini berakhir dengan huraihan ringkas tentang tema dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo.

3.2 Perkembangan Cerpen Tamil

Perkembangan genre cerpen Tamil di Malaysia dipengaruhi oleh tiga faktor utama iaitu sekolah Tamil, media cetak dan media elektronik. Faktor-faktor ini menjadi tunjang utama dalam penyebaran bahasa Tamil di negara ini. Selain institusi pendidikan dan media massa, pengaruh pemimpin-pemimpin politik dan penulis Tamil dari Tamil Nadu, India yang sering mengunjungi negara ini turut menyemarakkan api semangat mencintai Bahasa Tamil dalam masyarakat India di negara ini terutamanya dalam kalangan pencinta Bahasa Tamil yang menghasilkan kesusasteraan. Para guru yang berpendidikan Tamil menjadi tenaga utama dalam pemeliharaan dan pemuliharaan kesusasteraan Tamil di negara ini. Sebahagian besar guru bahasa Tamil menggunakan kemahiran yang dipelajari di institusi perguruan untuk mencipta karya kreatif seperti cerpen, sajak dan novel.

C.Vadiveloo adalah antara guru sekolah Tamil yang menghasilkan ratusan hasil karya dalam Bahasa Tamil. Selain guru-guru sekolah Tamil, golongan berpendidikan Tamil seperti pekerja-pekerja di ladang getah, para wartawan, kakitangan di jabatan kerajaan dan swasta serta individu daripada lain-lain agensi menjadi penyumbang utama kepada perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia. Menurut Krishnan (1993), pendidikan Tamil di negara ini bermula pada tahun 1816 di Penang Free School, Pulau Pinang. Pengajaran Bahasa Tamil yang keduanya dimulakan pada tahun 1870 di Perai. Kelas tersebut dikendalikan dengan nama ‘Province Wellesley’ Tamil Mission. Manakala di negara Singapura pula pendidikan Tamil bermula pada tahun pada tahun 1850 dengan nama ‘Trengger Tamil School’ dan kemudiannya di ‘Singapore Free School’ pada tahun 1934. (m.s.61).

Pembinaan sekolah Tamil di setiap ladang getah dan bandar-bandar utama di Malaysia menjadi titik tolak kepada perkembangan Bahasa Tamil serta kesusasteraan

Tamil di negara ini. Mengikut perangkaan yang dilakukan pada tahun 2000, terdapat sebanyak 541 sekolah jenis kebangsaan Tamil di Malaysia dengan jumlah pelajar Tamil seramai 88,802 orang. Pada awalnya terdapat sebanyak 888 sekolah Tamil di seluruh negara dengan bilangan pelajar seramai 50,766 orang sekitar tahun 1950-an. Mengikut perangkaan, pada Januari 31 tahun 2001 terdapat seramai 89013 orang pelajar India meneruskan pendidikan rendah dalam bahasa Tamil di negara ini.

Sekolah-sekolah Tamil di negara ini masih menjadi relevan sebagai pusat pendidikan bahasa Tamil serta pusat didikan budaya dan sastera. Pelajar-pelajar sekolah Tamil dianggap sebagai agen perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia. Kumpulan pelajar inilah kemudiannya menjadi tenaga pembaca, pengkritik dan juga sebagai penjana idea bagi melahirkan karya kreatif dalam bahasa Tamil. Barisan penulis Tamil yang terkemuka di Malaysia adalah bekas-bekas pelajar sekolah Tamil. Tanpa sekolah Tamil sudah tentu bahasa dan budaya Tamil di negara ini akan pupus.

Selain sekolah-sekolah Tamil, akhbar –akhbar Tamil yang diterbitkan di dalam negara juga menjadi penyumbang utama kepada perkembangan kesusasteraan Tamil di negara ini. Golongan berpendidikan Tamil bergiat aktif dalam penerbitan akhbar dan majalah Tamil. Antara akhbar yang dimulakan ialah seperti Tamilaham pada tahun 1921, Tamil Nesan pada tahun 1924, dan Tamil Murasu pada 1930 di Singapura. Akhbar Tamil Nesan didapati turut mengatur langkah untuk menjemput penulis Ku. Alakirisami, iaitu seorang tokoh popular dalam bidang penulisan cerpen di Tamil Nadu bagi melatih penulis-penulis Tamil muda yang berada di negara ini.

Jika ditinjau daripada sudut sejarah, usaha-usaha mencipta kesusasteraan muncul di Malaysia sekitar tahun 1930-an. Navaraca Kata Mancari:Ivai Iniya Karpitak Kataikal merupakan hasil kesusasteraan yang pertama yang diterbitkan di Tanah Melayu. Karya ini dihasilkan oleh mendiang Ve. Sinniah Pillai. Kebanyakan cerpen yang dihasilkan

pada ketika itu mengisahkan kehidupan masyarakat Tamil serta membincangkan isu-isu sosial yang melanda mereka pada ketika itu.(Subramaniam,1980, m.s.27).

Sebagai langkah memperkembangkan kesusasteraan Tamil di negara ini, akhbar Tamil Nesan menganjurkan bengkel penulisan cerpen untuk penulis-penulis muda pada tahun 1950. Usaha ini dikendalikan oleh akhbar Tamil Nesan yang diterbitkan Bandaraya Kuala Lumpur. Genre cerpen berkembang begitu giat sekali apabila akhbar Tamil Nesan mengendalikan Katai Vaguppu (Kelas Bercerita) di bawah penyeliaan Bairoji Narayanan. Selain itu, Eluttaalar Peravai (Majlis Penulis) dan penganjuran perayaan Tamilar Thirunaal (Pesta Bahasa dan Bangsa Tamil) turut menyemarakkan usaha penulisan kreatif dalam kalangan masyarakat India yang berpendidikan Tamil.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa akhbar Tamil Nesan yang diterbitkan sehingga hari ini menjadi perangsang utama kepada penulis-penulis Tamil dalam mengembangkan kesusasteraan Tamil di Malaysia. Akhbar ini memainkan peranan penting dalam melatih penulis muda. Akhbar tersebut menyediakan ruangan khas dengan judul ‘sudut penulis baharu’ bagi memberi peluang kepada pembaca serta mengemukakan pandangan mereka tentang segala isu semasa yang berkaitan dengan masyarakat India di Malaysia. Peranan akhbar Tamil Murasu dalam perkembangan Bahasa Tamil di Tanah Melayu tidak kurang hebatnya. Sebagai langkah mempromosi Bahasa Tamil dalam kalangan masyarakat India di negara ini, editor akhbar Tamil Murasu, Ko. Saranggabani telah memperkenalkan sambutan Tamilar Tirunaal pada tahun 1952. Sambutan ini dirayakan pada bulan thai mengikut kalender masyarakat berbangsa Tamil. Selain itu, bulan thai juga dianggap sebagai bulan pertama mengikut kalender masyarakat berbangsa Tamil.

Sambutan Tamilar Tirunaal ini sedikit sebanyak telah memperkuatkan bahasa, budaya dan kesusasteraan Tamil dalam kalangan masyarakat Tamil. Buku cenderamata

yang diedarkan oleh akhbar Tamil Murasu pada hari Tamilar Tirunaal tersebut memuatkan cerpen dan sajak Tamil serta ruangan untuk penulis-penulis muda. Buku cenderamata yang diterbitkan pada tahun 1955 memuatkan cerpen yang berjudul ‘Etioli’ (Gema) hasil karya M. Paramasivam dari Kluang, Johor. Akhbar Tamil Murasu turut menerbitkan sebuah buku tahunan yang merangkumi 13 cerpen hasil karya penulis tempatan pada tahun 1947. Buku tersebut turut memuatkan cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh Kalaingar M. Karunaanithi dan penyajak terkenal di Tamil Nadu, India Paaventhar Baarathi Taasan.

Peranan akhbar Tamil Murasu menjadi lebih terserlah apabila editornya Vi.Saarangabaani mengambil inisiatif untuk menggabungkan anak-anak Tamil muda bersatu di bawah satu kelab yang dinamakan sebagai Kelab Pelajar Bell. Kelab ini disertai oleh penuntut-penuntut sekolah yang berminat dalam bidang penulisan. Usaha murni akhbar ini telah melahirkan beberapa penulis terkenal seperti M. Abdul Latif, S.V Subramaniam, V.S. Muthaiyah, M. Rasa, I.lavalagu, S.Mayadevan, S.Velusamy, P.S. Paritithasan dan tokoh yang ditinjau dalam kajian ini iaitu, S.Vadiveloo. Selain daripada kedua-dua akhbar ini, Kesatuan Sekerja Ladang Getah yang berfungsi di negara ini juga menerbitkan akhbar Sanggamani sejak tahun 1952. Akhbar tersebut berfungsi sebagai lidah rasmi dan diterbitkan dalam bahasa Tamil. Kesatuan ini menggunakan akhbar ini sebagai saluran untuk menyebarkan fahaman sosialisme dalam kalangan pembaca yang ramainya terdiri dar golongan pekerja-pekerja ladang getah. Fahaman sosialisme tersebut dipancarkan dalam cerpen dan sajak.

Mengikut Beer Muhamad (1999), akhbar Sanggamani telah menyediakan satu halaman khas untuk penulis yang mempunyai minat dalam kesusasteraan. para pekerja ladang yang mempunyai minat dalam bidang penulisan kreatif telah dipupuk untuk menggunakan halaman khas tersebut bagi menghasilkan cerpen dan sajak. Selain orang

dewasa, akhbar Sanggamani tersebut turut menyediakan ruangan khas kepada anak-anak pekerja ladang bagi menggalakkan mereka melahirkan hasil-hasil karya kreatif (m.s.17). Para pekerja ladang getah yang berpendidikan Bahasa Tamil menggunakan ruang penulisan yang disediakan oleh akhbar tersebut secara maksimum untuk menghasilkan cerpen yang mencerminkan kehidupan mereka yang ditindas oleh kuasa penjajah British, Jepun dan India elit.

Penulis-penulis tersebut berani meluahkan perasaan tidak puas hati mereka terhadap pengurusan ladang yang tidak menyediakan keperluan asas seperti rumah, kesihatan, kebajikan dan keselamatan. Selain itu, kerena jahat puak kerani, kanggani, dan pembantu perubatan yang tinggal di ladang-ladang getah dijadikan peristiwa dan watak utama dalam penulisan mereka. S.Vadiveloo selaku anak jati ladang getah, menghasilkan cerpen-cerpen berlatarkan ladang getah dan mencerminkan penindasan yang dilakukan oleh majikan, kerani, kanggani dan pembantu perubatan.

Sehubungan dengan perkara ini, Krishnan (1993) berpendapat bahawa selain akhbar, majalah-majalah Tamil yang diterbitkan secara mingguan dan bulanan juga turut mengembangkan cerpen Tamil di negara ini. Antara majalah Tamil yang terkemuka ketika itu ialah seperti Tamil Chelvam, Inba Nilaiyam, Baaratha Mitran, Malaya Mann, Samuthaaya Uuliyan, Samarasam, Puthu Yugam, Dravida Kesari, Desabimaani, Baaratha Nesan, Malaya Nanban, Tamil Kodi dan Senthamilchelvi. Malajah-majalah ini turut menerbitkan cerpen-cerpen yang berlatar belakangkan kehidupan masyarakat di ladang getah (m.s.50).

Selain itu, Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya turut memainkan peranan utama dalam memelihara kesusastraan Tamil terutamanya penulisan cerpen di Malaysia. Dhandayutam (1973) selaku mantan pensyarah di Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya menghuraikan bahawa “tema yang menjadi pilihan penulis cerpen

dalam tahun lima puluhan ialah isu-isu tentang struktur keluarga masyarakat India, pemikiran masyarakat Tamil, keadaan pendidikan, masalah kerakyatan kaum India di Tanah Melayu, amalan kepercayaan karut, amalan sistem kasta dalam kalangan masyarakat India di Malaysia dan amalan minuman keras (m.s.100).

Sehubungan dengan perkara ini, Dhandayutam (1973) turut menjelaskan bahawa “isu yang dibincangkan dalam cerpen-cerpen pada ketika itu adalah seperti penipuan yang dilakukan oleh puak kanggani, penindasan puak kerani dan pengeksploitasi pengurusan ladang” (m.s.100). Beliau menjelaskan bahawa Persatuan Penulis Tamil Malaya yang ditubuhkan pada tahun 1958 turut membantu mengembangkan kesusastraan Tamil di negara ini. Persatuan ini menyediakan landasan yang baik kepada penulis Tamil bagi mendapat latihan dan kursus bagi menghasilkan cerpen yang bermutu.

Selain peranan media massa, kehadiran penulis dan tokoh-tokoh daripada Tamil Nadu, India juga menjadi galakan kepada penulis tempatan untuk menceburi bidang penulisan terutamanya penulisan cerpen. Stenson (1980) menyatakan bahawa kunjungan tokoh reformasi Tamil Nadu, India, E.V.Ramasamy ke Malaya pada 15.12.1929 telah menguatkan semangat cintai bahasa dan bangsa Tamil dalam kalangan pekerja ladang di Malaysia.(m.s.16). Menurutnya, tokoh reformasi bangsa Tamil, E.V.Ramasamy menyampaikan syarahannya di ladang-ladang getah agar memberi kesedaran kepada para pekerja ladang untuk membebaskan diri daripada belenggu penindasan penajah serta penindasan kasta.

Lawatan beliau telah mempengaruhi minda masyarakat tempatan untuk menubuhkan pertubuhan maruah diri yang dikenali sebagai Thiravidar Kazagam di seluruh Malaysia. Ucapan membara E.V. Ramasamy mendatangkan nafas baru kepada pekerja ladang yang sekian lama menjadi hamba di ladang-ladang getah. Mereka

berpeluang mengetahui identiti bangsa yang menjadi bangsa yang bertamadun sejak zaman sanggam. Ucapan tokoh tersebut memberi rangsangan positif kepada pekerja-pekerja ladang getah khususnya, masyarakat India umumnya. Mereka mendapat kesedaran tentang maruah diri. Faktor tersebut membawa kesan positif kepada dunia kesusasteraan Tamil Malaysia.

Beer Muhamad (1999) menjelaskan bahawa “kehadiran tokoh reformasi E.V.Ramasamy merangsangkan perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia. Hasil daripada rangsangan tersebut, masyarakat Tamil di Malaysia ini memulakan usaha-usaha penubuhan sekolah-sekolah Tamil yang baharu di ladang-ladang getah serta mengambil inisiatif untuk memulakan kelas-kelas bahasa Tamil bagi anak-anak mereka” (m.s.13). Menurutnya, pada tahun 1966, cerpenis Tamil yang terkenal di India, Na.Paartasaarathi telah mengadakan lawatan ke Malaysia. Beliau merupakan penerbit majalah mingguan Theebam di Tamil Nadu.

Sebagai langkah mengembangkan kesusasteraan Tamil di peringkat antarabangsa, Na.Paartasaarathi memilih dan menerbitkan tujuh cepen yang dihasilkan oleh penulis Tamil Malaysia dalam majalah mingguan ‘Theebam’. Antara penulis-penulis Tamil Malaysia yang menjadi pilihan Na.Paartasaarathi untuk disiarkan cerpennya dalam malajah ‘Theebam’ ialah cerpenis S.Anbananthan, R.Karthigesu, S.BeerMuhammad, M. Kumaran, C.Kamalanathan, S.Vadiveloo dan K.Krishnasamy. Inilah pertama kalinya S.Vadiveloo diperkenalkan di peringkat antarabangsa.

Maka secara umumnya dapat disimpulkan tujuh orang tersebut merupakan cerpenis terkenal sekitar tahun 60an. Cerpen-cerpen mereka menghiasi halaman majalah Theebam di Tamil Nadu dan mendapat sambutan yang baik dalam kalangan peminat cerpen negara India. Kesusasteraan Tamil yang dihasilkan di Malaysia mula terkenal di peringkat antarabangsa. Penganugerahan yang diberikan oleh pembaca negara India

membawa bidang kesusasteraan Tamil Malaysia menuju ke hadapan lagi. Nama baik dunia kesusasteraan Tamil Malaysia menuju ke hadapan lagi apabila Ketua Menteri Tamil Nadu ketika itu, mendiang C.N.Annadurai mengadakan rangka lawatan ke negara ini pada tahun 1960. C.N.Annadurai selaku presiden parti Tiraavidar Kazagam merupakan seorang pemidato terkenal di Tamil Nadu. Selain pemidato, beliau juga merupakan penulis cerpen dan drama yang handal.

Menurut Beer Mohammad (1999), di samping menceburi bidang kesusasteraan, Beer Mohammad (1999) turut melibatkan diri dalam politik Tamil Nadu sehingga menguasai kerajaan Tamil Nadu sebagai ketua menteri. Ketibaan beliau di negara ini mendatangkan perubahan baru dalam pendekatan penulisan cerpen Tamil. Para cerpenis mula menghasilkan cerpen-cerpen dengan tujuan membangunkan kaum India di Malaya. C.N. Annadurai selaku ketua editor majalah Kaanji, memilih beberapa cerpen yang dihasilkan oleh penulis Tamil di Malaya untuk diterbitkan dalam majalahnya (m.s.17).

Beer Mohammad (1999) turut menyatakan bahawa antara cerpenis Tamil tempatan yang mendapat tempat dalam majalah tersebut ialah seperti M.Anbuchelvan dan M. Kumaran. Sebagai hasil daripada pengaruh lawatan C.N. Annadurai ke negara ini, Aliver Gunasegar telah menerbitkan antologi cerpen Ninaiwin Nizal (ingatan) manakala Abdul Latif menerbitkan antologi cerpen Manita Theiwam (Roh Yang Suci). Menurutnya, lawatan C.N.Annathurai ke Malaya menjadikan masyarakat Tamil di Malaysia terpengaruh dengan tokoh-tokoh Tiraavidar Kazagam yang lain. Antara tokoh yang menarik perhatian masyarakat Tamil tempatan adalah seperti Kalainyar M.Karunaanithi, M.G.Ramachandran (MGR) dan M.R.Ratha.

Di samping itu, sebilangan besar masyarakat Tamil di Malaysia tertarik dengan kesusasteraan moden Tamil yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh tersebut. Gaya bahasa yang rancak yang digunakan oleh mereka telah menawan hati para peminat

kesusasteraan di negara ini. Faktor ini menjadi rangsangan sereta mendorong masyarakat Tamil tempatan untuk menghasilkan karya-karya kreatif, terutamanya sajak, drama dan cerpen dalam bahasa Tamil. Sekitar tahun 1950-an masyarakat Tamil di negara ini tertarik dengan gaya penulisan dan syarahan Kalainyar Karunaanithi. Gaya pertuturan dan penulisan beliau telah membawa era baru dalam stilistik penulisan Bahasa Tamil. Penulis-penulis muda mula meniru gaya bahasa Kalainyar Karunaanithi dalam penghasilan cerpen dan drama di Malaya.

Selain ucapan dan syarahan tokoh-tokoh Tiraavidar Kazagam, faktor filem Tamil juga memainkan peranan penting dalam perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia. Filem-filem Tamil yang berdasarkan dialog dan arahan Kalainyar Karunaanithi dan bintangan Sivaji Ganeson membuka lembaran baru dalam dunia pertuturan Tamil Malaysia. Masyarakat Tamil di Malaysia berpeluang mendengar dan menghayati pertuturan Tamil standard daripada filem-filem Tamil tersebut. Hasil daripada pengaruh filem-filem tersebut, standard pertuturan bahasa Tamil di negara ini mencapai tahap yang membanggakan. Pelajar-pelajar mulai meniru gaya pertuturan tersebut bagi memperkayakan kemahiran bahasa mereka.

Secara amnya, dunia kesusasteraan Tamil di negara ini mula berkembang dengan karya yang dihasilkan oleh Ve. Sinniah Pillai. Beliau telah menerbitkan antologi cerpen Tamil yang pertama di negara ini pada tahun 1930. Antologi cerpen beliau dikenali sebagai ‘Navarasa Kataa Manchari: Ivai Iniya Karpitak Kataikal’ (Cerita Beraneka Ragam: Ini adalah cerita-cerita seronok). Selepas itu, seorang cerpenis yang bernama A.A.M.Ibrahim Rauter telah menerbitkan sebuah antologi cerpen yang berjudul ‘Kadai Sippantigalin Kanniar’ (Air Mata Seorang Pekerja Kedai) pada tahun 1946.

Sementara itu, seorang lagi cerpenis yang bernama Rasa Ilamurugan menerbitkan antologi yang berjudul ‘Ore Niithi’ (Satu Keadilan). Penulis terkenal

Pu.Arunaasalam menerbitkan antologi cerpen yang berjudul ‘Phor Viiran’ (pahlawan). Antologi cerpen ‘Thaanam’ (Derma) telah diterbitkan oleh Mayathewan dan M. Ramaiya. Antologi cerpen ‘Marawen Unnai’ (Tidak dapat Melupakan Kau) telah diterbitkan oleh S. Velusamy . Manakala cerpenis M. Kumaran menerbitkan antologi cerpen yang berjudul ‘China Kilawan’(Orang cina tua). Antara penulis cerpen yang terkenal pada ketika itu adalah seperti R. Karthigesu, S.A. Anbanathan, Beer Muhammad, K. Krishna Samy, M. Abdul Latif , M. Ramaiya, M. Anbu Selvan dan Maideen Sultan.

S.Vadiveloo turut menerbitkan antologi cerpen ‘Valluvan Kaatali’ (Kekasih Valluvan). Antologi beliau dijual begitu laris pada ketika itu. Secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa institusi pendidikan, akhbar berbahasa Tamil, persatuan-persatuan kemasyarakatan, individu-individu yang berpengaruh dalam bidang kesusasteraan dan politik, filem-filem Tamil serta Kesatuan Sekerja memainkan peranan penting dalam perkembangan kesusasteraan Tamil di negara ini.

3.3 Sumbangan Cerpenis S.Vadiveloo

S.Vadiveloo ialah seorang penulis yang berwibawa. Berhubung dengan perkara ini, Krishanan (1996) menggariskan bahawa “S.Vadiveloo bukan sahaja merakamkan sejarah kehidupan masyarakat India di ladang getah malah menggambarkan ratapan masyarakat India yang hidup di ladang getah dengan serba kekurangan” (m.s.261). Nagappan (1980) berpendapat bahawa “sejarah perkembangan kesusasteraan Tamil Malaysia tetap akan membicarakan mengenai seorang penulis yang aktif dan boleh dikatakan penulis veteran yang masih produktif. Beliau adalah seorang guru besar sekolah Tamil yang sentiasa kelihatan sibuk kerana tugas rasmi dan baktinya terhadap masyarakat melalui beberapa badan-badan bukankerajaan. Sudah tiga buah antologi dilahirkannya, dan di antaranya antologi ketiga ini mencatatkan era baru dengan bentuknya yang luar biasa iaitu antologi bilingual. Penulis yang saya maksudkan dan sentiasa memburu perubahan iti ialah Encik S.Vadiveloo (m.s.V). Mengikut pandangan Dhandayutham (1980), “S.Vadiveloo sangat terkenal dalam kalangan masyarakat India di Malaysia. Beliau terlibat dalam penulisan sejak 25 tahun. Antologi cerpen yang pertama diterbitkan pada tahun 1964. Keduanya pada tahun 1970 dan ketiganya diterbitkan pada tahun 1980 (m.s.VI). Menerusi pandangan yang diberikan oleh dua orang tokoh akademik ini, maka dapat dinyatakan bahawa S.Vadiveloo adalah seorang penulis Tamil yang berwibawa di negara ini sekitar tahun 50an hingga 80an.

3.3.1 Latar belakang

Cerpenis S.Vadiveloo dilahirkan di bandar Alor Setar, Kedah, pada 23 Februari tahun 1929. Kemudiannya keluarga beliau berpindah ke Negeri Sembilan dan tinggal di ladang getah New Labu yang terletak berhampiran dengan pekan Nilai, Negeri Sembilan. Bapanya bernama Sinnaiyah manakala ibunya bernama Thayamma. Ketika dalam usia kanak-kanak S.Vadiveloo mengikut keluarganya berpindah dari negeri

Kedah ke Negeri Sembilan. Anak Kedah ini mendapat pendidikan awal di Sekolah Tamil Labu dan menamatkan pengajian darjah tujuhnya pada tahun 1947 di Sekolah Tamil Jawa Land, Seremban.

Ketika berusia belasan tahun, S.Vadiveloo bergiat aktif dalam bidang sukan terutamanya permainan bola sepak dan acara balapan. Beliau pernah terkenal sebagai pemain bola sepak terkenal di kawasan Labu, Negeri Sembilan. Beliau juga pernah mewakili pasukan bola sepak guru-guru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Negeri Sembilan. S.Vadiveloo turut mengambil bahagian dalam acara balapan 400 meter bagi mewakili kawasan Labu, Negeri Sembilan. Selain itu, S.Vadiveloo juga merupakan seorang anggota pasukan unit uniform St.John Ambulans. Dalam usaha meningkatkan kebajikan para guru yang berkhidmat di sekolah-sekolah Tamil sekitar Negeri Sembilan.

3.3.2 Perkahwinan

Setelah tamat pendidikan menengah, beliau meneruskan pengajian dalam bidang perguruan pada tahun 1948 dan menjadi guru yang bertauliah tahun 1949. Beliau memulakan kerjayanya sebagai guru di sebuah sekolah Tamil di Ladang Labu, yang terletak sepuluh kilo meter dari Seremban. Semasa berkhidmat sebagai guru, S.Vadiveloo memasuki alam rumah tangga bersama dengan Cik Rajaletchumi pada 5 Februari 1956. Majlis perkahwinan mereka berlangsung secara sederhana tanpa menyelitkan sebarang adat istiadat dan amalan tradisi agama Hindu.

S.Vadiveloo berbuat demikian kerana beliau terpengaruh dengan pemikiran reformasi tokoh-tokoh Tiraavidar Kazagam (Persatuan Dravidian) seperti E.V.Ramasamy (Thanthai Periyaar), M.Karunaanithi (Kalainyar), M.G.Ramachandran (MGR) dan M.R.Ratha. Pengaruh tersebut menjadikan S.Vadiveloo berfikiran terbuka. Oleh kerana itu, S.Vadiveloo menguruskan perkahwinannya dengan cara ‘Siir Tirutta

Thirumanam' (perkahwinan reformasi). S.Vadiveloo yang dianggap sebagai penulis yang berpaksikan radikal didapati tidak sehaluan dengan masyarakat India yang mementingkan perkahwinan yang mengutamakan adat-adat Hindu dan bacaan ayat-ayat dalam bahasa Sanskrit.

Hasil daripada perkahwinan tersebut pasangan tersebut dikurniakan seramai tujuh orang cahaya mata. Anak sulongnya bernama Ilanggo, keduanya Manogari serta yang berikutnya ialah Manogaran, Sundramurthy, Manimegalai, Thirunawukarasu dan Mathawi. Kesemua anak mereka mendapat didikan di Sekolah Tamil. Walaupun sudah mempunyai pekerjaan, keluarga dan keselesaan yang lain, S.Vadiveloo tetap meneruskan pengajian bahasa Tamil secara sambilan di Malaya Tamil Pannai (Pusat Bahasa Tamil Malaya) selama tiga tahun bagi melengkapkan dirinya sebagai ‘Tamil Pandithar’ (Pendeta bahasa Tamil). S.Vadiveloo tidak berhenti setakat itu sahaja. Beliau terus dahagakan ilmu mengenai bahasa Tamil dan mendapat didikan tatabahasa Tamil dengan Tuan Guru Po.Periasamy yang begitu popular dengan kepakaran dalam tatabahasa Tamil pada ketika itu.

3.3.3 Penglibatan Dalam Bidang Bukan Kesusastraan

Sementara itu, S.Vadiveloo menubuhkan Koperasi Guru-guru Sekolah Tamil Negeri Sembilan pada tahun 1959. Koperasi tersebut bergiat aktif dan menjadi panduan kepada penubuhan koperasi-koperasi guru di negeri-negeri yang lain. Koperasi yang ditubuhkan oleh S.Vadiveloo mampu memiliki bangunan sendiri di kawasan Rasa, Negeri Sembilan.

Salah satu projek kebajikan utama yang dilaksanakan oleh koperasi ini ialah projek perumahan untuk guru-guru sekolah Tamil di kawasan Labu, Negeri Sembilan. Guru-guru sekolah Tamil yang menganggotai koperasi tersebut telah mendapat manfaat

daripada aspek pemilikan rumah sendiri. Projek yang diilhamkan oleh S.Vadiveloo ini dilaksanakan pada tahun 1960. Memandangkan jasa yang dicurahkan kepada para guru dan masyarakat setempat, S.Vadiveloo telah dikurniakan pingat P.P.N (Pingat Pangkuhan Negara) oleh Duli Yang maha Mulia Yang Dipertuan Agong pada tahun 1978. Di samping menceburkan diri dalam kegiatan kemasyarakatan, S.Vadiveloo turut melibatkan diri dalam aktiviti kesusasteraan.

3.3.4 Penglibatan Dalam Bidang Penulisan Rencana

Sebelum menceburkan diri dalam bidang genre cerpen, S.Vadiveloo hanya menghasilkan penulisan rencana di akhbar Tamil Nesan dan Tamil Murasu. Beliau memerikan keindahan kesusasteraan Tamil dalam rencana ‘Katalo Khatal’ (Cinta) menerusi akhbar Tamil Nesan bertarikh 10.2.1955. Dalam rencana tersebut, S.Vadiveloo menghuraikan konsep percintaan yang digambarkan dalam teks kesusasteraan zaman sanggam serta cinta yang dikisahkan dalam epik-epik Tamil Klasik seperti Ramayanam, Mahabaratham dan Silappathigaaram. Beliau turut membandingkan corak percintaan kawasan estet dan corak percintaan yang dilakukan oleh muda-mudi di kawasan bandar. Laras bahasa yang digunakan oleh S.Vadiveloo dalam rencana-rencana tersebut menjadi tarikan ramai.

Rencana S.Vadiveloo yang kedua disiarkan oleh akhbar Tamil Nesan pada 27.2.1955. Rencana yang bertajuk ‘Alu Muunjiyum Kannaadiyum’ (wajah menangis dan cermin) tersebut mengisahkan proses penghasilan kepingan cermin di sebuah kilang cermin. S.Vadiveloo mengandaikan masyarakat India di Malaysia sebagai cermin. Sementara itu, rencana yang bertajuk ‘Kalai Valarugirathu’ (Perkembangan Seni) telah disiarkan oleh akhbar Tamil Nesan pada 8.5.1955. Rencana tersebut menerangkan keburukan yang didapati daripada filem-filem Tamil pada ketika itu. Menurutnya, filem-filem Tamil merosakkan minda kaum India di Malaysia. Beliau mengecam pengeluar

filem Tamil yang membelakangi seni budaya Tamil yang disanjung tinggi sejak 2500 tahun yang lalu. Dalam rencana tersebut, S.Vadiveloo menyeru generasi muda agar membela seni budaya Tamil yang diwarisi sejak zaman Sanggam.

Akhbar Tamil Nesan menyiaran sebuah lagi rencana S.Vadiveloo pada 26.6.1955 dengan tajuk ‘12 Raasigall’ (12 Nasib) . Rencana tersebut membincangkan pengaruh astrologi yang terdapat dalam kalangan masyarakat India di Malaysia. Kepentingan, kebenaran dan keistimewaan dua belas bintang astrologi yang diamalkan dalam kepercayaan agama Hindu dikupas dengan begitu teliti sekali. Rencana tersebut mendapat sambutan yang hebat dalam kalangan pembaca Tamil Nesan. S.Vadiveloo banyak menghasilkan rencana-rencana bersifat budaya Tamil.

Dalam rencana-rencana tersebut beliau menjelaskan kehidupan masyarakat Tamil zaman Sanggam yang disanjung tinggi sehingga sekarang. S.Vadiveloo menggunakan teknik menyelitkan adegan-adegan daripada epik-epik agung klasik Tamil untuk memberi rangsangan kepada pembaca. Antara epik-epik Tamil yang menjadi pilihan S.Vadiveloo adalah seperti silapathigaaram,kambaraamaayanam dan manonmaniam. Antara rencana terkenal yang memuatkan adegan epik-epik Tamil ialah ‘Awai Adakkam’ (Protokol). Rencana tersebut disiarkan oleh akhbar Tamil Nesan pada 21.10.1956.

Selain itu, S.Vadiveloo memetik ulasan daripada teks tatabahasa Tamil terkenal seperti Tol Kaapiyam dan epik keagamaan seperti ‘Themmpavani’ dan ‘Periya Buraanam’. Beliau menyelitkan adegan-adegan sastera epik dan sastera agama dalam rencananya sebagai suatu stilistik. Dalam rencana tersebut S.Vadiveloo menghuraikan cara-cara menjaga protokol dalam sesuatu majlis rasmi. S.Vadiveloo menghasilkan sebuah lagi rencana yang bertajuk ‘Aankal Alakaa, Penkal Alakaa?’ (Siapakah paling

cantik, lelaki atau perempuan). Rencana telah disiarkan dalam akhbar Tamil Nesan pada 4.11.1956.

Menerusi rencana tersebut. S.Vadiveloo cuba menyindir kaum wanita yang enggan mengakui ketampanan dan kehebatan kaum lelaki. Dalam rencana tersebut, S.Vadiveloo cuba menerangkan kehebatan dan kelebihan haiwan-haiwan jantan. Menurutnya, haiwan-haiwan jantan memiliki ciri-ciri yang lebih menawan berbanding dengan haiwan betina. Beliau mencontohkan burung merak jantan yang lebih cantik dan hebat dalam tarian. Manakala merak betina tidak seberapa hebat dan kurang menonjol dalam tarian.

Sementara itu, pada 27.1.1957 akhbar Tamil Nesan menerbitkan sebuah lagi rencana yang dikarang oleh S.Vadiveloo. Rencana yang bertajuk ‘Matiyum Manggaiyum’ (wanita dan cerdik) tersebut dihasilkan berdasarkan epik Thirukkural. Pada kali ini S.Vadiveloo memilih aspek ‘Kaamattup Paal’¹ (prinsip asmara) yang terdapat dalam Thirukkural untuk menghuraikan tentang tanggungjawab yang perlu dimiliki seorang isteri. Dalam pada itu, S.Vadiveloo turut menghasilkan rencana-rencana yang membincangkan tentang pendidikan rumah tangga.

Rencana yang bertajuk ‘Aiiyam Kondaal’ (kekeliruan) yang disiarkan dalam akhbar Tamil Nesan pada 7.4.1957 tersebut menjelaskan tentang kepentingan pendidikan rumah tangga terutamanya hal-hal yang perlu diketahui oleh seorang isteri ketika mendampingi suami. Dalam rencana tersebut, S.Vadiveloo memetik bait-bait puisi daripada epik Thirukkural untuk menjelaskan perkara berkaitan dengan perhubungan suami dan isteri. Selain surat khabar, S.Vadiveloo turut menulis rencana dalam majalah-majalah khas yang diterbitkan oleh organisasi swasta yang lain. Pada tahun yang 1955, beliau menghasilkan sebuah lagi rencana yang bertajuk ‘Ilakkiyathil

¹Kaamatup Paal adalah bab mengenai kehidupan rumah tangga dalam epik Thirukkural.

Thirumana Vaalthu' (thaniah) yang membawa maksud penghargaan dalam perkahwinan dalam majalah Manogaran yang diterbitkan pada tahun 1955.

3.3.5 Penglibatan Dalam Bidang Kritikan Sastera

Selain menulis rencana di akhbar Tamil, S.Vadiveloo turut memberi ucapan-ucapan kritikan sastera dalam majlis-majlis pelancaran buku bahasa Tamil yang dianjurkan oleh persatuan-persatuan bahasa dan budaya yang berfungsi di Malaysia. Anbananthan yang menjadi penulis cerpen terkenal pada ketika itu telah menghasilkan antologi cerpen yang pertama dengan tajuk ‘Enikkoodu’ (Tangga). Beliau mengundang S.Vadiveloo ke majlis pelancaran antologi tersebut. S.Vadiveloo ditugaskan untuk mengulas tentang antologi tersebut.

Dalam kritikan sastera tersebut S.Vadiveloo menyatakan bahawa cerpen ‘Enikkoodu’ (Tangga) yang dihasilkan oleh S. A. Anbananthan mengisahkan realiti kehidupan masyarakat India yang tinggal di ladang-ladang getah. Dalam ucapan tersebut, S.Vadiveloo mengupas kehidupan masyarakat India yang serba kekurangan yang digambarkan menerusi watak Cinnamma. Pandangan dan saranan S.Vadiveloo tentang pekerja ladang dan penindasan pekerja wanita di ladang jelas menunjukkan keprihatinannya tentang sosialisme dan feminism.

Selain Kelab Bell Belia Tamil Malaysia, S.Vadiveloo juga memberi ucapan dalam majlis pelancaran buku dan antologi cerpen yang dianjurkan oleh badan-badan NGO yang lain. Antara kritikan sastera yang diberikan olehnya ialah semasa pelancaran buku Alai Osai karya Kaarai Kilaar. Pada tahun 1959, S.Vadiveloo mengadakan lawatan bench marking bersama guru-guru sekolah Tamil Negeri Sembilan ke Tamil Nadu, India. Beliau berjaya mengadakan dialog bersama penulis-penulis Tamil yang tinggal di Tamil Nadu. Lawatan tersebut memberikan inspirasi dan menyuntik semangat baharu terhadap kesusasteraan moden. Lawatan tersebut menanam minat dalam

sanubarinya bagi menghasilkan cerpen-cerpen yang bermutu setanding dengan cerpen-cerpen yang dihasilkan di Tamil Nadu, India.

Lawatan penanda aras yang dilakukan oleh kumpulan guru-guru yang diketuai oleh S.Vadiveloo tersebut mendatangkan hasil kerana ramai di antara guru yang menyertai lawatan tersebut mulai menceburkan diri dalam dunia kesusasteraan Tamil dan menghasilkan karya-karya kreatif seperti sajak dan cerpen. Sebagai hasil daripada lawatan tersebut, S.Vadiveloo mula menghasilkan cerpen-cerpen yang bermutu sehingga dikenali sebagai ‘Sirukatai Chirppi’ (Tokoh Cerpen Tamil). Gelaran tersebut disampaikan oleh Majis Kelab Bell Belia Tamil Malaysia pada tahun 1974.

3.3.6 Penglibatan Dalam Bidang Genre Cerpen

S.Vadiveloo menjek kaki dalam dunia cerpen Tamil Malaysia ketika beliau berusia 24 tahun. Cerpen pertama beliau telah diterbitkan oleh akhbar Tamil Murasu pada 13.9.1953 dengan tajuk ‘Tunbasanggili’ (penderitaan yang berlarutan). Cerpen ini mengisahkan penghidupan tiga orang wanita dalam sebuah keluarga iaitu ibu, anak perempuan dan menantu perempuan. Menantu perempuan tersebut dicitrakan menindas adik ipar sendiri. Sebagai kemuncak, menantu tersebut menyiram minyak masa yang panas di muka adik ipar tersebut. Oleh kerana cerpen ini menjadi hasil karya yang pertama, watak dan gaya penyampaiannya tidak menjadi tarikan ramai.

S.Vadiveloo turut menghasilkan cerpen-cerpen berunsurkan semangat patriotik. Antaranya ialah cerpen ‘Malai Manggaiyin Katai’ (Kisah Malaya) di akhbar Tamil Murasu pada 21.8.1955. Cerpen tersebut mengisahkan peristiwa pengembalaan beliau dengan kawan-kawannya dari pantai Port Dickson ke sebuah kubu yang terletak di beberapa kilometer dari Port Dickson. Selepas letih berjalan kaki, beliau sebagai watak utama dalam cereka tersebut terlena di bawah sebuah pokok berhampiran kubu tersebut.

Dalam penulisan tersebut beliau menceritakan bahawa dia didatangi seorang bidadari dengan wajah sedih. Bidadari tersebut menyoal tujuan kedatangan S.Vadiveloo ke kubu tersebut. Beliau menceritakan hasrat kunjungan tersebut iaitu untuk meninjau keadaan dan keindahan kubu tersebut. Dalam perbualan itu, bidadari tersebut menceritakan keistimewaan kubu yang didiami dan keindahan alam semulajadi kawasan kubu tersebut. Walaupun pada dasarnya cerpen itu menunjukkan perbualan antara bidadari dan manusia tetapi S.Vadiveloo cuba menceritakan keindahan Malaya yang ada pada ketika itu serta semangat perpaduan yang terdapat dalam kalangan masyarakat Malaya.

Akhbar Tamil Murasu dan Tamil Nesan memainkan peranan penting dalam dunia penulisan S.Vadiveloo. Kedua-dua akhbar tersebut membawa S.Vadiveloo hingga ke puncak kejayaan sehingga nama beliau terpacak sebagai penulis cerpen Tamil yang terkemuka di negara ini. S.Vadiveloo memperoleh hadiah pertama dalam peraduan cerpen anjuran akhbar Tamil Murasu pada tahun 1955. Akhbar tersebut mengadakan peraduan menulis cerpen dengan tema ‘Penyelesaian Masalah’. Tema ini didapati berbeza dan unik. Akhbar Tamil Murasu memberi pendahuluan cerpen dan meminta penulis menyambungkan cerpen itu.

S.Vadiveloo mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut dan mendahului cerpenis-cerpenis yang lain. Ini merupakan kejayaan pertama yang dicapai oleh S.Vadiveloo di peringkat nasional. Ketika itu beliau hanya berusia dua puluh enam tahun. Cerpenis yang lain yang turut menyertai peraduan tersebut adalah seperti M.Ramaiyah, A.K.Arivananthan, R.Karthigesu, S.Beer Mohammad, S.A.Anbananthan, M.Abdul Latif, M.Kumaran, S.Sokkalinggam, M.Anbu Selvan, Maitee Sultan dan Dheenaratchagi.

Selain akhbar Tamil Murasu, akhbar Tamil Nesan turut membantu para penulis cerpen untuk menghasilkan cerpen-cerpen yang bermutu. Ku.Aalgirisami selaku editor telah menjadi inspirasi kepada cerpenis muda sekitar tahun 1950an. Ku.Alagirisami selaku editor, memuatkan karya-karya sastera seperti cerpen, sajak dalam Tamil Nesan. Ku.Alagirisami memulakan ruangan baru kepada penulis muda untuk menghasilkan cerpen-cerpen mereka. Antara penulis muda yang dikenal pasti oleh Ku.Alagirisami pada ketika itu adalah S.Vadiveloo, M.Abdul Latif, S.V.Subramaniam, VS.Muthaiyah, M.Rasa, I.Iavalagu, M.S.Mayadewan, S.Velusamy, PS.Paritithasan dan beberapa orang lagi.

Hasil daripada bimbingan yang diperoleh daripada kedua-dua akhbar tersebut, S.Vadiveloo berjaya menghasilkan lebih daripada seratus cerpen yang disanjungi sehingga sekarang. Antara cerpen yang menjadi sambutan ramai adalah seperti ‘Putiya Paatai’ (Harapan Baharu), ‘Muundru Talaimurai’ (Tiga Generasi), ‘Muthusamy Kilawan’ (Orang Tua Muthusamy), ‘Irunda Ulagam’ (Dunia Gelap), ‘Karuppaya Kanggani’ (Kanggani Yang Bernama Karuppaiah), ‘Irandu Tirudargall’ (Dua Orang Pencuri), ‘Taahum Maganum’ (Ibu Dan Anak Lelaki), ‘Kannan Remove Vaguppil Padikkiraan’ (Kannan Belajar Di Kels Peralihan), ‘Serambanil Iruntu Vannte Sella’ (Sella Yang Datang Dari Bandar Seremban), ‘Irandu Kurugigall’ (dua Orang Wanita Buta), ‘Pillai Varam’ (Kehamilan), ‘Irattdai Puuthu’ (Dua Biji Mangga), ‘Thumba Sanggili’ (Penderitaan), ‘Uumaiyan’ (Orang Bisu), ‘Enthe Vagai Kaiti’ (Tahanan) dan ‘Adittatu Parisu’ (Mendapat Hadiah). S.Vadivel menghasilkan cerpen-cerpen tersebut dengan mendirikan watak-watak masyarakat India yang hidup di ladang-ladang getah. Beliau berjaya memancarkan kehidupan dan penindasan yang dialami oleh mereka akibat penekanan majikan British.

Di samping penekanan British, S.Vadiveloo turut menghasilkan cerpen-cerpen yang berlatarkan zaman pendudukan Jepun di Malaya. Beliau mencitrakan peristiwa-peristiwa penindasan tentera Jepun serta fenomena yang dialami oleh masyarakat India ketika pendudukan Jepun di negara ini. Antaranya adalah peristiwa kekurangan beras dan kekurangan garam. Di samping itu, S.Vadiveloo turut mengisahkan ketidakadilan sosial yang berlaku di ladang-ladang getah. Beliau mencitrakan gelagat kelompok pengurus, kerani, mandor, pembantu perubatan dan pekedai yang menindas, mengeksplorasi dan meminggirkan pekerja ladang getah.

Sebagai contohnya, cerpen ‘Karuppaiya Kanggani’ (Kanggani Yang Bernama Karuppaiya) menerangkan sikap kumpulan mandor yang menindas golongan pekerja ladang getah. Cerpen ‘Muundru Talaimurai’ (Tiga Generasi) mengisahkan diskriminasi san perangai biadab puak kerani terhadap golongan pekerja. Cerpen-cerpen seperti ‘Pillai Varam’ (Kehamilan) dan ‘Irattdai Puutdu’ (Dua Biji Mangga) mengisahkan sikap segelintir individu yang menggelar dirinya sebagai sami dan menggunakan unsur agama untuk menipu masyarakat India di ladang dengan motif mencari kekayaan dalam bentuk haram.

S.Vadiveloo mencitrakan kisah benar yang berlaku di kuil-kuil terdapat di kawasan perladangan getah menerusi cerpen ‘Irattdai Puutdu’ (Dua Biji Mangga). Beliau menyindir perkara-perkara yang tidak beradab itu dengan serius sekali. S.Vadiveloo turut memberanikan diri untuk mengkritik kelompok India elit yang tinggal di kawasan estet seperti pengurus ladang dan kerani. Beliau menggunakan cerpen ‘Thaayum Magalum’ (Ibu dan anak perempuan) untuk membongkar kelakuan keji yang dilakukan oleh seorang kerani terhadap seorang isteri pekerja ladang getah. Selepas memperkosa wanita tersebut, kerani tersebut menawarkan jawatan mandor kepada suami wanita berkenaan sebagai rasuah ataupun balasan kepada khidmat seks.

Dalam tempoh masa yang singkat, S.Vadiveloo menjadi terkenal di Malaysia sebagai cerpenis Tamil yang terkemuka. Cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh beliau mendapat perhatian ramai dan mendapat hadiah berupa wang tunai dan pingat emas. Cerpen ‘Kannan Remove Vaguppil Padikkiraan’ (Kannan Belajar Dalam Kelas Peralihan) merupakan cerpen yang memenangi hadiah pingat emas daripada Persatuan Penulis-penulis Tamil Malaysia pada tahun 1977. Cerpen tersebut mendapat sambutan hangat dalam kalangan peminat kesusasteraan Tamil kerana mengisahkan kehidupan masyarakat India di estet yang serba kekurangan.

Watak kanak-kanak yang dicitrakan dalam cerpen tersebut mengalami belbagai halangan ketika hendak pergi ke sekolah. Cerpen ‘Serembanil Iruntu Vanta Sella’ (Sella Dari bandar Seremban) juga mengisahkan penindasan yang dilakukan oleh wanita India elit terhadap seorang gadis sunti yang datang daripada keluarga miskin. Cerpen “Putiya Paatai” (Jalan Baharu) merupakan cerpen yang memaparkan kesulitan yang dihadapi oleh anak-anak pekerja dalam usaha mendapatkan pendidikan sempurna. Selain menyertai peraduan menulis cerpen anjuran akhbar-akhbar Tamil, S.Vadiveloo turut mengambil bahagian dalam peraduan menulis cerpen yang dianjurkan oleh badan-badan kesusasteraan di peringkat antarabangsa.

S.Vadiveloo mengambil bahagian dalam peraduan menulis cerpen yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan Singapura pada 1962. Dewan tersebut telah menganjur satu persidangan kesusasteraan bersama penulis-penulis Tamil Malaysia dan Singapura. Dalam persidangan tersebut, penulis-penulis Tamil dan Cina menggesa ahli-ahli lembaga kongres Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan agar karya-karya yang ditulis dalam sebarang bahasa di negara Malaya dianggap sebagai sastera Malaya. Persidangan itu menjadi titik tolak kepada cerpenis

Tamil tempatan untuk menghasilkan cerpen-cerpen yang berlatarkan tempat dan watak pelbagai kaum di Malaya yang terdiri daripada Melayu, Cina dan India.

S.Vadiveloo adalah cerpenis yang banyak menghasilkan cerpen yang berlatarkan muhibah. Antara cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh S.Vadiveloo dengan berlatarkan masyarakat majmuk di Malaysia ialah Kuranggu Aandu Palan (Nasib Dalam Tahun Monyet), Paambu Aandu Vantathu (Tibanya Tahun Ular) dan Kong Zi Fat Choy (Selamat Tahun Baharu Cina). S.Vadiveloo menghasilkan empat cerpen yang berlatarkan watak orang Cina. Dalam cerpen-cerpen tersebut penulis S.Vadiveloo berusaha menggabung jalankan hubungan persaudaraan kaum Cina dengan kaum India di Malaysia.

Selain berlatarkan kebudayaan tempatan. S.Vadiveloo turut menghasilkan cerpen-cerpen yang melibatkan watak-watak Eropah dan watak-watak orang asli. Antara cerpen yang dihasilkan dengan berlatarkan watak-watak Eropah ialah Pirintawar Kuudinar (Bertemu orang yang sudah berpisah). Cerpen tersebut mengisahkan suasana kehidupan masyarakat Eropah yang sering bercerai. Manakala cerpen-cerpen seperti Dr.Santhosam (Doktor Santhosam) dan Thiyaagap Parisu (Pengornanan) membawa watak-watak orang asli yang terdapat di negara ini.

3.3.7 Penglibatan Dalam Aktiviti Persatuan Penulis

Sewaktu S.Vadiveloo berada di mercu kecemerlangan dalam penulisan cerpen-cerpen Tamil di Malaysia, beliau dipelawa untuk memimpin Persatuan Penulis-penulis Tamil Malaysia sebagai presiden. Beliau menerajui persatuan penulis tersebut selama tujuh tahun iaitu dari 1974-1980. Semasa memegang jawatan presiden beliau menganjurkan bengkel-bengkel penulisan cerpen di beberapa bandar di Malaysia bagi memupuk minat dalam kalangan generasi muda agar bergiat dalam aktiviti kesusasteraan Tamil. Selain

itu, beliau turut menganjurkan pertandingan menulis sajak dalam kalangan remaja bagi mencungkil bakat mereka. Sajak-sajak yang memenangi hadiah menerusi pertandingan tersebut telah dijilid dan dinamakan sebagai kumpulan sajak parisu (Hadiah). Antologi tersebut kemudiannya diterbitkan oleh Persatuan Penulis-penulis Tamil Malaysia.

S.Vadiveloo berundur daripada jawatan presiden Persatuan Penulis-penulis Tamil Malaysia, yang dipegang selama tujuh tahun bagi memberi laluan kepada generasi muda. Selepas berundur daripada persatuan tersebut, S.Vadiveloo bergiat dalam bidang penulisan di peringkat negeri. S.Vadiveloo menubuhkan Persatuan Penulis-penulis Tamil Negeri Sembilan pada tahun 1983. Di bawah persatuan tersebut, beliau menganjur program diskusi sastera di bandar Seremban. S.Vadiveloo menerajui Persatuan Penulis Tamil Negeri Sembilan dari tahun 1983 hingga 1986.

Dalam tempoh memegang jawatan penting dalam Persatuan Penulis Tamil Malaysia dan Persatuan Penulis Tamil Negeri Sembilan, S.Vadiveloo telah berusaha dengan gigih untuk membukukan hasil-hasil karya yang diperoleh daripada peraduan-peraduan penulisan kreatif. Beliau menganjurkan banyak bengkel penulisan cerpen dengan usaha sama daripada penulis-penulis Tamil yang datang dari Tamil Nadu, India. Di samping itu, Beliau mengendalikan bengkel penulisan sajak di sekitar Kuala Lumpur dan Seremban. Sajak-sajak ini dideklamasi kemudiannya diterbitkan sebagai Arangetra Kavitaikal (sajak-sajak yang dideklamasi). S.Vadiveloo memulakan kempen mengutip 10 ringgit sebagai kos menerbitkan buku-buku sajak berkenaan dikendalikan oleh persatuan yang dianggotai oleh beliau.

S.Vadiveloo turut aktif dalam Kesatuan Keguruan Tamil Malaysia dan berperanan sebagai editor majalah guru-guru Tamil Malaysia. Sumbangan S.Vadiveloo tidak terhenti setakat itu, malah beliau turut mengambil bahagian dalam persatuan belia. Beliau menganggotai Kelab Bell Belia Tamil Malaysia di peringkat cawangan, daerah,

negeri dan kebangsaan. Pada ketika itu, Kelab Bell Belia Tamil Malaysia berfungsi sebagai badan sosial yang aktif di Malaysia setanding dengan Parti MIC. Kelab Bell Belia Tamil Malaysia kemudiannya melantik S.Vadiveloo sebagai penasihat di peringkat nasional. S.Vadiveloo turut menabur bakti dalam sistem pendidikan Bahasa Tamil terutamanya di peringkat Negeri Sembilan.

Selain itu, S.Vadiveloo turut menubuhkan Pasukan Pemeliharaan Bahasa Tamil peringkat Negeri Sembilan. Aktiviti utama pasukan tersebut ialah menggubal kertas soalan peperiksaan berpusat bagi sekolah-sekolah Tamil Negeri Sembilan. Di samping itu, pasukan tersebut menganjurkan peraduan mengarang Bahasa Tamil untuk murid-murid sekolah Tamil di negeri tersebut. Selaku aktivis sosial, S.Vadiveloo telah menganjurkan Pesta Bahasa Tamil di peringkat Negeri Sembilan bagi memberi peluang kepada murid-murid sekolah Tamil di peringkat Negeri Sembilan untuk mengambil bahagian dalam pertandingan-pertandingan bercorak bahasa dan budaya.

Di samping itu, S.Vadiveloo telah menerbitkan majalah tahunan yang menggabungkan seluruh sekolah-sekolah Tamil yang beroperasi di Negeri Sembilan. Majalah tahunan tersebut menjadi suara utama bagi menyatupadukan semua sekolah-sekolah tersebut. Sebagai langkah memelihara kesejahteraan agama dan moral, maka S.Vadiveloo menghasilkan sebuah rencana dalam khbar Tamil Nesan. Rencana tersebut telah disiarkan pada 12.8.1979 di akhbar tersebut. Rencana yang bertajuk PaLLigaLil Samaya Photanai (Pengajaran Agama dan Moral di Sekolah Tamil) tersebut menyoal tentang sikap kaum India yang membantah dan menghalang permulaan kelas agama dan moral di sekolah-sekolah Tamil di Malaysia.

Dalam rencana tersebut, S.Vadiveloo menghuraikan kepentingan pengajaran agama dalam kalangan murid-muris sekolah Tamil. Menurutnya, kelas-kelas pengajaran puisi-puisi Thewaram dan Saiva Sithantha akan membuka minda murid-murid sekolah

Tamil berkaitan dengan agama. S.Vadiveloo berkeyakinan bahawa kelas tersebut mampu membantu pelajar mempelajari Bahasa Tamil dengan efektif serta memperkayakan tatabahasa dan kesusasteraan dengan baik sekali. Dalam rencana tersebut, S.Vadiveloo membuktikan kecemerlangan Persatuan Agama dan Kebudayaan Hindu Negeri Sembilan yang berjaya menganjur program-program yang berfaedah kepada agama bangsa dan negara.

Selain itu, S.Vadiveloo turut menubuhkan Persatuan Agama dan kebudayaan Hindu di Negeri Sembilan dengan tujuan menanamkan sikap mencintai dan menghargai prinsip-prinsip agama dan budaya Hindu dalam kalangan murid-murid sekolah Tamil di Negeri Sembilan. Beliau menerajui persatuan tersebut selama lapan tahun. S.Vadiveloo menganjurkan pertandingan tirumurai (Puisi Suci Dewa Shiva) untuk murid-murid sekolah Tamil demi mereka melengkapkan diri dengan nilai-nilai keagamaan.

Disamping bidang keagamaan, S.Vadiveloo turut menabur bakti dalam aktiviti pengajaran Bahasa Tamil untuk bakal mahasiswa universiti dan maktab perguruan.. Beliau mengendalikan kelas kesusasteraan Tamil untuk pelajar SPM dan STPM. Guru-guru yang ingin melanjutkan pelajaran di peringkat universiti menyertai kelas bahasa Tamil STPM. Kelas tersebut dikendalikan secara percuma di Seremban. Selepas itu, beliau bersama Dr.A.Nagappan (Bekas Pensyarah Maktab Perguruan Seri Kota) memulakan sebuah lagi kelas Bahasa Tamil SPM dan STPM di SJKT Jawa Land, Seramban, Negeri Sembilan. Antara yang menyertai kelas tersebut adalah guru-guru sekolah Tamil dari kawasan Alor Gajah, Gemas dan Tampin. Disamping itu, S.Vadiveloo turut menganjur seminar peperiksaan SPM dan STPM setiap tahun dengan menjemput pakar-pakar bahasa daripada universiti-universiti tempatan. Ramai pelajar yang menyertai seminar tersebut berjaya melangkah ke menara gading.

Sebagai usaha menghargai sumbangan S.Vadiveloo kepada agama bangsa dan negara, maka dalam tahun 1988 beliau dianugerahkan sebuah lagi pingat emas oleh VGP brothers yang sangat popular di Tamil Nadu, India. Pada tahun 1988, S.Vadiveloo menerima sebuah lagi hadiah utama daripada Persatuan Penulis Tamil Malaysia, berupa Pingat Emas Ko.Saranggabaani. Pingat ini dikurniakan sebagai kenangan terhadap jasa yang dicurahkan dalam bidang kesusasteraan Tamil Malaysia.

S.Vadiveloo memiliki pengetahuan tatabahasa yang mendalam dalam bahasa Tamil menerusi penyertaannya dalam Panditar Vaguppu (Kelas Bahasa Tamil Pendita), Tamil Pannai (Pusat Kegiatan Bahasa Tamil), Katai Vaguppu (Kelas Bercerita) dan Ku.Alagirisami Ilakkiya Vaguppu (Kelas Kesusasteraan Ku.Alagirisami). Dalam tempoh penghidupannya, S.Vadivel telah berusaha gigih untuk menukar identiti masyarakat India daripada imej buruh-buruh India murah ke masyarakat yang maju dalam segala aspek. Beliau cuba memasukkan dimensi baru tersebut dalam semua hasil karya seperti cerpen, rencana dan sajak.

Latar belakang S.Vadiveloo sebagai seorang anak pekerja di ladang getah dan sebagai guru yang pernah berkhidmat di sekolah-sekolah Tamil dan sebagai seorang guru besar di beberapa sekolah Tamil, S.Vadiveloo berpeluang beruruskan ibu bapa anak-anak murid beliau yang berkerja sebagai pekerja ladang getah. Pengalaman yang dialami itu mendorong beliau untuk menghasilkan cerpen-cerpen yang mencitrakan kehidupan masyarakat India di ladang getah. Selain itu, fahaman Periyaar (Fahaman Redikal) yang dimiliki olehnya serta pengaruh tokoh-tokoh Thiraavivar Kazakam (Parti Reformasi Sosial) seperti C.N.Anna Durai, Mu.Karunaaneethi dan Ki.Veeramani telah mempengaruhi S.Vadiveloo untuk membawa perubahan dalam kalangan masyarakat India yang hidup di ladang-ladang getah.

Sebagai kesimpulannya, S.Vadiveloo didapati menterjemahkan pengalamannya dalam bentuk cerpen untuk tatapan pembaca. Kini, cerpen-cerpen beliau terkenal sebagai dokumen sosial bagi mengenali kehidupan sosial masyarakat India generasi pertama yang dibawa oleh kuasa British ke negara ini. Penulis S.Vadiveloo bukan sahaja merakamkan sejarah kehidupan masyarakat India di ladang getah malah mencitrakan ratapan pekerja-pekerja ladang getah yang serba kekurangan. Cerpen-cerpen beliau memberi makna yang lebih mendalam dalam menjelmakan suara kemanusiaan masyarakat ladang getah yang selama ini terpendam dan tidak diketahui masyarakat umum.

3.4 Tema-tema Dalam Penulisan S.Vadiveloo

S.Vadiveloo menghasilkan tiga buah antologi cerpen. Antara tema yang menjadi pilihan beliau adalah seperti cinta dan perkawinan, keruntuhan moral, perang, politik, ekonomi, kemiskinan, kewarganegaraan, minuman arak, penindasan dalam agama, kepercayaan karut, penindasan wanita, penindasan kuasa British, Jepun dan India elit, halangan-halangan pelajaran, buruh kanak-kanak, pengeksplotasian gender, rasuah arak, rasuah seks dan pecah amanah yang berlaku dalam kalangan masyarakat India di Malaysia. Selain itu, beliau turut menghasilkan cerpen-cerpen bertemakan perpaduan kaum di Malaysia, kehidupan masyarakat asli dan kelemahan budaya barat. Berikut adalah tema-tema popular yang terkandung dalam cerpen yang dihasilkan oleh S.Vadiveloo.

3.4.1 Cinta dan Perkhawinan

Cinta adalah tema universal dalam kalangan cerpenis di negara ini. Cerpen S. Vadiveloo turut memuatkan tema tersebut. Cerpen yang bertajuk tiyagap parisu (pengorbanan) mengisahkan cinta seorang perajurit Malaysia yang beragama Hindu dengan gadis Senoi daripada masyarakat orang asli yang berlaku di kawasan Triang, Pahang. Kisah percintaan itu belaku semasa zaman darurat. Antara cerpen-cerpen lain yang bertemakan cinta ialah ‘Pirintavar Kuudinar’ (Kembali Bersatu), ‘Iranda wathu Manaivi’ (Isteri Kedua), dan ‘Irando Kurudigall’(Dua orang buta). Cerpen-cerpen ini mengisahkan gelora cinta yang berlaku dalam kalangan pasangan wanita dan teruna India. Cerpen ‘Pirintavar Kuudinar’ membawa latar tempat Eropah dan watak-wataknya juga terdiri daripada orang Eropah. S.Vadiveloo adalah penulis Tamil Malaysia pertama yang menghasilkan sebuah cerpen yang berlatarkan negara barat serta menggunakan watak-watak orang barat.

3.4.2 Masalah Keluarga

Cerpen ‘Paambu Anndu Vantahtu’ (Tahun Ular) mengisahkan masalah yang berlaku dalam keluarga Ming Kai, iaitu jiran kepada keluarga Maniam. Dalam cerpen tersebut S.Vadiveloo menggunakan latar budaya orang Cina di Malaysia seperti adat makan besar sebelum Tahun Baru Cina dan pantang larang kaum Cina. Sebuah lagi cerpen yang bertemakan Tahun Baru Cina ialah ‘Gong Zi Fat Choy’. Cerpen ini mengisahkan masalah dalam keluarga Kim Seng. Dia menganggap tahun monyet yang menjelma saban hari akan membawa nasib yang kurang baik kepada diri dan keluarganya. Maka, Kim Seng mengambil keputusan untuk menjual anak perempuan yang lahir dalam tahun monyet tersebut. Sepasang suami isteri India yang ketiadaan zuriat membeli bayi keturunan Cina tersebut.

3.4.3 Keruntuhan Moral dan Kebebasan Sosial

Cerpen ‘Irandu Kurudigall’ (Dua Orang Buta) mengisahkan keruntuhan moral dan kebebasan sosial yang dialami oleh seorang gadis yatim kehilangan ibu. Gadis tersebut terpesong daripada budaya India serta bergaul bebas mengikut budaya barat. Gadis tersebut dicitrakan tidak berminat hidup dengan suami yang tinggal di negara India. Pada anggapan gadis tersebut, negara tersebut tidak sesuai untuknya. Pada suatu hari seorang wanita buta mendampingi wanita moden tersebut untuk mendapatkan bantuan makanan. Selepas makan, wanita tua tersebut menerangkan kepentingan hidup bersama suami. Wanita tua tersebut meminta gadis tersebut hidup bersama suami yang tinggal di India walaupun tidak seperti Malaysia.

3.4.4 Pendudukan Jepun Di Malaya

Cerpen ‘Irunda Ulagam’ (Dunia Gelap) mengisahkan kesan perang dunia kedua dan pendudukan tentera Jepun di negara ini ketika dahulu ramai dalam kalangan kaum India telah dibawa ke Siam untuk membina landasan kereta api maut. Cerpen tersebut mengisahkan kesengsaraan hidup yang dialami oleh keluarga Murugaiyah di negara Siam. Muniammah yang merupakan isteri kepada watak Murugaiyah terpaksa ditinggalkan di estet ketika orang Jepun menangkap dia untuk dibawa ke negara Siam. Murugaiyah adalah seribu satu orang yang dieksplorasi oleh rejimen jepun yang menjajah Tanah Melayu pada ketika itu.

Dalam cerpen tersebut S.Vadiveloo menerangkan nasib malang yang dialami oleh kaum India di negara Siam ketika melakukan kerja-kerja pembinaan landasan keretapi maut. S.Vadiveloo menggambarkan penindasan yang dialami oleh buruh-buruh India daripada aspek sosial dan ekonomi. Disamping itu, cerpen Muthusamy Kilawan turut menerangkan penindasan yang dialami oleh masyarakat India di negara Siam. Kezaliman dan kekejaman tentera Jepun menyebabkan para pekerja mengalami penyeksaan sehingga menemui maut. Selain itu V.Vadiveloo menggambarkan peristiwa catuan bekalan beras dan krisis makan ubi kayu ketika pendudukan Jepun di Malaya.

3.4.5 Politik

S.Vadiveloo tidak menghasilkan cerpen yang bertema politik secara bulat-bulat, namun terdapat sindiran politik di beberapa cerpen. Antaranya cerpen yang mempunyai sindiran politik ialah Pillai varam. Menerusi cerpen tersebut, S.Vadiveloo menyindir peluang perniagaan yang diberikan oleh pihak majlis perbandaran dan pihak kerajaan tempatan kepada kaum India. Beliau menggambarkan peluang perniagaan yang

diberikan kepada kaum India di pasar yang baru dibangunkan di Bandar Seremban pada tahun 1977.

Dalam cerpen yang sama, S.Vadiveloo menyindir keluasan rumah pekerja Jabatan Kerja Raya (JKR) sebesar garaj kereta. Dalam tahun-tahun 1960-an dan 1970-an, majoriti perkerja JKR adalah orang-orang India. Mereka hidup di rumah kuatres JKR yang sempit dengan serba kekurangan , mempunyai sama ada satu atau dua bilik tidur sahaja. S.Vadiveloo mengisahkan semua ahli keluarga tidur dalam sebilik kerana tidak mempunyai bilik yang berasingan. Watak Arumugam dalam cerpen tersebut merupakan anak sulung kepada Letchumi (buruh J.K.R). Lelaki tersebut digambarkan menghadapi kesulitan untuk bersama isterinya. Jiran-jiran tetangganya mula mendesak Lechumi tentang menantu perempuan yang belum lagi hamil.

3.4.6 Masyarakat Majmuk di Malaysia

S.Vadiveloo bukan sahaja membincangkan tentang sosioekonomi masyarakat India, malah turut mengambarkan keadaan ekonomi dan sosial yang dialami oleh masyarakat orang asli menerusi cerpen ‘Dr.Santhosam’. Cerpen yang dihasilkan oleh beliau menerangkan bahawa adad ke-20 ini semakin membawa kemajuan kepada semua lapisan masyarakat di negara ini. Serentak dengan arus kemajuan tersebut orang asli juga harus mencapai kemajuan daripada banyak aspek. Jika meneliti senario kampong-kampong orang asli tidak sedemikian rupa. Orang asli yang berada di kampong-kampong tersebut hidup dalam keadaan serba daif. Mereka tidak mempunyai makanan yang secukup dan tidak mempunyai pakaian yang lengkap. Hidup mereka tidak selesa seperti dialami oleh rakyat jelata yang lain. Bentuk rumah orang asli berada seperti reban ayam. Persekutaran kehidupan mereka masih diselubungi nyamuk dan hidupan liar yang lain.

3.4.7 Kewarganegaraan

Cerpen ‘Thiruvaalar Sinna Kannu’ (Encik Sinna Kannu) mengisahkan masalah kewarganegaraan yang dialami oleh seorang pekerja India yang dibawa dari negara India. Watak pekerja yang bernama Sinnakannu tersebut mengalami kerisauan kerana dia masih tidak fasih berbahasa Melayu. Dia memahami bahawa kemahiran bertutur bahasa Melayu merupakan syarat penting untuk mendapat status kewarganegaraan di negara ini. Sinnakannu yang sudah menetap di Malaya lebih daripada 20 tahun tidak sudi balik ke negara India kerana tidak fasih bercakap Bahasa Malaysia. Watak Sinnakannu digambarkan tidak lagi mengenali saudara mara yang tinggal di situ kerana dia berhijrah ke negara ini pada usia yang muda. S.Vadiveloo menerangkan bahawa watak Sinnakannu sudah menganggap Malaya sebagai tanah tumpah darahnya. Cerpen ini mencerminkan isi hati masyarakat India di Malaya ketika zaman pasca kemerdekaan.

3.4.8 Arak dan Pelacuran

Cerpen “Thaayum Magalum” (Ibu dan anak perempuan) mengisahkan perbuatan mengutuk yang dilakukan oleh seorang bapa kepada anak perempuannya yang baru berumur enam belas tahun. Dalam cerpen tersebut watak bapa yang bernama Munusamy dicitrakan sebagai seorang penoreh getah. Dia berkahwin dengan gadis yang bernama Ammakannu. Pada suatu hari kerani meminta Munusamy supaya menghantarkan seorang wanita untuk menjadi pembantu rumah di banglo yang terletak di pinggir ladang getah tersebut kerana isterinya sudah dihantar ke rumah ibunya untuk bersalin. Munusamy yang sudah lama mendahagakan jawatan kanggani di ladang getah tersebut mengambil kesempatan untuk memberi suapan seks kepada kerani tersebut.

Watak suami tersebut menghantar isterinya sebagai pembantu rumah ke rumah kerani. Ketika Ammakannu sedang menjalankan kerja-kerja mengemas rumah, kerani

tersebut cuba mendekati isteri Munusamy dan memperkosakan wanita tersebut. Sebaik sahaja mendengar aduan isterinya mengenai kejadian tersebut, watak suami tersebut berpura-pura memarahi kerani dan berlari menuju ke rumah kerani tersebut untuk meminta keadilan. Sebagai pampasannya, kerani tersebut menawarkan jawatan kanggani kepada Munusamy. Hasil daripada perbuatan kerani tersebut, iateri Munusamy mengandung dan melahirkan seorang bayi perempuan yang berkulit cerah.

Selepas anak perempuan tersebut meningkat enam belas tahun, Munusamy menghantar anak perempuan itu ke rumah kerani tersebut sekali lagi sebagai pembantu rumah. Pada kali ini dia menghantar anak perempuan itu sebagai habuan seks kepada kerani untuk mendapatkan jawatan ketua kanggani. Selain cerpen “Thaayum Magalum” (Ibu dan anak perempuan), cerpen Karuppiah Kanggani mengisahkan rasuah arak yang diberikan oleh kanggani yang bernama Karuppiah untuk mendapatkan jawatan ketua kanggani di sebuah ladang getah. Dalam cerpen tersebut, watak kangani Karuppiah dikisahkan membawa sebotol arak sebagai rasuah ke rumah kerani bagi mendapatkan kenaikan pangkat sebagai ketua kanggani.

3.4.9 Pelajaran

Cerpen “Kannan Remove Vaguppil Padikkiraan” (Kannan Belajar Dalam Kelas Peralihan) merupakan cerpen yang mengisahkan kepentingan pendidikan dalam kalangan lepasan pendidikan rendah. Kannan sebagai watak utama dalam cerpen tersebut terpaksa mengharungi banyak cabaran untuk meneruskan pendidikan menengah di sebuah sekolah menengah di Seremban. Bapa Kannan yang bernama Supaiyah mengalami kesulitan untuk membayar yuran sebanyak tujuh puluh ringgit kerana gaji di estet hanya seratus lima puluh ringgit sahaja. Supaiyah digambarkan mempunyai tujuh orang anak. Isterinya mencadangkan kepada suami agar memberhentikan Kannan dari sekolah. Selepas berfikir panjang, mereka membuat keputusan untuk menggadaikan

gelang emas bagi mendapatkan wang untuk membayar yuran anak sulung (Kannan) mereka. Manakala cerpen “Putiya Paatai” (Harapan Baharu) adalah cerpen yang mengisahkan tentang seorang murid sekolah menengah yang bernama Kannan.

Dalam cerpen ini, Kannan menghadapi masalah daripada aspek pengangkutan untuk pergi ke sekolah. Dia digambarkan terpaksa bangun pada pukul empat pagi untuk mendapatkan bas ke bandar. S.Vadiveloo mengisahkan bahawa watak Kannan perlu berjalan kaki sejauh lima batu untuk sampai ke pangkal jalan raya. Selain masalah pengangkutan, Kannan turut mengalami daripada aspek kelas sosial. Guru mata pelajaran Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan matematik yang mengajar Kannan digambarkan mengejek Kannan kerana dia adalah anak pekerja ladang getah.

Hampir setiap bulan dia mendapat markah merah (gagal) dalam mata pelajaran-mata pelajaran tersebut. Gurunya selalu marah dengan menggunakan kata-kata kesat seperti ‘Bodoh’, ‘awak tak tahu apa apa’, ‘kenapa awak datang ke sekolah?, pergilah menggembala lembu’ dan sebagainya. Kannan berasa gelisah untuk menghadapi guru matematiknya kerana tidak memahami formula matematik yang diajar dalam Bahasa Inggeris. Walaupun guru matematik itu seorang keturunan India, dia tidak mempunyai niat untuk menjelaskan kemasukan yang dihadapi oleh Kannan.

Dalam cerpen ini S.Vadiveloo mengisahkan cabaran yang dialami oleh sesebuah keluarga yang mempunyai anak yang belajar di sekolah menengah. Anak-anak mereka perlu bangun pada awal pagi dan perlu mengejarkan bas yang menuju ke bandar berpuluhan kilometer daripada kawasan ladang getah. Selain itu, anak-anak tersebut tidak mendapat sebarang panduan dan tunjuk ajar daripada ibu bapa atau pun masyarakat sekitar mereka. Murid-murid yang tinggal di ladang getah ini tidak berpeluang pergi ke kelas tambahan atau pun tuisyen dikendalikan di kawasan bandar kerana tiada kemudahan pengangkutan.

3.4.10 Agama

Cerpen “Irandu Tidudargall” (Dua Orang Pencuri) mengisahkan sikap tidak amanah yang terdapat pada watak lelaki yang bernama Annamalai. Dia digambarkan sebagai seorang peniaga terkenal di Kuala Lumpur yang dahulunya pernah berkerja sebagai mandor di sebuah ladang getah. Ketika menjadi mandor (semasa pendudukan Jepun), ramai buruh yang berkerja di ladang getah tersebut terperangkap dalam penguasaan Jepun. Sebelum kumpulan pekerja tersebut dibawa ke Siam, mereka pergi ke rumah mandor dan mengamanahkan semua wang dan barang kemas mereka kepada mandor tersebut untuk disimpan sementara.

S.Vadiveloo mengisahkan bahawa watak mandor yang bernama Annamalai tersebut melenyap kesekua wang dan barang kemas yang diamanahkan kepadanya. Dia membohongi bahawa semua wang dan barang kemas kepunyaan mereka telah dicuri. Selepas melenyapkan harta kepunyaan para pekerja ladang tersebut dia digambarkan berpindah ke bandar. Annamalai memulakan perniagaan kain dengan menggunakan harta yang dibolot daripada pekerja-pekerja ladang getah tersebut.

Selepas beberapa tahun kemudian, isterinya melahirkan seorang anak lelaki. Ketika anak lelaki tersebut berumur empat tahun, Annamalai membawa anak lelaki tersebut ke perayaan Thaipoosam yang berlangsung di Batu Caves. Ribuan pengikut membanjiri di kuil Batu Caves tersebut. Annamalai kehilangan anak tunggal mereka di Batu Caves. Annamalai berkata, dahulunya dia merampas harta benda pekerja ladang getah. Kini tuhan yang maha esa telah merampas anak tunggalnya di kuil Batu Caves.

Sebuah lagi cerpen yang dihasilkan berdasarkan tema agama ialah Iratdai Puutdu. Kanggani yang bernama Athimuulam digambarkan mendirikan sebuah rumah berhala di kawasan pinggiran estet. Pada awalnya rumah berhala itu menarik perhatian ramai kerana kanggani Athimuulam pandai mengurusnya. Selepas pendudukan Jepun, rumah

berhala tersebut menjadi terbiar. Memandangkan keadaan terbiar rumah berhala itu, seorang pekerja ladang getah yang bernama Maarimuthu mengambil alih dan memulihara rumah berhala tersebut supaya ramai warga estet datang sembahyang dan memasukkan wang dalam peti (wang) derma. Sebagai tanda penguasaan tersebut, dia mengunci peti derma dengan sebuah mangga. Tidak beberapa lama kemudian, Maarimuthu mendapat kepercayaan daripada seorang pekedai yang berniaga di ladang getah tersebut. Pekedai tersebut meminta Maarimuthu mengendalikan satu majlis kesyukuran di rumah berhala tersebut.

Kanggani Aaatumuulam yang iri hati terhadap kemajuan Maarimuthu bersubahat dengan pekerja ladang yang lain untuk menguasai balik rumah berhala tersebut. Sebagai tanda kepunyaan rumah berhala tersebut, kanggani Aathimuulam memasang sebuah lagi mangga di peti derma tersebut dan terus mengunci peti (wang) derma dengan sebuah mangga besar. Maarimuthu yang mendengar khabar tersebut bertindak memasang sebuah mangga di peti (wang) derma tersebut. Kini, peti derma tersebut mempunyai dua buah mangga, tetapi dewa yang menduduki rumah berhala tersebut berada dalam keadaan gelap kerana tiada satu pihak yang memasang lampu di situ. S.Vadiveloo menyindir masyarakat estet yang mendirikan banyak rumah berhala di sana dan di sini tanpa mengambil kira faktur keagamaan dan nilai-nilai kepercayaan.

3.4.11 Kepercayaan Karut

Cerpen “Pillai Varam” (Zuriat) mengisahkan kehidupan Arumugam yang baru berumahtangga dan tidak mempunyai anak. Dia adalah anak sulung kepada Letchumi (buruh J.K.R yang bersara dan kini menjadi pembantu rumah di sebuah rumah guru). Arumugam tinggal bersama ibu dan dua orang di kuatres itu. Dia menghadapi kesulitan untuk bersama isterinya. Oleh kerana ketiadaan bilik untuk bersama, maka mereka mengamalkan pil perancang keluarga. Emak Arumugam mengalami kerisauan kerana

menantunya tidak mengandung. Perkara itu menyebabkan Letcumi (ibu kepada Arumugam) berhasrat untuk bertemu dengan beberapa orang sami. Dalam cerpen ini, S.Vadiveloo menyindir kaum Hindu yang tidak mempercayai kuasa yang maha esa dan sanggup mempercayai ajaran-ajaran sesat yang menyimbang daripada ajaran sebenar. Sami-sami yang mengamalkan ajaran ini mengambil kesempatan golongan yang kurang pengajaran agama untuk memesongkan fikiran mereka dan seterusnya mempengaruhi mereka untuk berbelanja ratusan dan ribuan wang ringgit demi kepentingannya. S.Vadiveloo menyindir kelakukan Letchumi yang sanggup mengetepikan maha kuasa yang disembahyangkan sekian lama demi mengagung-agungkan dewa-dewa kecil.

3.4.12 Penindasan Penjajah British

Tema penindasan penjajah terpencar dalam beberapa cerpen yang dihasilkan oleh S.Vadiveloo. Antaranya ialah “Iratdai Puutdu” (Mangga Berkembar), “Karuppaiyah Kanggani” (Mandor Karuppaiyah), “Putiya Phatai” (Jalan Baharu), “Serembanil Iruntu Vanta Sella” (Sella Yang Datang Dari Seremban), “Thaayum Magalum” (Ibu dan Anak Perempuan), “Kannan Remove Vaguppil Padikkiraan” (Kannan Belajar Di Kelas Peralihan), “Muundru Talaimurai” (Generasi Ketiga), “Pillai Varam” (Zuriat), dan “Thiruvaalar Sinnakkannu” (Encik Cinnakannu). Kesemua cerpen ini mengisahkan latar belakang sosio budaya masyarakat India di estet yang hidup dalam suasana serba kekurangan ketika zaman penjajahan British. Pemodal British yang mengurus ladang-ladang getah yang terdapat di Malaya ketika itu menindas para pekerja ladang getah daripada aspek sosial dan ekonomi. Mereka diberi gaji yang tidak setimpal dengan hasil usaha mereka. Hidup masyarakat estet penuh dengan kemiskinan.

3.5 Rumusan

Bab ini telah membincangkan sejarah ringkas kesusasteraan Tamil di Malaysia dan peranan yang dimainkan oleh S.Vadivel. Berdasarkan tinjauan yang dilakukan, didapati bahawa usaha-usaha mencipta kesusasteraan dalam Bahasa Tamil muncul di Malaysia sekitar tahun 1930-n. Kebanyakan cerpen yang dihasilkan pada ketika itu mengisahkan kehidupan masyarakat Tamil serta membincangkan isu-isu sosial yang melanda masyarakat India yang tinggal di ladang-ladang getah. Institusi pendidikan seperti Sekolah Tamil dan media massa seperti akhbar Tamil dan radio televisyen menjadi tulang belakang bagi memelihara Bahasa Tamil dan mengembangkan kesusasteraan Tamil di negara ini. Disamping itu, peranan persatuan-persatuan berkaitan bahasa dan kesusasteraan Tamil yang dimainkan di Malaysia serta sumbangan Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya, turut menjadi nadi utama dalam perkembangan kesusasteraan Tamil di Malaysia. Memang tidak dapat dinafikan tentang peranan utama yang dimainkan oleh akhbar-akhbar Tamil seperti Tamil Nesan dan Tamil Murasu.

Akhbar Tamil Nesan dan Tamil Murasu didapati mengatur strategik yang berkesan untuk melatih penulis-penulis Tamil muda bagi melahirkan karya-karya sastera terutamanya cerpen dan novel. Kesusasteraan Tamil di Malaysia berkembang kerana adanya sumbangan daripada penulis-penulis cerpen yang berwibawa di Malaysia. Pekerja-pekerja ladang getah yang berpendidikan Bahasa Tamil menghasilkan cerpen-cerpen yang mengisahkan kehidupan mereka yang ditindas oleh pengurusan ladang yang dimiliki oleh kuasa penajah British. Terdapat juga cerpen yang mengisahkan diskriminasi dan penindasan kelompok India elit yang terdiri daripada pengurus, kerani, pembantu perubatan dan kanggani. Penulis-penulis berpendidikan Tamil berani meluahkan perasaan tidak puas hati mereka dalam bentuk cerpen dan novel.

Antara tema yang menjadi pilihan mereka ialah rumah pekerja yang kurang selesa, kemudahan kesihatan yang tidak baik dan kebajikan pekerja ladang getah yang tidak terurus, kerentan kelompok India elit seperti kerani, kanggani, guru dan pembantu perubatan yang tinggal di ladang-ladang getah. Selain itu, isu-isu tentang struktur keluarga masyarakat India, keadaan fizikal ladang getah, masalah pendidikan, masalah kerakyatan kaum India di Tanah Melayu, amalan kepercayaan karut, amalan sistem kasta dalam kalangan masyarakat India di Malaysia dan amalan minuman keras turut yang menjadi isu yang dibincangkan dalam cerpen-cerpen Tamil pada ketika itu.

Sumbangan S.Vadiveloo dalam perkembangan kesusastraan Tamil di Malaysia adalah sangat mengagumkan. Beliau menceburkan diri dalam aktiviti persuratan Bahasa Tamil lebih daripada empat puluh tiga tahun. Dalam jangka masa tersebut beliau berjaya menghasilkan penulisan yang berjiwa masyarakat ladang getah. Beliau memiliki pengetahuan yang luas dalam tatabahasa dan pengetahuan Bahasa Tamil yang tidak dapat ditandingi oleh orang lain. Dalam kehidupannya, beliau sentiasa mencari ruang untuk menambahkan ilmu pengetahuannya berkaitan dengan bahasa Tamil di beberapa pusat pembelajaran bahasa Tamil di Negara ini. Sebagai seorang penulis yang berpandangan jauh, beliau telah mengadakan lawatan bench merking bersama guru-guru sekolah Tamil Negeri Sembilan ke Tamil Nadu, India.

Beliau bersama guru-guru tersebut berdialog dengan penulis-penulis Tamil di Tamil Nadu untuk memantapkan diri standing dengan tahap penguasaan penulis-penulis Tamil yang berada di Tamil Nadu. Lawatan tersebut memberikan inspirasi dan menyuntik semangat baharu. Kebanyakan cerpen yang dihasilkan olehnya Berjaya mendapat hadiah berupa wang tunai dan pingat emas. Cerpen ‘Kannan Remove Vaguppil Padikkiraan’ merupakan cerpen yang telah memenangi hadiah pingat emas daripada Persatuan Penulis-penulis Tamil Malaysia pada tahun 1977.

Cerpen tersebut mendapat sambutan hangat daripada kalangan peminat kesusasteraan Tamil kerana mengisahkan kehidupan masyarakat India di ladang getah. S.Vadiveloo menyedari tentang masalah pekerja ladang getah yang terpaksa membisu terhadap hegemoni yang dilakukan oleh pengurusan ladang getah disamping ambivalence yang dilakukan oleh kerani ladang getah. Pekerja ladang turut tertindas menerusi mimicry yang dilakukan oleh golongan elit seperti kerani, guru, pembantu perubatan dan kanggani. S.Vadiveloo adalah antara penulis Tamil di Malaysia yang memberanikan diri untuk membicarakan kehidupan pekerja ladang yang serba kekurangan menerusi cerpen dan sajak. S.Vadiveloo pernah memegang jawatan presiden Persatuan Penulis-penulis Tamil Malaysia dari 1974 hingga 1980.

Selepas bergiat secara aktif di peringkat kebangsaan, beliau menyerahkan jawatan tersebut kepada pengantinya. Walau bagaimanapun S.Vadiveloo tetap bergiat di peringkat negeri dengan menujuhkan Persatuan Penulis-penulis Negeri Sembilan. Beliau menerajui kepimpinan persatuan tersebut dari tahun 1983 hingga tahun 1986. Dalam tahun 1988 S.Vadiveloo dianugerahi pingat emas oleh VGP brotersyang sangat popular di Tamil Nadu, India. Syarikat milik adik beradik ini menyumbangkan hadiah-hadiah berupa pingat emas ini kepada individu-individu yang berpengaruh Pada tahun 1988.

S.Vadiveloo menerima hadiah utama daripada Persatuan Penulis Tamil Malaysia, berupa Pingat Emas Ko.Saranggabaani bagi mengenang jasa beliau dalam bidang kesusasteraan Tamil Malaysia. S.Vadiveloo juga dianugerahkan pingat ‘Sirukatai Chirppi’ (Tokoh Cerpen Tamil) oleh Majlis Kelab Bell Belia Tamil Malaysia pada tahun 1974. Maka, jelas dapat diketahui bahawa S.Vadiveloo merupakan ikon kepada dunia kesusasteraan Tamil di Malaysia. Beliau berusaha memartabatkan dunia kesusasteraan Tamil Malaysia di peringkat dunia.

BAB 4

PEMAPARAN PENINDASAN KUASA SUPERIOR BRITISH, JEPUN DAN ELIT INDIA TERHADAP MASYARAKAT INDIA DI MALAYSIA DALAM CERPEN-CERPEN S.VADIVELOO

4.1 Pengenalan

British hanya menamakan masyarakat India generasi pertama yang tiba di Malaya sebagai buruh-buruh India murah sahaja. Kuasa superior tersebut tidak menghargai jasa yang dicurahkan oleh masyarakat India di ladang-ladang getah demi kemajuan ekonomi negara Malaya. Selain itu, kuasa superior Jepun turut tidak menghargai pengorbanan nyawa masyarakat India ketika melakukan kerja-kerja pembinaan landasan keretapi maut di negara Siam. Disamping kuasa British dan Jepun, kelompok elit India turut menindas masyarakat India yang menjadi penoreh getah dan pekerja-pekerja am di ladang getah, Kelompok ini menjadi dalang pengurusan ladang getah untuk memerah tenaga pekerja-pekerja ladang getah.

Cerpen-cerpen yang dianalisis dalam bab ini mencitrakan pengorbanan masyarakat India di ladang-ladang getah dengan jelas sekali. Pengorbanan mereka terpancar dengan lebih jelas sekali jika diperhalusi dengan bantuan teori Subaltern. Teori ini membantu melakukan pengamatan yang terperinci tentang pengorbanan dan kehidupan sosial masyarakat India generasi pertama tersebut. Pengaplikasian teori ini telah membantu untuk memartabatkan imej masyarakat India generasi pertama. Cerpen-cerpen S.Vadiveloo telah berusaha untuk mencerminkan imej masyarakat India generasi pertama daripada buruh-buruh India murah. Pengarang telah cuba mengambarkan golongan pekerja ladang getah ini sebagai pendukung ekonomi negara Malaya.

Dalam bab ini teori Subaltern (TS) digunakan untuk mengenal pasti paparan peristiwa-peristiwa penindasan yang dilakukan oleh kuasa superior British, Jepun dan India elit dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo. Sementara itu, Model Pencerminan George Lucas (MPL) diaplikasikan dalam gambaran-gambaran penindasan yang dicitrakan oleh S.Vadiveloo bagi mengetahui kebenarannya daripada aspek realiti hidup atau pun fakta sejarah. Bab ini mengandungi tiga tajuk kecil iaitu, gambaran penindasan oleh kuasa superior pemodal British, gambaran penindasan oleh kuasa superior tentera Jepun dan gambaran penindasan oleh kuasa superior kelompok India elit. Bab ini berakhir dengan rumusan.

4.2 Penindasan Oleh Kuasa Superior Pemodal British

Brown (2006) menyatakan bahawa migrasi masyarakat India ke negara ini sudah bermula sejak abad ke-19.(m.s.9). Antara mereka yang dibawa ke Malaya adalah golongan masyarakat India daripada etnik Tamil. Mereka dibawa daripada daerah selatan India iaitu Tamil Nadu. Para pekerja yang dibawa ke negara ini ditempatkan di kawasan-kawasan pendalaman di sekitar negeri Pulau Pinang, Perak dan Selangor. Ladang-ladang getah tersebut terletak di kawasan pendalaman yang sukar dihubungi dengan jalan raya atau sistem perhubungan yang lain. Kebanyakan ladang-ladang getah tersebut dimiliki oleh pemodal British.

Pemodal British meletakkan golongan imigran ini sebagai penoreh getah dan buruh kasar bagi melakukan kerja-kerja menebang lalang dan mencangkul. Oleh kerana golongan pekerja ladang getah dibawa masuk di bawah kebenaran kerajaan British, maka pemodal British mengambil kesempatan untuk menindas mereka daripada aspek dominasi daripada segala aspek demi kepentingan ekonomi mereka. Jika diperhalusi daripada aspek sejarah, para pekerja didapati mengalami penindasan yang teruk dibawah penjajahan British terutamanya daripada aspek keselamatan dan kebajikan.

Berkaitan dengan hal ini, Kratoska (1998) menyatakan bahawa pihak British memusnahkan jambatan-jambatan yang terdapat di Malaya dengan bertujuan menyekat kemaraan tentera Jepun. Pihak British memusnahkan sejumlah lima puluh jambatan di Selangor.(m.s 49). Selain masalah perhubungan, para pekerja ladang juga mengalami kesukaran untuk mendapatkan bekalan makanan seperti beras dan garam. Penindasan yang dilakukan oleh kuasa British ini dikaji daripada aspek kebijakan, kesejahteraan, pendidikan dan keselamatan.

Citra penindasan British di bawah tajuk ini akan ditinjau mengikut sub tajuk penindasan dalam kebijakan, penindasan dalam kesejahteraan hidup, penindasan dalam kesihatan, penindasan dalam pendidikan dan penindasan dalam keselamatan. Jadual 1 menerangkan cerpen-cerpen yang akan dibincangkan dalam tajuk ini serta kekerapan peristiwa penindasan yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen yang dikaji di bawah tajuk ini.

4.2.1 Gambaran Penindasan Daripada Aspek Kebajikan

Kebajikan adalah nadi kepada kesejahteraan manusia. Pengurusan kebajikan yang baik akan membawa kualiti hidup yang sihat dan sejahtera. Kesejahteraan hidup akan melahirkan kesempurnaan kepada kehidupan manusia. Kamus Dewan (Edisi Keempat) mendefinisikan ‘kebajikan’ sebagai sesuatu yang membawa kebaikan, perbuatan baik dan kebaikan. Cerpenis S.Vadiveloo menggambarkan bahawa golongan pekerja ladang getah ditindas daripada aspek kebajikan dengan jelas sekali. Mereka didapati ditindas daripada aspek kualiti hidup, terutamanya daripada aspek penyediaan kemudahan bekalan air paip untuk minum dan memasak.

Selain itu, pekerja juga tidak berpeluang menikmati kemudahan bekalan letrik, bekalan makanan dan makanan yang berzat. Tinjauan daripada aspek kualiti hidup ini, menunjukkan bahawa masyarakat ladang getah terutamanya masyarakat India yang bekerja sebagai penoreh getah hidup dalam keadaan kemiskinan. Kualiti hidup mereka didapati dipenuhi dengan serba kekurangan. Cerpenis S.Vadiveloo menggambarkan bahawa pekerja-pekerja ladang getah hidup tanpa sebarang pembelaan daru kuasa superior. Beliau membayangkan bahawa masa depan pekerja ladang getah adalah tidak terjamin. Watak Sinnakannu dalam cerpen ‘*Tiruvaalar Sinna Kannu*’ (*Encik Sinna Kannu*) yang merupakan seorang penoreh getah didapati hidup dalam kemiskinan.

S.Vadiveloo menggambarkan bahawa watak Sinnakannu sebagai Subaltern. Watak terebut berkerja keras di ladang getah daripada subuh hingga petang. Walaupun Sinnakannu berkerja siang dan malam, namun kualiti hidupnya masih di paras rendah. Sinnakannu digambarkan sebagai pekerja ladang getah yang putus asa kerana impiannya untuk mencari kekayaan di Malaya tidak membawa kejayaan. Sinnakannu merasai bahawa dia tidak mengalami sebarang perbezaan dalam hidupnya walaupun sudah berkerja empat puluh tahun di ladang tersebut. S.Vadiveloo memaparkan keluhan

Sinakannu dalam cerpen ‘Tiruvaalar Sinna Kannu’ (Encik Sinna Kannu) dengan penuh sedih sekali. Beliau menggambarkan perasaan kepiluan yang dialami oleh seorang pekerja ladang getah yang bernama Sinnakannu. Menurutnya:

Saya terpaksa bekerja kuat di ladang getah ini tanpa mengira siang dan malam. Orang British sudah pun memerah seluruh tenaga saya demi kepentingan mereka. Adilkah mereka menghantar saya balik ke negara asal saya semata-mata kerana saya tidak fasih bertutur dalam bahasa Melayu? Adakah kemungkinan orang British membantu saya agar saya terus menetap di Malaya. Mungkinkah saya diberi sesuap nasi oleh kerajaan ini ketika saya uzur nanti? (Vadiveloo, 1964, m.s. 87)

S.Vadiveloo menghuraikan bahawa watak pekerja ladang getah yang bernama Sinnakanu berjalan menuju rumahnya dengan penuh harapan. Keluhan Watak Sinnakannu ini bukalah satu imaginasi yang dilakukan oleh S.Vadiveloo malah ianya adalah satu peniruan atau cerminan hidup golongan pekerja ladang getah seperti mana dikemukakan oleh Georg Lucas menerusi modelnya. Suara hati Sinnakannu merupakan luahan hati golongan penoreh getah yang tidak berupaya meneruskan pekerjaannya di Malaya kerana tidak dapat meningkatkan kualiti hidupnya.

Kehidupan Sinnakannu masih tidak stabil di Malaya walaupun sudah bekerja lebih dari empat puluh tahun. Watak Sinnakannu mengadu bahawa pemodal British telah memeras tenaganya dari subuh hingga ke petang. Dia menghabiskan usia remajanya di ladang getah tersebut semata-mata untuk meningkatkan keuntungan pemodal British. Sinnakannu tidak menikmati sebarang kebahagian di ladang getah tersebut. Sinnakannu pada akhirnya hanya mengharapkan sesuap nasi daripada kuasa superior kerana dia tidak dapat berpindah ke tempat lain melainkan hidup dan mati di ladang getah tersebut.

Menerusi watak dan peristiwa di atas, jelas dapat diketahui bahawa Sinnakannu adalah seorang Subaltern. Dia tidak memiliki hak untuk menyuarakan kehendaknya

terhadap pengurusan ladang getah. Dia dikuasai oleh pemodal British dan sekutu-sekutunya seperti kanggani dan kerani. Pihak kanggani dan kerani menjadi pak turut pemodal British untuk memeras tenaga pekerja ladang getah. Situasi yang dialami oleh Sinnakannu adalah lebih mirip kepada kehidupan masyarakat Subaltern seperti mana dijelaskan oleh Antonio Gramsci.

Berhubung dengan pemerasan tenaga ini, cerpenis S.Vadiveloo (1970) menerusi cerpen *Irunda Ulagam* menghuraikan bahawa “pekerja India yang tinggal di ladang getah jarang bergaduh dengan orang daripada bangsa yang berlainan. Mereka hanya pandai bertelingkah sesama sendiri sahaja”.(m.s.21). Pertelingkahan ini berlarutan sehingga beberapa tahun. Pihak pengurusan ladang tidak membuat sebarang laporan polis terhadap pekerja yang bergaduh kerana mereka pertelingkahan sesama orang India ini akan menyenangkan mereka untuk pecah dan perintah.

Menurut S.Vadiveloo, pengurus ladang getah hanya mementingkan penghasilan susu getah yang maksimum sahaja. Dia tidak menghiraukan keamanan dan kualiti hidup pekerja ladang getah. Pengurus ladang sudah membaca nadi masyarakat India bahawa golongan pekerja hanya mampu bercakap sahaja. Menurutnya, golongan pekerja ini hanya bertujuan menubuhkan kesatuan sekerja dan meluluskan usul-usul sahaja. Segala usul yang dibentangkan itu tidak akan menganggu sistem pengurusan dan pentadbiran ladang.

Dalam pada itu, S.Vadiveloo menerusi cerpen ‘*Tiruvaalar Sinna Kannu*’ (*Encik Sinna Kannu*) mendedahkan kehidupan Encik Sinnakannu yang serba kekurangan. Dalam cerpen tersebut watak pekerja ladang getah yang bernama Sinnakannu menggunakan bongkah kayu sebagai bantalnya. S.Vadiveloo (1964) mengisahkan bahawa Sinnakannu terjaga daripada tidur. Dia mengetepikan bongkah kayu yang digunakan sebagai bantalnya. Lalu dia menggulung tikarnya.(m.s.83). Menerusi

peristiwa ini, kita dapat mengetahui kehidupan Sinnakannu yang tidak mampu membeli bantal dan tilam.

Cerpenis mengambarkan bahawa watak pekerja India tersebut hanya tidur di atas tikar tanpa menggunakan bantal. Pemodal British yang membawa Sinnakannu ke Malaya harus menjaga kebajikannya kerana kuasa superior tersebut mendapat keuntungan berlipat ganda menerusi hasil usaha dan pengorbanan tenaga pekerja ladang getah seperti Sinakannu. Perkara yang menyediakan Sinnakannu ialah berkaitan dengan penggunaan bongkah kayu sebagai bantal. Cerminan hidup ini jelas menunjukkan bahawa Sinnakannu adalah seorang Subaltern yang tidak mampu untuk memiliki keperluan asas.

Cerpenis memaparkan masalah yang sama dalam cerpen *Taayum Magalum* . Watak isteri yang bernama Ammakannu digambarkan tidur dilantai simen, manakala suaminya tidur di atas katil. S.Vadiveloo (1981) mencitrakan bahawa Ammakannu hanya membantalkan longgokan kain lama sebagai bantal. Dia tidak dapat melelapkan mata. Bunyi wisel oleh puak kanggani menandakan hari menjelang subuh. Hati Ammakannu tidak tenteram pada pagi itu.(m.s.38). Penindasan pemodal British jelas ternampak sehingga pekerja ladang getah tidak mampu membeli sebuah bantal untuk berehat. Kedua-dua watak yang dicitrakan oleh S.Vadiveloo menjalankan kehidupannya sebagai Subaltern di ladang getah milik pemodal British. Mahalingam (2015) menyatakan bahawa:

Water supply was either very much restricted or limited to the plantation's labour areas and the quality of water was poor. A 1991 Labour department study revealed that water was supplied for limited hours at 634 estates and at a further 184 estates the only source of water was the communal standpipe. One stand pipe can be shared by as many as 15 households with limited access time each day.
(Mahalingam ,2005, m.s. 5)

Beliau membincangkan masalah air yang dialami oleh pekerja ladang getah ketika zaman penjajahan British. Cerpen Taayum Magalum (Ibu dan Anak Perempuan) memaparkan kehidupan seorang ibu yang berkejar untuk mendapatkan air untuk minum dan memasak. S.Vadiveloo (1981) menerangkan bahawa Ammakannu memikul dua buah baldi yang dipenuhi air dari tempat yang terletak jauh dari rumahnya.(m.s.41). Menerusi peristiwa ini, Ammakannu digambarkan sebagai seorang Subaltern yang tidak dipelihara oleh pihak majikan. Sebagai majikan yang berdedikasi, pihak pemodal British perlu menyediakan kemudahan bekalan air untuk setiap rumah pekerja. Malangnya, rumah-rumah pekerja di ladang getah tersebut tidak dilengkapi dengan kemudahan bekalan air.

S.Vadiveloo mencitrakan wanita di sebuah ladang getah pergi mendapatkan air untuk kegunaan harian rumahnya. Tempat mengumpul air tersebut didirikan di pertengahan kawasan ladang getah tersebut. Wanita perlu menunggu giliran mereka untuk membawa pulang air bagi tujuan memasak dan mandi di rumah mereka. Situasi sebenar yang ditunjukkan oleh gambar ini hampir menyerupai gambaran S.Vadiveloo yang dicitrakan menerusi cerpennya.

Walaupun cerpen dianggap sebagai imaginasi seseorang cerpenis, tetapi S.Vadiveloo nampaknya berbeza daripada mereka. Beliau mengambarkan realiti hidup yang dialami oleh para pekerja ladang getah. Cerpen ‘Taayum Magalum’(ibu dan anak perempuan) turut memaparkan kemusikilan pekerja ladang getah yang hidup tanpa bekalan letrik. Menerusi cerpen ini, S.Vadivel membongkarkan sikap pemodal British yang engan menyediakan bekalan elektrik untuk keselesaan golongan pekerja ladang getah. S.Vadiveloo menghuraikan bahawa:

Ammakannu bangun pada waktu awal pagi tanpa menghiraukan kesakitan seluruh badannya. Dia mencari kotak mancis yang terletak bersebelahan dengan kepalanya.

Lalu, Ammukannu menyalakan pelita minyak tanah dengan menggunakan mancis tersebut.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 39)

Peristiwa di atas jelas membuktikan bahawa rumah Ammakannu tidak terdapat kemudahan bekalan elektrik. Oleh sebab itulah S.Vadiveloo mencitrakan watak Ammakannu menggunakan mancis untuk menyalakan pelita minyak tanah. Ini adalah satu petanda yang baik tentang ketiadaan bekalan elektrik di ladang getah tersebut. Pemodal British selaku kuasa superior di ladang tersebut perlu menyediakan kemudahan bekalan elektik ke rumah-rumah pekerja ladang getah agar para pekerja tersebut menjalani kehidupan yang selesa.

S.Vadiveloo mendedahkan penindasan pemodal British yang membiarkan pekerja ladang getah hidup dalam kegelapan. Perbuatan yang tidak adil dan tidak berperikemanusiaan ini adalah ciri-ciri kuasa superior. Rumah banglo pengurus ladang getah serta rumah-rumah staf yang lainnya dilengkapi dengan bekalan elektrik. Rumah-rumah kuasa superior seperti kerani, pemandu dan pembantu perubatan dipenuhi dengan cahaya tetapi rumah pekerja ladang getah yang mengorbankan tenaga dan jiwa diselubungi gelap.

Gambaran peristiwa penindasan ini jelas menunjukkan bahawa pekerja ladang getah hidup sebagai Subaltern di ladang-ladang getah. Mereka terpaksa membisu kerana mematuhi syarat dan perjanjian yang dibuat bersama kanganai ketika menaiki kapal untuk datang ke Malaya. Para pekerja ladang getah turut ditindas dalam aspek bekalan makanan. S.Vadiveloo (1964) menerusi watak Sinnakannu dalam ‘Tiruvaalar Sinna Kannu’ (Encik Sinna Kannu) menyatakan bahawa selepas membersihkan diri, Sinnakannu lalu minum air nira (Nasi yang direndam dalam air semalam).

Menurut S.Vadiveloo, tindakan minum air nira itu telah menyejukkan usus besar Sinnakannu dan dia mula kehilangan kelaparan yang dialaminya.(m.s. 83). Peristiwa ini menjelaskan bahawa pekerja ladang getah tidak mampu untuk bersarapan seperti yang dilakukan oleh puak kerani dan kanggani. Mengikut manual mesej utama dan sokongan, Makan Untuk Kesihatan, Kempen Cara Hidup Sihat 1997, Kementerian Kesihatan Malaysia, sarapan pagi perlulah meliputi sebanyak tiga keping roti mil penuh yang disapu dengan marjerin berserta dengan telur hancur bersama dua hiris tomato dan dua hiris timun. Minumannya ialah satu cawan susu rendah lemak. Jika dibandingkan dengan maklumat yang terdapat dalam manual tersebut, pekerja ladang getah memang berada dalam keadaan daif kerana Sinnakannu hanya dapat minum air nira sebagai sarapan pagi.

Peristiwa ini dengan jelasnya menunjukkan bahawa pekerja ladang getah ditindas daripada aspek sosial oleh kuasa superior. S. Vadiveloo turut mendedahkan diskriminasi yang dialami oleh pekerja ladang getah menerusi cerpen ‘Taayum Magalum’ (Ibu dan Anak Perempuan). Dalam cerpen ini watak isteri yang bernama Ammakannu dicitrakan hanya mampu menyediakan secawan kopi o untuk anak-anaknya. S.Vadiveloo mencitrakan dalam cerpennya bahawa watak ibu yang bernama Ammakannu menyuruh anak perempuannya bahawa:

Kannamma, tolong bancuhkan air kopi untuk bapa awak. Saya hendak pergi ke rumah penjagaan kanak-kanak untuk menghantarkan adik-beradik kamu. Lalu, Kannamma memberi botol yang diisi dengan kopi-o kepada anak bongsu yang baru berusia satu tahun. Kanak-kanak tersebut kelihatan menggil kerana kesejukan waktu subuh. Anak bongsu tersebut dan meletakkan botol yang diisi dengan kopo o tersebut di mulutnya.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 42)

Menerusi peristiwa ini S.Vadiveloo cuba memaklumkan dunia luar bahawa kanak-kanak hingga orang tua hanya minum kopi o sebagai alas perut di waktu subuh.

Selain itu, kanak-kanak memerlukan susu untuk membesar. Susu dianggap sebagai pengganti makanan bagi kanak-kanak. Sebagai ibu, dia perlu memberi susu yang secukupnya agar anak-anaknya sihat dan sejahtera. Malangnya, dalam cerpen ‘Taayum Magalum’(Ibu dan Anak Perempuan) S.Vadiveloo mencitrakan bahawa seorang ibu memberi kopi-o kepada anak-anaknya sebagai pengganti susu. Menurutnya:

Pada subuh itu Ammakannu memasang kayu api untuk memasak nasi. Dia memanaskan baki gulai yang disimpan semalam. Selepas memasak nasi, lalu dia memasukkan nasi tersebut ke dalam bekas makanan untuk dibawa oleh anak-anaknya ke sekolah Tamil berhampiran dengan rumah. Selepas itu, dia membancuh kopi o untuk anak-anak dan menuangnya ke dalam dua buah botol agar anak-anak kecil berumur dua tahun dan empat tahun minum kopi-o tersebut sebagai pengganti susu.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 41)

Peristiwa yang ingin dipaparkan oleh S.Vadivel sudah tentu mencerminkan kehidupan pekerja ladang getah sebagai Subaltern di Malaya ketika zaman penjajahan British.

4.2.2 Gambaran Penindasan Daripada Aspek Kesejahteraan Hidup

Kesejahteraan merupakan perkara penting kepada manusia. Kesejahteraan hidup akan membawa bahagia. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menggariskan bahawa kesejahteraan sosial meliputi aspek-aspek seperti fizikal, mental dan sosial (United Nation,1960). Friedlander, W.A. (1967) mendefinisikan bahawa kesejahteraan sosial sebagai satu sistem kegiatan yang teratur dalam pelbagai perkhidmatan sosial dengan tujuan untuk membantu individu dan kelompok mencapai kualiti hidup yang lebih memuaskan.(m.s. 211).

Skidmore (1971) pula menyatakan bahawa kesejahteraan sosial sebagai usaha sama ada untuk megubah atau meningkatkan keadaan yang sejahtera, baik daripada segi fizikal, mental dan sosial. (m.s.201). Lim Heng Huat (1983) menjelaskan masalah

kesihatan yang dilami oleh pekerja-pekerja di sektor pertanian, terutamanya pekerja pertanian di kawasan luar bandar. Menurutnya, kebanyakan negara-negara membangun sangat bergantung kepada sektor pertanian kerana sektor tersebut menjadi tonggak ekonomi negara tersebut. Ramai pekerja yang terlibat dalam kegiatan ii berada dalam keadaan sosio-ekonomi dan persekitaran yang tidak sesuai. (m.s.83).

Masalah kesihatan mereka muncul daripada keadaan keluarga besar, perumahan substandard, kesesakan, kekurangan bekalan air paip dan pelupusan najis, kekurangan zat makanan dan penyakit lazim seperti taun , demam kepialu , disentri dan jangkitan parasit. Masalah kesihatan pekerja lain lain adalah seperti penyakit berjangkit, kemalangan di tempat bekerja, tindak balas penyemburan racun perosak, bahaya fizikal, nummularis keratitis dan gigitan ular. Perkara-perkara yang digariskan dalam pelaporan Lim Heng Huat turut dialami oleh para pekerja ladang getah.

S.Vadiveloo (1964) menerusi cerpen ‘Tiruvaalar Sinna Kannu’ (Encik Sinna Kannu) memaparkan kehampaan seorang imigran India yang baru sampai Malaya. Menurutnya, para pekerja ladang yang dibawa oleh kanggani ke Malaya berasa terkejut apabila melihat keadaan kerana perut seorang pekerja lelaki di kawasan penanaman anak pokok getah. Pekerja tersebut dalam keadaan berbisul di seluruh badan dan kelihatan berperut buncit seperti wanita yang sarat mengandung. Sinnakannu difahamkan bahawa itu bisul-bisul itu adalah petanda penyakit Malaria.(m.s.82).

Jika peristiwa yang digambarkan oleh S.Vadivel diteliti mengikut pendekatan model peniruan dan model identiti Subaltern, maka huraian cerpenis jelas menunjukkan bahawa terdapat pekerja yang menghidapi penyakit Malaria dalam keadaan berut buncit. Para pekerja ladang getah juga didapati tidak memakai pakaian yang sesuai ketika bekerja di ladang getah. Pemodal British dikatakan tidak berperikemanusiaan kerana membiarkan pekerja ladang getah yang menghidapi penyakit Malaria, tanpa diberi cuti

mahupun rawatan sempurna. Peristiwa ini jelas menunjukkan bahawa pihak pemodal British menindas mereka serta tidak memelihara kesejahteraan para pekerja.

Selaku majikan, pemilik ladang tersebut perlu melakukan usaha-usaha mencegah penyakit Malaria, atau sekurang-kurangnya merawat pekerja yang menghidapi penyakit tersebut. Malangnya, pemodal British didapati terus menindas para pekerja yang sakit bagi meneruskan pekerjaan mereka demi kepentingan ekonomi British. Para pekerja turut digambarkan kecewa dengan tindakan pemodal British yang tidak melunaskan janji-janji yang diberikan menerusi kanggan-kanggan mereka.

S.Vadiveloo (1964) menenerusi cerpen ‘Tiruvaalar Sinna Kannu’ (Encik Sinna Kannu) menggambarkan kekecewaan seorang penoreh getah yang dibawa ke Malaya dibawah sistem kanggan. Menurutnya, watak pekerja ladang getah yang bernama Sinnakannu yang dibawa ke Malaya pada tahun 1932. Watak tersebut kelihatan terkejut apabila sampai di kawasan perkerjaannya. Menurutnya Sinnakannu terpedaya dengan percakapan kanggan tentang bentuk muka bumi Malaya. Kerana itulah Sinakannu sanggup datang ke Malaya, tetapi dia berasa bumi Malaya tidak kelihatan sama seperti mana yang dikhabarkan sebelumnya.(m.s.82).

Watak Sinnakannu dicitrakan sebagai pekerja ladang getah telah menerokai hutan tebal dan menanam anak pokok getah. Selepas menunggu puluhan tahun dia bekerja sebagai penoreh getah. Walaupun berkerja di ladang getah sejak usia muda, watak Sinnakannu digambarkan tidak mencapai cita-cita yang diinginkan olehnya. Dalam cerpen yang sama S.Vadivel memberi huraian bahawa watak Sinnakannu berasal dari wilayah Arcord, Tamil Nadu, India. Tempat kelahiran Sinakannu kelihatan keadaan kering kontang kerana cuaca panas. Di wilayah Arcord, Tamil Nadu, India jarang terdapat tumbuhan hijau yang menyegarkan mata.

Kekecewaan ini sudah tentu tidak akan membawa sebarang kesejahteraan kepada Sinnakannu. Watak Sinnakannu terasa kecewa kerana ditipu oleh agen yang membawa dia ke negara ini. S.Vadiveloo (1964) mengisahkan bahawa walaupun hati Sinnakannu tertarik dengan kesegaran dan kehijauan permukaan bumi Malaya, tetapi hutan tebal yang melitupi Malaya telah mengecewakan hati Sinnakannu yang datang dengan seribu harapan.(m.s.82). Jika diperhalusi dengan teori Subaltern, watak Sinnakannu dengan jelasnya terpancar sebagai seorang sulabaltern di ladang getah tersebut.

Selain kekecewaan, para pekerja turut ditindas daripada aspek keselesaan dan keintiman. Kamus Dewan edisi keempat memberi pengertian bahawa keintiman adalah sesuatu perhubungan keakraban. Ciri kesejahteraan ini adalah penting untuk pasangan suami isteri. S.Vadiveloo dalam cerpen ini cuba menggambarkan suasana bilik tidur di sebuah rumah pekerja ladang getah. Cerpenis mencitrakan bahawa:

Ammakannu telah cuba bangun tanpa mengendahkan kesakitan yang dialami pada seluruh badannya. Katil di sebelahnya didapati kosong dan ini menunjukkan bahawa suaminya sudah bangun seawal pagi dan sudah meninggalkan rumah untuk menjagakan pekerja-pekerja ladang getah yang masih belum bangun. Suami Ammakannu perlu bangun lebih awal kerana iannya adalah Kanggani. Anak perempuan mereka yang bernama Kannamma yang baru berumur 16 tahun masih tidur bersebelahan Ammakannu. Gadis jelita tersebut kelihatan mendampingkan dinding bilik tersebut. Empat orang anak lelakinya pula kelihatan tidur songsang di penjuru bilik tersebut.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 39)

Gambaran ini jelas menunjukkan bahawa pekerja ladang getah menjalani kehidupan Subaltern kerana kesemua ahli keluarga terpaksa berkongsi satu bilik tidur sehingga pasangan suami isteri kehilangan ruang keintiman mereka. Suami isteri terpaksa mengorbankan saat-saat keintiman mereka kerana kegagalan majikan yang hanya mendirikan rumah pekerja dengan sebuah bilik tidur sahaja. Keadaan ini

menyebabkan pasangan tersebut tidur bersama anak dara yang berumur enam belas tahun berserta dengan empat orang anak lelaki di bilik tidur yang sama.

Cerpenis mengisahkan bahawa si suami sahaja yang dapat tidur di atas katil manakala si isteri dan anak-anaknya hanya dapat melelapkan mata mereka di lantai bertikar sahaja. Peristiwa yang dipaparkan oleh S.Vadiveloo (1981) menerusi cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) ini jelas menunjukkan bahawa pekerja ladang getah ditindas daripada aspek kesejahteraan hidup mereka.(m.s.39). Masalah yang sama juga dibincangkan menerusi cerpen ‘Pillai Varam’ (zuriat). S.Vadiveloo menerangkan bahawa rumah yang didiami oleh Arumugam hanya terdapat sebuah bilik tidur sahaja. Arumugam didapati tidak dapat bermesra dengan isterinya kerana tiada bilik tidur. Menurutnya:

Saiz bilik tidur mereka tidaklah begitu besar. Ianya bersaiz kecil seperti garaj kereta sahaja. Bilik tidur tersebut menjadi semakin kecil setelah meletakkan katil yang dihadiahikan oleh bapa mertuanya sempena perkahwinan mereka. Dia dan isterinya tidak dapat tidur di atas katil tersebut memandangkan tiada tempat tidur untuk ibu dan adik-adik perempuannya. Semenjak hari perkahwinan mereka, Arumugam dan Letchumi tidak pernah bermesra di atas katil tersebut kerana isterinya tidur bersama-sama dengan adik-adik perempuan Arumugam di atas katil tersebut.. (Vadiveloo, 1981, m.s. 81)

Menerusi kedua-dua peristiwa dan watak yang terdapat dalam cerpen-cerpen tersebut, S.Vadiveloo cuba membuktikan bahawa terdapat unsur penindasan pekerja ladang getah daripada aspek kesejahteraan. Pemodal British selaku pemilik ladang dan majikan kepada para pekerja ladang getah, mereka pelu menyediakan ruang yang secukup agar para pekerja ladang yang bekerja di bawah mereka menikmati keperluan-keperluan asas agar mereka sejahtera dan menampu segala perhatian mereka dalam kegiatan yang mereka ceburi.

Selain itu, pekerja ladang getah juga dilayan sebagai golongan Subaltern oleh pemodal British daripada aspek sosial. Para pekerja tinggal beberapa generasi di ladang-ladang getah tanpa mengetahui perkembangan dunia luar. British berjaya mempengaruhi minda warga-warga tua yang pernah menjadi pekerja di ladang-ladang getah tersebut agar mempengaruhi pemikiran generasi berikutnya mewarisi pekerjaan yang dilakukan oleh mereka. Perkara ini telah dibincangkan dalam cerpen ‘Tiruvaalar Sinna Kannu’ (Encik Sinna Kannu) cerpenis S.Vadiveloo menggariskan bahawa:

Kesemua penghuni yang tinggal di ladang tersebut merupakan penoreh getah. Mereka telah mengembangkan keturunan mereka sejak beberapa keturunan. Ramai di antaranya menjangkau keturunan ketiga. Penduduk ladang tersebut tidak membentarkan orang lain untuk masuk ke ladang getah tersebut sebagai pekerja. Sekiranya terdapat kemasukan pekerja baru,maka semua penduduk ladang tersebut akan turun bermogok. Biasanya, kanak-kanak yang berumur lima tahun sudahpun dilatih untuk membantu ibu bapa membersihkan cawan susu getah.
(Vadiveloo, 1964, m.s. 81)

Pendiskriminasian pemodal British bukan sahaja membantutkan kemajuan warga tua, malah turut menghalang kemajuan generasi muda. Peristiwa yang telah dipaparkan menerusi cerpen ‘Tiruvaalar Sinna Kannu’ (Encik Sinna Kannu) jelas membuktikan bahawa pihak pemodal British bukan sahaja menindas golongan imigran, malah turut menindas generasi kedua dan ketiganya agar mundur daripada aspek sosial selama-lamanya. fikiran mereka diracuni oleh pihak kanggani dan kerani untuk kekal menjadi pekerja ladang getah di ladang-ladang getah berkaitan.

Sumber tenaga manusia yang tidak terputus ini menjadikan proses pengeluaran susu getah berlangsung tanpa sebarang gangguan. Sumber tenaga manusia yang tidak terputus ini tentu akan membawa keuntungan yang berterusan kepada pihak British. Para pekerja yang terpedaya kemudahan-kemudahan yang terdapat di ladang getah seperti rumah pekerja tanpa sewa, pekerjaan yang tetap sehingga umur bersara,

penyediaan rumah penjagaan kanak-kanak, tempat beribadat yang selesa, kedai todi, kedai runcit, perubatan percuma, tayangan filem percuma dan peluang pendidikan rendah di sekolah Tamil yang berdekatan serta kumpulan saudara mara yang tinggal di ladang getah berkaitan sejak beberapa keturunan menjadikan perangsang utama kepada ahli-ahli keluarga untuk terus menetap di ladang getah. Penyediaan kemudahan ini adalah sejenis eksloitasi pekerja yang dilakukan oleh pemodal British. Perkara berkaitan dengan eksloitasi ini juga dibincangkan dalam cerpen ‘Tiruvaalar Sinna Kannu’ (Encik Sinna Kannu) S.Vadiveloo mengisahkan bahawa:

Ketika berumur sepuluh tahun, anak-anak penoreh gerah mahir mengumpul susu getah. Manakala ketika mereka mencapai umur dua belas tahun, anak-anak tersebut berkebolehan menoreh pokok getah. Anak-anak ini pandai mengusung baldi yang diisi dengan susu getah ketika mencecah umur empat belas tahun.

(Vadiveloo, 1964, m.s. 81)

Gambaran yang diberikan menerusi peristiwa ini jelas menunjukkan bahawa pemodal British berjaya meracuni fikiran pekerja ladang getah agar mereka tetap tinggal di ladang getah dan mundur dalam kehidupan mereka selama-lamanya. Perkara mewarisi pekerjaan bapa turut dibincangkan dalam cerpen ‘Pillai Varam’ (zuriat).

Menurut S.Vadiveloo:

Bapa Arumugam pernah bekerja kuat di Jabatan Kerja Raya sebagai pemandu ‘roller’ seberat tiga tan. Bapanya memakai dhoti ketika bekerja. Kini anaknya pula memandu ‘roller’ yang sama, tetapi dalam keadaan memakai seluar panjang. Inilah ‘kemajuan’ yang dicapai oleh keturunan Arumugam.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 78)

Dalam cerpen ini keluarga Arumugam masih menjadi pemandu kenderaan berat. Arumugam dan bapanya hanya berbeza daripada aspek pemakaianya sahaja. Arumugam tidak berubah daripada aspek pemikiran dan pendidikan. S.Vadiveloo membincangkan penindasan ini dengan lebih mendalam menerusi cerpen Irattai Poottu (dua biji mangga). Menurutnya:

Ladang Victoria bahagian ketika adalah tempat berkembangnya generasi Marimuthu. Bapa Marimuthu tiba di negara ini ketika berumur tiga belas tahun di bawah Sistem Kanggani. Bapanya berkahwin dengan wanita India yang berwarganegara Malaya. Ketika ibunya mengandung, bapa Marimuthu telah meninggal dunia. Bapanya meninggal dunia ketika penjajahan Jepun di Malaya. Marimuthu membesar sebagai pewais bapanya. Marimuthu menjadi penoreh getah di ladang tersebut hingga sekarang. Kini dia mempunyai lapan orang anak. Mereka merupakan bakal penoreh getah di ladang tersebut.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 26)

Peristiwa ini jelas menunjukkan bahawa pemodal British sudah mengongkong pergerakan generasi muda agar tidak keluar dari ladang getah dan kekal sebagai pekerja ladang getah yang tidak mempunyai perasaan dan pemikiran. Sebenarnya, pemodal British membuat perancangan awal agar para pekerja ladang getah serta keturunannya terus menetap di kawasan ladang getah untuk menjamin sumber pendapatan mereka. Pekerja ladang yang mengambil keputusan untuk menetap di ladang-ladang getah tidak berpeluang berhubung dengan dunia luar.

Pendedahan ini akan membawa perubahan dan pemikiran baru untuk mengubah nasib mereka. Para pekerja berpeluang mendapat pendidikan menengah dan tinggi dan seterusnya mereka dapat meningkatkan gaya hidup mereka selaras dengan masyarakat bandar. Segala kemungkinan ini dapat dihalang oleh pihak pemodal British menerusi penawaran pekerjaan sebagai penoreh getah kepada anak-anak pekerja ladang getah yang akan bersara. Selain itu, golongan pekerja ladang getah mengalami tekanan jikan kerana mereka dolarbelkan sebagai orang Subaltern oleh pemodal British yang mengurus ladang getah tersebut. Pekerja ladang getah digambarkan hilang kesejahteraan dan hidup dalam keadaan kongkongan pihak pengurusan ladang getah. Peristiwa dalam cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) menunjukkan bahawa:

Anak dan ibu sedang berjalan menuju ke arah kuil di ladang tersebut. Di situ lah pekerja-pekerja ladang akan diambil kehadiran sebelum mulakan pekerjaan pada awal waktu

subuh. Tempat berkumpul tersebut dikenali sebagai ‘Perattu Kalam’. Pekerja penoreh getah dan buruh kasar berkumpul sambil menjinjing baldi besar untuk membawa susu getah sementara kumpulan buruh kasar pula berdiri dengan memegang cangkul.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 44)

Menerusi peristiwa dan watak ini, dapat diketahui bahawa semua pekerja dimestikan menghadiri ‘perattu kalam’ (tempat berkumpul pekerja ladang getah pada waktu subuh untuk memberi kehadiran kepada kerani) tersebut bagi mengesahkan kehadirannya pada hari tersebut. Sekiranya pekerja gagal menghadirkan diri di tempat tersebut mengikut masa yang ditetapkan, maka kerani akan mencari pengganti bagi melakukan pekerjaan tersebut. Oleh itu, bagi mengelakkan pengganti ini, para pekerja terpaksa bangun di waktu subuh untuk memenuhi kehadiran. Cerpen yang sama menerangkan gambaran ‘perattu kalam’ (tempat berkumpul pekerja ladang getah pada waktu subuh untuk memberi kehadiran kepada kerani) dengan jelas sekali. Menurut S.Vadiveloo:

Kerani menggantikan pekerja-pekerja yang tidak hadir dengan orang lain. Nama mereka juga dicatat. Seterusnya, nama buruh-buruh kasar yang akan melakukan kerja-kerja mencangkul juga dipanggil. Selepas pengagihan kerja, semua pekerja bersurai dari tempat tersebut.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 44)

Peristiwa yang digambarkan menerusi cerpen ini jelas menunjukkan bahawa puak kerani mempunyai kuasa mutlak untuk memberi kehadiran kepada pekerja. Faktor ini menyebabkan pekerja ladang getah mengalami tekanan jiwa. Para pekerja terpaksa bangun awal untuk mengelakkan potongan gaji. Ini jelas menunjukkan bahawa para pekerja dilayan sebagai Subaltern oleh pengurusan ladang tersebut. Selain itu, para pekerja ladang getah turut mengalami tekanan perasaan kerana mereka dilatan sebagai Subaltern. Watak Sinakannu dalam cerpen ‘Tiruvaalar Sinna Kannu’ (Encik Sinna Kannu) dicitrakan sebagai pekerja ladang getah yang tidak memahami pertuturan

Bahasa Melayu. Watak tersebut dalam keadaan emosi yang merungsingkan kerana tidak berani berhadapan dengan temuduga kerakyatan. S. Vadiveloo mengisahkan bahawa:

Perkara tentang kewarganegaraan Tanah Melayu sentiasa merunsingkan Sinnakannu. Sejak Malaya merdeka, ramai pekerja berbisik-bisik tentang permohonan kewarganegaraan dan temuduga yang dilakukan dalam Bahasa Melayu. ‘Saya tidak pandai bertutur Bahasa Melayu.

(Vadiveloo, 1964, m.s. 87)

Peristiwa yang digambarkan oleh cerpenis menerangkan bahawa watak pekerja ladang tersebut berada dalam keadaan tidak sejahtera kerana dia bimbang tentang masa hadapannya di negara ini. Sekiranya dia tidak lulus dalam temu duga kewarganegaraan, maka dia terpaksa balik ke negara asal. Cerpen yang sama turut membincangkan tentang kepentingan kefasihan Bahasa Melayu untuk mendapat taraf kewarganegaraan di Malaya. S. Vadiveloo menyatakan bahawa:

Ketika berurus di kedai runcit, tauke Cina di kedai runcit tersebut tidak bertutur dalam Bahasa Melayu, malah dia hanya berbual dalam Bahasa Tamil dengan saya. Jika keadaan begini mana ada peluang untuk saya berfasih dalam Bahasa Melayu? Saya hanya tahu tentang pokok getah sahaja. Kalau tidak diberi taraf kewarganegaraan, maka sudah tentu saya akan dipulangkan ke negara India.

(Vadiveloo, 1964, m.s. 87)

Menurut cerpenis, perkara tersebut sering menyedihkan hati watak Sinnakannu kerana pemodal British yang seharusnya bertanggungjawab dalam kesejahteraannya membiarkan sebegini sahaja tanpa mengambil sebarang tindakan yang munasabah. Watak Sinnakannu digambarkan menyedari penindasan yang dilakukan oleh pemodal British terhadapnya.

4.2.3 Gambaran Penindasan Daripada Aspek Kesihatan

Akta pekerja British (1933) digubal untuk menjaga kebajikan dan keselamatan pekerja yang bekerja dibawah pemodal-pemodak British. Akta ini menggariskan bahawa:

The health of workers and their dependants who live on the estates is the responsibility of employers, provisions relating to accommodation, sanitation and health, and hospitals are contained in the Code. (Rump Labour Code, 1933, m.s. 39).

Mengikut peruntukan akta tersebut jelas didapati bahawa pemodal British perlu bertanggungjawab penuh terhadap penyediaan kemudahan-kemudahan seperti perumahan, kesihatan dan juga keselesaan pekerja ladang getah. Air, makanan, udara dan tempat perlindungan merupakan empat keperluas asas manusia. Seperti sedia maklum, golongan pekerja ladang getah mengalami kesukaran dalam mendapatkan air. Mereka juga tidak dapat makanan yang berzat kerana pendapatan mereka tidak mengizinkan untuk perkara tersebut.

Jika ditinjau daripada aspek tempat perlindungan, golongan pekerja masih menerima nasib yang sama. Rumah papan yang disediakan oleh pemodal British tidak membawa keselesaan kepada pekerja. Para pekerja hidup sebagai golongan Subaltern di rumah-rumah tersebut walau pun mereka menjadi tenaga utama dalam menjadikan negara ini dalam industri pengeluaran getah dan kelapa sawit utama di dunia. Cerpen-cerpen S.Vadiveloo mencitrakan keadaan tersebut dengan jelas sekali.

Pemodal British mendirikan rumah-rumah pekerja di kawasan pendalamatan ladang getah agar pekerja-pekerja mengalami kesukaran untuk keluar masuk kawasan bandar. Faktor ini akan memudahkan pihak pengurusan ladang getah untuk mengehadkan keluar masuk pekerja ladang getah ke bandar agar para pekerja menumpukan sepenuh perhatian mereka dalam aktiviti pengeluaran susu getah.

S.Vadiveloo (1981) menerusi cerpen yang bertajuk ‘Kannan Remove Vaguppil Padikiraan’ (Kannan belajar kelas peralihan) menerangkan bahawa ladang getah itu terletak sejauh satu setengah batu dari jalanraya. Dari situ ke Seremban adalah sejauh sepuluh batu. (m.s.62).

Tindakan membina kawasan perumahan pekerja ladang getah berjauhan dari jalan raya serta berjauhan dengan kawasan bandar merupakan langkah yang tidak berperikemanusiaan. Pihak British melakukan perkara ini bagi menghalang para pekerja terdedah dengan dunia luar. Faktor ini menyebabkan ribuan pekerja ladang getah mengalami kesulitan kerana tidak dapat sampai ke destinasi yang ditujuinya dalam jangka masa yang ditetapkan. Faktor ini juga menjadi penghalang kepada anak-anak bangsa untuk meneruskan pengajiannya di kawasan bandar. Selain lokasi perumahan pekerja ladang getah, S.Vadiveloo turut membincangkan tentang struktur dan pelan kawasan perumahan yang terdapat di sebuah ladang getah. S.Vadiveloo (1970) menerusi cerpen Irattai Poottu (dua biji mangga) menjelaskan bahawa:

Setiap blok terdiri daripada enam buah rumah papan. Pili air diletakkan di pertengahan blok tersebut. Selain itu, terdapat juga rumah penjagaan anak-anak pekerja dan sebuah pondok perubatan. Terdapat seorang pembantu perubatan bertugas di situ untuk mengubati pesakit. Dia hanyalah pembantu perubatan yang bergred tiga.
(Vadiveloo, 1970, m.s. 20)

Di samping itu, dalam membincangkan tentang rumah pekerja ladang getah, T.Marimuthu dan R.Selvakumaran (1991) dalam kajian bertajuk ‘Varalaatru Paarvaiyil Malayciya Tottda Tolilaalargall’ (Perjuangan Pekerja Ladang Getah Daripada Sudut Sejarah) menyatakan bahawa:

Most houses, for example, have only one or two small rooms to be shared an average of six house hold members. To make matters worse, these houses are old and dilapidated without proper kitchen and sanitary facilities. A Labour Department survey in 1991 in Panisular Malaysia revealed that of 85729 estate houses surveyed, 12002

houses 14% had only one bedroom and 30,000 estate families were living in house that not meet the requirement of the 1990 Minimum Standards Act.
(Marimuthu dan Selvakumaran,1999, m.s. 102)

Menurut mereka, keadaan rumah pekerja ladang getah hanya dilengkapi dengan satu atau dua bilik sahaja. Biasanya hanya terdapat sebuah bilik dan bilik tersebut akan dikongsi oleh sekurang-kurangnya enam orang ahli keluarga. Mereka berasa kesal kerana rumah pekerja ladang getah dibina tanpa dapur dan bilik air. T.Marimuthu dan R.Selvakumaran menyatakan bahawa kajian Jabatan Buruh yang dilakukan pada tahun 1991, menunjukkan bahawa terdapat lebih 30,000 keluarga yang tinggal di ladang getah masih tinggal di ruamah yang mempunyai satu bilik.

Menerusi kenyataan yang diberikan oleh T.Marumuthu dan S.Selvakumaran, jelasnya dapat diketahui bahawa pada tahun 1991 terdapat lebih kurang 30,000 buah rumah ladang getah dalam serba kekurangan. Kebanyakkan rumah hanya terdapat sebuah bilik tidur sahaja. Ini adalah masalah yang dialami selepas negara mencapai kemerdekaan. Bagaimana pula keadaannya sebelum merdeka atau 44 tahun yang dahulu? Sudah tentu masalahnya lebih buruk dari tahun 1991. Perkara ini telah dibincangkan oleh cerpenis S.Vadiveloo menerusi cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan). Menurut cerpenis:

Rumah pekerja bersaiz sepuluh kali sepuluh kaki. Rumah tersebut dibina secara berkembar. Anjung rumah pekerja selebar enam kaki. Bahagian belakang rumah tersebut terbuka sehingga rumah sebelahnya nampak segala galanya. Begitu juga dengan bahagian hadapan rumah tersebut. Ianya dalam keadaan terbuka tanpa sebarang dinding. Terdapat juga sedikit ruang untuk membela anak ayam di belakang rumah tersebut.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 41)

Huraian S.Vadiveloo jelas menunjukkan bahawa rumah pekerja ladang getah adalah kecil iaitu sepuluh kali sepuluh kaki. Rumah tersebut dibina secara berkembar

dalam keadaan terbuka di bahagian anjung. Jika ditriangulasikan gambar foto (Lampiran) dengan huraian S.Vadiveloo, maka ianya menjadi selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Marimuthu dan Selvakumaran. Selain itu, peristiwa yang dipaparkan dalam cerpen tersebut menguatkan pandangan Georg Lucas tentang Model Pencerminan atau Model Peniruan yang dicipta olehnya.

Menurut model tersebut, sesebuah hasil karya kesusasteraan itu mencerminkan realistik sosial yang terdapat di luar kesusasteraan, iaitu kesusasteraan mengambil fenomena-fenomena sosial yang benar-benar berlaku dalam kalangan masyarakat. Maka, berdasarkan huraian diberikan oleh Georg Lukas, peristiwa yang dipaparkan dalam cerpen S.Vadiveloo tersebut mempunyai unsur-unsur kebenaran. Cerpen ‘Irandaavathu Manaivi’ (Isteri kedua) juga turut mengisahkan kebenaran tentang keadaan rumah pekerja ladang getah yang serba kekurangan. Menurut cerpenis, watak isteri yang berasal dari negara India berasa kecewa dan hampa apabila melihat rumah papan yang ditunjukkan oleh suaminya. S.Vadiveloo menghuraikan bahawa:

Dia tidak nampak sebarang perbezaan antara rumah kampung yang didiaminya di India dengan rumah papan yang dikhaskan untuk pekerja ladang getah di Malaya. Dia berasa hampa dengan keadaan rumah pekerja di ladang getah yang dibina dengan serba kekurangan. Rumah di negara India dibina dengan tanah liat dan pasir, manakala rumah pekerja ladang getah di Malaya dibina dengan menggunakan papan dan kayu yang usang.
(Vadiveloo, 1964, m.s. 27)

Peristiwa yang dicitrakan menerusi cerpen ini dengan jelasnya memaparkan penindasan yang dilakukan oleh British terhadap pekerja ladang getah daripada aspek tempat tinggal. British selaku majikan, hanya mementingkan keuntungan sahaja. Mereka tidak membela keselesaan pekerja, terutamanya daripada aspek tempat berehat dan tidur. Selaku majikan, British harus bertanggungjawab terhadap penindasan ini. Cerpen yang

sama mengambarkan keadaan bumbung rumah pekerja yang disediakan oleh majikan British. Menurut watak isteri tersebut:

Bumbung rumah di negara ini diperbuat daripada atap mengkuang manakala di India pula atap daripada bangkai pokok padi (Vaikol). Keadaan lantai di India dipenuhi pasir dan habuk manakala di Malaya pula dipenuhi dengan lumpur dan tanah liat.

(Vadiveloo, 1964, m.s. 27)

Menerusi keluhan tersebut, jelas didapati bahawa pihak pemilik ladang getah iaitu pemodal British gagal menyediakan tempat tinggal yang selesa kepada para pekerja ladang getah. Di samping itu cerpen bertajuk ‘Pillai Varam’(zuriat) juga mengisahkan tentang bilik tidur yang terdapat di sebuah rumah pekerja ladang getah. Menurut S.Vadiveloo:

Arumugam dan isterinya hanya tidur bersama di atas katil itu sehari sahaja. Selepas malam pertama, mereka tidak sempat tidur bersama di atas katil itu. Isterinya akan tidur bersama adik-adik perempuan suaminya di katil tersebut. Emaknya akan tidur di ruang yang terdapat di sebelah katil. Arumugam dan adik lelakinya akan tidur di halaman rumah. Di situ lah ibunya meletakkan gambar Dewa Murugan yang ditutup dengan kain kuning.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 80)

Menerusi paparan ini, S.Vadiveloo ingin memaklumkan bahawa rumah yang dibina oleh pengurusan ladang hanya mempunyai satu bilik tidur sahaja. Watak yang bernama Arumugam berasa kecewa kerana tidak dapat bersama dengan isterinya. Dia hanya bermalam di halaman rumah sahaja. Jika diteliti secara mendalam, ini adalah sejenis penindasan daripada aspek emosi yang telah dilakukan oleh pengurusan ladang getah yang dimiliki oleh pemodal British. Persekutaran rumah dan keadaan rumah yang selesa tentu akan membentuk hati yang selesa. Maka, keselesaan ini akan mempengaruhi motivasi pekerja ladang getah untuk meningkatkan produktif bagi menjayakan pengurusan ladang getah. Manakala menerusi cerpen ‘Pillai Varam’(zuriat) yang sama, S.Vadiveloo menghuraikan bahawa:

Bilik tidur itu sebesar garaj kereta sahaja. Arumugam sudah meletakkan katil yang dihadiahkan oleh bapa mertuanya di dalam bilik tersebut. Bilik itu menjadi semakin sempit setelah meletakkan katil tersebut. Arumugam tidak sanggup tidur bersama isterinya di katil tersebut memandangkan hanya ada satu bilik tidur sahaja di rumah tersebut. Ke mana pula, tiga orang adik perempuan dan ibunya akan tidur jika pasangan suami isteri ini ingin tidur di atas katil? (Vadiveloo, 1981, m.s. 39)

Dalam cerpen ini S.Vadiveloo menerangkan bahawa bilik tersebut sebesar garaj kereta. Selepas meletakkan katil, maka ruangnya menjadi lebih sempit lagi. Lebih-lebih lagi, bilik tersebut tidak dapat memuatkan tujuh orang ahli keluarga yang berada di rumah tersebut. S.Vadiveloo masih mengisahkan tentang keadaan bilik tidur dalam cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan). Menurut cerpenis:

Kannamma turut bangun tidur bersama ibunya. Dinding bilik tidur tersebut dipenuhi dengan gambar pelakon-pelakon Tamil seperti M.G.R, Sivaji Ganesan, Jayalalitha dan Jeyashankar. Kotoran pada dinding tersebut disembunyikan dengan melekatkan gambar-gambar tersebut.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 38)

Menerusi cerpen ini S.Vadiveloo cuba mengisahkan bahawa dinding bilik tersebut ditampal dengan gambar-gambar pelakon filem Tamil dengan tujuan untuk melindungi kekotoran dinding rumah tersebut. Maka, dengan ini dapat diketahui bahawa rumah-rumah serta biliknya jarang dicat atau dibaik pulih. Pekerja sendiri terpaksa mengambil inisiatif untuk menyembunyikan segala kekotoran yang terdapat di rumah atau bilik tersebut. Cerpen ‘Serembanil Irunthu Vantha Sella’(Sella dari Seremban) mengisahkan pengorbanan seorang gadis sunti yang berkerja sebagai pembantu rumah di rumah kerani yang terletak di kawasan bandar.

Anak pekerja ladang getah tersebut terpaksa berhenti dari sekolah bagi membantu keluarga yang miskin, semata-mata untuk mendapatkan gaji dua puluh ringgit. Sebaik sahaja sampai di rumah majikan, dia diberi sebuah bilik setor untuk

menyimpan barang-barang kepunyaannya. Kemudiannya, majikan tersebut meminta dia menggunakan bilik tersebut sebagai bilik tidur. Gadis sunti tersebut begitu hairan dengan kesudian majikan yang memberi bilik setor untuk kegunaannya. Lalu, gadis tersebut cuba membandingkan bilik yang diberi oleh majikan dengan bilik yang terdapat di rumah ibu bapanya. Dia mendapat bilik setor tersebut lebih besar dari bilik tidur yang terdapat di rumah ibu bapanya. S.Vadiveloo menghuraikan kekurangan yang terdapat di rumah yang tersebut dengan tepat sekali. Beliau mencitrakan bahawa:

Sellamma merenung sekali lagi bilik yang didiami olehnya. Bilik yang diberikan oleh majikan ini agak besar jika dibandingkan dengan bilik pekerja di Ladang getah yang terletak di kawasan Lobak, Seremban. Sella tinggal bersama ibu bapa serta enam orang adik beradiknya di rumah sebesar bilik stor ini. Sellamma teruja apabila bilik stor yang besar ini diberi khas kepadanya sahaja (Vadiveloo, 1981, m.s. 31)

Menerusi peristiwa yang dikisahkan dalam cerpen ‘Serembanil Irunthu Vantha Sella’(Sella dari Seremban), S.Vadiveloo cuba memaparkan tentang keluasan bilik yang terdapat di rumah pekerja ladang getah. Selain itu, Cerpen ‘Taayum Magalum ’ (ibu dan anak perempuan) turut mencitrakan kehidupan Subaltern pekerja ladang getah di rumah-rumah pekerja tersebut. Menurut cerpenis keadaan bilik tidur yang diberikan kepada pekerja ladang getah tidak selesa. S.Vadiveloo menerangkan bahawa:

Cahaya menembusi setiap penjuru bilik tersebut. Kannamma yang merupakan anak dara Ammakannu sedang tidur di tepi dinding sementara dua orang anak lelakinya lelakinya tidur dengan nyenyak di sebelah Kannamma. Wlaupun Kannamma baru berusia enam belas tahun, tetapi tubuh Kannamma kelihatan jelita dan anggun. Kulitnya cerah keemasan mankala dua orang adik lelakinya pula kelihatan seperti arang. Ammakannu menjagakan Kannamma agar dia mengikuti Ammakannu ke ladang getah untuk bekerja sebagai buruh kasar.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 40)

Di samping itu, keadaan dapur yang selesa akan memberi inspirasi kepada suri rumah untuk melakukan kerja-kerja memasak dengan baik sekali. Biasanya dapur dibina

dalam bentuk bilik yang tertutup. Bilik tersebut dilengkapi dengan kemudahan air paip, tempat menyimpan pinggan mangkuk, periuk dan belanga. Pekerja ladang getah yang malang ini tidak mendapat peluang untuk menikmati bilik dapur. S.Vadiveloo mencitrakan keadaan dapur di sebuah rumah pekerja ladang getah sebagai:

Bahagian belakang rumah pekerja itu dalam keadaan terbuka sahaja. Tidak terdapat dinding yang memisahkan dengan rumah sebelah. Ruang terbuka yang terdapat di tempat itulah akan dijadikan sebagai dapur untuk melakukan kerja-kerja memasak.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 40)

Penjelasan tentang keadaan ini dipaparkan menerusi cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan). Peristiwa ini jelas menunjukkan bahawa pihak British selaku majikan mereka gagal menyediakan keperluan asas yang sepatutnya perlu disediakan kepada para pekerja yang mengorbankan tenaga dan nyawa demi kemajuan bangsa British. Keselesaan hidup akan mempengaruhi minda yang sihat. Keadaan minda yang sihat akan membentuk masyarakat yang cergas. Manusia mengejar keselesaan ini dalam semua lapangan mereka. Selaku pekerja ladang getah yang letih berkerja lebih dari dua belas jam dalam sehari, mereka juga perlu keselesaan terutamanya untuk bersama dengan isteri tercinta. Selaku seorang suami, dia mempunyai naluri untuk berkongsi dengan si isterinya. S.Vadiveloo mencitrakan nasib malang sepasang suami isteri yang baru berkahwin dan tinggal bersama ibu bapa dan adik beradiknya di rumah yang mempunyai sebuah bilik tidur. Menurut cerpenis:

Arumugam tidak dapat berasmara dengan isterinya kerana ketiadaan bilik. Rumah tersebut hanya mempunyai sebuah bilik sahaja. Isteri, ibu dan adik-adik perempuannya tidur di dalam bilik manakala Arumugam tidur di ruang tamu. Arumugam menunggu agar ibu dan adik beradiknya tidur dahulu. Selepas mereka tidur, baru Arumugam dapat memberi isyarat kepada isterinya untuk membawa air untuk diminum. Jika pada hari tersebut isterinya sudah lena, maka pada hari tersebut Arumugam terpaksa tidur dengan perasaan hampa kerana tidak mendapat peluang untuk berasmara dengan isterinya.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 81)

Peristiwa yang menyentuh hati ini telah dipancarkan oleh S.Vadiveloo dalam cerpen ‘Pillai Varam’(zuriat). Ini adalah sejenis penindasan yang dilakukan oleh majikan British terhadap pekerja ladang getah. Dalam cerpen yang sama, S.Vadiveloo mencitrakan keputusan yang diambil oleh sepasang suami isteri untuk mengamalkan perancang keluarga semata-mata kerana tidak mempunyai keselesaan di rumah pekerja ladang getah tersebut. Selaku seorang suami yang bertanggungjawab, watak Arumugam berazam bahawa:

Anak-anak saya tidak patut membesar di dalam rumah yang serba kekurangan ini. Saya membesar dalam keadaan serba kekurangan, Anak-anak saya tidak patut menerima nasib yang sama seperti mana saya alami sebelum ini. Saya menginginkan anak-anak saya berpelajaran tinggi dan menikmati taraf kehidupan yang lebih baik. Bagi memperoleh taraf hidup tersebut, saya perlu berusaha untuk meningkatkan sumber pendapatan saya. Untuk itu, kita harus mengamalkan perancangan keluarga untuk beberapa tahun lagi bagi mengumpul wang simpanan yang banyak.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 81)

Menerusi peristiwa ini, dapat dibuktikan bahawa para pekerja ladang getah tidak mempunyai keselesaan di rumah yang didiami oleh mereka. Sekiranya terdapat keselesaan, maka sudah tentu watak Arumugam tidak akan tidur berasingan di ruang tamu. Selain itu, pasangan suami isteri yang baru memulakan rumah tangga itu tidak akan mengambil keputusan untuk mengamalkan perancangan keluarga agar tidak melahirkan anak sehingga mereka mengumpul simpanan yang secukup bagi mendapat keselesaan tersebut. Selain itu, dalam membincangkan tentang keadaan rumah asuhan kanak-kanak yang terdapat di ladang getah, S.Vadiveloo mencitrakan bahawa:

Rumah asuhan kanak-kanak terletak di bahagian tengah kawasan penempatan pekerja ladang getah. Pagar rumah asuhan kanak-kanak tersebut dibina dalam ketinggian tiga kaki agar kanak-kanak tidak dapat melompat keluar dan berlari ke rumah mereka. Terdapat beberapa buaian digantung di sepanjang kaki lima untuk bayi-bayi pekerja ladang. Selain itu, terdapat juga sebuah pelantar untuk kanak-kanak duduk, makan dan tidur di situ.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 42)

Walaupun pada dasarnya majikan menyediakan rumah penjagaan kanak-kanak bagi anak-anak pekerja ladang getah yang keluar berekerja pada waktu subuh, namun secara praktikalnya kanak-kanak tidak mendapat asuhan yang sempurna. Tempat tersebut hanya dikenali sebagai ‘aayaa kottdagai’(rumah asuhan kanak-kanak) yang membawa pengertian ‘Reban Penjaga Anak’. Bayi yang diasuh dibaringkan dalam buaian-buaian yang didirikan dengan kain sarung atau sari. Kanak-kanak yang besar hanya duduk di pelantar kayu sahaja. Gambar di sebelah menjelaskan huraian yang diberikan oleh S.Vadiveloo menerusi cerpennya.

Rumah asuhan ini terletak di kawasan penempatan pekerja ladang getah. Bentuk rumah asuhan ini memiliki ciri-ciri yang hampir sama seperti reban ayam, seperti mana dicitrakan dalam cerpen ‘Taayum Magalum ’ (ibu dan anak perempuan). Tempat ini kurang sesuai untuk kanak-kanak membesar dan mendapat asuhan. Keadaan ini jelas membuktikan bahawa para pekerja ladang getah telah ditindas daripada aspek kebajikan. Mereka sepatutnya diberikan keselesaan daripada aspek kebajikan. Anak-anak pekerja ladang getah perlu diberi perlindungan dan penjagaan yang rapi di rumah asuhan tersebut agar para pekerja dapat menumpukan sepenuh perhatian dalam pekerjaan mereka. Pihak pemodal British didapati gagal dalam hal rumah asuhan kanak-kanak ini.

Mereka didapati menindas pekerja-pekerja ladang getah dan juga anak-anak mereka daripada aspek penyediaan keperluan asas. Gambar foto dalam lampiran A akan mengukuhkan huraian yang diberikan oleh S.Vadiveloo menerusi cerpen ‘Taayum Magalum ’ (ibu dan anak perempuan). Gambar-gambar tersebut membuktikan bahawa anak-anak pekerja ladang getah hanya menjadi tempat pengumpul anak-anak sahaja.. Iannya bukan tempat asuhan atau pun bimbingan kanak-kanak. Anak-anak pekerja hanya didapati duduk di lantai bersimen dan sebahagiannya duduk di atas pelantar kayu. Terdapat juga buaian yang didirikan dengan kain sarung untuk bayi-bayi.

Selain itu, Ayamah yang menjaga anak-anak tersebut didapati duduk di hujung pelantar sebut. Biasanya Ayamah dilantik dalam kalangan pekerja ladang getah yang tidak produktif untuk melakukan kerja-kerja menoreh getah. Wanita tersebut sudah tentu tidak akan dapat mengasuh semua anak-anak pekerja ladang getah yang di hantar ke rumah tersebut. Anak-anak pekerja hanya dikumpulkan dalam rumah penjagaan kanak-kanak tersebut hanya untuk menjaga sementara ibu bapa mereka pulang ke rumah dari tempat pekerjaan mereka.

4.2.4 Gambaran Penindasan Daripada Aspek Pendidikan

Aspek pendidikan diteliti mengikut keadaan fizikal sekolah, kemudahan belajar, halangan-halangan pembelajaran, kemudahan pengangkutan ke sekolah, kemudahan bimbingan dan peluang belajar tuisyen. S.Vadiveloo menerusi cerpen ‘Irrattai Poottu’(dua biji mangga) mengisahkan bahawa:

Ladang getah tersebut di bahagikan kepada beberapa bahagian. Di setiap bahagian terdapat serumah asuhan kanak-kanak. Selain itu, terdapat juga sebuah sekolah Tamil yang hampir sama besar dengan rumah asuhan kanak-kanak serta sebuah Kuil Mariamman.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 20)

Menerusiuraian beliau, didapati bahawa keadaan fizikal sekolah Tamil hampir sama besar dengan reban ayam. Jika ditriangulasikanuraian S.Vadiveloo dengan gambar foto (Lampiran A), maka boleh disimpulkan bahawa ianya selari dengan pandangan Georg Lucas tentang sama ada Model Pencerminan atau Model Peniruan yang menyatakan bahawa sesebuah hasil karya kesusasteraan itu mencerminkan realistik sosial yang terdapat di luar kesusasteraan. Jika dilihat daripada aspek teori Subaltern, maka pekerja ladang getah serta anak-anak mereka tidak diberi pembelaan oleh majikan mereka.

Para pekerja hanya mendapat layanan sebagai warga kelas ketiga iaitu sebagai golongan Subaltern yang tidak mempunyai hak untuk bersuara bagi mendapatkan keperluan mereka. Di samping itu, majikan British hanya memikirkan keuntungan mereka. Mereka tidak menyediakan keperluan asas yang sepatutnya diberikan kepada para pekerja ladang getah serta ahli keluarga mereka. Sistem perhubungan jalan yang buruk tidak mengizinkan para pekerja serta anak-anak mereka untuk keluar ke kawasan bandar dengan mudah sekali. Anak-anak pekerja ladang getah yang ingin melanjutkan pelajaran mereka di peringkat menengah mengalami kesukaran untuk berbuat demikan

kerana faktor sistem perhubungan jalan yang tidak menyenangkan ini. Menurut S.Vadiveloo:

Anak pekerja ladang getah yang belajar di sekolah menengah yang terdapat di bandar Seremban terpaksa bangun pada pukul empat bagi. Anak tersebut terpaksa bangun pada seawal pagi itu semata-mata untuk mengejar bas awam yang menuju ke bandar pada pukul enam pagi. Cikgu Arul bersimpati dengan anak-anak penoreh getah yang belajar di sekolah menengah itu kerana mereka tidak mempunyai wang saku untuk membeli makanan tengah hari di sekolah menengah tersebut. Anak-anak pekerja ladang getah yang belajar di sekolah tersebut dalam keadaan letih kerana tidak makan.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 22)

Menurut gambaran S.Vadiveloo, ibu bapa kepada anak-anak tersebut terpaksa bangun sebelum pukul empat bagi menyiapkan anak-anak mereka yang terpaksa berjalan kaki pada pukul empat pagi menuju ke jalan raya. Anak-anak tersebut perlu berlajan kaki beberapa kilometer untuk sampai ke jalan raya bagi mendapatkan bas awam yang menuju ke bandar. Ini adalah sejenis penindasan yang dilakukan terhadap pekerja ladang getah serta terhadap anak-anak mereka. Pemodal British selaku majikan pera pekerja ladang getah tidak memandang serius tentang anak-anak pekerja ladang getah yang terpaksa menanggung risiko, berjalan kaki seorang di pagi-pagi buta semata-mata untuk mendapatkan bas awam yang menuju ke bandar.

Menurut akta kerja 1955 seksyen 22(c) A1419, majikan bertanggungjawab tentang kemudahan pendidikan pekerja dan ahli keluarga para pekerja ladang getah. Nampaknya pihak majikan British hanya menunjukkan kesungguhan dalam menyediakan pendidikan bahasa ibunda sahaja. Mereka tidak menghiraukan pendidikan menengah anak-anak pekerja ladang getah. Selain itu, anak-anak juga tidak mempunyai tempat yang sesuai untuk belajar di rumah. Ketiadaan bekalan letrik menyulitkan lagi keadaan tersebut. Anak-anak pekerja terpaksa menerima kekurangan ini kerana ibubapa mereka menjadi pekerja di ladang tersebut.

Ibu bapa mereka terpaksa mendiamkan diri kerana tiada perlindungan lain selain ladang getah tersebut. Perjanjian yang dilakukan dengan pihak pemodal British dan Kanggani yang membawa mereka ke ladang tersebut menyebabkan pekerja ladang terus membisu tanpa meminta hak asasi mereka. Selain itu, anak-anak pekerja ladang getah turut mengalami kesukaran untuk belajar di rumah mereka. Oleh kerana rumah yang diduduki oleh mereka hanya mempunyai sebuah bilik, maka anak-anak terpaksa menggunakan halaman atau anjung rumah mereka untuk belajar atau membuat kerja rumah mereka. S.Vadiveloo menerusi cerpen ‘Puthiya Paathai’(Jalan Baharu) mencitrakan bahawa:

Adik lelaki yang akan menduduki peperiksaan L.C.E (Lower Cert.of Education) pada tahun ini sedang membuat ulang kaji pelajarannya sambil duduk di tepi longkang. Dia terpaksa duduk di situ kerana tidak ada ruang belajar di rumahnya. (Vadiveloo, 1981, m.s. 23)

Gambaran yang diberikan oleh cerpenis tentang situasi ini adalah amat menyedihkan hati. Selain itu, anak-anak pekerja ladang getah akan duduk sama ada di luar rumah atau di tepi-tepi longkang kerana tiada meja di dalam rumah anak-anak tersebut. Mereka lebih selesa meletakkan buku tulis di riba mereka sambil memasukkan kaki mereka di dalam longkang yang terdapat di situ. Peristiwa ini jelas menunjukkan bahawa anak-anak pekerja ladang getah tidak menikmati sebarang keselesaan atau kemudahan untuk belajar di rumah mereka.

Masalah ini berpunca dari perbuatan majikan British yang menyediakan rumah yang kecil yang serba kekurangan daripada aspek keselesaan hidup. Ini adalah sejenis penindasan yang tidak patut dilakukan oleh pihak majikan terhadap pekerja-pekerja mereka. Kelalaian pemodal British menjelaskan perkembangan pendidikan anak-anak pekerja ladang getah. Halangan-halangan yang dialami dalam meneruskan pendidikan duga turut mengambarkan bahawa para pekerja dan anak-anak mereka menjalani kehidupan sebagai golongan Subaltern di ladang-ladang getah.

Ini adalah kerana kesemua ladang getah terletak di kawasan pendalaman. Ladang tersebut hanya dihubungi dengan jalan tanah merah yang berjauhan beberapa kilometer dari jalan utama atau jalan raya. Penduduk ladang getah terpaksa menaiki basikal atau berjalan kaki sehingga beberapa kilometer sekiranya hendak ke bandar. Masalah ini turut menjelas anak-anak pekerja ladang getah. S.Vadiveloo mencitrakan masalah ini dengan tepat sekali. Beliau menerusi cerpen ‘Puthiya Paathai’(Jalan Baharu) menerangkan bahawa:

Anak-anak pekerja ladang getah yang belajar di sekolah menengah tidak mempunyai sebarang panduan untuk mendekati peperiksaan yang diadakan di peringkat sekolah menengah. Lebih-lebih lagi, anak-anak tersebut tidak mempunyai peluang untuk mendapatkan sebarang bimbingan daripada ibu-bapa atau pun dari mana-mana pusat tuisyen. Selain itu, anak-anak tersebut tidak mempunyai peluang sama ada untuk membuat rujukan atau membeli surat khabar bagi menambahkan pengetahuan mereka. Anak-anak pekerja ladang getah hanya bergantung kepada guru sekolah sahaja. (Vadiveloo, 1981, m.s. 22)

Penerangan yang diberikan oleh S.Vadiveloo tentang nasib malang anak-anak pekerja ladang nampaknya bukan rekaan atau imaginasi, tetapi adalah kisah benar. Memang tidak dapat dinafikan bahawa cerpenis S.Vadiveloo menyuarakan keluhan anak-anak pekerja ladang yang dialami ratusan tahun menerusi cerpen ‘Puthiya Paathai’ (Jalan Baharu). Alangkah baiknya, pemodal British selaku majikan menyediakan kemudahan pengangkutan atau pun kemudahan perpustakaan di ladang-ladang getah?. Pemodal British hanya mementingkan keuntungan dan mendominasi mereka daripada aspek mental agar pekerja hanya mendapat pendidikan Bahasa Tamil di sekolah Tamil yang terdapat di ladang getah.

Sekiranya terdapat perpustakaan atau kemudahan bas sekolah ke bandar, sudah tentu anak-anak pekerja ladang getah akan berpeluang menghadiri kelas-kelas tambahan yang diadakan di peringkat sekolah atau pun di pusat-pusat tuisyen. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa anak-anak pekerja ladang getah terpaksa mengharungi banyak

cabaran untuk berjaya dalam pendidikan mereka. Masalah ini boleh diatasi dengan senang sekali jika terdapat sikap keterbukaan daripada pihak majikan.

Oleh kerana tidak mendapat kerjasama daripada pihak majikan atau pengurusan ladang getah, ramai ibu bapa akan mengambil keputusan untuk menamatkan pengajian anak-anak mereka di peringkat sekolah rendah sahaja. Perkara ini disebabkan oleh beberapa perkara, antaranya ialah faktor kewangan yang kritikal. Ibu bapa terpaksa mengambil keputusan tersebut kerana mereka tidak mampu untuk membayar tambang bas dan perbelanjaan di sekolah menengah. Memandangkan perkara tersebut, mereka akan mengambil keputusan untuk menamatkan pengajian anak-anak mereka setakat darjah enam. S.Vadiveloo menerusi watak bapa dalam cerpen ‘Tiruvaalar Sinna Kannu’ (Encik Sinna Kannu) mencitrakan bahawa:

Biar anak belajar di sekolah Tamil sahaja. Dia memang tidak dapat meneruskan pengajiannya di peringkat universiti. Dia tidak mungkin memegang jawatan tinggi dalam kerajaan. Jika setiap orang yang belajar di sekolah menginginkan jawatan tinggi selepas tamat pengajian mereka, maka siapa pula yang akan melakukan kerja-kerja seperti menoreh getah ini? (Vadiveloo, 1981, m.s. 22)

Menerusi peristiwa yang dipaparkan dalam cerpen ini dapat difahami bahawa pemikiran pekerja ladang getah telah didominasi oleh pemodal British agar pera pekerja tidak mempunyai wawasan. Kerana itulah bapa kepada anak tersebut tidak menaruh kepercayaan terhadap kemajuan pendidikan anaknya. Bapa tersebut berfikiran sempit kerana tidak mendapat pendidikan kerana bapa kepadanya tidak berpendidikan. Anak-anak pekerja ladang getah tidak mempunyai peluang untuk bertutur dalam Bahasa Melayu. Pengajaran Bahasa Melayu yang dilakukan beberapa jam di sekolah rendah dahulu memang tidak mencukupi untuk menguasai bahasa tersebut.

Anak-anak tersebut juga tidak mempunyai ruang untuk menguasai bahasa tersebut di rumah dan juga di sekitar rumah mereka. Selain itu, peniaga cina yang

mengendalikan kedai runcit juga bertutur dalam Bahasa Tamil. Faktor-faktor halangan ini menjadikan anak-anak pekerja ladang getah lemah dalam Bahasa Melayu yang menjadi tunjang di negara ini. Vadiveloo (1981) menerusi cerpen ‘Puthiya Paathai’(Jalan Baharu) mencitrakan kesulitan yang dialami oleh seorang anak pekerja ladang getah yang belajar di sekolah menengah. Watak anak pekerja yang bernama Kannan menyatakan bahawa cikgu...kami tidak memahami sesetengah perkataan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu (m.s.22).

Menerusi peristiwa ini, cerpenis cuba mengetengahkan isu pemahaman Bahasa Melayu yang dialami oleh anak-anak pekerja ladang getah. Watak Kannan dijadikan wakil kepada anak-anak yang mengalami masalah tersebut. Watak Kannan cuba meluahkan perasaannya tentang kesukaran memahami bahasa tersebut ketika berada dalam bilik darjah. Menurut cerpenis, keluhan watak Kannan telah menyentuh hati guru tersebut. Kegagalan mereka menguasai kemahiran berbahasa Melayu ini telah menyebabkan ribuan anak-anak pekerja ladang getah terkandas dalam peperiksaan seperti SRP (Sijil Rendah Pelajaran), PMR (Penilaian Menengah Rendah) dan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia).

Anak-anak ini terkandas kerana kegagalan pihak pemodal British yang tidak menyediakan suasana pembelajaran sama ada daripada aspek sosial atau pun ekonomi. Jika ibubapa mereka memiliki kemampuan ekonomi yang baik, sudah tentu anak-anak tersebut mendapat peluang yang baik untuk menguasai Bahasa Melayu dengan lebih baik lagi. Penyediaan sama ada perpustakaan atau pun ruang pembelajaran yang selesa di rumah atau pun di sesuatu tempat di kawasan ladang getah, tentu akan mendorong anak-anak untuk belajar secara beramai-ramai. Sikap materialistik yang diamalkan dalam kalangan pengurusan ladang getah menyebabkan masa depan anak-anak pekerja menjadi tanda soal.

Mereka menerima nasib yang seakan-akan sama dengan ibu bapa mereka sehingga menamatkan pelajaran mereka dan menjadi warga pelapis bagi menjalankan kerja-kerja sebagai penoreh getah, pemandu, buruh kasar dan sebagainya. Cerpen ‘Kannan Remove Vaguppil Padikkiraan’ (Kannan belajar kelas peralihan) turut memaparkan perjuangan para pekerja ladang getah selaku ibubapa dalam usaha memberi peluang yang secukup kepada anak-anak mereka agar berjaya dalam pembelajaran mereka. S.Vadiveloo (1981) mencitrakan bahawa:

Isterinya pernah berpendapat kepada suaminya untuk menghentikan Kannan dari persekolahan. Namun, memandangkan Kannan adalah anak sulong serta dia mempunyai kebolehan belajar, maka si suaminya mrngambil keputusan untuk menghantar anak lelaki twesebut ke sekolah menengah yang terletak di bandar. Dia bersedia untuk berhadapan dengan segala kerumitan yang bakal timbul. (Vadiveloo, 1981, m.s. 65)

Peristiwa dalam cerpen ini menunjukkan bahawa walaupun keluarga tersebut mengalami masalah kewangan, namun ketua rumah tersebut sanggup mengharungi cabaran yang bakal dihadapi olehnya. Jika anak mereka belajar di sekolah rendah, para ibu bapa tidak menanggung beban yang tinggi kerana pihak sekolah akan berurusan dengan pihak pengurusan ladang getah bagi mendapat atau pun mengutip yuran dan sebagainya. Kebebanan mereka akan bertambah dua kali ganda jika mereka menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah menengah.

Biasanya sekolah menengah terletak di kawasan bandar. Ibu bapa perlu memikirkan faktor jarak, masa dan kewangan untuk menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah menengah. Kesulitan yang dialami oleh para pekerja ladang ini telah digambarkan S.Vadiveloo dengan jelas sekali. Kesulitan ini berpunca daripada diskriminasi yang diamalkan oleh pemodal British. Jika majikan memberi gaji yang setimpal dengan kerja yang dilakukan oleh pekerja ladang getah, maka para pekerja ladang getah tentu tidak akan mengalami kekangan kewangan.

Cerpen ‘Puthiya Paathai’(Jalan Baharu) turut mengisahkan masalah kekangan kewangan yang dialami oleh anak-anak pekerja ladang getah yang belajar sekolah menengah. S.Vadiveloo (1981) mencitrakan bahawa “anak-anak pekerja ladang getah mengalamai pelbagai masalah dalam proses pembelajaran mereka. Mereka tidak mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada ibubapa mereka kerana ibubapa mereka tidak berpendidikan. Pelaja-pelajar juga tidak mempunyai kemampuan daripada aspek kewangan untuk menghadiri kelas-kelas tuisyen yang dikendalikan di kawasan bandar”.(m.s.22).

Peristiwa yang dipaparkan dalam cerpen ini tidak dapat dianggap sebagai imaginasi semata-mata, tetapi mempunyai unsur-unsur kebenaran. S.Vadiveloo menggunakan saluran kesusasteraan ini untuk membongkar isu-isu sosial yang dialami oleh pekerja ladang getah serta anak-anak mereka. S.Vadiveloo bukan sekadar mengisahkan masalah yang diamami oleh pekerja ladang getah malah turut membincangkan punca-punca masalah tersebut. Beliau menjelaskan bahawa masalah ini tertimbul daripada sikap majikan atau pengurusan ladang getah yang tidak bertimbang rasa terhadap anak-anak pekerja ladang getah. Menerusi cerpen ‘Puthiya Paathai’(Jalan Baharu) beliau mengambarkan bahawa:

Pengurusan ladang tidak menyediakan perpustakaan di kawasan ladang getah. Anak-anak pekerja tidak berpeluang membaca surat khabar untuk menambah pengetahuan. Mereka terpaksa keluar dari rumah pada pukul empat pagi untuk mengejar bas awan yang menuju ke bandar berhampiran bagi menghadiri sekolah menengah.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 22)

Jika suasana ini menjadi rutin di sepanjang alam persekolahan, maka mereka hanya mempunyai peluang yang tips untuk berjaya dalam pendidikan. Cerpen ‘Puthiya Paathai’(Jalan Baharu) turut membincangkan keadaan anak-anak pekerja di kawasan sekolah. Anak-anak pekerja yang menaiki bas pada pagi-pagi buta itu akan berada di

sekolah sehingga tiga petang. Mereka tidak ada wang untuk makan di kantin sekolah. Mereka berada dalam keadaan kelaparan sehingga balik ke rumah pada waktu petang. Jika ditinjau secara rasional, kegagalan anak-anak pekerja ladang getah dalam bidang pendidikan adalah berpunca daripada sikap majikan atau pengurusan ladang yang tidak pandai menjaga kebajikan pekerja ladang getah dengan sempurna. Keletihan dan kelaparan ini menyebabkan anak-anak tersebut mendapat markah yang kurang dalam peperiksaan. Mereka takut hendak menunjukkan kad kemajuan kepada ibubapa mereka. Peristiwa yang dipaparkan menerusi cerpen ‘Kannan Remove Vaguppil Padikkiraan’ (Kannan belajar kelas peralihan) menjelaskan keadaan tersebut dengan lebih teliti lagi.

Menurut cerpenis:

Selepas tiga hari menyimpan buku laporan kemajuan pelajaran tanpa diketahui bapanya, Kannan mengambil keputusan untuk meniru tandatangan bapanya agar dapat diserahkan balik kepada gurunya.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 60)

Watak Kannan terpaksa melakukan perbuatan tersebut kerana gagal dalam peperiksaan. Kegagalan ini bukanlah disebabkan oleh Kannan, malah kerana kekurangan yang terdapat dalam keluarganya atau lebih ringkasnya adalah kerana majikan yang tidak memberi keselesaan kepada ibubapanya untuk membantu anak-anak yang belajar di sekolah. Peristiwa yang dipaparkan oleh cerpenis dalam cerpen-cerpen ini bukanlah sesuatu imaginasi, tetapi realiti yang dialami oleh ramai anak-anak pekerja ladang getah di negara ini. Ini adalah satu petanda yang nyata bahawa terdapat hubungan antara karya sastera dan realiti hidup (Teeuw, 1984, m.s. 220).

Model Pencerminan atau Model Peniruan ini dengan jelasnya menunjukkan bahawa terdapat unsur-unsur penindasan yang dilakukan oleh pemodal British terhadap pekerja-pekerja ladang getah. Selain tidak mempunyai kemudahan belajar di ladang getah, anak-anak pekerja ladang turut mengalami masalah pengangkutan untuk ke

sekolah. Mereka mengalami kesukaran tersebut semata-mata kerana mereka adalah waris golongan Subaltern yang berkerja di ladang-ladang getah. Anak-anak pekerja ladang getah tersebut terpaksa jaga pukul tiga pagi untuk mendapatkan bas awam yang menuju ke bandar. S.Vadiveloo mengisahkan bahawa watak murid yang bernama Kannan terpaksa berbuat demikian untuk mendapatkan bas pukul enam pagi. Beliau mencitrakan bahawa:

Pada keesokan harinya, Kannan bangun awal mengejar bas yang menuju ke bandar sebelum pukul enam pagi. Dia tidak mahu melepaskan bas tersebut kerana dia telah terlepas bas tersebut semalam. Malangnya, bas itu tidak berhenti di perhentian bas tersebut walaupun Kannan cuba melambaikan tangannya agar berhenti. Pemandu bas tersebut tidak berhenti di situ kerana cuacanya masih gelap. Selepas itu, Kannan tidak berani menaiki bas seterusnya yang datang pada pukul lapan pagi. Bas tersebut akan lambat sampai ke sekolah. Oleh itu, dia mengambil keputusan untuk duduk di tepi sungai hingga petang. Dia tidak berani balik rumah kerana takut dibelasah oleh bapanya.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 15)

Peristiwa yang dipaparkan menerusi cerpen ini menjelaskan cabaran-cabaran yang dialami oleh anak-anak pekerja ladang getah yang mendahagakan pendidikan. Cerpen ‘Kannan Remove Vaguppil Padikkiraan’ (Kannan belajar kelas peralihan) juga mengisahkan keadaan yang sama. Menurut cerpenis:

Jarak antara rumah pekerja dengan jalan raya adalah kira-kira satu setengah batu. Dari situ ke bandar Seremban adalah sejauh sepuluh batu. Kannan perlu sampai di situ sebelum pukul enam setengah pagi supaya dapat menaiki bas awan yang menuju ke Seremban pada pukul enam setengah pagi. Kannan tidak dapat lena sepanjang malam tersebut kerana takut tertinggal bas ke sekolah.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 63)

Watak kannan boleh dianggap sebagai wakil kepada anak-anak pekerja ladang getah yang terpaksa bangun awal dan berjalan kaki sejauh beberapa batu untuk mendapatkan bas agar dapat hadir di sekolah sebelum pukul 7.00 pagi. Inilah delima

murid sekolah menengah yang tinggal di ladang-ladang getah di Malaya. Jika ditinjau secara rasional, keadaan ini berpunca kerana sikap kepentingan diri golongan pemodal British yang menguruskan ladang getah semata-mata untuk mencari kekayaan. Oleh kerana itulah para pekerja ladang getah serta genarasinya terpaksa memikul beban yang amat berat untuk memajukan diri dalam dunia pendidikan. Cerpen yang sama mengisahkan kekecewaan yang dialami oleh seorang anak pekerja ladang getah yang ketinggalan bas yang menuju ke bandar. S.Vadiveloo mencitrakan bahawa:

Sebuah bas berlalu dengan pantas di hadapan mata Kannan. Dia menjerit agar pemandu bas tersebut mendengar jeritannya. Dia melambai-lambaikan tangannya dengan pantas agar pemandu bas tersebut memandang Kannan. Malangnya pemandu bas tersebut tidak menghentikan bas tersebut di situ. Kannan menjerit tidak henti henti sehingga bas itu beredar dari tempat itu.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 89)

Peristiwa tersebut memberi satu gambaran yang jelas tentang masalah pengangkutan yang dialami oleh anak-anak pekerja ladang getah yang belajar di sekolah menengah. Dalam cerpen yang sama anak pekerja ladang getah tersebut dicitrakan melihat ketibaan bas yang kedua selepas satu jam berlalu. Dia cuba memberhentikan bas tersebut sambil melambai-lambaikan tangan dan menjerit:

Hei! hei! nantilah! nantilah!. Kannan mula berlari bersama bas dengan memanggil pemandu bas tersebut sambil melambaikan tangannya. Memang tiada peluang untuk pemandu bas tersebut mendengar suara Kannan. Bas tersebut sudah pun beredar dari kawasan tersebut.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 59)

Menerusi peristiwa yang dipaparkan menerusi cerpen ‘Kannan Remove Vaguppil Padikkiraan’ (Kannan belajar kelas peralihan) ini, dengan jelasnya dapat diketahui bahawa anak-anak pekerja ladang menghadapi banyak cabaran dalam mendapatkan sekeping sijil peperiksaan bagi mengubah nasib mereka. Dalam cerpen

tersebut watak pelajar sekolah menengah yang bernama Kannan dicitrakan mengambil keputusan untuk ponteng sekolah. Menurut S.Vadiveloo:

Kannan sudah tertinggal dua buah bas yang menuju kebandar Seremban. Kini, dia mengambil keputusan untuk balik ke rumahnya. Sebaik sahaja dia sampai sampai di rumahnya, dia membaling beg sekolah di sebuah penjuru rumahnya.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 59)

Menerusi peristiwa-peristiwa di atas, cerpenis S.Vadiveloo telah menjelaskan kehidupan anak-anak pekerja ladang getah yang dipenuhi dengan rintangan dan halangan. Kesemua peristiwa yang dipaparkan bukanlah imaginasi semata-mata malah ianya adalah kebenaran menikut model Model Pencerminan atau Model Peniruan. Cerpenis cuba merakamkan pengalaman yang dialami oleh beliau ketika menduduki di ladang getah pada alam keremajaan. Beliau menyedari bahawa kehidupan anak-anak ladang getah boleh disamakan dengan kehidupan anak-anak pelarian yang tidak mempunyai sebarang hak. Sebagaimana disarankan oleh Antonio Gramsci, golongan pekerja ladang getah ini dieksplorasi oleh kuasa pemodal British sehingga golongan ini tidak mempunyai kuasa untuk bersuara bagi menegakkan hak dan keadilan diri dan anak-anak mereka.

Oleh kerana para pekerja ladang getah menerima nasib kehidupan Subaltern, maka anak-anak mereka turut mengamalkan kehidupan tersebut. Anak-anak zaman sekarang tidak hanya bergantung kepada guru-guru sekolah mereka, malah mereka berusaha mendapatkan bimbingan dan tunjuk ajar dari pihak ketika seperti ahli keluarga yang berpengetahuan atau pun di pusat-pusat bimbingan. Keadaan ini berbeza jika dibandingkan dengan anak-anak pekerja ladang getah. Mereka hanya bergantung kepada guru sekolah sahaja. Keluarga mereka tidak berupaya untuk menghantar mereka ke pusat-pusat bimbingan kerana masalah kewangan. Keadaan ini telah dijelaskan oleh

cerpenis menerusi cerpen ‘Kannan Remove Vaguppil Padikkiraan’ (Kannan belajar kelas peralihan). Menurut cerpenis:

Kannan tidak pernah gagal dalam sebarang mata pelajaran ketika dia belajar di sekolah Tamil. Keadaan ini mula mengalami perubahan semenjak dia belajar di sekolah menengah. Ini merupakan julang kalinya Kannan mendapat markah merah dalam semua mata pelajaran. Baginya, warna merah tersebut umpama darah yang mengalir dari jantungnya. Ketenteraman hati Kannan mulai bergelora.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 60).

S.Vadiveloo cuba menggambarkan situasi yang dirasai oleh seorang anak pekerja yang mengalami kesulitan dalam memahami isi pelajarannya. Cerpen yang sama membawa isu kesulitan dalam memahami pelajaran matematik oleh seorang anak pekerja ladang getah yang bernama Kannan. S.Vadiveloo mencitrakan bahawa:

Kannan tidak dapat memahami konsep matematik yang telah diajar oleh guru sekolahnya. Dia cuba membuat pertanyaan kepada anak kerani yang bernama Muthu. Anak kerani tersebut menjawab persoalan Kannan dalam bahasa Inggeris. Anak kerani tersebut menjelaskan bahawa formula matematik L.C.M ialah Least Common Multiple manakala H.C.F pula ialah Highest Common Factor. Bahasa Inggeris yang digunakan oleh Muhi menyulitkan Kannan untuk memahaminya.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 60)

Menerusi dua situasi yang dipaparkan menerusi cerpen ‘Kannan Remove Vaguppil Padikkiraan’ (Kannan belajar kelas peralihan) ini, dapat diketahui bahawa anak-anak pekerja ladang getah mengalami masalah pemahaman bahasa kerana mereka terpaksa mempelajari bahasa Inggeris disamping memahami matematik. Ketika di sekolah rendah dahulu, dia mempelajari matematik dalam bahasa Tamil. Anak-anak ini menjadi mangsa kekayaan pemodal British yang tidak menjaga kebijakan pekerja-pekerja ladang getah dan ahli keluarganya.

4.2.5 Gambaran Penindasan Daripada Aspek Keselamatan

Keselamatan merupakan faktor terpenting di sesebuah tempat berkerja. Tinjauan yang dilakukan dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo menunjukkan bahawa pemodal British alpa terhadap faktor keselamatan pekerja ladang getah di tempat berkerja. Pengurusan ladang tersebut tidak menyediakan keselamatan yang selengkapnya kepada pekerja-pekerja ladang getah dan membiarkan mereka bermusuhan anrata satu sama lain. S.Vadiveloo (1970) dalam cerpen ‘Irettai poottu’(dua biji mangga) mencitrakan bahawa pemodal British yang mentadbir pengurusan ladang getah tidak menghiraukan pertelingkahan yang berlaku sesama pekerja ladang getah.(m.s.22).

Pekerja ini bermusuhan antara satu bahagian dengan bahagian lain. Biasanya sesuatu ladang getah terbahagi kepada beberapa bahagian. Biasanya ia dikenali sebagai bahagian hadapan, bahagian pertengahan dan bahagian dalaman. Ketiga-tiga bahagian tersebut terletak di bawah satu pengurusan tetapi kawasan pendudukan pekerja, sekolah, kuil dan lain-lainnya adalah berasingan. Biasanya pekerja daripada satu bahagian bermusuhan dengan bahagian yang lain. Mereka ditegah memasuki bahagian yang lain. S.Vadiveloo menjelaskan bahawa pihak pentadbir ladang getah tidak akan melaporkan perkara percaduhan pekerja ladang getah tersebut kepada pihak polis. Berhubung dengan isi ini, S.Vadiveloo menyatakan bahawa:

Mengikut pengalaman British, masyarakat India hanya akan menunjukkan sikap keganasannya terhadap kaumnya sahaja. Mereka bertelingkah, dan bergaduh sesama sendiri dan tidak berani bertelingkah atau bermusuhan dengan kaum yang lain. Mereka akan mendampingi masyarakat daripada kaum yang lain dengan panggilan persaudaraan seperti ‘abang’, ‘kawan’, ‘tauke’ bagi menjalinkan persahabatannya dengan penuh kesaudaraan.
(Vadiveloo, 1970, m.s. 22)

Menerusi situasi yang digambarkan dalam cerpen ini, cerpenis S.Vadiveloo cuba menjelaskan bahawa terdapat permusuhan dan percaduhan dalam kalangan pekerja

ladang getah. Pihak pengurusan ladang getah tidak menghiraukan pergaduhan yang berlaku dalam kalangan pekerja ladang getah. S.Vadiveloo mencitrakan bahawa pengurusan ladang tidak melaporkan masalah pergaduhan sesama pekerja ladang getah. Perkara ini membuktikan bahawa pihak pemodal British yang menggangotai pengurusan ladang getah tidak mementingkan keselamatan pekerja di kawasan perumahan mereka.

Ini adalah sejenis penindasan yang dilakukan oleh pihak pemodal British terhadap pekerja ladang getah. Selaku majikan, pemodal British haruslah menitik beratkan keselamatan pekerja ladang. Selain itu, para pekerja dilayan sebagai Subaltern di tempat berkerja kerana pemodal British tidak mementingkan keselamatan nyawa pekerja ladang getah di tempat bekerja. Pemodal British yang mengetuai pengurusan ladang getah perlu mementingkan keselamatan pekerja di tempat kerja. S.Vadiveloo menerusi cerpen ‘Irunda Ulagam’(Dunia gelap) mencitrakan bahawa:

Kekerapan hujan di Malaya adalah tinggi berbanding di negara India. Kebanyakkan sungai yang ada di sini kelihatan besar. Kesejukan yang dialami ketika waktu malam adalah luar biasa. Tempat berkerja berlumuran tanah liat. Tambahan pula, mempunyai pacat yang membawa maut. Pacat itulah yang menyedut segala darah yang terdapat di tubuh ini.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 59)

Peristiwa yang digambarkan oleh cerpenis merupakan kisah benar yang dialami oleh pekerja ladang getah ketika zaman penjajahan di Malaya. Para pekerja didapati terdedah dengan risiko maut seperti gigitan pacat dan nyamuk yang akan membawa demam malaria dan penyakit kaki gajah. Gambar rajah (lampiran) membuktikan peristiwa yang cuba dicitrakan oleh cerpenis S.Vadiveloo. Dalam rajah tersebut para pekerja ladang getah didapati dalam keadaan tidak memakai baju dan seluar yang sesuai ketika melakukan kerja-kerja menoreh pokok getah.

Pemodal British selaku majikan kepada para pekerja ladang getah, perlu memberi perhatian khas kepada aspek keselamatan pekerja yang berusaha dengan gigih bagi menghasilkan produktiviti susu getah demi kamajuan ekonomi British. Sehubungan dengan perkara ini, Lian Kwen Fee (2012) menerusi artikel yang bertajuk The political and economic marginalisation of Tamils in Malaysia menerangkan bahawa pekerja Tamil diperlukan oleh British untuk mengatasi kekurangan tenaga kerja yang disebabkan oleh pembangunan perindustrian yang pesat di Malaysia dalam abad kedua puluh. (m.s. 201).

Maka, pihak pemodal British perlu menyediakan perlindungan yang secukupnya daripada aspek keselamatan di tempat berkerja. Rajah 4.1 jelas membuktikan bahawa pemodal British gagal menyediakan suasana yang selamat untuk berkerja di ladang getah. Pemodal British membiarkan para pekerja terdedah dengan gigitan serangga serta risiko yang lain. Kelalaian ini menyebabkan ribuan nyawa pekerja ladang getah terkorban di tempat kerja. Selain itu, para pekerja ladang getah menerima layanan buruk sebagai golongan Subaltern di tempat berkerja terutamanya daripada aspek pakaian. Cerpenis S.Vadiveloo mencitrakan dalam cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) bahawa:

Wanita yang bernama Ammakannu memakai sarung berselendang sari yang lapuk.“Wanita tersebut menanggalkan selendang yang dipakai lalu menyimpanya di dalam baldi. Kemudiannya wanita tersebut melampinkan guni di pinggangnya untuk mengutip sekerap getah. Dia mengambil batu asah dan mengasah pisau menorah getah. Selepas mengasah pisau tersebut, dia mengalih ke sebelah timur memohon restu tuhan ISA yang maha kuasa sambil menyusun sepuluh jarinya.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 43).

Menerusi huraian yang diberikan oleh cerpenis mengenai watak Ammakannu di tempat berkerja, kita dapat diketahui bahawa wanita tersebut hanya memakai sarung ketika melakukan kerja-kerja menoreh getah. Pakaian sarung ini memang tidak sesuai

untuk seorang penoreh getah kerana terdedah dengan serangan seranga dan gigitan reptilia yang lain. Pihak pemodal British sepatutnya memberi perhatian serius dalam aspek pemakaian pekerja di tempat berkerja. Kelalaian ini adalah sejenis penindasan yang dilakukan oleh pemodal British ke atas pekerja ladang getah. Terdapat banyak kes kematian pekerja ladang getah akibat gigitan reptilia liar seperti ular dan lipan. Kes kematian ini berlaku kerana para pekerja tidak memakai pakaian dan kasut yang sesuai ketika berkerja di ladang getah. Cerpen yang sama menghuraikan tindakan watak wanita yang bernama Ammakanu bahawa:

Ammakkannu meletakkan pisau menorah getah, guni dan batau asah ke dalam baldi. Kemudian dia mengandar dua buah baldi berukuran enam gelon di bahu kiri dan kanan.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 43).

Menerusi peristiwa ini, watak wanita tersebut didapati mengandar baldi berukuran enam gelon dibahu kiri dan kanan. Pemodal British tidak sepatutnya membiarkan golongan pekerja mengandar baldi yang sebesar enam gelon. Mereka boleh menggunakan alternatif yang lain untuk mengumpul susu getah selain memaksa pekerja ladang getah mengandar baldi-baldi tersebut. Gambarajah (lampiran) berikut membuktikan bahawa wanita yang menoreh getah hanya memakai sarong ketika melakukan kerja-kerja di ladang getah. Lebih-lebih lagi, dia didapati tidak memakai kasut ketika membuat kerja. Pekerja ladang getah juga terdedah dalam bahaya serangan tebuan.

Cerpenis S.Vadiveloo menerusi cerpen ‘Moondru Talaimurai’(tiga generasi) mencitrakan watak seorang pekerja ladang getah yang mengadu tentang serangan tebuan di tempat berkerjanya. Beliau mencitrakan bahawa pekerja ladang getah tersebut mengadu kepada pengurus ladang getah bahawa:

Saya tidak akan membiarkan kedua-dua batang pokok getah itu sewenang-wenangnya. Memang berbahaya jika saya mendekati pokok getah itu. Jika terkena gigitan lebah dan tebuan itu, badan akan berbisa dan mengakibatkan

kematian. Kerana itulah Tuan saya membiarkan pokok-pokok getah itu tanpa ditoreh.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 73)

S.Vadiveloo mengisahkan penindasan yang dilakukan oleh kerani tersebut dengan jelas sekali. S.Vadiveloo (1981), menerusi watak kerani menyuarakan bahawa “apa akan terjadi jika seorang dua di sini membiarkan dua batang pokok getah setiap hari semata-mata kerana adanya sarang tebuan dan takut akan serangan lebah dan tebuan.(m.s.73). Peristiwa-peristiwa yang sedemikian rupa ini kerap berlaku di ladang-ladang getah. Meskipun sikap tersebut dijangka boleh membawa maut, pengurus ladang sebagai kuasa superior tidak segan-silu menindas golongan pekerja.

Jika diperhatikan daripada sudut model peniruan, dan model identiti Subaltern maka peristiwa yang digambarkan oleh S.Vadiveloo memiliki unsur-unsur kebenaran. Perbuatan pengurusan ladang iniu telah membawa kesengsaraan kepada para pekerja ladang getah. Sikap tidak mementingkan keselamatan pekerja oleh pengurus ladang ini adalah merupakan suatu tindakan yang tidak berperikemanusiaan. Para pekerja tidak dapat mengelakkan diri daripada penindasan yang sedemikian ini. Mereka terpaksa menyempurnakan kerja-kerja menoreh getah tersebut di semua pokok getah yang diagihkan kepada mereka.

Para pekerja terpaksa berhadapan dengan risiko kerana mereka dianggap sebagai golongan Subaltern yang tidak mempunyai berkuasa untuk bersuara. Biswas (2009) menyatakan bahawa “Subaltern referred to the subordination in terms of class, caste, gender, race, language and culture” (m.s.21). Menurutnya, istilah Subaltern ini merujuk kepada kelompok manusia yang dipinggirkan oleh kuasa superior kerana adanya perbezaan daripada aspek kelas, usia, kasta, gender, perjawatan dan sebagainya. Faktor-faktor kelas, usia, kasta, gender dan perjawatan ini membezakan para pemodal British dengan para pekerja ladang getah.

Inilah merupakan sebab utama berlakunya penafian dalam aspek keselamatan golongan pekerja ladang-ladang getah. Selain daripada itu, para pekerja ladang turut mengalami penindasan sebagai Subaltern terutamanya daripada aspek kesesuaian waktu kerja. Pekerja ladang getah perlu bangun di waktu subuh untuk memulakan kerja-kerja menoreh getah. Perkara ini dihuraikan oleh cerpenis S.Vadiveloo menerusi cerpen ‘Tiruvaalar Sinna Kannu’ (Encik Sinna Kannu). Menurutnya:

Para pekerja-pekerja ladang getah memasuki ladang untuk menorah pokok getah sekitar pukul lima pagi dengan memakai lampu suluh di dahi. Sinaran lampu-lampu suluh yang dipakai di dahi-dahi pekerja tersebut boleh diibaratkan sebagai bintang-bintang yang bersinar di angkasa. Bintang-bintang tersebut berumpama menurun ke ladang getah. Pekerja ladang getah perlu berada di tempat mengambil kehadiran sebelum pukul lima pagi, jika tidak pekerja tersebut tidak akan mendapat upah sepenuhnya. Dia hanya akan dibayar separuh gaji sahaja.
(Vadiveloo, 1964, m.s. 83).

Sebagai langkah untuk mengelakkan potongan gaji, para pekerja akan berkumpul di tempat perhimpunan pada pagi-pagi buta. Keadaan gelap gelita kerana ketiadaan bekalan letrik serta jalan yang tidak sempurna tentu terdedah dengan pelbagai risiko seperti gigitan ular dan sebagainya. Kondapi (1951) menjelaskan bahawa masyarakat India yang terperangkap dalam naungan British. Maka, kera itulah British menggunakan kesempatan tersebut untuk menganiaya masyarakat India di ladang-ladang getah yang terdapat di Malaya. Selain itu, sikap British yang melepaskan tangan pekerja-pekerja ladang getah ketika serangan Jepun sekitar tahun 1940 adalah suatu tindakan yang tidak berperikemanusiaan.(m.s.210).

Berhubung dengan perkara ini, Mohammad Redzuan (2006) menjelaskan bahawa kuasa British memusnahkan banyak harta benda dan infrastruktur sebelum menyerah kalah kepada tentera Jepun. Mereka memusnahkan Malaya selaras dengan gagasan ‘Bumi Hangus’. Oleh kerana itu mereka telah merosakkan pokok- pokok getah, kilang-

kilang getah dan lombong-lombong bijih timah sebelum mlarikan diri.(m.s.187).

Peristiwa bersejarah ini turut dicitrakan dalam cerpen ‘Irunda Ulagam’(Dunia gelap).

Dalam cerpen tersebut S.Vadiveloo (1970) menjelaskan bahawa “orang British yang mentadbir ladang getah itu membakarkan kilang getah serta kepingan getah yang disimpan dalam stor sebelum mereka mlarikan diri dari Malaya. Selain itu, British juga turut meruntuhkan jambatan yang menghubungkan ladang getah ini dengan kawasan utama (m.s. 55).

S.Vadiveloo (1970) turut mengisahkan bahawa “awan diliputi oleh asap yang hitam kerana kebakaran kepingan getah oleh pengurusan British. Mereka membakarkan kilang getah kerana takut diambil alih oleh tentera Jepun” (m.s.52). Gambaran yang diberikan oleh S.Vadiveloo menerusi cerpen ini menjadi benar jika dipadankan dengan pendapat Mohammad Redzuan Othman. Dalam pada itu, apa yang menjadi pokok persoalan di sini ialah berkenaan dengan sikap melepaskan tanggungjawab kuasa British yang sepatutnya menjaga keselamatan pekerja ladang getah yang dibawa dari negara India. Golongan pekerja ini memerlukan perlindungan majikan mereka ketika zaman perperangan terutamanya ketika berlaku serangan tentera Jepun di Malaya. Semasa serangan tentera Jepun kuasa British bukan sahaja mlarikan diri dari ladang getah malah memusnahkan punca pendapatan golongan pekerja ladang getah serta membiarkan mereka dalam serangan tentera Jepun. Perkara ini adalah sejenis penindasan yang dilakukan oleh kuasa British ke atas golongan pekerja ladang getah. Selepas pemergian kuasa British, golongan pekerja ladang getah mengalami pelbagai kesengsaraan seperti kekurangan makanan, kehilangan tempat tinggal dan mangsa kekejaman tentera Jepun.

4.3. Penindasan Oleh Kuasa Superior Tentera Jepun

Sejarah turut membuktikan bahawa masyarakat India turut terperangkap sebagai buruh paksa dalam kerja-kerja pembinaan landasan kereta api maut yang dikendalikan oleh Jepun. Ramai antaranya adalah pekerja-pekerja ladang getah. Ramai di antara mereka adalah daripada golongan tidak berpendidikan dan miskin. Mereka terperangkap dalam kegiatan tipu muslihat yang dicaturkan oleh agen-agen pemodal British seperti kanggani. Orang yang kurang berpendidikan ini tidak berpeluang untuk mempelajari budaya orang lain. Dalam keadaan genting tersebut, sudah tentu golongan pekerja yang terperangkap sebagai buruh paksa tidak dapat mengamalkan budaya orang lain kerana mereka tidak biasa melakukan perkara tersebut dalam amalan mereka.

Biasanya manusia akan mengambil masa untuk mempelajari sesuatu perkara yang baru. Mereka tidak dapat melakukan sesuatu yang luar biasa dalam jangka masa sekilip mata. Begitu juga dengan amalan budaya orang Jepun. Tindakan mendenda dan menuang air sabun ke dalam mulut buruh paksa yang gagal menunduk kepala terhadap mereka adalah sesuatu perbuatan yang tidak berperikemanusiaan. Layanan buruk yang diberikan oleh tentera Jepun melanggar hak asasi manusia. Golongan pekerja ini dilayan sebagai orang Subaltern. Mereka dibawa ke Malaya oleh British hanya untuk berkerja di ladang-ladang getah milik mereka.

Tentera Jepun sepatutnya perlu memberi perlindungan kepada buruh-buruh paksa yang dibawa dari negara lain. Malangnya, tentera Jepun menggunakan kekerasan , memperalatkan golongan pekerja ini dan dipaksa berpindah ke negara Siam sebagai buruh kasar. Setelah membawa pekerja-pekerja ini ke Siam mereka mula mengamalkan penindasan terhadap buruh-buruh paksa terutamanya daripada aspek kebajian, kesihatan, keselamatan, kemanusiaan, dan kesejahteraan. Bab ini meliputi subtajuk seperti penindasan daripada aspek kebajikan, penindasan daripada aspek kesejahteraan,

penindasan daripada aspek pendidikan dan penindasan daripada aspek keselamatan. Jadual 2 menerangkan cerpen-cerpen yang akan dibincangkan dalam tajuk ini serta kekerapan peristiwa penindasan yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen yang dikaji di bawah tajuk ini.

4.3.1 Gambaran Penindasan Daripada Aspek Kebajikan

Penjajahan Jepun yang bermula pada tahun 1941 telah membawa penderitaan dan kesengsaraan kepada rakyat negara ini (Krishnan Maniam, 1993:53). Selaras dengan pendapat beliau, memang tidak dapat dinafikan bahawa penduduk Malaya mengalami penyeksaan yang teruk pada zaman pendudukan tentera Jepun di Malaya. Penduduk Malaya ditindas daripada aspek kebijakan kerana berlaku kekurangan beras dan bekalan makanan yang lain. Peristiwa penindasan ini digambarkan oleh S.Vadiveloo sejelas-jelasnya menerusi watak wanita tua yang terdapat dalam cerpen ‘Irundha Ulagam’ (Dunia gelap). S.Vadiveloo (1970) mencitrakan bahawa monyet yang datang dari negara Jepun ini sudah menghancurkan ketenteraman orang India di negara ini.(m.s.57). Watak wanita tersebut mengumpamakan askar Jepun sebagai monyet kerana berkeliaran di kawasan penempatan mereka. Tentera Jepun menghilangkan ketenteraman hidup penduduk ladang getah. Cerpen yang sama turut membincangkan bahawa:

Perang dunia kedua menjadikan penduduk di dunia ini terperangkap dalam kekejaman kuasa-kuasa tentera. Penduduk dunia menerima pengalaman-pengalaman pahit. Penduduk di Malaya turut mengalami pengalaman buruk. Di merata tempat kedengaran suara-suara kiamat, tangisan, kesedihan peristiwa-peristiwa maut dan lain-lain lagi. Hanya orang yang hidup sekitar tahun 1914 sahaja dapat merasai peristiwa buruk tersebut.
(Vadiveloo, 1970, m.s. 57).

Gambaran yang diberikan oleh S.Vadiveloo merupakan peristiwa benar yang berlaku di Malaya. Pekerja ladang getah bukan sahaja ditindas oleh kuasa British, malah

turut ditindas oleh kuasa tentera Jepun. Cerpen ‘Irundha Ulagam’ (Dunia gelap) boleh dianggap sebagai suatu dokumentasi sosial kerana ianya mengisahkan peristiwa kekurangan bekalan makanan yang berlaku semasa pendudukan tentera Jepun di Malaya. S.Vadiveloo mencitrakan keadaan tersebut menerusi watak wanita tua yang terdapat dalam cerpen ‘Irundha Ulagam’ (Dunia gelap). Menurut watak wanita tersebut S.Vadiveloo menyatakan bahawa:

Penjajah Inggeris dan Sekutu mereka, iaitu askar-askar India dan Australia sudah pun mengundurkan diri. Situasi ini telah memudahkan tentera Jepun menjajah Malaya dengan cepat. Negara Singapura juga dinamakan ‘Siyoonantha’. Walaupun Malaya sudah aman, namun masalah kelaparan masih tidak dapat diatasi oleh penduduk tempatan.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 52).

Menerusi cerpen ini, cerpenis memaparkan penindasan yang dilakukan oleh tentera Jepun ke atas pekerja ladang getah. Menurutnya, pendudukan Jepun di Malaya menyebabkan kekurangan bekalan makanan di Malaya. Selain itu, cerpen ‘Tiruvaalar Sinna Kannu’ (Encik Sinna Kannu) juga turut mengisahkan peristiwa penindasan ini dengan sejelas-jelasnya. Menurut S.Vadiveloo (1964), penjajah Jepun yang sampai ke negara ini telah menyeksa penduduk di negara ini.(m.s.85). Paparan ini bukanlah imaginasi cerpenis semata-mata malah merupakan rakaman peristiwa benar yang pernah dialami oleh masyarakat ladang getah di Malaya.

Pendudukan kuasa Jepun di Malaya menyebabkan kualiti hidup masyarakat tempatan terjejas. Perbuatan tentera Jepun yang melaksanakan pemaksaan dan pemerasan tenaga manusia menyebabkan masyarakat ladang getah menderita kerana kekurangan bekalan makanan seperti beras dan garam. S.Vadiveloo mengambarkan penindasan yang dialami oleh watak lelaki tua yang bernama Muthusamy ketika pendudukan Jepun di Malaya. Menurutnya:

Loceng dibunyikan oleh pengawal keselamatan. Orang tua Muthusamy terjaga daripada tidur. Nasibnya malang sekali. Dia hanya tidur di atas lantai dengan membantalkan bongkah kayu. Orang tua Muthusamy cuba terjaga, tetapi keadaan kesihatannya uzur. Dia tidak dapat bangun. Dia masih baring dalam kelaparan. Dia hanya makan dua ketul ubi kayu yang direbus pada petang semalam. Dia berasa loya untuk bangun.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 2).

Menerusi gambaran yang diberikan oleh cerpenis S.Vadiveloo, kita dapat diketahui bahawa watak orang tua tersebut kelihatan baring di lantai kerana kelaparan. Dia didapati hanya makan dua ketul ubi kayu yang direbus petang semalam. Berkaitan dengan hal ini, Muhammad Isa Othman (1992) pernah menyatakan bahawa ubi kayu menjadi makanan penting sehingga tempoh pemerintahan Jepun dikenali sebagai Zaman Ubi Kayu.(m.s.83). Jika diteliti secara mendalam, maka dapat membuat kepastian bahawa gambaran yang diberikan oleh S.Vadiveloo adalah benar mengikut fakta sejarah. Dengan ini model pencerminan yang diguna pakai dalam kajian ini menjadi pilihan yang tepat bagi membuktikan penindasan yang dilakukan terhadap pekerja-pekerja ladang getah di Malaya ketika zaman pendudukan Jepun.

Selain itu, masyarakat ladang getah terpaksa akur dengan segala arahan tentera Jepun kerana mereka telah dibisukan oleh kuasa tersebut. Menurut cerpenis, Pekerja ladang tidak mempunyai hak untuk mengemukakan pendapat dan kehendak mereka. Golongan masyarakat yang membisu dikenali sebagai Subaltern. Maka, pekerja ladang getah mengalami nasib golongan Subaltern kerana pekerja ladang getah terpaksa akur kepada segala arahan yang diberikan oleh tentera Jepun. Golongan ini terpaksa mengikuti arahan tersebut kerana pemodal British yang sepatutnya menjaga dan melindungi mereka telah melarikan diri ke negara asal mereka. Penindasan daripada aspek kebijakan ini menjadikan para pekerja mengalami kehidupan Subaltern di tempat sendiri.

Tentera Jepun telah mengeksplorasi pekerja ladang getah, dijadikan sebagai buruh paksa kerana golongan ini dianggap sebagai masyarakat Subaltern jepun yang boleh diperlakukan sewenang-wenangnya. Pekerja-pekerja ladang getah yang telah terperangkap dalam tawanan tentera Jepun dipaksa berkerja seumpama mesin. Sehubungan dengan perkara ini, Abu Talib Ahmad (2000) menghuraikan bahawa buruh-buruh paksa tersebut perlu berkerja seumpama mesin. Pembinaan landasan kereta api maut ini yang menghubungkan Siam dan Burma melibatkan seramai 250,000 orang buruh paksa dan daripadanya seramai 60,000 orang dalam kalangan kumpulan etnik Melayu, Cina , India dibawa dari Malaya. Pembinaan landasan kereta api sepanjang 450 kilometer tersebut bermula pada akhir tahun 1942 dan tamat pada awal tahun 1943.(m.s. 54). Peristiwa bersejarah ini dipaparkan dalam cerpen ‘Muthusamy Kizhavan’(Orang tua Muthusamy) sebagai:

Buruh-buruh menebang pokok-pokok besar untuk membina landasan keretapi. Arus sungai yang mengalir di situ turut membawa bunyi yang kuat. Kepingan-kepingan besi yang diturunkan daripada lori bagi membina landasan kereta api bergeser satu sama lain. Geseran itu seakan-akan sama dengan suara-suara manusia yang menderita akibat penyakit dan kecederaan. Buruh-buruh berbangsa India kelihatan menggolek batang-batang pokok yang ditebang itu ke arah landasan keretapi yang sedang di bina di situ. Mereka menggolek batang-batang pokok itu bagaikan segala tulang-tulang dalam tubuhnya hancur berkecaci.
(Vadiveloo, 1970, m.s. 12)

S.Vadiveloo mengisahkan bahawa buruh-buruh paksa menggolek batang-batang kayu balak yang ditebang. Mereka menggolek kayu-kayu balak sehingga rusuk mereka hancur berkecaci. Gambaran ini jelas menunjukkan bahawa buruh-buruh paksa dizalimi oleh tentera Jepun untuk kepentingan mereka. Pui Huan dan Diana Wong (2000) menguatkan gambaran S.Vadiveloo dengan memberi huraian bahawa “once the tree cover was removed, the laboures hat to work in the hot sun”.(m.s.57). Menerusi fakta ini dapat membuktikan bahawa gambaran yang diberikan cerpenis S.Vadiveloo tentang

kegiatan buruh-buruh paksa bukanlah imaginasi semata-mata malah itu adalah peristiwa benar yang pernah berlaku sekitar tahun 1942.

Jika diperhalusi dengan model peniruan yang digunakan dalam kajian ini, maka dapat disimpulkan bahawa cerpen adalah suatu dokumen sosial yang merakamkan sosio budaya sesuatu kelompok masyarakat yang hidup di sesuatu tempat dan di sesuatu waktu yang terdahulu. Tentera Jepun yang menduduki Malaya ketika zaman penjajahan dahulu telah mengamalkan kerahan tenaga manusia terutamanya dalam hal pembinaan landasan keretapi maut yang menghubungkan di Siam – Burma. Peristiwa ini menjadi fokus utama dalam cerpen ‘Muthusamy Kizhavan’(Orang tua Muthusamy). Cerpenis menyatakan bahawa,:

Tentera Jepun telah mengambil keputusan untuk menghantar balik buruh-buruh paksa yang sakit dan lemah dari Siam ke Malaya. Orang tua Muthusamy juga telah digolongkan dalam kumpulan tersebut. Buruh-buruh yang dipilih untuk balik ke tanah air berasa sangat gembira untuk bertemu kembali dengan anak dan bini mereka, tetapi orang tua Muthusamy tidak dapat berasa gembira sepertimana dialami oleh orang lai. Ini adalah kerana anak lelaki yang dibawa ke Siam masih tersangkut dibawah kawalan tentera Jepun di kem yang lain. Walau bagaimanapun orang tua Muthusamy terpaksa akur dengan arahan tentera Jepun untuk balik ke Malaya tanpa anaknya.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 13)

Peristiwa yang dipaparkan oleh cerpenis bukanlah merupakan imaginasi semata-mata malah itu merupakan peristiwa sebenar yang dialami oleh penduduk tempatan yang terperangkap dengan kuasa tentera Jepun ketika zaman penjajahan dahulu. Tentera Jepun menangkap sesiapa sahaja untuk dijadikan buruh paksa dan dibawa ke Siam untuk mengendalikan kerja-kerja pembinaan landasan keretapi maut Siam-Burma. Penindasan daripada aspek pemerahan tenaga turut dipaparkan menerusi cerpen 'Taayum Magalum' (ibu dan anak perempuan). S.Vadiveloo mencitrakan bahawa seorang anak lelaki yang

berumur tujuh tahun terpaksa berkerja dengan tentera Jepun di kawasan pembinaan lapangan kapal terbang Kuala Pilah. Menurut cerpenis:

Ibunya tidak dapat berkerja kerana sakit. Anaknya lelakinya terpaksa berkerja di bawah orang Jepun sehingga petang. Walaupun budak tersebut baru berusia tujuh tahun, dia sanggup mencari nafkah demi kepentingan ibunya. Pada petang itu, tentera Jepun memberi beras dan barang runcit kepada lelaki tersebut dalam bentuk upah. Dia menyampaikan beras itu kepada ibunya untuk memasak nasi. Manggamma berasa pilu memandangkan nasib anaknya yang terpaksa mencari nafkah demi menyara hidup dirinya. Walau bagaimanapun, dia bangga kerana anaknya. (Vadiveloo, 1964, m.s. 58).

Peristiwa ini jelas menunjukkan bahawa watak-watak yang dicitrakan dalam cerpen tersebut ditindas daripada aspek kebijakan dan menjalankan kehidupan sebagai Subaltern di tempat sendiri. Tentera Jepun mengeksplorasi pekerja ladang getah bagi melaksanakan kerja-kerja pembinaan lapangan terbang yang diusahakan oleh mereka. Menerusi cerpen ini cerpenis memaparkan tindakan kuasa Jepun yang memeras tenaga manusia tanpa mengira usia. Lim Pui Huan & Diana Wong (2000) menyatakan bahawa:

For Kuala Pilah district in Negeri Sembilan, the construction of an airfield required an estimated 3,000 labours, over provided by all racial groups from all over the state. The proposed Kuala Pilah airfield, measuring 3.2 kilometres in length and 1 kilometres in width, was constructed in rubber plantation that belonged to the pre-war Dunlop Rubber Estate. To expedite construction labours were exploited to the maximum.

(Lim Pui Huan & Diana Wong, 2000, m.s. 55)

Menerusi rakaman sejarah ini dapat dibuktikan bahawa cerpen merupakan sesuatu dokumen sosial yang mencerminkan kejadian yang berlaku dalam kehidupan kumpulan masyarakat di sesuatu masa dan di sesuatu tempat. Secara tidak langsung, model pencerminan yang diguna pakai dalam kajian ini menjadi amat sesuai bagi menjalankan kajian ini. Selain itu, teori yang digunakan dalam kajian ini juga membantu

mengenal pasti kumpulan Subaltern yang ditindas daripada aspek kebijakan oleh kuasa superior.

Tentera Jepun yang menetapkan buruh-buruh paksa di kawasan pembinaan mereka memberi latihan yang tidak adil terhadap pekerja-pekerja yang dibawa secara paksa. Pihak tentera Jepun memerangkap masyarakat ini untuk dijadikan buruh paksa di kawasan-kawasan pembinaan mereka. S.Vadiveloo menerusi cerpen 'Taayum Magalum' (ibu dan anak perempuan) menggambarkan penempatan pekerja ladang getah yang dibawa ke kawasan pembinaan lapangan terbang di Kuala Pilah. Menurut cerpenis:

Lori yang menumpangkan pekerja telah berhenti di pinggir jalan ladang getah tersebut. Manggamah yang turut menumpang lori tersebut dapat melihat barisan pokok-pokok getah di kawasan tersebut. Selepas lori tersebut melintas beberapa batu, Manggamah dapat mengetahui bahawa terdapat sepuluh atau pun dua belas pondok atap di celah-celah pokok getah tersebut. Orang-orang Jepun menetapkan pekerja yang di bawa dari tempat-tempat lain di pondok-pondok tersebut. Manggamma memilih salah satu pondok tersebut untuk tinggal bersama anaknya yang berumur tujuh tahun.
(Vadiveloo, 1964, m.s. 55).

Cerpen ini jelas memancarkan penindasan masyarakat tempatan daripada aspek kebijakan oleh kuasa Jepun. Kuasa superior tersebut dengan jelasnya memperalatkan tenaga manusia tempatan untuk kepentingan mereka. Sementara itu, cerpen 'Muthusamy Kizhavan'(Orang tua Muthusamy) terus memaparkan isu yang sama menerusi situasi yang lain. Cerpenis mencitrakan tentang penindasan daripada aspek kebijakan pekerja menerusi gambaran tempat duduk buruh paksa. S.Vadiveloo (1970) mencitrakan bahawa pondok-pondok itu dibumbungkan dengan atap zink. Terdapat juga beberapa keluarga di situ sebelum kedatangan mereka. (m.s.10).

Menerusi situasi yang digambarkan oleh cerpenis ini dapat diketahui bahawa pekerja-pekerja ditempatkan dalam pondok-pondok kecil. Lantai pondok tersebut didirikan dengan kepingan bulluh. Menurut cerpenis:

Muthusamy tidak dapat tidur pada malam itu. Pondok yang berlantaikan kepingan buluh tidak membawa keselesaan kepadanya untuk lena. Keadaannya menjadi lebih teruk kerana terdapat nyamuk yang besar serta suasana yang berbau busuk hasil daripada buangan nasi yang basi di sebelah pondoknya. Dia menggilir kerana kesejukan. Dia sudahpun menyelimutkan doti yang dipakainya ke atas nak lelakinya yang sedang tidur.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 10)

Peristiwa yang cuba digambarkan oleh S.Vadiveloo dengan jelasnya menunjukkan bahawa para pekerja ditindas daripada aspek kebijakan. Watak orang tua Muthusamy digambarkan bahawa ianya tidak dapat tidur di tempat tersebut kerana pondok tersebut hanya berlantaikan kepingan buluh. Selain itu, kawasan tersebut dipenuhi dengan nyamuk. Pembuangan sisa-sisa nasi yang di tepi-tepi longkang menjadikan kawasan itu berbau busuk sepanjang malam. Selain itu, watak orang tua itu kelihatan menggilir kerana tidak mempunyai atau dibekalkan selimut. Dia dalam keadaan serba kekurangan dan hanya menahan sejuk dengan menyelimutkan doti yang dipakai olehnya. Situasi ini jelas membuktikan bahawa watak orang tua tersebut menjalani kehidupannya sebagai Subaltern di tanah orang lain. Perkara yang sama dibincangkan dalam cerpen ‘Irundha Ulagam’(Dunia gelap). Menurut cerpenis:

Mereka melintas belukar menuju pondok-pondok pekerja yang dibina oleh tentera Jepun. Pondok-pondok tersebut dalam keadaan usang. Murugaiya mendapati terdapat beberapa keluarga India yang menetap di situ sebelum ketibaan mereka. Murugaiyah memilih sebuah pondok untuk memulakan kehidupan baru di negara Siam.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 57)

Perhubung dengan perkara penempatan ini, S.Vadiveloo turut memaparkan penindasan yang dilakukan oleh tentera Jepun daripada aspek tempat tinggal para pekerja. Cerpenis menceritakan bahawa para pekerja ditempatkan di pondok-pondok atap. Pondok tersebut dicitrakan tidak sesuai untuk tidur serta melaksanakan aktiviti harian yang lain. Orang-orang yang dibawa ke tempat baharu tersebut perlu

melaksanakan segala urusan dan makan minum mereka di situ. Mereka terpaksa akur dengan arahan kuasa Jepun kerana takut dipancung kepala.

Mereka juga tidak bersedia menerima hukuman-hukuman lain seperti meminum air sabun dan sebagainya. Dengan ini dapat dibuktikan bahawa pekerja ladang yang terperangkap dengan kuasa tentera Jepun menerima nasib malang sebagai golongan Subaltern yang tidak mempunyai pembelaan oleh kuasa-kuasa tertentu. Tentera Jepun menganggap masyarakat India yang diperangkap oleh mereka sebagai Subaltern. Maka, kerana itulah pihak Jepun menindas golongan pekerja dengan sesuka hati. Cerpenis mengisahkan bahawa pada peringkat awalnya tentera Jepun menaikkan pekerja-pekerja India tersebut ke dalam lori. Kemudian para pekerja tersebut dibawa ke stesen keretapi yang terletak di Kuala Lumpur. Dari situ semua pekerja yang dibawa dari seluruh negara dimuatkan dalam keretapi muatan untuk dibawa ke negara Siam. Menurut cerpenis:

Pekerja ladang getah yang terperangkap dengan tentera Jepun telah dibawa ke negara Siam dengan menaiki keretapi. Penumpang keretapi dalam keadaan mandi peluh akibat hembusan panas mereka. Keretapi yang sepatutnya bertolak pada pukul empat petang hanya bertolak pada pukul lima setengah petang.
(Vadiveloo, 1964, m.s. 50).

Tindakan kuasa tentera Jepun membawa pekerja-pekerja ladang getah menerusi jelas mengambarkan berlakukunya penindasan dan kekejaman. Berpandukan kepada penulisan Spivek (1988), keadaan yang dialami oleh buruh-buruh paksa yang dibawa menerusi keretapi ke Siam ini seakan-akan sama dengan keadaan golongan Subaltern yang tidak mempunyai hak atau peluang bersuara. Mengikut pandangan Spivek, Subaltern adalah kelompok masyarakat yang memiliki darjah sosial yang rendah dan menjadi sasaran penghinaan, kebencian serta kekerasan pihak yang berkuasa.

Spivek berpendapat bahawa suara kelompok Subaltern ini tidak dapat didengar oleh dunia luar kerana golongan tersebut tidak mudah mendapat peluang untuk bersuara.

Menerusi cerpen ini cerpenis S.Vadiveloo mencitrakan watak-watak pekerja ladang getah telah diperangkap secara paksa oleh tentera Jepun lalu membawa mereka menerusi keretapi ke negara Siam. Pekerja-pekerja tersebut tidak mempunyai ruang untuk bersuara bagi membebaskan diri mereka daripada cengkaman tentera Jepun. Cerpen ‘Muthusamy Kizhavan’(Orang tua Muthusamy) memaparkan penindasan kuasa tentera Jepun dengan lebih mendalam lagi. Menurut cerpenis:

Perjalanan menuju ke negara Siam mengambil hampir satu hari. Buruh-buruh paksa yang dimuatkan dalam keretapi muatan barang itu sampai di Utara Malaya. Semua pekerja diturunkan daripada keretapi dan kemudiannya diarahkan menaiki kedalam lori yang menunggu di situ. Mereka menyeberangi hutan belukar di Siam. Tentera Siam yang menunggu di pinggir hutan tersebut membawa seramai dua ratus orang buruh paksa tersebut seolah-olah lembu dan kambing.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 10).

Dalam cerpen ini watak-watak pekerja ladang dilayan seumpama kambing yang dihalau masuk ke dalam kandang. Berkaitan dengan pencitraan ini, Silcock dan Ungku Aziz (1950) menerusi bukunya berjudul ‘Nationalism in Malaya’ memberi hujah bahawa kaum India telah diimport seolah-olah mereka adalah barang dagangan.(m.s.274). Tindakan tidak berperikemanusiaan yang dilakukan oleh tentera Jepun adalah melanggar etika hak asasi manusia. Kekejaman yang dilakukan oleh kuasa Jepun lebih terpancar menerusi gambaran cerpenis tentang keadaan kesesakan dalam gerabak keretapi yang membawa buruh paksa ke Siam menerusi cerpen yang sama.

Menurutnya:

Keadaan pekerja-pekerja yang dibawa menaiki keretapi muatan barang tersebut bermandi peluh. Keadaan haba dalam gerabak keretapi menjadikan mereka letih dan tidak bermaya. Mereka merasakan perjalanan seminit itu sebagai perjalanan satu tahun. Apabila keretapi bergerak mereka bernafas baru kerana adanya sedikit udara sejuk. Baju yang basah kerana peluh mula kering, namun air mata yang bertakung di pinggiran mata manjadikan pipi mereka dingin sepanjang hari.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 10).

Menerusi peristiwa yang dicitrakan oleh cerpenis, dapat diketahui bahawa tindakan tentera Jepun yang membawa lebihan penumpang. Lebih-lebih lagi, kuasa tentera tersebut menggunakan keretapi muatan barang-barang untuk memuatkan manusia. Paparan ini menunjukkan pekerja ladang getah yang ditawan sebagai buruh paksa dilayan sebagai golongan Subaltern atau manusia terpinggir. Berkaitan dengan hal ini, Krishnan (1993) menyatakan bahawa kaum Tamil telah banyak menderita pada zaman pemerintahan Jepun. Tentera Jepun telah membawa kaum lelaki Tamil ke Siam sebagai buruh paksa untuk bekerja dan membina landasan kereta api.(m.s.136).

Para pekerja yang dibawa ke negara Siam menerima layanan buruk sehingga ramai di antara mereka mati kerana dihukum oleh tentera Jepun. Para pekerja menjadi kumpulan Subaltern di negara orang kerana tidak ada sebarang kuasa untuk membela nasib malang mereka. Watak pekerja ladang getah yang dibawa ke negara Siam secara kekerasan mengalami kecederaan di bahagian tapak kakinya. Lama kelamaannya kecederaan tersebut menjadi luka yang besar sehingga tidak dapat diubati. Watak tersebut digambarkan memohon keizinan tentera Jepun untuk balik ke Malaya agar dapat bersama dengan anak bininya sebelum menemui ajalnya. S.Vadiveloo mencitrakan bahawa:

Tuan! Luka di kaki saya sudah menjadi besar. Kini saya tidak dapat berjalan langsung. Jika tuan membenarkan saya balik ke Malaya saya berkesempatan bersama anak dan bini saya sebelum saya mati. Tubuh ini akan menghembus nafas terakhir selepas bertemu dengan ahli keluarga saya. Izinkan saya balik ke Malaya tuan...” Murugaiiya merayu kepada pegawai Jepun yang bertugas di situ.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 62).

Menerusi situasi yang digambarkan oleh cerpenis, jelas terbukti bahawa pekerja ladang getah menjalankan kehidupan mereka di negara Siam seakan-akan seperti golongan Subaltern. Cerpenis S.Vadiveloo memaparkan kisah sedih seorang pekerja

ladang getah yang dibawa secara kkerasan ke Siam menerusi cerpen ‘Muthusamy Kizhavan’(Orang tua Muthusamy). Menurutnya:

Muthusamy terjaga setelah mendengar suara menjerit daripada orang Jepun. Dia mendapati seorang anggota tentera Jepun berdiri di hadapannya dengan penuh garang. Muka tentera Jepun tersebut menjadi kemerahan kerana marah terhadap tindakan Muthusamy yang lena semasa waktu kerja. Pedang yang diikat di pinggang anggota tentera Jepun tersebut dalam keadaan menyentuh lantai. Di samping itu, anggota tentera tersebut memegang senapang di tangannya. Badan Muthusamy bergetar apabila melihat tentera Jepun berdiri di hadapannya dalam keadaan tersebut.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 17).

Paparan watak Muthusamy dengan jelasnya dapat dibuktikan bahawa ia adalah seorang Subaltern yang tidak mempunyai suara untuk mengemukakan perasaannya. Situasi yang dialami oleh Mutusamy adalah seakan-akan sama dengan pandangan Spivek yang menyatakan bahawa Subaltern adalah sekumpulan manusia yang tidak mempunyai status sosial. Menurutnya kumpulan manusia ini adak menerima penindasan daripada kumpulan manusia yang dikenali sebagai kuasa superior. Dalam erti kata buruh paksa, maka pandangan beliau adalah selari dengan keadan buruh paksa di negara Siam yang terpaksa akur dengan segala arahan angota tentera Jepun. Golongan pekerja ini ditindas dan mereka tidak mempunyai kuasa untuk menyuarakan isi hati mereka. Cerpen ‘Taayum Maganum ’(ibu dan anak lelaki) turut memaparkan peristiwa penindasan yang dialami oleh seorang wanita ketika zaman penjajahan Jepun. Menurut cerpenis:

Sudah dua bulan berlalu. Tumit Manggamah tercedera kerana terkena permukaan cangkul yang tajam. Keceraan tersebut merebak menjadi kudis yang besar dan bernanah. Dia membalut luka tersebut dengan kain sari. Manggamah tidak dapat melakukan kerja-kerja mencangkul dengan baik. Tiba-tiba seorang tentera Jepun menghampiri Manggamma ketika dia duduk berehat di bawah sebuah pokok kerana tidak tahan sakit. Dia hampir-hampir dibelasah oleh tentera Jepun. Dia bernasib baik kerana

adanya Kangani di situ. Kangani menceritakan hal sebenarnya kepada orang Jepun tersebut.
(Vadiveloo, 1964, m.s. 57)

Peristiwa ini bukanlah imaginasi S.Vadiveloo semata-mata kerana beliau telah menyelitkan unsur-unsur kebenaran dalam cerpen ini. Selaras dengan model pencerminan yang digunakan dalam kajian ini, cerpenis S.Vadiveloo memaparkan peristiwa benar dalam cerpen ini. Fakta-fakta sejarah membuktikan peristiwa penindasan ini dengan kukuh sekali. Kuasa tentera Jepun terbukti telah melayan masyarakat tempatan sebagai buruh paksa. Disamping itu, zaman Jepun di Malaya juga dikenali sebagai zaman ubi kayu. Ini adalah disebabkan oleh kekurangan bekalan beras ketika zaman pendudukan di Malaya.

Selepas pemodal British melarikan diri dari Malaya, golongan pekerja ladang getah mengalami kehidupan yang serba kekurangan kerana hilang punca pendapatan kerana majikan yang membawa mereka ke Malaya sudah melarikan diri ke England kerana kalah dalam perang. Dalam waktu genting tersebut, para pekerja ladang getah mulai menderita kerana berlakunya kekurangan makanan. S.Vadiveloo mencitrakan bahawa:

Zaman Jepun dipenuhi dengan catuan makanan. Banyak keluarga menderita kerana kelaparan. Mereka Cuma dapat memakan ubi kayu untuk menghilangkan kelaparan mereka. Ibu tersebut hanya dibekalkan empat ketul ubi kayu yang direbus untuk dimakan. Ubi kayu yang direbus tanpa garam itu tentu tidak dapat menghilangkan kelaparan yang dialami oleh wanita tersebut.
(Vadiveloo, 1964, m.s. 51)

Situasi yang digambarkan menerusi cerpen tersebut bukanlah imaginasi cerpenis semata-mata malah ianya adalah peristiwa sebenar yang dialami oleh penduduk tempatan. Penderitaan daripada aspek kebijakan ini menjadi peristiwa hitam dalam sejarah Malaya kerana buat pertama kalinya bumi Malaya mengalami catuan beras dan garam. Ini adalah berpunca daripada tindakan Jepun yang menguasai jelapang padi di

Kedah. Ahmad Ali Seman (2016) menerusi artikel “Kepentingan Jepun Dalam Landskap Ekonomi Semenanjung Tanah Melayu Semasa Perang Dunia Kedua” menyatakan bahawa apabila Jepun menakluki Malaya, stok beras mencukupi untuk satu tahun, tetapi Jepun menghantar beras tersebut ke negara Jepun.(m.s.3).

Menurutnya, bekalan beras terputus apabila perang dunia berlaku. Beras yang diimport dari Siam dan Burma tidak dapat diterima. Ini adalah kerana bahan yang dihantar ke Malaya menerusi kapal-kapal muatan telah dirampas oleh Jepun demi untuk menyelamatkan tenteranya daripada kelaparan. Memandangkan terdapat catuan beras, maka penduduk tempatan mengambil alternatif untuk menjadikan ubi kayu sebagai pengganti beras. S.Vadiveloo menggunakan cerpennya sebagai landasan untuk membongkar masalah yang dialami oleh pekerja ladang getah ketika pendudukan Jepun di Malaya. Menurutnya:

Manggammah sempat menyimpan dua buah ketul ubi kayu rebus yang diberikan oleh orang Jepun untuk anak lelakinya. Hatinya berasa lega untuk melihat anak menghilangkan kelaparannya dengan memakan ubi kayu tersebut.

(Vadiveloo, 1964, m.s. 54)

Cerpen yang sama turut membincangkan masalah kekurangan bekalan gula pada zaman penjajahan Jepun di Malaya. Cerpenis mencitrakan bahawa para kerkerja diberi teh-O yang dicampur dengan gula Melaka. Menerusi gambaran yang diberikan oleh cerpenis dapat diketahui bahawa gula Melaka digunakan sebagai pengganti kepada gula. S.Vadiveloo mencitrakan bahawa:

Dalam perjalanan itu, semua penumpang dijamu teh o yang dicampur dengan gula Melaka. Buruh-buruh paksa tersebut diberi seketul ubi kayu sebagai alas perut.

(Vadiveloo, 1964, m.s. 50)

Masalah kekurangan bekalan beras turut dipaparkan menerusi cerpen ‘Tiruvaalar Sinna Kannu’ (Encik Sinna Kannu). Menurut cerpenis, ubi kayu menjadi penganti

kepada beras. Suami isteri dan anak-anak hanya mengisikan perut dengan ubi kayu yang direbus sahaja. S.Vadiveloo menyatakan bahawa:

Zaman penjajahan Jepun penuh dengan kebuluran. Penduduk Malaya menghadapi kesukaran untuk mendapatkan beras. Sinnakannu hanya dapat menghidangkan isterinya Muthamma dan anaknya Munusami dengan makanan ubi kayu sahaja. Keluarga tersebut menggunakan ikan kering sebagai pengganti garam kerana tidak ada bekalan garam ketika pendudukan Jepun. Isterinya Muthamma meninggal dunia selepas Perang Dunia Kedua. Muthamma meninggalkan anak lelaki yang masih berumur tiga tahun dibawah jagaan suaminya.
(Vadiveloo, 1964, m.s. 85)

Menerusi paparan ini, S.Vadiveloo cuba mengimbas kembali pengalaman pahit yang dirasai oleh masyarakat ladang getah ketika zaman pendudukan Jepun di Malaya dalam tahun 40an. Selain itu, para pekerja ladang getah yang sudah biasa dengan sajian nasi dan gulai terpaksa menerima hakikat tersebut kerana kekurangan bekalan beras. Penindasan daripada aspek kebijakan ini telah menyebabkan penduduk Malaya amnya dan pekerja ladang getah khususnya menderita kerana mengamalkan makanan ubi kayu yang berlebihan dalam sajian harian mereka.

Amalan ini menyebabkan beberapa jenis penyakit yang sukar diubati oleh pihak doktor. Masalah kekurangan bekalan beras turut dibincangkan dalam cerpen ‘Taayum Maganum’(ibu dan anak lelaki). Dalam cerpen ini cerpenis menceritakan bahawa para pekerja ladang getah yang ditawan sebagai buruh paksa dihidangkan dengan nasi yang dimasak daripada beras hancur. Beliau menggambarkan bahawa nasi tersebut dipenuhi dengan sepihan-serpihan-serpihan batu-batu yang halus. Menurutnya:

Keretapi yang membawa pekerja-pekerja India tersebut sampai di stesen Gemas pada pukul tiga pagi. Orang Jepun menyediakan nasi dan gulai untuk semua penumpang. Nasi didapati bercampuran dengan batu-batu yang halus manakala gulainya dimasak dengan timun. Manggammah mendapatkan nasi tersebut. Dia memujuk anak lelaki yang mengiringinya agar menghabiskan makanan tersebut. Manggammah sempat makan sesuap nasi yang ditinggalkan

oleh anaknya. Selepas itu Manggammah bersandar di penjuru gerabak keretapi tersebut.
(Vadiveloo, 1964, m.s. 52)

Menerusi peristiwa yang dipaparkan dalam cerpen ini, cerpenis dengan jelasnya menunjukkan bahawa watak Manggamah sebagai Subaltern kerana dibawa menerusi keretapi muatan. Watak tersebut duduk bersandar di penjuru gerabak. Selain itu, pihak Jepun hanya membekalkan ubi kayu sebagai alas perut bagi menghilangkan kelaparan. Sementara itu, cerpen ‘Taayum Maganum’ (ibu dan anak lelaki) juga digunakan sebagai landasan bagi memaparkan peristiwa kekurangan beras ketika pendudukan Jepun di Malaya. Menerusi cerpen tersebut S.Vadiveloo mencitrakan bahawa:

Beras yang diedarkan oleh British sebelum pendudukan Jepun hanya cukup untuk tempoh tiga bulan sahaja. Bekalan berasnya tidak mencukupi ketika pendudukan Jepun. Dia hanya diberi beras yang dicampur dengan kapur. Keluarganya hanya makan beras kapur sahaja.
(Vadiveloo, 1964, m.s. 52)

Pemaparan yang dilakukan oleh S.Vadiveloo menerusi cerpen ini adalah peristiwa benar yang pernah dialami oleh penduduk Malaya ketika zaman penjajahan Jepun. Penduduk ladang getah mengalami kesan yang lebih teruk kerana kebanyakan ladang getah terputus sistem perhubungan dengan bandar. Ini disebabkan oleh perbuatan kuasa British yang meletupkan jambatan dan sistem perhubungan yang utama sebelum melarikan diri daripada serangan tentera Jepun. Penduduk ladang getah menjalani kehidupan mereka sebagai golongan Subaltern kerana hanya dapat ubi kayu dan beras hancur yang mengandungi serpihan batu.

Selain itu, para pekerja turut tidak dapat serasi dengan makanan yang dimasak oleh orang Siam di tempat pembinaan landasan keretapi maut. Selain itu, cerpenis juga merakamkan pengalaman nenek moyang yang terperangkap dalam gengaman tentera Jepun dengan penuh terperinci sehingga para pembaca mendapat gambaran sebenar tentang keadaan tersebut. Menurut cerpenis:

Kami tidak dapat makan gulai yang dimasak oleh orang Siam. Gulai mereka sangat pedas dan berbau serbusk kari mentah. Sayur-sayuran yang dimasukkan dalam gulai itu juga didapati masih mentah dan tidak lalu untuk dimakan. Kalau makan setiap hari, maka sudah tentu akan dilanda cerit berit.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 59).

Menurutnya, gulai yang disajikan dalam keadaan mentah sehingga tidak dapat dimakan oleh buru-buruh yang berkerja keras di kawasan pembinaan landasan keretapi maut di Siam. Peristiwa yang digambarkan oleh S.Vadiveloo jelas menunjukkan bahawa para pekerja ditindas oleh penjajah Jepun. Golongan pekerja ini tidak mendapat perlindungan yang sewajarnya kerana mereka dianggap sebagai golongan yang tidak mempunyai status sosial serta tidak berani bersuara tentang penindasan yang dialami oleh mereka.

4.3.2 Gambaran Penindasan Daripada Aspek Kesihatan

Pekerja ladang getah yang telah ditawan oleh tentera Jepun memerah tenaga manusia terutamanya pekerja-pekerja ladang ini sebagai golongan Subaltern. Lim Pui Huan dan Diana Wong (2000) dalam ‘War and memory in Malaysia and Singapore’ menyatakan bahawa “camp life and the working conditions were atrocious and the rampant Japanese brutality made life extremely dangerous”.(m.s.55). Huraian yang terkandung dalam buku Lim Pui Huan dan Diana Wong ini jelas menunjukkan bahawa kem-kem penempatan buruh-buruh paksa memang tidak selamat untuk diduduki.

Selain itu, jenis pekerjaan yang dilakukan oleh buruh-buruh paksa juga amat membahayakan nyawa. S.Vadiveloo menyelitkan masalah ini dalam cerpen ‘Irundha Ulagam’(Dunia gelap) dengan tepatnya. Cerpenis mengisahkan kehidupan watak Muthusamy di kem buruh paksa yang terdapat di hutan negara Siam. Menurutnya, Muthusamy dikerah sebagai buruh paksa ke negara Siam. Dia dibawa ke Siam menerusi

gerabak keretapi muatan sebagai barang yang lain. Dia ditempatkan di sebuah hutan yang terletak di sempadan Siam-Burma untuk berkerja di kawasan pembinaan landasan keretapi maut. Dia terpaksa kerja dari pukul enam pagi hingga lima petang. Cerpen ‘Muthusamy Kizhavan’(Orang tua Muthusamy) mengisahkan kehidupan orang tuan yang bernama Muthusamy yang terperangkap dalam tawanan tentera Jepun. S.Vadivelu mencitrakan keadaan Muthusamy dengan jelas sekali. Menurutnya:

Baju Muthusamy itu basah kuyup. Dia berasa lebih sejuk apabila angin tip lebih laju lagi kerana seluruh badannya dibasahi oleh peluh. Dia mula menghisap cerut untuk mengilangkan rasa kesejukan tersebut. Muthusamy mula menggosokkan tangannya untuk menghilangkan kesejukan yang dialami olehnya. Kemudian dia mengambil cangkul yang berada di sebelah dinding itu untuk meneruskan pekerjaan yang dilakukan olehnya. Kedua-dua tangan Muthusamy masih sangat kuat walaupun dia tidak mendapat sebarang makanan yang tidak mencukupi bagi menghilangkan kelaparannya.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 8)

Gambaran yang diberikan oleh S.Vadiveloo menepati huraikan yang diberikan oleh Lim Pui Huan dan Diana Wong. S.Vadiveloo mencitrakan watak buruh paksa yang bernama Muthusamy ini mengalami nasib yang sama ketika dia menghadapi penyakit malaria. Dia dalam keadaan uzur dan tidak dapat berjalan. Cerpenis S.Vadiveloo mencitrakan keadaan tersebut dalam cerpennya dengan baik sekali. Menurut S.Vadiveloo:

Kesihatan Muthusamy terjejas akibat gigitan nyamuk. Keadaan iklim kesejukan yang terdapat di hutan itu menyebabkan Muthusamy kelihatan sangat tua walhal dia baru berada di negara Siam selama tiga bulan. Dia menghadapi penyakit demam panas yang teruk sehingga tidak dapat bangun selama beberapa hari. Muthusamy tidak dapat pergi ke kerja selama tiga hari.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 13)

Menerusi gambaran yang diberikan oleh S.Vadiveloo menerusi cerpen ‘Irunda Ulagam’(Dunia gelap) serta menerusi sedutan huraian yang diberikan oleh Lim Pui

Huan dan Diana Wong menerusi buku ‘War and memory in Malaysia and Singapore’, maka dapatlah disimpulkan bahawa para pekerja ladang getah yang dikerah ke negara siam sebagai buruh paksa ditindas daripada aspek kesihatan dizalimi oleh kuasa tentera Jepun. Selain itu, mereka telah menerima nasib sebagaimana golongan Subaltern seperti yang disarankan oleh Antonio Gramsci.

Oleh kerana S.Vadiveloo memberi menyelitkan peristiwa sebenar dalam cerpen ini, maka penggunaan model pencerminan dalam kajian ini menjadi lebih berkesan lagi. Hampir kesemua pekerja yang terperangkap dibawah penguasaan tentera Jepun mengalami nasib yang sama. Tahap kesihatan mereka terjejas kerana cuaca sejuk di hutan. Kem yang ditempatkan buruh-buruh paksa ini terbiar dengan gigitan nyamuk dan serangan reptilia yang lain. Menurut buku yang diedit oleh Lim Pui Huan dan Diana Wong (2000:56), buruh paksa yang menghidapi penyakit akan dirawat dengan cara perubatan tradisional. Pesakit yang tidak dapat diubati pula akan dibiarkan mati begitu sahaja. Menurutnya:

Very often the labourers had to resort to rudiments of traditional medicines. The serious cases among the sick were segregated in a separate hut, often with other half-death bodies, only to be left to die.

(Lim Pui Huan & Diana Wong, 2000, m.s. 56)

Menerusiuraian ini dapat dikenal pasti bahawa golongan pekerja ladang getah yang dibawa ke siam sebagai buruh paksa ditindas daripada aspek kesihatan. Mereka tidak diberi kemudahan perubatan yang sewajarnya jika menghidapi sebarang penyakit. Selain itu, para pekerja akan dibiarkan mati sekiranya penyakit itu sukar diubati. Cerpenis mengambarkan situasi sebenar ini menerusi cerpen ‘Irunda Ulagam’(Dunia gelap). S.Vadiveloo (1970) mencitrakan bahawa pesakit di katil sebelahnya kelihatan sakit dan dia mengipas pada kakinya dengan menggunakan sehelai kain putih supaya tidak dihinggapi lalat.(m.s.57).

Jika fakta ini ditriangulasi dengan huraian Lim Pui Huan dan Diana Wong, maka jelaslah bahawa pekerja-pekerja ladang getah yang dikerah ke negara Siam sebagai buruh paksa telah ditindas daripada aspek kesihatan dan terpaksa melalui pelbagai rintangan hidup. S.Vadiveloo memerikan tubuh watak Muthusamy yang dibawa secara paksa ke Siam. Menurutnya:

Muthusamy dibawa ke Siam secara paksaan. Dia dipaksa berkerja di tempat pembinaan landasan keretapi selama enam bulan. Dalam tempoh masa enam bulan dia bertukar wajah sebagai orang tua. Dia akan pulang ke Malaya sebagai orang yang berwajah tua. Dia kelihatan berjangut panjang dan keadaan tubuhnya bergetar kerana sakit (Vadiveloo, 1970, m.s. 14).

Dalam membicarakan tentang hal ini, Lim Pui Huan dan Diana Wong (2000) menyatakan bahawa “roll-call took place at six o’clock in the morning, and work started promptly at 7.00 a.m until 1 p.m., when 30 minutes break was given for lunch were resumed immediately after lunch and lasted until 5 p.m.. A roll-call, to ensure that no man and tools went missing, ended the day for these labourers” (m.s.57). Menurutnya, para pekerja akan berkumpul pada pukul 6.00 pagi manakala mereka akan bermula berkerja pada pukul 7.00 pagi. Rehat selama 30 minit akan diberi pada pukul 1 petang untuk makan tengah hari. Selepas itu mereka dikehendaki berkerja sehingga 5 petang. Inilah nasib yang dialami oleh semua buruh paksa yang berkerja di tempat tersebut. S.Vadiveloo menggambarkan keadaan ini menerusi cerpen ‘Muthusamy Kizhawan’ (Orang tua Muthusamy) dengan jelas sekali. Dalam cerpen tersebut beliau menyatakan bahawa:

Tidak siapa yang akan mengaku bahawa orang yang berusia 55 tahun itu sebagai orang tua. Tetapi, kezaliman Jepun yang memeras tenaga manusia menjadikan tubuh Muthusamy yang baru berusia 55 tahun itu seolah-olah orang sudah berusia. Walaupun, dia kelihatan tua, tetapi masih dapat melakukan kerja-kerja yang berat setanding dengan anak-anak muda. Dia mampu berkerja secara terus

menerus sepuluh jam asalkan diberi makan nasi dan daun sirih.
(Vadiveloo, 1970, m.s. 5).

Menerusi gambaran yang diberikan oleh S.Vadiveloo tentang watak Muthusamy ini dapat difahami bahawa para buruh paksa berkerja siang malam sehingga orang yang berusia muda kelihatan tua. Watak Muthusamy sebenarnya bukanlah imaginasi cerpenis semata-mata malah ianya adalah cerita benar seorang pekerja ladang getah yang dibawa ke Siam secara kekerasan oleh kuasa tentera Jepun. Muthusamy merupakan seorang rakyat dari India Selatan yang dibawa oleh agen pemodal British yang dikenali sebagai kanggani.

Pemodal British dan kanggani yang membawa Muthusamy ke Malaya menghilangkan diri sebaik sahaja kuasa tentera Jepun mengalahkan British di Malaya. Muthusamy yang sepatutnya mendapat perlindungan dari British dibiarkan sebegitu sahaja. Muthusamy bukan sahaja menjalani kehidupannya sebagai Subaltern ketika penjajahan British malah turut menjadi Subaltern selepas tentera mengambil alih pemerintahan Malaya. S.Vadiveloo memberi gambaran yang lebih jelas tentang kehidupan seorang Subaltern menerusi watak Murugaiah menerusi cerpen yang berjudul ‘Irundha Ulagam’(Dunia gelap).

Beliau mencitrakan watak yang bernama Murugaiah yang menjadi buruh paksa di kawasan pembinaan landasan keretapi yang dibina sejauh sejauh 415 kilo meter dari Nong Pladuk, Kanchanaburi, Siam sehingga ke Thanbyuzayat, Burma. Watak Murugaiah dizalimi oleh tentera Jepun sehingga keadaan kesihatanya terjejas. S.Vadiveloo mencitrakan bahawa watak Murugaiah berada dalam keadaan bangkai bernyawa. Menurutnya, watak Murugaiah tidak lagi dapat meneruskan kerjanya di kawasan tersebut. Dia berhasrat balik ke Malaya sebelum menemui ajalnya. Murugaiyah memberitahu kerani yang mengawasinya agar menyampaikan hasratnya kepada ketua

orang Jepun yang memimpin mereka. Kerani tersebut mendampingi ketua orang Jepun dan menyampaikan hasrat Murugaiah yang ingin balik ke Malaya. S.Vadiveloo menggambarkan situasi tersebut sebagai:

Tuan! Murugaiah mahu balik ke Malaya'. Kerani yang mengawas kumpulan buruh paksa tersebut memberitahu kepada ketua Jepun. Murugaiyah merupakan buruh paksa yang dibawa dari sebuah ladang getah oleh orang Jepun ke Siam untuk melakukan kerja-kerja pembinaan landasan keretapi maut di Siam. Dia kelihatan cacat sebelah kakinya. Murugaiah berjalan dengan bantuan tongkat. Badannya kurus kering seperti gambar x-ray. Murugaiah dalam keadaan tidak berbaju dan hanya mengikat tuala di pinggangnya. Tuala itu kelihatan tidak pernah dibasuh selama beberapa bulan.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 67).

Menerusi gambaran yang diberikan oleh S.Vadiveloo, dengan jelasnya dapat diketahui bahawa watak buruh paksa yang bernama Murugaiah tidak lagi dapat berkerja di tapak pembinaan landasan keretapi maut tersebut kerana terlalu sakit dan menunggu saat-saat terakhir untuk menghembus nafas terakhirnya. Menerusi gambaran ini, dapat diketahui bahawa buruh-buruh paksa yang dikerah ke Siam telah mengalami penderitaan sehingga mengalami kecederaan dan luka-luka yang parah. Penyakit yang dialami oleh mereka sukar diubati dan pihak tentera Jepun membiarkan mereka sehingga mati. Selain itu, pihak Jepun juga tidak membenarkan pesakit balik ke negara asal.

Buruh yang sakit atau dijangkiti perlu berada dalam kem sehingga akhir hayat mereka. Kezaliman yang tidak terbatas ini tidak patut dilakukan terhadap pekerja-pekerja ladang getah ini kerana mereka bukan berhijrah ke Siam atas kehendak mereka seperti mana berhijrah ke Malaya untuk mencari kehidupan baharu kerana tidak lagi hidup menderita di India Selatan atas faktor geografi dan sistem sosial. Selain itu, ketiadaan bekalan ubat juga turut menjadikan para pekerja sebagai golongan Subaltern. Lim Pui Huan dan Diana Wong (2000) dalam bukunya menyatakan bahawa "accidents occurred quite frequently and for the Japanese army, ilfe was cheap" (m.s.55).

Menurutnya, cedera parah adalah perkara biasa di tapak pembinaan landasan keretapi maut. Orang Jepun tidak langsung menghargai nyawa buruh-buruh paksa. S.Vadiveloo mencitrakan keadaan ini menerusi cerpen ‘Taayum Maganum’ (ibu dan anak lelaki) dengan jelas sekali. Beliau menggambarkan keadaan seorang buruh paksa yang tidak dapat berjalan kerana kakinya bengkak dan bernanah. Menurut cerpenis:

Pada malam tersebut Mangammah tidak dapat tidur dengan baik kerana kakinya sakit kerana bengkak . Dia tidak dapat menggerakkan kakinya kerana terluka di bahagian tapak kaki. mangammah hanya membalut luka tersebut dengan daun-daun herba sepertimana yang dicadangkan oleh jirannya. Namun, luka tersebut membesar sehingga tidak dapat mengerakkan kakinya. Selepas mengadu sakit, orang Jepun hanya mengubati lukanya dengan cara menggoreskan batu yang berwarna biru ke atas luka tersebut. Selepas itu mereka menyapu ubat cecair yang berwarna kuning. Semakin hari saiz luka itu semakin membesar. Mangammah membalut luka tersebut dengan plat besi yang berlubang. Oleh kerana itu, dia tidak dapat berdiri dengan tegak. Keadaan ini menyebabkan Mangammah tidak dapat pergi berkerja sejak beberapa hari. Kegagalan ini menyebabkan dia tidak mendapat barang keperluan dapur untuk menyara keluarganya.

(Vadiveloo, 1964, m.s. 57).

Menerusi gambaran yang diberikan oleh S.Vadiveloo, perkara yang menjadi gambaran utama ialah tentang pengabaian tentera Jepun tentang kesihatan buruh-buruh paksa yang dibawa dari Malaya. Jika diteliti daripada aspek teori Subaltern, watak Mangammah adalah seorang Subaltern. Dia tidak mendapat sebarang hak untuk bersuara kerana kelas sosialnya rendah berbanding dengan Jepun. Kuasa tentera Jepun yang membawa Mangammah dari Malaya, perlu mengambil tanggungjawab untuk menjaga keselamatan dan kesihatannya. Tentera Jepun tidak menyediakan kemudahan rawatan yang baik.

Perkara ini menjadikan para pekerja jatuh sakit. Ini adalah sebahagian dari ciri-ciri masyarakat Subaltern. Lim Pui Huan dan Diana Wong (2000) menyatakan bahawa

“every day they had to eat the same food consisting of salted fish and vegetables such as water pumpkin” (m.s.55). Menurutnya pekerja hanya diberi makan menu yang sama sepanjang masa. Oleh yang demikian, para pekerja menghidapi belbagai penyakit sehingga tidak mendapat rawatan yang mencukupi untuk mendapat pemulihan. Cerpen ‘Irundha Ulagam’(Dunia gelap) mengisahkan keadaan tubuh sekumpulan pekerja ladang getah yang berkerja dibawah pengawasan tentera Jepun.

S.Vadiveloo (1970) mengambarkan bahawa orang-orang India yang berkerja di situ kelihatan berperut buncit akibat penyakit beri-beri. Penyakit ini berpunca daripada bekalan makanan yang tidak berzat.(m.s.55). Gambaran yang ditunjukkan oleh cerpenis ini bukanlah merupakan imaginasi, tetapi peristiwa benar yang berlaku di Malaya. Penyakit beri-beri ini menjadi perkara biasa ketika pendudukan Jepun di Malaya. Penyakit beri-beri terjadi kerana kekurangan vitamin B. Terdapat dua jenis penyakit beri-beri iaitu beri-beri basah dan beri-beri kering.

Pesakit yang mengalami beri-beri basah akan menerima ancaman bengkak badan terutamanya gangguan kepada jantung. Beri-beri kering pula akan membawa gangguan di bahagian saraf. Selain penyakit beri-beri, para pekerja yang tercedera ketika berkerja tidak menerima rawatan selanjutnya. Mereka dibiarkan sebegitu sahaja dengan memberi rawatan secara tradisional. Perkara ini telah dibincangkan oleh Lim Pui Huan dan Diana Wong menerusi bukunya dengan lebih terperinci. Menurutnya:

Skin diseases were common ailment and could even prove fatal. Outbreaks of water-borne diseases, such as dysentry, particularly during the dry season, were common, with malaria a perennial killer. The sick were not given adequate medical attention.

(Pui Huan dan Diana Wong, 2000, m.s.56)

Huraian yang diberikan oleh Lim Pui Huan dan Diana Wong ini mencukupi untuk membuktikan berlakunya penindasan daripada aspek perubatan. Sekiranya pihak

Jepun membekalkan bantuan perubatan yang baik sudah tentu ramai pekerja ladang getah yang dibawa ke Siam tidak menemui ajal mereka di negeri orang. S.Vadiveloo (1970) memaparkan kisah benar menerusi cerpen ‘Irundha Ulagam’(Dunia gelap). Menurutnya, kecederaan yang berlaku di kaki ketika melakukan kerja-kerja pembinaan di Siam menjadi lebih serius lagi.

Luka itu bernanah sehingga dihinggapi lalat. Semasa Murugayah berjalan kumpulan lalat itu turut bergerak bersamanya. (m.s.62). Gambaran yang diberikan oleh S.Vadiveloo sungguh memilukan hati. Gambaran tersebut bukanlah memaparkan kesakitan yang dialami oleh seorang buruh paksa tetapi gambaran kezaliman tentera Jepun yang gilakan kuasa. S.Vadiveloo mencitrakan penindasan yang dilakukan oleh tentera Jepun ini lebih mendalam lagi menerusi cerpen yang bertajuk ‘Muthusamy Kizhawan’(Orang tua Muthusamy). Menurutnya:

luka sebesar tapak tangan yang berpunca daripada gigitan pacat. Lukanya kelihatan bernanah dan dihinggapi lalat. Terdapat ramai orang yang menimpa nasib malang itu. Mereka sentiasa mengusir lalat yang menghinggapi permukaan kudis yang bernanah tersebut. Selain itu, para pekerja malang tersebut mengalami kesukaran untuk menggerakkan kaki mereka. Suasana di kem tersebut sangat berbau busuk kerana ramai pekerja dalam keadaan kudis-kudis bernanah.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 12)

Gambaran yang diberikan oleh cerpenis ini dengan jelasnya menunjukkan bahawa para pekerja ditindas daripada aspek kesihatan kerana kudis mereka tidak diubati dengan cara yang betul. Pihak Jepun tidak menunjukkan tanggungjawab mereka untuk mengubati pesakit-pesakit yang terlantar di kem-kem pekerja kerana gigitan pacat dan reptilia yang lain. S.Vadiveloo turut menceritakan tentang bahaya gigitan pacat tersebut menerusi cerpen ‘Irundha Ulagam’(Dunia gelap). Menurutnya:

Pacat ini sangat berbahaya. Kalau terkena gigitan pacat maka sudah tentu bahagian tersebut akan menjadi lubang. Lama kelamaan bahagian luka tersebut akan merebak

sebesar dua puluh sen. Orang Jepun hanya akan memberi ubat kuning untuk disapukan ke atas luka tersebut. Ubat kuning tersebut tidak akan mendatangkan sebarang kesan kepada luka tersebut, malah luka tersebut akan membesar lagi. Akhirnya orang yang digigit oleh pacat atau lintah akan menemui ajal mereka.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 60)

Menerusi watak dan peristiwa yang digambarkan oleh S.Vadiveloo, dapat diketahui bahawa para pekerja ladang getah yang dikerah sebagai buruh paksa ke negara Siam telah ditindas daripada aspek kesihatan. Ramai di antara mereka mengalami kecederaan ketika melakukan kerja-kerja penerokaan hutan dan pembinaan landasan keretapi maut. Jika diteliti dengan model pencerminan yang diusahakan oleh Lucas, maka kesemua gambaran yang diberikan oleh S.Vadiveloo menerusi cerpen ini adalah sesuatu yang benar-benar berlaku dalam penghidupan masyarakat ladang getah.

Watak-watak yang menderita disebabkan oleh penyakit beri-beri serta watak pekerja yang berada dalam keadaan luka-luka bernanah akibat gigitan lintah dan pacat, mencerminkan bahawa mereka adalah kumpulan manusia yang dikenali sebagai Subaltern. Mereka dibiarkan oleh kuasa pemerintah sebagai kumpulan manusia yang tidak bersuara untuk mendapatkan hak mereka. Golongan ini tertindas kerana tidak mempunyai status sosial yang tinggi. Para pekerja dilayan sebagai orang Subaltern sekiranya mereka mengadu kepada tentera Jepun tentang kesakitan atau kecederaan yang dialami oleh mereka. S.Vadiveloo menerusi cerpen ‘Irundha Ulagam’(Dunia gelap) mencitrakan bahawa tentera Jepun akan membiarkan pesakit mati sebegitu sahaja. Menurutnya:

Buruh paksa yang menderita kerana penyakit akan mencari tempat teduh. Biasanya mereka akan duduk di sebalik pokok. Biasanya, pesakit yang duduk berehat di sebalik pokok-pokok itu akan mati sebegitu sahaja. Pesakit-pesakit tersebut tidak berani memberitahu tentang penderitaan yang dialami oleh mereka kerana takut dibelasah oleh tentera Jepun. Jika mereka menceritakan hal sebenar kepada tentera Jepun, maka tentera tersebut akan membelasah mereka

sehingga mati. Sebagai langkah untuk mengelakkan diri daripada dibelasah, para pesakit akan duduk di sebalik pokok-pokok besar. Ramai pekerja menemui ajal mereka di hutan tersebut kerana takut dibelasah oleh orang Jepun. (Vadiveloo, 1970, m.s. 60).

Gambaran yang diberikan oleh cerpenis menerusi cerpen ini memperlihatkan kezaliman yang dilakukan oleh tentera Jepun terhadap buruh-buruh paksa yang dibawa dari merata Asia Tenggara. Manusia yang dilahirkan dengan naluri tertentu terpaksa mengawal perasaan tersebut kerana perasaan takut. Ini adalah ciri-ciri kehidupan manusia terpinggir. S.Vadiveloo berjaya membuat gambaran yang jitu tentang kehidupan buruh-buruh paksa yang dianiaya oleh tentera Jepun. Sehubungan dengan perkara ini, Krishnan (1993) pernah menyatakan bahawa “S.Vadiveloo telah membuat pengamatan yang terperinci tentang ladang masyarakat getah”.(m.s.261).

Sikap ‘ambivalence’ yang diamalkan oleh tentera Jepun ke atas para pekerja menjadikan mereka sebagai kuasa superior dan para pekerja sebagai inferior. S.Vadiveloo menyifatkan bahawa tentera Jepun menunjukkan sikap ‘ambivalence’ di antara pekerja ladang getah dan puak kerani bekerja di negara Siam. Menurutnya, pihak tentera Jepun membiarkan sebilangan pekerja memilih untuk mengikuti perjuangan nasionalisme India yang dipimpin oleh Subash Chandra Boss, manakala golongan yang tidak berasib baik pula terperangkap sebagai buruh paksa, diperintah secara kuku besi tentera Jepun yang zalim. S.Vadiveloo menyatakan bahawa:

Ketika kemasukan tentera ke ladang-ladang getah Jepun membahagiakan kumpulan pekerja ladang kepada dua kumpulan yang berbeza. Kedua-dua kumpulan yang terdiri daripada golongan pekerja menuju ke Utara Malaya menerusi lori-lori muatan. Satu kumpulan orang India dibawa oleh puak tentera Jepun sebagai buruh paksaan untuk membina landasan keretapi maut di Siam sementara satu lagi kumpulan pula dibawa oleh Subash Chandra Boss bagi menyertai perjuangan menuntut kemerdekaan negara India. Kumpulan pekerja yang menyertai puak Subash Chandra Boss dianggap sebagai kumpulan yang berasib baik. Mereka seolah-olah pergi ke syurga dengan laungan

‘Jai Hind’. Manakala kumpulan buruh paksaan yang dibawa oleh tentera Jepun pula dianggap seolah-olah pergi ke neraka. Buruh-buruh paksa tersebut dalam keadaan tangkisan air mata.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 50).

Menurutnya, golongan pekerja ladang getah terpisah dua. Beliau mengandaikan bahawa puak yang dibawa oleh Subash Chandra boss memasuki syurga manakala puak yang dikerah ke Siam memasuki neraka. S.Vadiveloo turut menghuraikan bahawa:

Orang Jepun menjadi dalam dua muka. Mereka mengiktiraf gerakan ‘Indojin Jepun Bai Bai’ dan menggalakkan orang India menyertai pasukan tentera pimpinan Subash Chandra Boss. Mereka mengatakan orang India dan orang Jepun sebagai adik-beradik. Namun, Jepun masih membawa orang India sebagai buruh paksa. Kami tidak dapat mengerti tujuan orang Jepun. Orang India yang tinggal di kawasan bandar menyerahkan wang dan emas kepada Subash Chandra Boss untuk pergerakannya. Mereka menjadi ahli dalam pasukan tentera yang diwujudkan oleh Subash Chandra Boss. Jepun menggalakkan orang-orang India tersebut untuk menyertai pasukan tentera Netaji. Tetapi malangnya, orang India yang tinggal di kawasan ladang getah menjadi mangsa orang Jepun sebagai buruh paksa.

(Vadiveloo, 1977, m.s. 54)

Tindakan tentera Jepun adalah suatu perkara yang tidak berperikemanusiaan. Kehidupan para pekerja ladang getah berada dalam delima kerana hampir kesemua mereka baru sahaja dibawa dari India oleh pemodal British. Mereka belum lagi bertapak di ladang –ladang getah. Kuasa superior yang sepatutnya memelihara kesejahteraan para pekerja telah melarikan diri setelah kalah dengan tentera British. Dalam situasi yang penuh dengan darurat ini tentera Jepun memasuki ladang getah dan memisahkan pekerja-pekerja tersebut kepada dua kumpulan yang berbeza.

Para pekerja ladang getah yang hidup sekeluarga telah dipisahkan semata-mata kerana kepentingan tentera Jepun. Kumpulan pekerja yang terperangkap dibawah penguasaan Jepun tidak mempunyai ruang untuk membebaskan diri. Mereka terpaksa menurut perintah yang dikemukakan oleh tentera Jepun. S.Vadiveloo mencitrakan

situasi tentera Jepun yang membawa pekerja-pekerja ladang getah menerusi lori-lori muatan ke Siam. Beliau menjelaskan bahawa:

‘Inkulab Jintabaad.....AsathinthJindabaad’.

Satu lori yang membawa pejuang-pejuang kemerdekaan India menyeberangi lori yang memuatkan buruh-buruh paksa. Tidak lama kemudian, terdapat sebuah lagi lori yang membawa pejuang-pejuang tersebut dengan laungan ‘Netaji Jindabaad’ dan ‘Delhi Chalo’.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 55).

Menerusi gambaran yang diberikan oleh S.Vadiveloo, dapat disimpulkan bahawa para pekerja dijadikan golongan Subaltern yang ditindas oleh kuasa superior. Berkaitan dengan kehidupan dan status pekerja-pekerja ladang getah di Malaya, M. Mahalingam (2015) menyatakan bahawa:

Instead, the Indian plantation working class has become “under class” of the Malaysia and also they have been trapped under “vicious cycle of poverty” for various reasons. It has been observed that various forms of social exclusion that has been executed or practiced against the Indian plantation working class could be the cause for marginalization of Indian plantation working class.

(Mahalingam, 2015, m.s. 5)

Menurutnya, pekerja ladang getah menjadi warga kelas bawahan. Kehidupan pekerja ladang getah sudah terjebak dalam kemiskinan. Para pekerja ladang getah ini menjadi golongan marginal di Malaysia. Pandangan yang diberikan oleh Mahalingam berkaitan dengan kehidupan para pekerja ladang getah adalah benar jika diperhalusi dengan teori Subaltern. Mengikut teori ini, golongan yang ditindas oleh kuasa superior digelar sebagai Subaltern. Golongan ini akan dieksplorasi oleh kuasa superior dengan mudah sekali kerana mereka adalah Subaltern yang tidak mempunyai hak untuk bersuara serta mereka dianggap sebagai warga yang mempunyai kelas sosial yang paling rendah.

4.3.3 Gambaran Penindasan Daripada Aspek Keselamatan

Pekerja-pekerja ladang getah yang ditawan oleh tentera Jepun ke Siam telah dijadikan buruh paksa di kawasan pembinaan landasan kereta api maut. Pekerja-pekerja tersebut diseksa terutamanya daripada aspek denda dan hukuman. Buruh-buruh tersebut mengalami nasib seumpama golongan Subaltern yang tidak mempunyai hak untuk menyuarakan kehendak mereka. Gambaran S.Vadiveloo tentang penindasan ini lebih terpandar dalam cerpen ‘Muthusamy Kizhawan’(Orang tua Muthusamy). S.Vadiveloo (1970) mencitrakan bahawa tiap-tiap orang yang melintasi pondok pengawal itu perlu menundukkan kepala mereka sebagai tanda menghormati orang Jepun yang bertugas di situ.

Jika didapati seseorang yang tidak menundukkan kepala ketika melintasi pondok pengawal itu, maka tentera Jepun akan menangkap dan mengikatnya di sebatang pokok. Selepas itu, tentera Jepun akan menuang air sabun ke dalam mulutnya, kemudian dirotan sehingga mati. Oleh kerana itu, Muthusamy tidak akan lupa menundukkan kepala dan sentiasa membayangkan tindakan yang akan diambil oleh orang Jepun, jika dia gagal membuat demikian.(m.s.5). Berkaitan dengan hal hukuman ini, hasil kajian ATIS bersiri 72 (ceraian 11) bertarikh 1 Jun 1946 menerangkan bahawa:

The victim's storntcls is filled with water from a hose placed in the thmrvt. A plailk is theil placed across the distended stomach, and Japanese, onk on each end, then 'seesaw' thus force out the water from the stomach. Many of the victims die under this torture.

(Allied Translator And Interpreter Section Supreme Commander For The Allied Pow,1946, m.s. 23).

Menurut kajian ini, individu yang dipercayai melakukan kesalahan akan dipaksa minum air. Selepas dipaksa minum, pihak tentera akan memukul di bahagian perut sehingga air tersebut terpancut daripada mulut simangsa tersebut. Jika diperhalusi dengan teliti, maka terbuktilah gambaran yang diberikan oleh S.Vadiveloo tentang

hukuman yang diberikan oleh tentera Jepun ke atas buruh-buruh paksa. Huraian Pui Huan dan Diana Wong (2000) menyatakan bahawa para pekerja tidak mempunyai peluang untuk melakukan perbuatan laun selain berkerja keras. Mereka terpaksa melakukan segara arahan yang diberikan oleh Jeun bagi mengelakkan daripada didenda.(m.s.57).

Selaras dengan fakta yang diperoleh daripada ATIS dan Pui Huan dan Diana Wong, maka dapat disimpulkan bahawa gambaran yang diberikan oleh S.Vadiveloo memiliki unsur-unsur kebenaran daripada aspek sejarah. Ini membuktikan bahawa model pencerminan yang digunakan dalam kajian ini menjadi bermakna dalam membuat analisis mengenai fakta-fakta penindasan yang dialami oleh pekerja ladang getah yang dibawa secara paksa ke negara Siam. Selain itu teori yang diaplikasikan bagi mengenal pasti golongan Subaltern dalam watak-watak cerpen S.Vadiveloo juga menjadi berkesan kerana teori ini membantu mengenali pekerja-pekerja ladang getah yang tidak berdosa ditindas oleh tentera Jepun untuk kepentingan mereka.

Berkaitan dengan hal yang sama, S.Vadiveloo menerusi cerpen ‘Irunda Ulagam’(Dunia Gelap) menggambarkan tindakan dua orang anggota tentera Jepun yang mendenda seorang buruh paksa yang dibawa dari sebuah ladang getah yang terletak di Malaya. Watak buruh paksa yang bernama Murugaiyah, telah dipaksa untuk meminum air sabun kerana dia memohon untuk pulang ke Malaya. S.Vadiveloo mencitrakan bahawa:

Hei, bawa pergi orang ini dan ikat dia di tiang itu.
Tuangkan air sabun ke dalam mulut dia. Biar semua orang tengok kejadian ini. Inilah hukuman jika hendak balik ke Malaya. Inilah hukuman yang sepatutnya’. Dua orang pegawai Jepun tertawa melihat kejadian itu. Kerani Arokkiyam juga turut ketawa bersama mereka.
(Vadiveloo, 1970, m.s. 64).

Dalam gambaran ini, watak Murugaiyah didapati didenda oleh tentera Jepun. Tentera Jepun menuangkan air sabun di mulut Murugaiyah dan akhirnya watak tersebut digambarkan dibelasah sehingga mati. Watak tersebut digambarkan sebagai seorang Subaltern yang tidak mempunyai ruang untuk mencapai hasratnya untuk bertemu dengan ahli keluarga yang tinggal di Malaya. Watak Mugugaiyah didapati mati sebegitu sahaja akibat kezaliman tentera Jepun. Inilah nasib golongan Subaltern yang hidup merata dunia. Cerpen ‘Taayum Maganum ’(anak lelaki dan ibu) mengisahkan tindakan anggota tentera Jepun yang memukul seorang buruh kanak-kanak yang bernama Kannan kerana bermain semasa melakukan kerja-kerja pembersihan. Cerpenis mencitrakan bahawa kanak-kanak tersebut lalai ketika melakukan pekerjaannya. Dia terpaksa pergi ke kerja menggantikan ibunya yang terlantar sakit. S.Vadiveloo mencitrakan bahawa:

Orang Jepun mengikat Kannan di sebuah tiang. Di situ kelihatan seorang Jepun yang memegang sebatang buluh dan memukul Kannan. Budak tersebut menangis kerana dipukul oleh anggota tentera Jepun.
(Vadiveloo, 1963, m.s. 59).

Dalam cerpen tersebut S.Vadiveloo ingin memaparkan keganasan Jepun yang memukul seorang kanak-kanak yang bermain di kawasan kerja. Kuasa superior tersebut berbuat demikian kerana kana-kanak tersebut merupakan seorang anak Subaltern yang rendah daripada aspek kelas sosial. Dalam cerpen yang sama S.Vadiveloo menceritakan tentang latar belakang keluarga kanak-kanak tersebut. S.Vadiveloo (1964) mencitrakan bahawa Manggammah tidak rela menghantar anaknya Kannan untuk berkerja dengan orang Jepun. Dia tidak sanggup anaknya mati kelaparan. Oleh kerana itu dia menghantar anaknya bagi menggantikan diri untuk berkerja di tempat tersebut. Sekiranya tiada penganti, sudah tentu orang Jepun yang menjaga kawasan itu akan mengambil tindakan terhadap ibu tersebut(m.s.55).

Menerusi cerpen ini, S.Vadiveloo memaparkan nasib seorang ibu tunggal yang perlu berkerja untuk menyara hidup keluarganya. Mereka berkerja bukan untuk mencari wang tetapi untuk mendapatkan beras. Dalam membincangkan tentang gaji buruh-buruh paksa, Pui Huan dan Diana Wong (2000) menggariskan bahawa ‘the labourers were paid a daily wagw of 4.00 ringgit, a pot of poor grade rice, a smal piece of salted fish, one patoto and one sweet patoto’(m.s.57). Menurutnya para pekerja dibayar upah empat ringgit dan beras yang bergerd rendah, ubi kentang dan ikan masin untuk mengisi perut mereka.

S.Vadiveloo menggunakan genre cerpen ini untuk memaparkan keganasan yang dilakukan oleh tentera Jepun terhadap pekerja-pekerja ladang getah yang dikerah sebagai buruh paksa dengan jelas sekali. Cerpen ‘Taayum Maganum ’(anak lelaki dan ibu) jelas membuktikan terdapatnya penindasan sehingga seorang anak Subaltern menemui maut. Dalam cerpen tersebut, cerpenis S.Vadiveloo mencitrakan bahawa watak ibu tersebut tidak dapat mengawal kepiliuannya apabila melihat mayat anaknya yang berada dalam berlumuran darah. Anak lelaki tersebut dibunuhan oleh tentera Jepun kerana didapati bermain ketika berkerja di tapak pembinaan landasan kapal terbang di Kuala pilah.

S.Vadiveloo (1960) mencitrakan keadaan tersebut sebagai “wahai anakku sayang...engkau meninggalkan ibumu sebatang kara. Manggammah menangis teresak-esak kerana kematian anak lelakinya akibat diseksa oleh Jepun. Jirannya menasihati Manggammah agar berpindah ke tempat lain kerana takut dibelasah oleh Jepun sekali lagi(m.s.60). S.Vadiveloo cuba menyampaikan mesej bahawa si ibu tersebut tidak boleh menunjukkan kedukaannya kepada orang ramai. Pihak Jepun tidak menyukai keluarga mangsa menghebohkan kezaliman yang dilakukan oleh mereka kepada orang ramai.

Bagi mengelakkan sebarang kemungkinan, maka penduduk ladang getah tersebut menasihati Manggammah meninggalkan kawasan penempatan itu secara bersembunyi.

Kezaliman tentera Jepun turut terpancar dalam cerpen ‘Irunda Ulagam’(Dunia gelap). Menurut S.Vadiveloo (1970) orang Jepun itu menampar di pipi Murugayah bertalu-talu. Dia menampar sehingga Murugayah pengsan dan jatuh di lantai(m.s. 64). Selain itu, kezaliman ini turut terpancar dalam cerpen ‘Muthusamy Kizhawan’(Orang Tua Muthusamy). S.Vadiveloo mencitrakan bahawa:

Orang tua Muthusamy berasa gementar ketika menurun dari tangga pondok pengawal tersebut. Dia mengambil cangkul dan pangkal cangkul itu dalam keadaan longgar. Keadaan cangkul itu seakan-akan sama dengan nasib orang tua Muthusamy yang berada dalam keadaan gementar. Orang tua Muthusamy tidak dapat bergerak pantas kerana letih dan lapar. Orang Jepun yang melihat pergerakkan Muthusamy yang perlahan. Orang Jepun itu menjadi semakin marah. Memandangkan keadaan orang Jepun tersebut yang naik marah, maka orang tua Muthusamy berusaha untuk berjalan dengan pantas lagi. Malangnya Muthusamy tidak bertapak lagi kerana dia ditampar oleh orang Jepun. Orang tua Muthusamy terjatuh di lantai. Muthusamy agak bernasib baik kerana orang Jepun itu hanya menampar sekali sahaja. Jika orang lain sudah pasti menemui ajalnya.
(Vadiveloo, 1970, m.s. 17).

Menerusi dua situasi yang digambarkan oleh S.Vadiveloo, jelas membuktikan bahawa pekerja ladang getah telah ditindas dengan teruknya oleh tentera Jepun. Golongan ini ditindas kerana mereka dianggap sebagai Subaltern. Perkara ini dapat dipastikan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Spivek. Menurutnya:

The Subaltern groups are originally of other races (other cultures and other religions) of the dominant groups and often they area concoction of various races, like in the case of the slaves.’ In this sense, Gramsci recognized that Subalternity was not merely defined by class relations but rather an intersection of class, race, culture, and religion that functioned in different modalities in specific historical contexts.

(Spivek,1990, m.s. 141).

Jika dipadankan dengan pendapat Spivek dan tindakan tentera Jepun maka jelaslah diketahui bahawa kuasa tentera Jepun menganggap golongan pekerja ladang getah ini sebagai Subaltern. Kerana itulah pihak Jepun melakukan kezaliman terhadap pekerja-pekerja ladang getah tanpa mengira usia dan jantina. Berkaitan dengan isu ini, Salleh Mohd. Akib (2003) menyatakan bahawa ramai buruh paksa mati disebabkan oleh penyakit malaria dan kolera.(m.s.15). Kenyataan ini membuktikan bahawa tempat perkerjaan tersebut tidak selamat untuk berkerja. Selain keadaan tempat kerja, buruh-buruh paksa terdedah dengan penjualan samsu haram yang dilakukan oleh orang Siam. S.Vadiveloo menerusi cerpen ‘Muthusamy Kizhawan’(Orang tua Muthusamy) memaparkan masalah yang dihadapi oleh para pekerja dengan lebih teliti. Menurutnya:

Ada yang mengalami kesusahan kerana kesejukkan kerana cuaca di hutan tebal tersebut sangat sejuk. Selain itu, para pekerja turut terdedah dengan gigitan nyamuk , pacat, lintah dan reptilia yang lain. Selain itu, ada juga pekerja yang menderita kerana terminum samsu haram yang dijual oleh orang-orang Siam. Mereka menderita kerana samsu yang mereka minum itu telah menjelaskan usus dan kesihatan. Ada yang mengalami cirit birit kerana termakan nasi dan gulaisepuh masak yang telah dihidangkan oleh orang Jepun.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 12).

Paparan ini jelas membuktikan bahawa buruh-buruh paksa terdedah dengan ancaman nyawa. Pihak tentera Jepun mengabaikan keselamatan para pekerja. Penindasan ini melanggar etika kemanusiaan. Berhubung dengan perkara ini, Lim Pui Huan dan Diana Wong (2000) menyatakan bahawa:

the labourers were paid a salary of 1-10 baht, but none told the student researchers what happened to the money. Perhaps money was of secondary importance to these leboulers who were more preoccupied with staying alive of thst time.

(Huan dan Diana Wong, 2000, m.s. 56).

Huraian beliau membuktikan bahawa para pekerja tidak mementingkan wang ringgit ketika berkerja sebagai buruh paksa di Siam. Mereka hanya mementingkan

nyawanya sahaja. S.Vadiveloo membincangkan keluhan hari buruh-buruh paksa menerusi cerpen yang sama. Dalam mengambarkan bentuk pemikiran dan perasaan para pekerja tersebut, S.Vadiveloo menjelaskan bahawa:

Nasi yang dihidangkan oleh Jepun dipenuhi dengan serpihan batu-batu yang halus. Manakala gulai yang diberi masih mentah dan berbau kari. Ada sebahagian pekerja kelihatan hilang kepercayaan tentang nyawa mereka. Ini adalah kerana kekejaman tentera Jepun yang menzalimi mereka setiap hari. Para pekerja kelihatan risau tentang keselamatan anak dan bini mereka yang ditinggalkan di Malaya.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 12).

Menerusi cerpen ini S.Vadiveloo ingin memaklumkan kepada pembaca umumnya bahawa para pekerja yang ditawan oleh tentera Jepun terpaksa mengharungi pelbagai cabaran. Mereka bukan sahaja terjejas akibat penindasan secara fizikal malah turut terjejas secara emosi dan mental. Para pekerja sentiasa risau tentang anak bini di Malaya kerana mereka telah dibiarkan begitu sahaja apabila tentera Jepun memerangkap mereka. Para pekerja tidak menyangka bahawa kerja-kerja pembinaan landasan keretapi di Siam akan mengancam nyawa mereka. Cerpen ‘Taayum Maganum’(ibu dan anak lelaki) juga digunakan sebagai landasan untuk memaparkan penindasan yang dialami oleh pekerja-pekerja India yang terperangkap dalam tawanan Jepun. Dalam cerpen ini seorang anak pekerja mengalami maut akibat dibelasah oleh tentera Jepun. Menurut S.Vadiveloo:

Orang Jepun tidak akan bersabar jika kita memandang muka mereka ketika mereka memarahi kita. Kannan sudah menerima nasib buruk tersebut ketika dia memandang muka orang Jepun ketika dia dimarahi oleh Jepun. Mendengari insiden anaknya yang dipukul oleh Jepun, lantas Ibu Kannan berlari menuju tempat kejadian tersebut. Manggammah berlari dengan pantas lalu cuba menyerang orang Jepun yang menampar anaknya. Orang Jepun yang sudah menyedari akan serangan Manggammah lalu

bertindak menahan dan mematahkan serangan Mangammah. Dia mematahkan serangan Mangammah dengan memberi satu sepakan di bahagian tubuhnya. Mangammah terjatuh di lantai. Kemudian orang Jepun tersebut mula bertindak ganas terhadap Mangammah. Pada waktu yang sama terdapat beberapa orang Jepun yang keluar dari pejabat meleraikan keadaan itu. Jika tidak, pada hari itu sudah tentu Mangammah menemui ajalnya di hadapan pejabat Jepun tersebut.

(Vadiveloo, 1964, m.s. 58).

Dalam cerpen ini watak anak dipukul oleh Jepun sehingga mati manakala watak ibu pula disepak sehingga jatuh ke lantai. Perbuatan tentera Jepun tidak berperikemanusiaan dan melanggar hak asasi manusia. Para pekerja dilayan sebegitu kerana kusa tersebut menganggap dirinya sebagai ‘superior’ dan menganggap golongan pekerja ini sebagai ‘inferior’. Edward Said (1966) menyatakan bahawa kuasa barat mengidentitikan diri mereka sebagai kuasa ‘superior’. Menurutnya kuasa ‘superior’ ini mendominasi kuasa ‘inferior’. Masyarakat ‘inferior’ digambarkan sebagai golongan lemah, bodoh, tidak bertamadun, tidak beradab, aneh dan tidak rasional.

Tambahannya, mereka yang dimaksudkan sebagai Subaltern ini tidak memiliki suara atau pun hak (m.s. 49). Beliau menerangkan perkara ini dalam buku yang berjudul Orientalisme. Buku ini menjadi panduan utama dalam kajian pascakolonialisme. Dalam buku ini Edward Said membuat kritikan bahawa penjajah memperkecilkan maruah bangsa jajahan. Menurutnya, penjajah membuat lukisan yang amat buruk tentang manusia peribumi bagi menjadikan sebagai alasan terlindung untuk mewajarkan mereka dijajah. Edward Said menjelaskan bahawa penjajah mengubahsuai segalanya mengikut keperluan ekonomi dan ketenteraan mereka.

Selaras dengan pandangan Edward Said tersebut, kuasa Jepun yang datang dari timur turut menganggap orang Malaya sebagai ‘inferior’ dan bertindak mendominasi dan mendiskriminasikan pekerja-pekerja dari Malaya sehingga nyawa buruh-buruh paksa terancam. Berkaitan dengan hal ini, Stenson (1980) berpendapat bahawa “large

number were forced to be involved in the construction of the Siam-Burma railway that took many lives. In the end, Japanese imperialism became as oppressive as British rule and these Indians found themselves exploited again".(m.s.101). S.Vadiveloo (1964) mengambarkan keadaan yang sama dalam cerpen 'Taayum Maganum '(anak lelaki dan ibu).

Menurutnya, Gerabak keretapi yang mereka menaiki didapati terpisah dengan enji. Gerabak tersebut bergerak ke arah bertentangan dengan enjin. Pekerja-pekerja yang di bawa melalui gerabak tersebut terkejut dan berasa terperangkap. Terdapat sebahagian pekerja yang tidak ketahui keadaan kecemasannya kerana mereka sudah terlena disebabkan oleh kelaparan. Mereka terjaga secara tiba-tiba. Semua orang yang berada dalam gerabak tersebut mula memuja Tuhan secara serentak dengan nada suara yang kuat. Mereka berdoa agar gerabak mereka tidak terlanggar.(m.s.51). Gambaran yang diberikan oleh S.Vadiveloo dapat diperkuuhkan dengan huraian yang diberikan oleh Lim Pui Huan dan Diana Wong (2000). Menurutnya:

The train journey was unbearable, the last leg from the rail terminus to the various camp sites was worse with the weak and sick abandoned in the inhospitable jungle to face certain death.

(Lim Pui Huan & Diana Wong 2000, m.s. 55).

Kenyataan mereka jelas menunjukkan bahawa para penumpang gerabak keretapi yang terdiri daripada pekerja-pekerja ladang getah yang terperangkap dalam tawanan Jepun mengharungi belbagai rintangan sebelum sampai di Siam. Nyawa mereka nyaris-nyaris terancam kerana gerabak yang dinaiki oleh mereka terputus daripada sambungan enjin keretapi.

4.3.4 Gambaran Penindasan Daripada Aspek Kemanusiaan

Para pekerja ladang getah yang ditawan sebagai buruh paksa di Siam ditindas daripada aspek kemanusiaan dan dijadikan sebagai golongan Subaltern. Para pekerja

digambarkan dihina oleh tentera Jepun ketika mereka dibawa ke Siam menerusi keretapi. Cerpen ‘Muthusamy Kizhawan’(orang tua Muthusamy) menjelaskan penghinaan yang dialami oleh mereka sebagai berikut:

Pekerja yang sakit diasingkan di dalam kereta api. Sebilangan pekerja yang sakit menemui ajal sebelum sampai ke Siam. Setiap gerabak kelihatan sebagai rumah mayat. Pekerja-pekerja itu seolah-olah menaiki keretapi yang memuatkan orang-orang mati dan orang separuh mati. Terdapat orang yang mengalami kecacatan anggota. Ramai kelihatan lemah dan tidak bermaya. Keretapi yang datang dari Gemas telah tiba di stesen kereta api Kuala Lumpur. (Vadiveloo, 1970, m.s. 13).

Menerusi cerpen ‘Muthusamy Kizhawan’(orang tua Muthusamy) ini, merupakan suatu dokumen sosial yang menerangkan kehidupan buruh-buruh paksa yang berkerja di Siam. S.Vadiveloo menggambarkan peristiwa pemakaian yang berlaku dalam keretapi yang membawa buruh-buruh paksa ke Siam dengan jelas sekali. Beliau menggambarkan bahawa jumlah penumpang keretapi tersebut melebihi muatan sehingga sesak nafas. Akibat daripada kesesakan tersebut ramai yang mati dalam perjalanan. Selain itu, S.Vadiveloo juga menggambarkan bahawa para pekerja tersebut dibawa seolah-olah barang. S.Vadiveloo mencitrakan keadaan tersebut bahawa:

Harinya hampir subuh. Keretapi yang menuju ke Selatan berhenti di Bahau. Lebih kurang pada pukul sebelas pagi, pekerja-pekerja India dipindahkan daripada gerabak keretapi ke lori-lori yang menunggu di situ. Mereka dibawa seperti barang-barang.
(Vadiveloo, 1964, m.s. 55).

Perjalanan keretapi dari Kuala Lumpur ke Siam mengambil beberapa hari. Dalam perjalanan itu ramai mengalami kesengsaraan sehingga mati. S.Vadiveloo menggambarkan bahawa terdapat ramai yang mati sebelum sampai negara Siam. Menurutnya, pekerja yang mengalami kematian telah ditempatkan di sebuah penjuru manakala yang seperuh mati masih meneruskan perjalannya ke Siam. Gambaran yang

memilukan hati ini bukanlah imaginasi semata-mata malah peristiwa ini adalah kisah benar dan kejadian sebenar yang pernah berlaku semasa pendudukan Jepun di Malaya.

Keadaan ini membuktikan bahawa Tentera Jepun menganggap buruh-buruh ini sebagai golongan Subaltern. Maka, kerana itulah mereka berani menindas dan memperalatkan golongan pekerja ladang getah sebagai hamba mereka bagi melakukan kerja-kerja berat di Siam. S.Vadiveloo memberi gambaran yang lebih jelas tentang penindasan ini menerusi cerpen ‘Irunda Ulagam’(Dunia gelap). Beliau mencitarakan suasana yang terdapat dalam sebuah gerabak keretapi yang membawa buruh-buruh paksa ke Siam. Beliau memberi umpamaan bahawa para pekerja menurun dari gerabak tersebut bagaikan kambing-kambing yang melompat dari kandangnya. Beliau menganggarkan seramai tiga ratus orang pekerja menurun dari gerabak keretapi tersebut. Selanjutnya, beliau mengambarkan bahawa:

Semua pekerja yang dibawa menaiki kereta api dihalau keluar dari gerabak. Mereka melompat turun dari gerabak seperti kambing-kambing yang melompat dari kandang. Askar-askar Jepun yang bertugas di situ menyuruh mereka, “Kakkeru” (lari) dengan nada marah. Seramai tiga ratus orang pekerja buruh paksa menurun dari kereta api tersebut.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 54).

Menerusi gambaran ini jelasnya dapat diketahui bahawa para pekerja yang dibawa oleh tentera Jepun dilayan sebagai binatang. Cerpenis menyatakan bahawa para pekerja dihalau keluar dari gerabak kereta api. Para pekerja dilayan seolah-olah bintang ketika dibawa menerusi kereta api tersebut. Pekerja yang dibawa untuk membantu tentera Jepun sepatutnya mendapat layanan baik. Pihak Jepun seharusnya menghormati pekerja-pekerja ini kerana mereka bulanlah tawanan perang seperti askar British dan Australia. Tentera Jepun seharusnya mengetahui bahawa pekerja-pekerja India yang ditawan ini bukanlah pemberontak seperti yang dilakukan oleh askar British dan Australia yang memusnahkan jambatan, kilang dan kemudahan-kemudahan yang lain di

Malaya sebelum menyerah kalah kepada Jepun. S.Vadiveloo menggambarkan situasi yang sama menerusi cerpen ‘Muthusamy Kizhawan’(Orang tua Muthusamy).

Menurutnya, pembawaan pekerja-pekerja tersebut umpama barang-barang dagangan. Beliau menghuraikan bahawa para pekerja dipindahkan ke dalam gerabak-gerabak keretapi dari lori umpama barang-barang dagangan. S.Vadiveloo (1970) menghuraikan bahawa pekerja-pekerja yang dibawa daripada seluruh pelusuk negara menaiki lori-lori dinaikkan ke dalam gerabak keretapi muatan barang untuk dihantar ke negara Siam (m.s.9). Dalam membincangkan hal yang sama,S.Vadiveloo menerusi cerpen ‘Taayum Maganum ’(anak lelaki dan ibu) menggambarkan bahawa watak wanita yang bernama Manggammah menaiki keretapi untuk berkerja sebagai buruh di kawasan pembinaan yang diusahakan oleh Jepun. Wanita tersebut dalam keadaan gementar kerana takut dengan kezaliman tentera Jepun. S.Vadiveloo menggambarkan bahawa watak wanita tersebut terpaksa berpindah dari ladang getah ke kawasan pembinaan baharu yang diusahakan oleh Jepun. Ini adalah kerana tindakan kezaliman Jepun yang menangkap suaminya sebagai buruh paksa untuk berkerja di Siam. Cerpenis menggambarkan bahawa:

Manggammah menaiki keretapi untuk berkerja dengan orang Jepun. Dia tidak faham akan apa yang sedang berlaku. Anaknya sedang tidur di atas ribanya manakala dia bersandar di atas guni. Manggammah berasa takut dan gementar akan kezaliman tentera Jepun.
(Vadiveloo, 1964, m.s. 52).

S.Vadiveloo turut menggambarkan tindakan yang dilakukan oleh wanita tersebut sebaik sahaja sampai di destinasi. Menurutnya, watak wanita tersebut diturunkan di tengah-tengah hutan tebal bagi meneruskan pekerjaannya. Wanita tersebut digambarkan berada dalam keadaan gementar dan berasa serba salah kerana tempat tersebut tidak sepatimana disangka olehnya. S.Vadiveloo mencitarkan bahawa:

Gerabak keretapi yang mereka naiki selamat tiba di destinasi. Penumpang- untuk menurun. Mangammah menurun bersama anaknya. Hatinya berasa gementar kerana keretapi menurunkan mereka di tengah-tengah hutan tebal. Mangammah berasa serba salah.
(Vadiveloo, 1964, m.s. 54).

Berkaitan dengan tawanan pekerja ladang getah ini untuk dijadikan sebagai buruh paksa di Siam, S.Vaviveloo mencitrakan bahawa buruh-buruh yang dibawa menerusi lori berkumpul di stesen keretapi Kuala Lumpur untuk menaikkan mereka dalam keretapi. Cerpenis mengambarkan bahawa keadaan dalam keretapi tersebut dipenuhi dengan buruh-buruh paksa sehingga tiada tempat untuk duduk. Mereka akan berdiri dari stesen Kuala Lumpur hingga ke Siam. Perbuatan Jepun yang tidak berperikemanusiaan ini menjadikan penumpang-penumpang menderita.

Lori-lori yang membawa buruh-buruh paksa dari seluruh pelusuk negara kelihatan berkonvoi menuju stesen Keretapi Kuala Lumpur untuk menghantar mereka ke negara Siam. Ramai berdiri kerana tiada tempat untuk duduk. Wajah-wajah mereka diselubungi derita.
(Vadiveloo, 1970, m.s. 53).

Penindasan daripada aspek kemanusiaan ini jelas kelihatan menerusi cerpen ‘Muthusamy Kizhawan’(Orang tua Muthusamy). Orang tua tersebut dicitrakan sebagai Subaltern yang sentiasa dikehendaki menurut perintah kuasa superior. Gambaran yang diberikan oleh S.Vadiveloo menjadi selari dengan kandungan penulisan Ranajit Guha yang terdapat dalam buku ‘Some Aspects of the Historiography of Colonial India’. Menurut Ranajit Guha, orang-orang marginal dan orang kelas rendah adalah golongan Subaltern. Beliau menamakan golongan ini sebagai ‘mereka yang bukan elit’. Menurutnya, kelompok-kelompok yang terpinggir ini tidak mampu menyuarakan isi hatinya akibat daripada tekanan hegemoni atau kaum dominan. Pada pendapatnya, golongan buruh menjadi sasaran kepada majikan dan golongan elit. Mereka menghadapi sekatan-sekatan dalam penglibatan sosial dan kehilangan hak kesamarataan dalam

masyarakat yang dianggotainya. Watak dan peristiwa yang dipetik daripada cerpen ‘Muthusamy Kizhawan’(Orang tua Muthusamy) menguatkan pandangan yang diberikan oleh Ranajit Guha. Cerpenis menggambarkan bahawa:

Muthusamy ditugaskan menjaga kawasan ‘Jigidan’ dari pukul sebelas malam hingga enam pagi. Dia berasa letih kerana kelaparan. Namun begitu, dia bangun untuk pergi menjalankan tugas. Dia tidur dengan mengalaskan sehelai tikar buruk. Sebuah bongkah kayu dijadikan bantal. Dia perlu pergi berkerja untuk mengelakkan didenda oleh orang Jepun.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 3).

S.Vadiveloo menggambarkan kehidupan orang tua tersebut bahawa dia hanya menggunakan tikar untuk tidur. Orang tua tersebut hanya menggunakan bongkah kayu sebagai bantal. Situasi ini jelas menggambarkan bahawa buruh paksa tersebut menjalani kehidupannya sebagai seorang Subaltern di tanah orang lain. Disamping itu cerpen ‘Taayum Maganum ’(ibu dan anak lelaki) juga menjelaskan keadaan penindasan yang dialami oleh seorang wanita bernama Manggamah yang ditinggalkan oleh suaminya yang dijadikantawanan tentera Jepun. Watak wanita tersebut tinggal bersama anaknya dan menanggung cabaran untuk membesarakan anaknya tanpa sebarang bantuan dari saudara maranya. S.Vadiveloo mencitrakan bahawa:

Orang Jepun membawa suami Mangammah ke Siam secara paksaan. Nama suaminya bernama Sellasami. Semenjak dia dibawa ke Siam Mangammah tidak menerima sebarang berita daripada suaminya. Mangammah yang hanya berumur tiga puluhan tidak mempunyai saudara-mara di ladang getah selain anak lelakinya Kannan yang berumur lima tahun.

(Vadiveloo, 1964, m.s. 52).

Cerpenis turut menceritakan kejadian yang berlaku terhadap suaminya yang ditawan oleh Jepun ke Siam. Siisteri tersebut mendapat khabar bahawa kaum leleki yang ditawan oleh tentera Jepun ke Siam kian pulang ke Malaya. Maka, Mangammah menemui salah seorang tawanan buruh paksa yang balik ke ladang getah tersebut. Dia

membuat pertanyaan tentang keadaan suaminya tang tidak pulang bersama mereka ke Malaya. Si isteri tersebut berada dalam keadaan gelisah kerana dia dapat meramal bahawa suaminya tentu menerima nasib malang di negara Siam. S.Vadiveloo mencitrakan watak dan peristiwa dalam cerpen ‘Irunda Ulagam’(Dunia gelap) dengan jelas sekali. Menurutnya:

Abang... kan kamu semua dibawa ke Siam bersama-sama dengan suami saya? Di mana suami saya berada sekarang?
Kenapa kamu semua pulang tanpa suami saya?”
Valli mengajukan soalan kepada orang-orang yang balik dari Siam.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 73).

Selain itu, cerpen ‘Muthusamy Kizhawan’(Orang tua Muthusamy) memaparkan watak dan peristiwa yang menunjukkan tindakan tentera Jepun yang memisahkan ibu dan anak secara kezaliman. Menurut cerpenis, anak kepada watak Sellammah telah dipisahkan daripada ibu tersebut untuk dijadikan buruh paksa di Siam. Sellammah dicitrakan merayu kepada tentera Jepun agar memulangkan anak serta suaminya kepada dia. Kezaliman tentera bukan sahaja melibatkan keluarga Sellammah sahaja malah ratusan isteri yang tinggal di kawasan ladang getah telah merasai dan mengalami situasi yang sama ketika anak-anak dan suami mereka ditangkap oleh Jepun untuk dijadikan buruh paksa di Siam. Mereka tidak mendapat pembelaan daripada sebarang kuasa.

Selaras dengan pendapat Shamsul Amri Baharuddin (2013), nasib yang dialami oleh pekerja-pekerja ladang getah tersebut seakan-akan sama seperti golongan Subaltern. Kelompok masyarakat Subaltern ini yang terdiri daripada golongan pekerja, golongan yang tewas dalam perjuangan hidup dan golongan yang terpinggir dalam arus kemajuan. Kelompok manusia ini dalam keadaan tertindas dan terpinggir. Kelompok masyarakat ini sentiasa akan mencari ruang untuk meluahkan keresahan dan keinginan mereka.(m.s.201). Dalam cerpen ‘Muthusamy Kizhawan’(Orang tua Muthusamy) ini, watak Muthusamy serta isteri dan anak lelakinya digambarkan sebagai orang Subaltern

kerana mereka tidak bersuara terhadap kezaliman yang dilakukan oleh tentera Jepun. Cerpen ‘Muthusamy Kizhawan’(Orang tua Muthusamy) mengisahkan watak isteri Muthusamy tidak berani menentang tentera Jepun bagi menghalang pembawaan suami dan anak lelakinya ke negara Siam. Cerpenis mencitrakan peristiwa tersebut seperti berikut:

Aduhai, Jangan jadikan saya sebagai orang yatim.
Saya tidak sanggup berpisah dengan anak saya.
Saya tidak boleh hidup tanpa anak saya.
Pulangkanlah anak saya kepada saya.
Jangan membawa dia ke negara Siam....”
Tangisan Sellammah masih kedengaran
di pinggir telinga orang tua Muthusamy.
(Vadiveloo, 1970, m.s. 8).

Walau bagaimanapun, suara Subaltern tersebut tidak mendapat sebarang perhatian daripada tentera Jepun. Tentera Jepun digambarkan terus menawan seramai yang boleh untuk dijadikan buruh-buruh paksa untuk dikerjakan di Siam. Menurut S.Vadiveloo watak yang bernama Muthusamy mengimbas kembali peristiwa penawanannya oleh kuasa Jepun semasa dia berada bersama isteri dan anaknya. Apakah patut kuasa tentera memasuki ladang getah yang didiaminya dan menangkap pekerja-pekerja ladang getah dengan sesuka hati untuk dijadikan buruh paksa di Siam. Jepun tidak memberi ruang untuk mengelakkan diri daripada ditangkap. Hal ini demikian kerana, mereka menggunakan kekuatan tentera mereka. Pihak pekerja ladang getah terpaksa akur dengan tindakan tersebut kerana takut dibunuhi secara kekejaman. S.Vadiveloo menggambarkan kerisauan seorang watak yang bernama Muthusamy yang telah diperangkap oleh tentera Jepun. Menurut cerpenis:

Tangisan isterinya terbayang di hati Muthusamy ketika orang Jepun membawa Muthusamy menaiki lori secara paksaan, isterinya merayu dan menangis kepada orang Jepun agar melepaskan suami dan anaknya. Namun, orang Jepun tidak menghiraukan penderitaan Sellammah.
(Vadiveloo, 1970, m.s. 18).

S.Vadiveloo juga mengisahkan kekejaman tentera Jepun menerusi cerpen ‘Irunda Ulagam’(Dunia gelap). Watak nenek tersebut mencaci tentera Jepun yang memasuki ladang getah tersebut untuk menangkap pekerja-pekerja ladang getah untuk dijadikan buruh paksa di Siam. Nenek tersebut mengimbas kembali kedudukan pekerja India di Malaya sebelum dan selepas pendudukan Jepun. Watak Subaltern tersebut menyuarakan bahawa:

Ketika British menjajah negara ini, kami dibawa sebagai pekerja ladang getah dibawah sistem Kangani. Selepas British menyerah kalah, kini kami sedang dibawa sebagai buruh paksa ke negara Siam pula. Saya tidak tahu kuasa-kuasa yang mana akan memerintah negara ini. Kami tidak tahu kuasa yang mana bakal akan mengeksplotasi tenaga kami untuk membangunkan negara mereka. Inilah nasib orang Tamil di dunia ini. Sekarang pun sudah ramai yang menemui ajal di bawah pemerintahan Jepun.
(Vadiveloo, 1970, m.s. 60).

Menerusi watak dan peristiwa yang dipetik daripada cerpen ‘Irunda Ulagam’(Dunia gelap) tersebut, dapat disimpulkan bahawa masyarakat India telah dibawa ke Malaya sebagai pekerja ladang getah oleh pihak Kangani. Mereka yang dibawa dalam akhir abad ke-18 tersebut hidup sebagai sekeluarga di ladang-ladang getah walaupun menerima penindasan daripada aspek sosial dan ekonomi. Sepanjang pengalaman mereka di Malaya, Jepun merupakan kuasa kedua yang mengeksplotasi tenaga mereka. Fikiran watak tersebut yang runting tentang : berapa lama lagikah kuasa Jepun akan menjajah Malaya dan kuasa manakah yang akan muncul kelak untuk penjajah di Malaya? Menurut watak tersebut, bangsa Tamil di dunia ini telah dijajah oleh beberapa kuasa Eropah. . Imbasan kembali watak tersebut dengan jelasnya menunjukkan bahawa bangsa Tamil sudah dijajah dan dianggap sebagai golongan Subaltern oleh kuasa-kuasa tersebut. Berhubung dengan perkara ini, Antonio Gramsci (1971), menyatakan bahawa:

Among the Subaltern groups, one will exercise or tend to exercise a certain hegemony through the mediation of a

party; this must be established by studying the development of all the other parties too, in so far as they include elements of the hegemonic group or of the other Subaltern groups which undergo such hegemony.

(Gramsci, 1971, m.s. 203)

Menurutnya, golongan Subaltern sebagai satu kelompok yang tidak mempunyai hak atau peluang bersuara demi kepentingannya kerana penekanan oleh kuasa hegemoni atau kuasa pemerintah. Kaum Subaltern merupakan kelompok masyarakat yang memiliki darjat sosial yang rendah dan menjadi sasaran penghinaan, kebencian serta kekerasan pihak yang berkuasa. Suara Subaltern tidak dapat didengar oleh dunia kerana mereka tidak mudah mendapat peluang untuk bersuara. Kaum intelektual harus hadir sebagai pendamping atau orang tengah bagi menyuarakan perasaan golongan Subaltern tersebut agar mereka mendapat keadilan yang saksama.

Kaum intelektual seharusnya lebih banyak bertindak secara nyata untuk memperjuangkan nasib kelompok Subaltern bagi mengemukakan pendapat kelompok Subaltern. S.Vadiveloo turut mengambarkan watak seorang wanita yang berani menentang tentera Jepun dengan melemparkan bongkah kayu kerana membunuh anak lelakinya. Dia dalam keadaan marah dan tidak dapat mengawal perasaannya kerana anaknya mati dipukul oleh tentera Jepun. Cerpen yang bertajuk ‘Taayum Maganum’(ibu dan anak lelaki) tersebut mengambarkan keberanian menyuarakan perasaan seorang Subaltern terhadap penganiayaan yang berlaku terhadap anaknya.

Celaka... engkau nak membunuh anak saya ke?”. Manggammah tidak dapat mengawal perasaan kerana anak lelakinya ditangkap dan diikat di sebatang tiang. Anaknya kelihatan diseksa oleh seorang tentera Jepun yang bertugas di situ. Manggammah menyerang orang Jepun itu dengan kayu. Lontaran kayu itu terkena bahu askar Jepun.
(Vadiveloo, 1964, m.s. 58).

Manakala cerpen ‘Muthusamy Kizhawan’(Orang tua Muthusamy) pula menerangkan penindasan yang dialami oleh seorang lelaki tua yang ditugaskan menjaga

pintu masuk sebuah kem penempatan buruh-buruh paksa. Watak orang tua tersebut dalam keadaan kelaparan kerana tidak ada makanan untuk dimakan. Dia hanya dapat makan sirig dan pinang sahaja. Dalam pada itu, dia mendengari tiupan visel orang Jepun yang menandakan kemasukan pencuri ke dalam kem tersebut. Sejak sahaja mendengar tiupan visel tersebut, orang tua Muthusamy tersebut berlari pantas untuk menangkap penciri tersebut. Sementara dia berlari, dia dipukul oleh orang Jepun yang turut menjaga kem tersebut kerana kelalaianya. Muthusamy berlari lintang pukang dan terlanggar di tiang terdapat di hadapannya. S.Vadiveloo mencitrakan peristiwa malang tersebut dengan begitu baik sekali. Menurutnya:

Pencuri yang memasuki pondok kawalan tersebut terkejut dan berlari keluar daripada situ apabila melihat askar Jepun yang menjadi pengawal di situ. Dia tida ketahui bahawa ada orang di dalamnya. Dia berjaya melepaskan diri kerana pintu masuk pondok tersebut tidak dikunci. Muthusamy yang ditugaskan menjaga pintu hadapan itu sudah lena kerana letih kelaparan. Muthusamy terkejut dengan kajadian itu dan dia turut mengejar pencuri itu dengan mengekor askar Jepun tersebut. Muthusamy berlari dengan penuh kerisauan kerana kelalaianya. Dia tentu akan disoal siasat oleh Jepun. Orang Jepun tentu akan mengambil tindakan terhadapnya. Seluruh badannya sakit kerana dia telah dipukul semalam oleh askar Jepun. Namun begitu dia mampu berlari pantas untuk menangkap pencuri tersebut. Dia berlari mengejar pencuri tersebut dengan hati yang penuh berdebar. Suatu ketika, dia terjatuh apabila terlanggar dengan sebatang tiang. Muthusamy kelihatan pengsan dan tidak sedar diri.
(Vadiveloo, 1970, m.s. 14).

Menerusi gambaran S.Vadiveloo, dapat dikenal pasti bahawa watak orang tua Muthusamy dicitrakan sebagai Subaltern. Watak Muthusamy memiliki ciri-ciri orang Subaltern seperti mana dijelaskan oleh El Habib Louai. Menurutnya:

Subaltern ialah ‘any “low rank” person or group of people in particular society suffering under hegemonic domination of a ruling elite class that denies them the basic right of participation in the making of local history and culture as active individuals of the same nation.

(El Habib Louai, 2012, m.s. 101)

S.Vadiveloo juga mencitrakan watak Muthusamy sebagai manusia ‘low rank’ seperti mana dimaksudkan oleh El Habib Louai. Selain itu, watak Muthusamy turut mengalami penindasan daripada aspek hegemoni iaitu, suffering under hegemonic domination. Peristiwa penindasan yang dialami oleh watak Muthusamy dalam cerpen tersebut, jelasnya dapat difahami bahawa dia didominasi oleh askar Jepun. Cerpenis menghuraikan bahawa dia berasa sakit kerana dia pernah dipukul oleh askar tersebut pada hari sebelumnya. Kerana itulah Muthusamy berlari dengan penuh kedebaran kerana takut dipukul sekali lagi. Muthusamy dicitrakan berada dalam keadaan kelaparan dan letih.

Gambaran ini membuktikan bahawa walaupun dia berkerja, namun gaji yang diterima tidak mencukupi untuk menyara hidupnya. Selain itu dia digambarkan letih kerana berkerja lebih masa tanpa berehat. Maka, dengan ini dapat disimpulkan bahawa watak Muthusamy digambarkan sebagai orang yang lemah atau ‘others’ seperti mana dimaksudkan oleh Edward Said. Watak tersebut dicitrakan sebagai ‘inferior’ seperti mana dimaksudkan oleh Antonio Gramsci. Selain itu, watak Muthusamy turut digambarkan sebagai orang yang tidak dapat berbicara, tidak memiliki keberanian untuk menyatakan pendirian serta tidak memiliki hak untuk bersuara seperti mana dimaksudkan oleh pengasas teori Subaltern, iaitu Gayatri Chakraworthy Spivek.

Mangammah baru sedar daripada pengsan. Dia dibelasah oleh askar Jepun apabila Manggamah mengamuk dan menyerang askar Jepun ketika anaknya dipikul oleh mereka. Dia membuka mata dan didapati ramai orang berdiri di sekelilingnya. Manggamah merangkak dan memanggil anaknya. Dia mendapati badan anaknya ditutup dengan kain putih. Manggamah menjadi pitam apabila mendapati anaknya dibaringkan dengan berlumuran darah. Anak Manggamah menemui ajal akibat diserang oleh orang Jepun secara bertubi-tubi.
(Vadiveloo, 1964, m.s. 58).

Dalam situasi di atas, watak Manggamah juga dicitrakan sebagai Subaltern kerana dia didapati diserang oleh askar Jepun walau pun dia berbeza daripada aspek jantina. Dia dicitrakan sebagai dibelasar oleh aska-askar Jepun sehingga Manggamah menjadi pengsan. Keadaan ini menunjukkan bahawa Manggamah adak Subaltern daripada masyarakat ladang getah yang tidak mempunyai sebarang suara untuk membantah atau menuntut keadilan. Dalam cerpen itu, pada akhirnya Manggamah didapati mengorbankan anak lelakinya selain terpaksa berpindah dari ladang getah tersebut bagi menjamin keselamatanya. Selain itu, Cerpen ‘Irunda Ulagam’(Dunia gelap) pula mengisahkan perbuatan yang tidak berperikemanusiaan yang dilakukan oleh orang-orang Jepun ketika buruh-buruh paksa berkerja di kawasan pembinaan landasan keretapi maut. S.Vadiveloo mengisahkan peristiwa tersebut dalam cerpen ‘Irunda Ulagam’(Dunia gelap) sebagai:

Ada ramai mati kerana dipukul oleh orang Jepun. Bakinya mati kerana pacat. Spesis itu amat merbahaya. Kudis yang terbentuk akibat daripada gigitan pacat itu akan membesar sehingga mendalam. Akhirnya orang yang digigit oleh pacat itu akan menemui ajal. Ada lima atau enam orang mati setiap hari kerana gigitan pacat. Orang Jepun hanya akan menggali satu liang lahat yang bersar untuk menanam semua mayat tersebut, tak kira bangsa dan agama. Orang yang tidak tahan kesakitan itu akan duduk di bawah sesuatu pokok dan kemudian mereka akan menghembus nafas akhir mereka di situ.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 60).

Menerusi peristiwa yang dicitrakan dalam cerpan ‘Irunda Ulagam’(Dunia gelap), cerpenis ingin menerangkan bahawa buruh paksa yang mati di tempat pembinaan landasan keretapi tersebut disemadikan dalam liang lahat yang sama. Ramai di antara mereka mati kerana gigitan pacat. Kesemua jenazah tersebut ditanam tanpa melakukan sebarang sembahyang jenazah mengikut adat dan kepercayaan buruh-buruh tersebut. Semua jenazah ditanam di dalam liang lahat yang sama tanpa mengira agama, bangsa atau negara.

Selain itu, kematian buruh paksa tersebut tidak dimaklumkan kepada pihak keluarga mendiang tersebut. Isteri dan anak-anak tidak berpeluang melakukan penghormatan terakhir kepada ketua keluarga mereka. S.Vadiveloo (1970) merakamkan peristiwa tersebut sebagai ramai pekerja mati dalam gerabak keretapi ketika menuju ke Siam. Kematian mereka tidak dimaklumkan kepada saudara-mara mereka. Jepun menanam dua tiga mayat dalam liang layat yang sama. (m.s.13). S.Vadiveloo turut mencitrakan bahawa para pekerja ladang getah dibawa ramai-ramai ke stesen-stesen keretapi berhampiran menerusi lori. Beliau menghuraikan bahawa pekerja-pekerja yang terperangkap tersebut dibawa seolah-olah sebagai barang-barang dagangan. Pihak Jepun tidak menghiraukan kebijakan dan kesihatan pekerja-pekerja tersebut. Cerpenis menghuraikan watak-watak Subaltern yang menaiki lori tersebut sebagai:

Lori-lori yang memuatkan pekerja-pekerja berbangsa India dari merata Malaya menuju stesen keretapi Kuala Lumpur. Lori-lori tersebut kelihatan berkonvoi. Bilangan lori-lori itu tidak dapat dikira. Manusia dibawa seperti barang dagangan. Jepun tidak menghiraukan kebijakan dan keselesaan orang-orang yang dibawa menaiki lori-lori tersebut.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 8).

4.3.5 Gambaran Penindasan Daripada Aspek Kesejahteraan Hidup

Kamus Dewan (edisi keempat) memberi pengertian bahawa sejahtera ialah aman, makmur, tenteram, terpelihara daripada kesusahan dan lain-lain. (m.s.1411). Jika diteliti daripada aspek pengertian ini, pekerja-pekerja ladang getah tidak langsung mengharungi kehidupan aman, makmur dan sejahtera. Kehidupan mereka tidak terpelihara daripada kesusahan. Cerpen 'Irunda Ulagam'(Dunia gelap) mengisahkan keadaan ini dengan jelas sekali.S.Vadiveloo menerangkan bahawa:

Ramai pekerja meghidapi penyakit Malaria. Kaki mereka membesar sebesar kaki gajah. Ada yang sebilangan kelihatan kurus kering. Inilah suasana pendudukan Jepun di

negara ini. Jepun hanya tamak menjajah negara orang tetapi membelakangkan kebajikan dan kesejahteraan rakyat. (Vadiveloo, 1970, m.s. 55).

Gambaran yang diberikan oleh S.Vadiveloo tentang kehidupan masyarakat India ketika pendudukan Jepun di Malaya bukanlah imaginasi semata-mata malah ia adalah peristiwa benar yang pernah dialami dan dilalui oleh penduduk Malaya pada tahun 40an. Penduduk Malaya dilanda pelbagai penyakit akibat kekurangan zat dalam makanan. Antara penyakit yang sukar diubati pada ketika itu adalah seperti penyakit malaria, bengkak kaki, kolera dan sebagainya. Perkara ini telah dijelaskan oleh S.Vadiveloo menerusi cerpen beliau. Cerpenis menyatakan bahawa tentera Jepun hanya mementingkan kejayaan dalam politik sahaja. Mereka membelakangkan kebajikan dan kesejahteraan penduduk Malaya. Cerpen ‘Thaayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) mengisahkan layanan buruk tentera Jepun terhadap pekerja-pekerja yang terperangkap dalam penguasaan mereka.Para pekerja yang menaiki keretapi ke Negara Siam untuk bekerja dengan tentera Jepun berasa amat takut untuk menyatakan bahawa mereka kelaparan.S.Vadiveloo menjelaskan bahawa:

Kereta api stim yang mereka naiki berhenti di stesen keretapi Seremban untuk mengambil air. Malangnya perut penumpang keretapi masih kosong. Mereka berasa lapar dan takut untuk memberitahu kepada orang Jepun. Mereka takut kerana orang Jepun akan menggunakan kekerasan terhadap mereka. Mereka meneruskan perjalanan dengan penuh kelaparan.

(Vadiveloo, 1964, m.s. 51).

Peristiwa yang dipaparkan dalam cerpen ‘Thaayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) tersebut jelas menunjukkan bahawa watak pekerja ladang getah yang menjadi mangsa kepada tentera Jepun menahan kelaparan sepanjang perjalanan ke Siam. Mereka takut untuk menyuarakan keperluan mereka.Para pekerja tersebut terpaksa berdiam diri kerana mereka dilayan sebagai Penindasan. Mengikut Spivek, golongan yang tidak berani bersuara ini adalah Penindasan. Suasana yang sama

digambarkan dalam cerpen ‘Muthusamy Kizhawan’(Orang tua Muthusamy) di mana buruh yang bernama Muthusamy bekerja keras tanpa makan dan minum. Dia dikisahkan hanya memakan sirih dan pinang sahaja. Dia mengamalkan mengunyah sirih dan pinang untuk menghilangkan kelaparan.

S.Vadiveloo (1970) menghuraikan bahawa air liur yang dikunyah dengan sirih dan pinang tersebut akan menghilangkan kelaparan dan membawa penyegaran kepada usus. S.Vadiveloo mengambil peristiwa tersebut sebagai “Muthusamy mengambil pinang dan sirih yang disimpan dalam saku. Dia akan menghilangkan rasa laparanya dengan memakan sirih dan pinang. Air liur yang sebat dengan sirih dan pinang itu menyegarkan Muthusamy” (m.s.6). Watak Manggamah dalam cerpen ‘Thaayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) digambarkan sebagai ibu tunggal yang berasib malang kerana suaminya dijadikan buruh paksa di Siam. Selepas suaminya terperangkap di bawah kekuasaan tentera Jepun, isteri tersebut mengalami daripada aspek kebajikan dan kesejahteraan hidup. S.Vadiveloo mengambil bahawa:

Selepas Muthusamy ditangkap oleh orang Jepun untuk dibawa ke Siam, isterinya Mangammah berasa hampa. Pada mulanya dia mengalami kesukaran untuk mendapat bekalan beras. Orang tempatan mula menggantikan makanan beras kepada ubi kayu. Lama-kelamaan bekalan ubi kayu juga sukar untuk diperoleh. Pada ketika itulah orang Jepun mempelawa orang tempatan ke Kuala Pilah untuk melakukan kerja-kerja pembinaan landasan penerangan kapal terbang Jepun. Orang Jepun menjanjikan beras sebagai upah harian. Manggamah turut berpindah ke Kuala Pilah bersama anaknya yang berumur tujuh tahun semata-mata untuk mendapatkan beras. Faktor kemiskinan Mangammah menjadikan dia terdesak.
(Vadiveloo, 1964, m.s. 53).

Menerusi peristiwa yang digambarkan dalam cerpen ini, jelas didapati watak Manggamah adalah contoh kepada ribuan wanita yang ditindas oleh tentera Jepun di Malaya. Pemerintahan Jepun di Malaya mempelawa kesukaran untuk mendapat bekalan beras. Rakyat Malaya pada ketika itu terpaksa menggantikan makanan beras kepada ubi

kayu dan ubi keledek. Pendudukan Jepun di Malaya menyebabkan ramai wanita kehilangan suami dan anak lelaki kerana tentera Jepun memerangkap golongan lelaki tersebut untuk dijadikan buruh paksa di kawasan pembinaan landasan kereta api yang menghubungkan Siam dengan Burma. Masalah kekurangan bekalan beras turut dibincangkan dalam cerpen ‘Muthusamy Kizhawan’(Orang tua Muthusamy).

S.Vadiveloo (1970) mengisahkan bahawa watak Muthusamy berasa sedih ketika orang-orang Siam membazirkan nasi di kawasan pembinaan landasan keretapi maut. Dia membandingkan sikap penduduk negara Siam dengan Malaya. Orang-orang Malaya hidup tanpa bekalan beras tetapi orang Siam membazirkannya (m.s.10) Perkara berkaitan dengan kekurangan beras di Malaya turut dibincangkan dalam cerpen ‘Irunda Ulagam’ (Dunia gelap). Watak Murugayah turut berasa sedih kerana terdapat catuan beras di Malaya. Keluarganya yang kini tinggal di Malaya tidak dapat memakan nasi kerana kekurangan beras. Murugayah berasa sedih apabila melihat perbuatan orang Siam yang membazirkan nasi yang dimasak oleh mereka.

S.Vadiveloo (1970) menggambarkan situasi tersebut sebagai Murugayah pernah mengalami pengalaman ketiadaan beras di Malaya. Dia bersedih hati memandangkan sikap orang Siam membazirkan nasi yang dimasak.(m.s.57). Perbincangan tentang kekurangan beras turut dimuatkan dalam cerpen ‘Taayum Maganum’ (ibu dan anak lelaki). Dalam cerpen tersebut watak ibu yang bernama Manggamah digambarkan beratur untuk menerima upah dalam bentuk bekalan beras pada pertama kalinya. Watak ibu tersebut berasa bersyukur kerana dapat memasak nasi untuk disajikan kepada anak lelakinya.Watak wanita yang digambarkan sebagai ibu tunggal tersebut terpaksa berpindah dari ladang getah semata-mata untuk mendapatkan upah dalam bentuk beras.

S.Vadiveloo mengisahkan peristiwa tersebut sebagai:

Selepas melakukan kerja-kerja harian, semua pekerja berbaris untuk mendapatkan upah harian yang berbentuk

beras, garam, ikan dan sayur-sayuran. Manggammah berasa gembira kerana sudah lama tidak memasak nasi. Dia berpindah ke Kuala Pilah semata-mata untuk mendapatkan beras. Dia tidak lagi bersedia untuk membesarkan anaknya dengan sajian ubi kayu.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 53).

Watak nenek dalam cerpen ‘Irunda Ulagam’ (Dunia gelap) digambarkan mencaci orang-orang Jepun yang menguasai Malaya. Watak tersebut menyumpah orang-orang Jepun agar mampu dengan kadar yang segera. Watak tersebut tidak dapat menahan kesengsaraan yang dialami ketika pendudukan Jepun di Malaya. S.Vadiveloo mencitrakan peristiwa tersebut sebagai:

Orang Jepun sudah memusnahkan orang-orang malaya. Orang rtempatan merana kerana ketiadaan beras. Pergilah mampus wahai orang Jepun!”. Nenek mula memaki orang-orang Jepun yang menguasai Malaya. Nenek tersebut berasa bertuah kerana dapat memakan sesuap nasi. Dia berasa sedih kerana orang-orang lain mati kerana memakan beras yang bercampur dengan kapur.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 57).

Dalam cerpen tersebut, S.Vadiveloo menerangkan bahawa beras yang dibekalkan oleh Jepun banyak mengandungi serbuk kapur yang akan membawa maut kepada manusia. Nenek tersebut berasa bersyukur kerana dia sempat merasai sesuap nasi yang bermutu ketika British menguasai Malaya. Selain itu, cerpen ‘Irunda Ulagam’ (Dunia gelap) turut memaparkan isu catuan garam yang dilakukan oleh kuasa Jepun di Malaya. Dalam membincangkan tentang masalah catuan garam ini S.Vadiveloo menerangkan bahawa:

Ramai memakan ikan masin bagi menggantikan bekalan garam mereka memakan ubi kayu dan ikan kering. Ramai lagi mati kerana ketiadaan bekalan makanan. Jepun membawa orang-orang mengalami kebuluran ke negara Siam. Mereka dibawa ke Siam menaiki lori.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 57).

Menerusi peristiwa yang dipaparkan dalam cerpen ini, pembaca dapat merasai keadaan sebenar yang berlaku ketika pendudukan Jepun di Malaya. Menurut penerangan S.Vadiveloo, penduduk Malaya ketika itu terpaksa menggunakan ikan masin sebagai alternatif untuk garam. Selain itu, S.Vadiveloo turut merakamkan gelagat tentera Jepun yang membawa orang-orang Malaya yang hidup dalam kemiskinan ke Negara Siam dengan harapan membekalkan nasi dan garam.

4.4. Penindasan Oleh Kuasa Superior Kelompok Orang India elit

Guha (1982) menyatakan bahawa “the Subaltern for him is that clearly definite entity, which constitutes the demographic difference between the total Indian population and all those whom we have described as the elite” (m.s.8). Menurutnya, kelompok elit adalah sekumpulan yang mempunyai perbezaan daripada aspek demografi dalam kalangan orang-orang India. Golongan elit ini sangat berkait rapat dengan kelakuan mimikri. Mimikri adalah sejenis kelakuan yang meniru gelagat dan corak hidup kuasa penjajah yang diamalkan dalam kalangan masyarakat yang dijajah.

Berkaitan dengan mimikri ini, Awang Azman Awang Pawi (2006) menerangkan bahawa mimikri bukan sahaja diperkenalkan sebagai bentuk penentangan terhadap peribumi, juga sebagai satu bentuk proses kolonial membentuk kelas yang menjadi ‘pentafsir’ dalam kalangan kolonial dan kepada jutaan manusia yang ditadbir negara kolonial yang mempunyai cita rasa kolonialisme, dalam pandangan-pandangan mereka, moral dan juga intelektualisme mereka. Hal ini dilakukan apabila berlakunya dasar kolonial, yang kemudian terikut-ikut oleh peribumi apabila mereka merdeka.(m.s.5).

Masyarakat India tidak terlepas daripada perbuatan mimikri tersebut. Kelompok yang mendapat pendidikan barat serta kelompok India yang berlainan etnik dan kasta memulakan mimikri di ladang-ladang getah. Kelompok ini dikenali sebagai India elit. Mereka turut tinggal di kuatres-kuatres staf yang dibina berjauhan dengan rumah-rumah pekerja.

4.4.1 Gambaran Penindasan Oleh Kelompok Kerani

Kerani merupakan orang yang berpangkat di kawasan ladang getah. Biasanya kelompok kerani ini tidak dipilih daripada orang Tamil yang datang dari India selatan. Pemodal British lebih memberi keutamaan kepada orang berbangsa India dari negeri yang lain. Watak-watak kerani dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo terdiri daripada orang Tamil Sri Lanka dan Malayalam dari negeri Kerala, India. Kelompok ini terkenal sebagai Orang Orang India elit di kawasan ladang getah kerana dengan penonjolan dan gaya hidup mereka yang berbeza jika dibandingkan dengan kehidupan golongan penoreh getah.

Cerpen-cerpen S.Vadiveloo memaparkan penindasan yang dilakukan oleh golongan Orang Orang India elit ini dengan jelas sekali. Masyarakat India yang bekerja di ladang getah sebagai penoreh getah ditindas oleh kelompok ini daripada pelbagai aspek sosial. Watak Ponnusamy dalam cerpen ‘Moondru Thalaimurai’(tiga generasi) dicitrakan sebagai penoreh getah. Anak Ponnusamy digambarkan sebagai seorang pemuda yang berpendidikan dan memegang jawatan penting dalam kesatuan pekerja ladang getah.

Oleh kerana itu watak kerani yang kelompok orang Orang India elit tersebut menunjukkan kekuasaan yang ada untuk menjatuhkan air mata Ponnusamy di khalayak ramai. Kerani tersebut tidak akur dengan aduan yang dilakukan oleh Ponnusamy. Ponnusamy menerangkan bahawa terdapat sarang tebuan di beberapa batang pokok yang ditoreh. Dia membiarkan beberapa pokok tersebut kerana takut diserang oleh tebuan. Kerani yang melakukan rondaan di tempat pada pagi tersebut mendapati Ponnusamy membiarkan beberapa pokok getah tanpa ditoreh. Kerani tersebut menyoal Ponnusamy tentang pokok-pokok yang dibiarkan tersebut seperti berikut:

Maksud awak,saya yang perlu pergi meninjau keadaan di situ?" Awak sudah pandai dan berani berbalah dengan saya. Awak berani bersuara kerana anak awak memegang Jawatan Setiausaha dalam parti MIC. Anggapan itulah menjadikan awak berani berhadapan dengan saya.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 74).

Watak dan peristiwa yang dipaparkan menerusi cerpen ‘Moondru Thalaimurai’(tiga generasi) ini, S.Vadiveloo ingin menerangkan penindasan yang dilakukan oleh seorang kerani yang mewakili kelompok orang Orang India elit terhadap seorang pekerja ladang getah. Watak kerani tersebut tidak senang hati dengan kemajuan anak Ponnusamy yang dipilih sebagai setiausaha kesatuan pekerja di peringkat negeri. Oleh kerana itu, kerani tersebut digambarkan sengaja mencari alasan untuk menegur dan menjatuhkan air muka Ponnusamy di khalayak ramai.

Kerani tersebut digambarkan tidak mahu menerima alasan yang cuba diberikan oleh Ponnusamy. Kerani tersebut tidak bersetuju dengan tindakan Ponnusamy yang membiarkan beberapa batang pokok getah tanpa ditoreh kerana adanya sarang lebah. Peristiwa ini dengan jelasnya menunjukkan bahawa Si kerani tersebut cuba menindas pekerja ladang getah seperti Ponnusamy. S.Vadiveloo menggambarkan bahawa kerani tersebut terus menunjukkan kuasanya untuk memaki ponnusamy di hadapan pekerja yang lain. Tindakan kerani tersebut tidak disenangi oleh Kannamah. Watak wanita tersebut mencelah dan memarahi kerani tersebut.S.Vadiveloo mencitkan bahawa:

Kannammah membantah dengan suara yang lantang sekali. Kerani tersebut tidak menyangka Kannamah akan membantah tindakan yang menjatuhkan air muka bapa mertuanya. Kerani tersebut mendiamkan diri dengan serta-merta lalu menggeleng kepala dan menimbang susu getah yang dibawa oleh Kannammah.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 75).

Menerusi peristiwa yang digambarkan oleh S.Vadiveloo, didapati bahawa kerani tersebut cuba menyakitkan hati watak Ponnusamy. Pekerja-pekerja yang menyaksikan

keadaan itu tidak berani untuk menyebelahi rakan sebaya mereka. Para pekerja lain tidak berani untuk menyoal atau mempertahankan keselamatan mereka jika diserang oleh tebuan. Peristiwa ini jelas menunjukkan bahawa para pekerja tidak mempunyai hak untuk bersuara mahupun dalam keadaan membahayakan nyawa mereka.

Cerpen ‘Moondru Thalaimurai’(tiga generasi) merupakan satu dokumen social yang memaparkan sikap kelompok orang Orang India elit yang cuba mengamalkan penindasan terhadap golongan pekerja ladang getah yang terdiri daripada bangsa yang sama. Cerpenis mencitrakan bahawa:

Ponnusamy berasa maruah dirinya terjejas akibat tindakan kerani yang memakinya di hadapan pekerja-pekerja yang lain. Kerani tersebut bukan sahaja memaki Ponnusamy malah turut memaki anak lelakinya tindakan kerana tersebut menyakitkan hati Ponnusamy.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 75).

Dalam cerpen yang sama watak kerani yang sekitar umur 20an itu watak dengan panggilan “hoi” S.Vadiveloo menggambarkan bahawa watak pekerja itu hampir berumur 60 tahun.Watak kerani yang mewakili kelompok orang Orang India elit tersebut menganggap dirinya lebih berstatus berbanding dengan pekerja tersebut. S.Vadiveloo menjelaskan peristiwa tersebut seperti berikut:

“Hoi, Ponnusamy!”
Ponnusamy memandang ke arah datangnya suara tersebut. Kerani muda yang berumur sekitar 20 tahun itu menyapa Ponnusamy yang berumur 60 tahun dengan panggilan “Hoi”.
Kerani itu kelihatan duduk di motosikal Suzuki yang ditunggangnya sambil merokok. Asap rokoknya bergulungan di atas kepala kerani tersebut. Ponnusamy bangun dan menuju ke arah kerani tersebut.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 72).

Menghormati orang tua adalah amalan mulia.Berdasarkan kepada peristiwa yang dipaparkan dalam cerpen ‘Moondru Thalaimurai’(tiga generasi), watak kerani yang berusia dalam lingkungan 20an tersebut menyapa pekerja ladang getah yang berumur

dalam lingkungan 60 tahun tersebut dengan panggilan ‘hoi’. Lebih-lebih lagi watak kerani tersebut yang merokok di hadapan orang yang lebih tua yang sebaya dengan datuknya. Kelakuan kerani tersebut dapat dianggap sebagai biadab dan tidak menghormati orang tua.

Menerusi watak peristiwa ini, S.Vadiveloo ingin menyampaikan mesej kepada pembaca bahawa golongan orang-orang India elit tidak sanggup menghormati para pekerja ladang getah yang sama bangsa denganya. Mereka memandang rendah terhadap pekerja-pekerja ladang getah tersebut. Kelompok orang Orang India elit ini sentiasa menjaga imej agar tidak bergaul dengan pekerja-pekerja ladang getah. Mereka sentiasa memastikan para pekerja ladang getah serta anak-anak pekerja ladang getah tersebut tidak mendapat pendidikan atau pengetahuan baharu. Dalam cerpen ‘Karuppiah Kangani’(Kangani bernama Karuppiah) S.Vadiveloo mengisahkan bahawa kanggani yang bernama Karuppiah pandai membaca dan menulis. Oleh kerana itu, kerani yang berada di ladang getah itu melarang Karupiyah untuk bergaul dengan pekerja ladang getah yang lain. S.Vadiveloo mencitrakan peristiwa tersebut sebagai:

Kerani mendapat tahu bahawa Karuppiah bukan buta huruf. Oleh kerana itu, kerani ingin menjadikan Karuppiah sebagai pembantunya. Lebih-lebih lagi kerani itu tidak mahu membiarkan Karuppiah bergaul dengan para pekerja ladang getah yang lain kerana takut mempengaruhi mereka. Maka kerani mengambil keputusan untuk mengongkong pergerakan dan pergaulan Karuppiah.
(Vadiveloo, 1970, m.s. 71).

Menerusi watak dan peristiwa yang dipaparkan dalam cerpen ‘Karuppiah Kangani’(Kangani bernama Karuppiah) ini didapati bahawa kelompok kerani menindas pekerja untuk mendapat sebarang pengetahuan. Tindakan kerani menghalang Karuppiah yang pandai membaca dan menulis agar tidak bergaul dengan pekerja-pekerja ladang getah yang lain adalah tidak adil sama sekali. Kerani yang mewakili kelompok orang Orang India elit tersebut berkeinginan untuk menjadikan golongan pekerja lading tersebut sebagai buta huruf dan pak turut. Watak Karuppiah dalam cerpen ‘Karuppiah

Kangani' (Kangani bernama Karuppiah) digambarkan sebagai individu yang diperalatkan oleh kerani yang bekerja di ladang getah tersebut. S.Vadiveloo mengisahkan bahawa:

Kini, Karuppiah tidak lagi memegang cangkul. Dia dilayan istimewa berbanding pekerja ladang getah yang lain. Karuppiah menjadi pembantu kepada kerani. Dia melakukan kerja-kerja kerani seperti menimbang susu getah, memegang lampu suluh ketika para pekerja berbaris mendaftarkan diri kepada kerani untuk melakukan kerja-kerja menoreh getah pada pagi serta meletakkan gred susu getah. Lebih-lebih lagi dia mendapat gaji penuh kecuali hari hujan.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 71).

Peristiwa yang dicitrakan dalam cerpen ini menunjukkan bahawa watak Karuppiah menjadi anak emas kepada kerani kerana dia memiliki kelebihan berbanding dengan pekerja yang lain. Walaupun Karuppiah tinggal bersama pekerja-pekerja yang lain,namun dia mendapat keistimewaan daripada aspek gaji dan sebagainya. S.Vadiveloo menerangkan bahawa si kerani tersebut merasauh Karuppiah agar tidak menyebelahi para pekerja ladang getah yang lain. Demi menjaga hati Karuppiah, kerani tersebut sanggup membayar gaji yang penuh kepada Karuppiah. Dia dijadikan pembantu kerani dalam menjalankan tugas-tugas kerani tersebut. Perbuatan kerani tersebut dengan jelasnya menunjukkan bahawa kelompok orang Orang India elit tidak senang hati dengan kebijaksanaan golongan pekerja ladang getah. Watak Karuppiah didapati mengakui bahawa dirinya setia dengan tuan kerani.Dalam cerpen tersebut watak Karuppiah mengakui bahawa:

Tuan kerani memberikan saya kerja yang senang dan oleh itu, saya harus mematuhi arahan kerani. Karuppiah membuat keputusan untuk menghormati kerani dan berhajat mengamalkan tingkah laku yang baik agar mendapat simpati daripada kerani untuk mendapatkan kenaikan pangkat dengan cepat. Lantaran itu,Karuppiah mengajar Bahasa Tamil untuk anak kerani serta membantu isteri kerani untuk melakukan kerja-kerja mengemas rumah.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 71).

Menerusi watak dan peristiwa dalam cerpen ini, jelas didapati bahawa fikiran watak Karuppiah telah pun diracuni oleh kerani tersebut. Karuppiah dijanjikan jawatan Mandor oleh kerani tersebut. Kerani tersebut mennjadikan penawaran jawatan mandor sebagai umpan untuk mengekalkan kesetiaan Karuppiah terhadapnya. Demi mendapatkan jawatan tersebut, Karuppiah sanggup menjadi hamba abdi kepada keluarga kerani tersebut. Kerani dan keluarga kerani tersebut memperalatkan karipaiya untuk kepentingan mereka. Watak kerani yang bernama Arokiam digambarkan sebagai individu yang bersubahat dengan pihak tentera Jepun dalam kes menghukum buruh paksa yang berbangsa Tamil. Walaupun kerani Arokiam dan buruh paksa berasal dari tempat yang sama dan memiliki bahasa ibunda yang sama. Kerani Arokiam tetap menyebelahi pihak Jepun bagi menghukum Murugaiyah. S.Vadiveloo mencitrakan peristiwa tersebut sebagai:-

“Tuangkan air sabun ke dalam mulut dia”.
“Biar semua orang tengok kejadian ini”.
“Inilah hukuman kepada buruh yang ingin jika hendak balik ke Malaya”.
“Inilah hukuman yang sepatutnya”.
Dua orang pegawai Jepun tertawa melihat kejadian itu.
Kerani Arokkiyam juga turut ketawa bersama mereka.
(Vadiveloo, 1970, m.s. 64).

Menerusi peristiwa dan watak yang dicitrakan dalam cerpen ‘Irunda Ulagam’(Dunia gelap) ini, S.Vadiveloo ingin memaparkan bahawa buruh paksa yang dibawa dari Malaya ke Siam mengalami penindasan yang teruk oleh tentera Jepun. Lebih-lebih lagi, para pekerja ini tidak mendapat keadilan yang sepatutnya kerana individu yang diharapkan oleh mereka tidak menyebelahi mereka. Bak kata harapkan pagar, pagar makan padi. Kelompok kerani yang sepatutnya menjadi orang tengah yang menjaga kebijakan buruh paksa telah mengkhianati mereka dengan menunjukkan kesetiaan kepada tentera Jepun.

Para pekerja mengalami halangan dalam komunikasi kerana para kerani yang sepatutnya menjadi juru bahasa kepada mereka berpaling tadaah kepada tentera Jepun. Dalam cerpen tersebut, kerani Arokiam didapati oleh Murugaiyah. Watak kerani tidak menceritakan masalah kesihatan yang dialami oleh watak Murugaiya. Dia hanya memaklumkan keinginan Murugaiyah untuk balik ke Malaya sahaja. Sikap kerani tersebut menjadikan Murugaiyah diseksa oleh tentera Jepun sehingga mati. Pembelotan yang dilakukan oleh kerani tersebut dikisahkan lebih mendalam oleh watak yang bernama Ramaiyah. Watak Ramaiyah dan watak Murugaiyah merupakan pekerja ladang getah yang dibawa ke Siam sebagai pekerja buruh paksa. Pada akhirnya hanya Ramaiyah sahaja berpeluang pulang ke Malaya, manakala rakannya Murugaiyah menemui ajal akibat kekejaman tentera Jepun. Menurut S.Vadiveloo:

“Lepas itu, apa yang berlaku pada suami saya? Beritahulah abang!”

“Kerani yang membawa suami saya untuk berjumpa dengan ketua orang Jepun itu membuat apa? Beritahulah saya...Abang!”

“Mengapa diam sahaja. Beritahulah Abang.”

Valliammah menyoal bertubi-tubi kepada Ramaiyah yang baru pulang ke Malaya. Selepas berkerja teruk di kawasan pembinaan landasan keretapi di Siam. Ramayah tidak dapat menahan aliran air matanya.

“Kerani yang bernama Arokkiyam yang membawa suami awak berjumpa dengan ketua Jepun sudah membelot.

Kerani menyebelahi orang Jepun dan tidak memberitahu keadaan kesihatan yang sebenar kepada Jepun.

Orang Jepun berkelakuan kejam terhadap suami awak.

Mereka memukul, menuang air sabun dalam mulut dia dan kemudiannya..... Ramaiyah tidak dapat menamatkan bicara tersebut.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 64).

Menerusi penjelasan yang diberikan oleh watak Ramaiyah, dengan jelasnya dapat difahami bahawa suami kepada watak Valliamah menemui ajal kerana sikap pembelotan yang dilakukan oleh watak kerani Arokkiyam. Menerusi cerpen ini, S.Vadiveloo ingin menyampaikan mesej bahawa kelompok orang Orang India elit ini tidak langsung membantu golongan pekerja ladang getah walaupun kedua-dua mereka

adalah berketurunan India. Kelompok orang Orang India elit ini hanya suka memimpin dan memperalatkan pekerja lading getaj untuk kepentingan diri mereka.

Sikap pembelotan yang dilakukan oleh kelompok orang Orang India elit ini turut dipancarkan menerusi cerpen ‘Moondru Thalaimurai’(tiga generasi). Dalam cerpen ini watak kerani digambarkan bahawa mereka tidak mengambil sebarang kata putus dalam urusan meleraikan pergaduhan yang berlaku dalam kalangan pekerja ladang getah. Para kerani yang terdiri daripada golongan orang Orang India elit ini membiarkan para pekerja bermusuhan antara satu sama lain agar mereka mendapat nama baik daripada pihak pengurusan ladang.S.Vadiveloo menjelaskan bahawa:

Pertelingkahan akan berlaku antara pekerja-pekerja ladang itu. Kadangkala berlaku juga serangan pukul memukul dan pergaduhan. Kerani dan pengurusan tidak memaklumkan sebarang kes ini kepada pihak polis. Selain itu mereka juga tidak akan memaklumkan perkara itu kepada pengurus ladang.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 77).

Selain cerpen ini, cerpen ‘Irunda Ulagam’(Dunia gelap) turut memuatkan kisah mengenai sikap talaam dua muka yang dilakukan oleh kelompok orang Orang India elit ini.Watak Ramaiya yang baharu pulang ke Malaya dari negara Siam menceritakan sikap yang terdapat pada para kerani yang bertugas di kawasan pembinaan landasan keretapi maut Siam-Burma. Menurut watak tersebut, kelompok kerani tersebut gagal menjadi orang tengah kepada mereka.Kerani-kerani tersebut menjadi batu api kepada orang Jepun agar mendapat nama baik dan memperoleh pendapatan yang lumayan.S.Vadiveloo menjelaskan watak dan peristiwa ini dengan jelas sekali, Menurutnya:

Orang Jepun tidak menganggap orang India sebagai insan yang bernyawa. Mereka melayan orang kita sebagai binatang. Kami tidak boleh berehat sedikit. Orang Jepun akan menendang punggung kami. Dia menyepak kami seperti bola.Mengapa orang Jepun menyeksa orang India sedemikian rupa? Memang kita tidak boleh menyalahkan

mereka seratus peratus. Puak kerani yang bertalam dua muka menceritakan hal yang tidak benar kepada orang Jepun supaya mendapat nama baik dan pendapatan yang lumayan.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 59).

Cerpen ‘Irunda Ulagam’(Dunia Gelap) merupakan satu dokumen sosial yang dinasihatkan oleh cerpenis S.Vadiveloo bagi memaparkan sikap negatif yang terdapat dalam kalangan kelompok orang India elit. Mereka bukan sahaja memecahbelahkan perpaduan dalam kalangan pekerja ladang getah,malah mereka melepaskan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka. Watak kerani yang bernama Arrokiyam digambarkan sebagai pembelot, bertalam dua muka, batu api, bersubahat, tidak jujur dan sebagainya. Dalam cerpen ini S.Vadiveloo mencitrakan bahawa:

Luka gigitan pacat yang terdapat di kaki Murugayah semakin membesar. Orang yang jatuh sakit akibat luka tersebut akan membawa maut dalam tempoh enam bulan. Kami semua berasa takut kerana keadaan kesihatan Murugayah sangat kritikal. Kami merayu kepada kerani Arokkiyam yang berada bersama kami untuk menghantar balik Murugayah ke Malaya. Kerani Arokkiyam bersikap berpura-pura membantu kami. Dia membawa kami untuk berbincang dengan orang Jepun bagi menghantar Murugayah ke Malaya. Kerani Arokkiyam tidak jujur pada kami. Setelah sampai di pejabat orang Jepun, kerani Arokkiyam menyebelahi orang Jepun dan meminta orang Jepun agar tidak mengantar balik Murugayah ke Malaya.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 61).

S.Vadiveloo memaparkan bahawa sebenarnya kerani tersebut bukanlah orang Jepun. Watak Arokkiyam yang mewakili kelompok orang Orang India elit ini menjadi musuh dalam selimut. Individu yang sepatutnya menjadi juru bahasa dan orang pertengahan kepada para buruh paksa bersikap tidak amanah dan bersubahat dengan tentera Jepun supaya buruh-buruh paksa terus kekal di negara Siam bagi menyelesaikan kerja-kerja pembinaan landasan keretapi Siam-Burma. Cerpen ‘Moondru Thalaimurai’(tiga generasi) turut memaparkan sikap biadab yang dimiliki oleh seorang kerani di sebuah ladang getah. Kerani tersebut digambarkan menghasut seorang pekerja

ladang getah yang bernama Ponnusamy.S.vadiveloo mencitrakan peristiwa penghasutan tersebut seperti berikut:

“Memang Ponnusamy itu biadab, tidak mahu menghormati saya”
“Pekerja seperti ini perlu diajar”
“Lihatlah apa yang bakal berlaku kepada awak”
Kerani muda yang tidak berpuas hati dengan tindakan Ponnusamy.
Dia berbisik dengan ketuanya kerani di tempat pengumpulan susu getah.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 73).

Cerpen ‘Moondru Thalaimurai’(tiga generasi) turut memaparkan peristiwa ugutan yang dilakukan oleh seorang kerani terhadap seorang pekerja ladang getah. Kerani tersebut mengugut bahawa ia akan membuat laporan kepada pengurus besar agar pengurus besar tersebut mengambil tindakan terhadap pekerja tersebut. Sebenarnya watak kerani tersebut tidak senang hati dengan kemajuan keluarga pekerja ladang getah tersebut. S.Vadiveloo menggambarkan peristiwa tersebut sebagai:

“Oh begitu rupanya alasan awak”.“Saya akan melaporkan kelalaian awak kepada pengurus besar”. Awak sampaikan penjelasan tantang sarang tebuan itu kepada pengurus besar”. Kerani muda itu dengan pantasnya menghidupkan enjin motosikalnya dan terus memecut dari tempat itu.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 73).

Peristiwa yang dipaparkan menerusi cerpen ini membuat kepastian bahawa terdapat kelompok orang Orang India elit yang sengaja mencari alas an untuk menjatuhkan imej pekerja ladang getah yang agak mempunyai kelebihan daripada mereka. Dalam cerpen yang sama watak Ponnusamy digambarkan mengimbas kembali penindasan yang dilakukan oleh pihak kerani dan kanggani. Menurut pandangan Ponnusamy, generasinya telah diugut dan didenda oleh puak kerani dan kanggani. Ponnusamy berasa lega kerana pada masa sekarang pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja sudah menubuhkan persatuannya bagi membela nasib pekerja-pekerja ladang getah. S.vadiveloo menegaskan hal tersebut seperti berikut:

Pemimpin kesatuan sekerja berucap di pentas. Beliau memberitahu bahawa para pekerja ladang getah diberi perlindungan oleh Kesatuan Sekerja. Menurutnya, para kerani dan kanggani tidak lagi boleh mengugut dan mendenda pekerja yang melakukan kesilapan ketika menoreh getah. Ponnusamy merenung kembali nasib malang yang dialami oleh bapa dan datuknya daripada kerani dan Mandur. Kedua-dua puak itu menindas generasi pertamanya daripada pelbagai aspek. Dia berasa gerun mengingati peristiwa-peristiwa sedih itu.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 72).

Watak Ponnusamy dalam cerpen tersebut digambarkan kecewa kerana generasi pertamanya ditindas daripada pelbagai aspek. Pertama mereka dibawa ke Malaya menerusi system kanggani dan system kontrak. Pekerja-pekerja yang dibawa menerusi sistem-sistem ini terpaksa akur kepada segala arahan kanggani dan kerani. Selain itu, Cerpen ‘Taayum Maganum’(anak lelaki dan ibu) turut mengisahkan penindasan yang dilakukan oleh puak kerani dalam urusan pengagihan beras kepada para pekerja ladang getah ketika zaman pendudukan Jepun. S.Vadiveloo mengisahkan bahawa:

Orang Jepun memberi bekalan makanan kepada penduduk di ladang getah 15 hari sekali. Walau bagaimanapun bekalan makanan yang disampaikan oleh orang Jepun tersebut tidak sampai ke tangan golongan pekerja. Kerani-kerani membolot kesemua bekalan makanan tersebut untuk keluarga mereka.

(Vadiveloo, 1964, m.s. 53).

Selain itu, cerpen ‘Irunda Ulagam’(Dunia Gelap) turut memaparkan watak kerani yang mengumpat kepada tentera Jepun. S.Vadiveloo mengisahkan sikap yang terdapat pada kerani-kerani India bahawa mereka melakukan perbuatan ini untuk mendapatkan imbuhan daripada puak tentera Jepun. Watak orang tua dalam cerpen dicitrakan menjelaskan perkara tersebut kepada seorang buruh paksa. S.Vadiveloo menjelaskan bahawa:

“Di Malaya..Orang Jepun menyapak buruh-buruh India di bahagian punggung”. “Orang Jepun yang ini begitu taat kepada Mahatma Gandhi”. “Orang Jepun ini sanggup menindas orang India di Malaya”. Kesemua itu berlaku

kerana kerja-kerja mengumpat yang dilakukan oleh kerani-kerani berbangsa India”
(Vadiveloo, 1970, m.s. 59).

Peristiwa yang dipaparkan oleh S.Vadiveloo merupakan pengalaman yang pernah dialami oleh buruh-buruh paksa ketika zaman pendudukan Jepun di Malaya. Kelompok Orang Orang India elit yang sepatutnya menjaga kebajikan dan keselamatan buruh-buruh India gagal berbuat demikian.Mereka melakukan perbuatan mengumpat demi mendapat nama baik daripada pasukan tentera Jepun seperti yang diterangkan oleh S.Vadiveloo. Kerani-kerani India tersebut tidak memelihara kebajikan pekerja-pekerja India malah mereka hanya menjaga periuk nasi mereka sahaja. S.Vadiveloo mencitrakan keadaan ini seperti berikut:

Ammakannu memberitahu suaminya tentang dirinya dicabul penghormatan oleh kerani. Suami Ammakannu menjadi agresif sebaik sahaja mendengar hal tersebut.Dia mengambil sebilah parang dan berlari menuju ke rumah kerani untuk mendapat keadilan. Ammakannu menunggu ketibaan suaminya. Dia mendapati suami yang berlari dengan penuh agresif pulang ke rumah dengan hati yang tenang. Dia tidak memberitahu apa-apa kepada isterinya. Tidak beberapa hari kemudiannya, Munusamy dinaikkan pangkat daripada seorang penoreh getah kepada jawatan Kangani.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 48).

Cerpen ‘Taayum Magalum’(ibu dan anak perempuan) memaparkan tindakan rasuah yang dilakukan oleh seorang kerani terhadap kesalahan yang dilakukan olehnya. Dia digambarkan merasuh dan merasuh dan menawarkan jawatan kanggani kepada seorang pekerja ladang getah kerana kerani tersebut.S.vadiveloo mencitrakan bahawa Ammakannu yang bekerja sebagai pembantu rumah di rumah kerani tersebut diperkosa oleh kerani tersebut.Suami Ammakannu pada awalnya berasa marah terhadap kerani tersebut.Kemarahan suami Ammakannu menjadi terbalik apabila dia ditawarkan jawatan kanggani.

Selain itu, Cerpen ‘Karuppiah Kangani’(Kangani bernama Karuppiah) turut memaparkan kisah mengenai rasuah yang diamalkan oleh kerani. Dalam cerpen ini S.Vadiveloo mencitrakan bahawa kerani tersebut menerima botol arak sebagai rasuah. Botol arak itu diterima sebagai balasan kepada penawaran jawatan ketua kanggan kepada Karuppiah. Mengikut huraian S.Vadiveloo, watak Karuppiah bersedia untuk melakukan apa-apa sahaja demi mendapatkan jawatan ketua kanggan. S.Vadiveloo mengisahkan peristiwa dan watak rasuah tersebut seperti berikut:-

Karuppiah berani membuat apa sahaja demi mendapatkan jawatan Kanggani besar. Demi mendapatkan jawatan itu, Karuppaiyah berani mengamalkan rasuah. Dia membawa sebuah botol arak berjenama yang dibalutkan dengan sehelai tuala menuju ke rumah kerani.
(Vadiveloo, 1970, m.s. 74).

Cerpen ‘Taayum Magalum’(ibu dan anak perempuan) turut memuatkan peristiwa mengenai rasuah berupa botol arak yang diberikan oleh seorang kanggan kepada ketua kerani. Menurut S.Vadiveloo ,isteri kanggan tersebut memberitahu bahawa suaminya sentiasa mengunjungi ramah kerani untuk melobi jawatan ketua kerani. Isteri tersebut turut memberitahu bahawa suaminya memberi botol arak kepada kerani sebagai rasuah.Berkaitan hal ini, S.Vadiveloo menceritakan bahawa:

Ammakannu mendapat khabar daripada orang lain bahawa suaminya sering mengunjungi rumah kerani besar. Ammakannu juga mendapat tahu bahawa suaminya menghadiahkan botol arak kepada kerani besar untuk mendapatkan jawatan Ketua Kangani.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 38).

Menerusi cerpen-cerpen yang dibincangkan dalam tajuk ini, dengan jelasnya dapat diketahui bahawa kerani-kerani yang bertugas di ladang getah mengamalkan rasuah demi kepentingan mereka.Selain daripada itu, mereka juga menindas pekerja-pekerja India yang lain dengan melakukan perkara-perkara negative seperti memandang

rendah, mengongkong, bersubahat, membelot ,menghasut dan mengumpat. Keranikerani yang menganggotai kelompok orang India elit ini memperalatkan para pekerja ladang getah sehingga mundur selama-selamanya.

4.4.2 Gambaran Penindasan Oleh Kelompok Guru

Guru ialah umpama gedung ilmu. Guru ini sentiasa dihormati dan disanjung tinggi oleh semua orang. Masyarakat India menganggap ibu, bapa dan guru sebagai dewa. Pemahaman ini dipancarkan menerusi peribahasa Tamil Matha Pitha Guru Theivam. Ini bererti Matha (mother) Pitha (father) Guru (Teacher) Theivam (Dewa) memiliki status yang sama. Cerpen Uumaiyan (Tamil Nesan, 15.11.1953) mengisahkan watak seorang murid sekolah lari dari sekolah. S.Vadiveloo mengisahkan bahawa kanak-kanak tersebut berlari dari sekolah kerana tidak tahan dengan buli yang dilakukan oleh gurunya sendiri. Peristiwa yang digambarkan oleh S.Vadiveloo ini dapat diklasifikasikan sebagai penindasan kelompok India elit.

Manakala, Cerpen ‘Puthiya Paatai’(Jalan Baharu) yang dihasilkan oleh S.Vadiveloo mencitrakan watak seorang guru yang tidak melambangkan kesucian tersebut. Mimikri bermaksud peniruan.Dalam kajian paksa kolonialisme, mimikri membawa maksud perbuatan peniruan yang dilakukan oleh masyarakat yang dijajah berkaitan dengan amalan dan kebudayaan kuasa penjajah.Cerpen ‘Puthiya Paatai’(Jalan Baharu) memaparkan perbuatan mimikri yang dilakukan oleh seorang guru di sebuah sekolah menengah. S.Vadiveloo menerangkan peristiwa tersebut dengan tepat sekali.Menurutnya:

Kannan yang baru masuk ke sekolah menengah berhadapan dengan masalah bahasa. Kannan berasa lega apabila berjumpa seorang guru berbangsa India. Sebaik sahaja Kannan memasuki bilik guru tersebut, guru itu mematahkan semangat Kannan dengan berbual dalam Bahasa Inggeris. Kannan yang belajar di sekolah Tamil tidak begitu akhir

dalam Bahasa Inggeris. Sebaik sahaja Kannan mendekati guru tersebut, tanpa menoleh mukanya dia bertanya “What help?”. Guru itu tidak senang hati dengan kehadiran Kannan di situ.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 16).

Menerusi cerpen ‘Puthiya Paatai’(Jalan Baharu) ini, dengan jelasnya dapat difahami bahawa watak guru tersebut mengamalkan sikap mimikri terhadap anak muridnya.Watak guru dicitrakan sebagai individu yang mewakili orang Orang India elit. Watak guru India tersebut tidak menunjukkan kesungguhan dalam membantu anak murid yang dari kawasan ladang getah.Guru tersebut didapati tidak senang hati dengan kehadiran Kannan di bilik guru.Selanjutnya guru tersebut mengingatkan anak muridnya bahawa jangan berbual dengannya dalam bahasa Tamil.S.Vadiveloo mencitrakan peristiwa tersebut sebagai:

“Ya, boleh. Tetapi, ingat! Jangan berbual dengan saya dalam Bahasa Tamil”. Kata guru India tersebut kepada Kannan.

Guru tersebut tidak membenarkan Kannan berbual dalam Bahasa Tamil.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 20).

Watak guru India yang dicitrakan dalam cerpen ini tidak menunjukkan kesungguhan dalam membantu pelajar-pelajar India terutamanya anak-anak pekerja ladang getah. Orang Orang India elit tersebut dalam keadaan menoleh muka ketika berbual dengan anak muridnya.Guru tersebut digambarkan tidak senang hati dengan tindakan Kannan yang berbual dalam bahasa tamil serta berjumba dengannya di bilik guru. Cerpen ‘Puthiya Paatai’(Jalan Baharu) turut memuatkan watak cikgu Arul yang memberi layanan buruk terhadap seorang pelajar berbangsa India. Guru tersebut digambarkan menghisap rokok dalam bilik guru.Watak anak murid tersebut menghadap guru India tersebut dengan penuh gementar.Guru tersebut tidak semestinya menunjukkan egonya di hadapan seorang anak murid.

Sebenarnya guru tersebut perlu membuka ruang yang selesa kepada semua pelajar untuk mendampingi dan menyelesaikan masalah pembelajaran mereka. S.Vadiveloo (1981) mencitrakan bahawa sambil menghisap rokok, guru berbangsa India tersebut membelek buku latihan Bahasa Inggeris yang dibawa oleh Kannan. Kannan memerhatikan muka guru tersebut dengan hati yang penuh gementar.(m.s.16). Dalam cerpen yang sama, watak guru India tersebut dicitrakan oleh S.Vadiveloo (1981) cikgu Arul mengalih pandangan ke arah Kannan. Rupa-rupanya guru tersebut kelihatan marah terhadap Kannan. Dengan suara yang garang guru tersebut memandang Kannan dan menyoal dalam Bahasa Inggeris, “What?”.(m.s 16). Cerpen ‘Kannan Remove Vaguppil Padikkiraan’(Kannan belajar kelas pemulihan) mengisahkan sikap negatif yang terkandung pada seorang guru berbangsa India di sebuah sekolah menengah.

Dalam cerpen ini, pelajar yang bernama Kannan belajar di kelas peralihan.Guru tingkatan kannan sangat garang orangnya. Nama beliau ialah cikgu Arul.Pada suatu hari Kannan ketinggalan bas awam yang selalu dinaiki olehnya.Dia digambarkan menunggu bas tersebut sejak pukul lima pagi.Keadaan persekitaran yang gelap gelita menjadikan pemandu bas awam tersebut tidak dapat memberhentikan bas di perhentian bas yang terdapat berhampiran ladang getah tersebut.Kannan tidak berani menaiki bas yang seterusnya yang akan sampai dua jam kemudian.Jika dia naiki bas yang tiba pada pukul lapan pagi, maka dia akan sampai di sekolah pada pukul Sembilan setengah pagi. Guru tingkatan Kannan tentu akan menyoal dan memaki Kannan di hadapan pelajar-pelajar cina.S.Vadiveloo (1981) mencitrakan peristiwa tersebut sebagai:

Kannan sudah meninggalkan bas pertama yang menuju ke bandar. Jika dia menaiki bas seterusnya bas itu lambat sampai di sekolah. Guru kelas dia tentu akan marah dan memakinya sebagai, “Mengapa engkau menyeksa saya? Awak pergilah menoreh getah ataupun mengembala lembu. Jangan datang ke sekolah!”.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 70).

Menerusi peristiwa tersebut, S.vadiveloo ingin menyampaikan mesej kepada pembaca bahawa Kannan mempunyai minat untuk belajar, malangnya dia ketinggalan bas kerana keadaan persekitaran yang gelap walaupun dia menunggu bas tersebut sejak pukul lima pagi. Sikap yang ditunjukkan oleh guru India tersebut adalah keterlaluan sepatutnya guru berbangsa India tersebut perlu membantu dan memahami keadaan Kannan yang tinggal di ladang getah. Guru tersebut perlu menyedari bahawa kannan perlu bangun pada pukul empat pagi dan perlu berjalan sejauh dua batu dari rumahnya untuk sampai di perhentian bas terletak di pinggir ladang getah tersebut. Sebelum ini Kannan digambarkan pernah ketinggalan bas pukul enam pagi dan dia menunggu sehingga lapan pagi untuk menaiki bas tersebut.

Sebaik sahaja sampai di sekolah pada pukul Sembilan pagi, guru India tersebut memaki Kannan dengan kata-kata yang menjatuhkan semangat. Guru India tersebut menyuruh Kannan melakukan pekerjaan yang dilakukan oleh ibubapa Kannan. Guru tersebut juga melemahkan semangat Kannan dengan kata-kata mengejek. Dia menyuruh Kannan mengembala lembu daripada belajar di sekolah menengah. Guru tersebut menjadi satu symbol kepada kelompok orang India elit yang tidak senang hati dengan kemajuan anak-anak pekerja ladang getah yang meneruskan pelajaran mereka di peringkat menengah. Bagi mereka , anak-anak pekerja ladang getah perlu menamatkan persekolahan mereka di peringkat sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil sahaja.

Hanya anak-anak orang Orang India elit perlu meneruskan pekerjaan mereka di sekolah-sekolah menengah serta mendapat pengajian di institusi-institusi pengajian itu. Kelompok ini lebih suka untuk memimpin kumpulan Subaltern ini. Mereka tidak senang hati jika golongan Subaltern memimpin kelompok orang Orang India elit ini walaupun kelompok ini, menjadi minority dalam masyarakat India. Dalam cerpen yang sama, S.Vadiveloo mengisahkan bahawa watak guru matematik untuk kelas peralihan yang

diduduki oleh Kannan adalah berbangsa India. Menurut S.Vadiveloo, guru matematik tersebut akan menggunakan bahasa Tamil untuk memaki pelajar-pelajar India yang belajar di kelas peralihan tersebut. S.Vadiveloo mencitrakan peristiwa penindasan tersebut seperti berikut:

Kannan belum lagi mahir dalam Bahasa Malaysia. Dia tidak dapat membaca sifir dalam Bahasa Malaysia. Guru Matematik tersebut naik marah kerana Kannan tidak dapat membaca sifir dengan lancer dalam bahsa Malaysia. Oleh kerana guru matematik itu berketurunan India maka, dia akan menggunakan Bahasa Tamil untuk memaki pelajar-pelajar India.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 66).

Menerusi peristiwa yang digambarkan dalam cerpen ‘Kannan Remove Vaguppil Padikkiraan’(Kannan belajar kelas pemulihan) tersebut , pembaca dapat merasai bahawa guru matematik yang mendapat pendidikan tinggi menganggap dirinya sebagai elit dan memandang anak-anak pekerja ladang getah sebagai Subaltern.Guru tersebut boleh menggunakan pendekatan lain untuk memberi teguran yang membina. Sebagai guru yang berbangsa India ,guru tersebut boleh menggunakan peluang yang ada untuk membimbing atau menerangkan kaedah pembelajarannya dalam bahsa tamil agar anak-anak pekerja ladang getah ini memahami sifir matematik dengan cepat dan mudah. Guru tersebut tidak akan berbuat demikian. Jika dia membimbing dengan kaedah tersebut, anak-anak India yang datang dari ladang getah akan mahir dan pandai dalam matematik. Mereka akan mendapat keputusan yang baik setanding dengan anak-anak orang Orang India elit yang lain.

Oleh itu, guru yang mewakili kelompok orang Orang India elit tersebut dengan sengaja merancang untuk mematahkan semangat yang ada pada anak-anak pekerja ladang getah agar mereka mundur generasi demi generasi. Cerpen yang sama mengisahkan perbuatan yang kurang menyenangkan hati yang dilakukan oleh guru

matematik yang berbangsa India tersebut. Guru India tersebut dicitrakan melakukan perbuatan menjatuhkan air muka seorang pelajar India seperti berikut:-

Selain memaki Kannan guru India tersebut terus menghampiri seorang lagi pelajar India yang datang dari ladang getah. Guru tersebut mengambil sebatang pembaris dan menyelak rambut pelajar dibasahi minyak bijan. Minyak bijan yang disapu di kepalanya mengalir turun sehingga ke pipi pelajar tersebut. Guru India tersebut menyoal, “what is this nonsense?”

(Vadiveloo, 1981, m.s. 67).

Pekerja ladang getah tidak menerima pendapatan yang lumayan. Mereka tidak mempunyai potensi kewangan untuk membeli alat-alat persolekan seperti minyak rambut, bedak, pewangi dan sebagainya. Maka, anak-anak mereka menggunakan minyak rambut. Ada pelajar yang menggunakan minyak bijan atau minyak kelapa sebagai minyak rambut. Ada pelajar yang menggunakan tali sebagai pengganti tali pinggang. Minyak yang disapu di pagi hari akan mula mengalir turun daripada kepala hingga ke paras pipi jika cuaca menjadi panas.

S.Vadiveloo mengambarkan bahawa guru India elit yang sepatutnya memahami keadaan tersebut mengambil kesempatan untuk menjatuhkan air muka pelajar India tersebut di khalayak pekerja-pekerja yang lain. Perbuatan tersebut menunjukkan berlakunya sejenis penindasan daripada aspek emosi. Insiden yang sama digambarkan dalam cerpen ‘Puthiya Pathai’ (Jalan Baharu). Watak pelajar sekolah menengah yang bernama Kannan dimarahi oleh guru berbangsa India dengan bahasa yang kesat. Kannan dicitrakan tidak stabil daripada segi emosi kerana dia dimalukan oleh guru India tersebut. S.Vadiveloo mencitrakan bahawa:

Kata-kata kesat yang dikeluarkan oleh guru itu menjadikan Kannan orang kerdil dalam bilik darjahnya. Dia berasa malu untuk duduk di dalam kelasnya. Kata-kata kesat itu sentiasa merungsingi Kannan. Dengan hati yang berat, Kannan baring atas katil ayahnya.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 14).

Menerusi watak dan peristiwa daripada cerpen ini, perlu ingin memaparkan bahawa para anak-anak India yang dating dari ladang getah mengalami gangguan emosi. Guru-guru India yang sepatutnya membimbing mereka dengan penuh dedikasi menunjukkan keegoannya bagi meninggikan status social mereka di hadapan anak-anak penoreh getah. S.Vadiveloo menerusi watak Kannan dalam cerpen ‘Puthiya Pathai’ (Jalan Baharu) menerangkan bahawa guru-guru yang mengajar Bahasa Inggeris dan bahasa melayu perlu mendekatkan jarak social ini menyebabkan anak-anak India ini kurang mendapat pendedahan tentang ketahanan kedua-dua bahasa tersebut. S.Vadiveloo mendapatkan bahawa:

Kannan kurang senang dengan pendekatan pengajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang dilakukan di sekolah Tamil. Kannan berpendapat bahawa guru-guru di sekolah Tamil perlu mengajar kedua-dua bahasa tersebut dengan lebih mendalam lagi agar murid-murid lepasan Tahun 6 tidak mengalami sebarang tekanan di sekolah menengah nanti.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 18).

Menurut S.Vadiveloo, pelajar-pelajar yang datang dari sekolah Tamil mengalami kerumitan dalam pemahaman Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris ketika meneruskan pelajaran mereka di peringkat sekolah menengah. Beliau menegur sikap guru-guru sekolah Tamil yang kurang memberi penekanan kepada pengajaran dan pembelajaran kedua-dua bahasa tersebut. Sikap menjauhi daripada murid-murid India ini masih dipancarkan dalam cerpen ‘Puthiya Pathai’ (Jalan Baharu). S.Vadiveloo mengisahkan bahawa seorang guru India menghalau Kannan apabila pelajar-pelajar tersebut pergi berjumpa untuk menerima penjelasan tentang mata pelajaran bahasa Inggeris.

S.Vadiveloo mencitrakan tindakan watak guru tersebut seperti berikut:

Sebaik sahaja guru itu melihat ketibaan Kannan ke dalam bilik guru, dengan nada yang tinggi dia memarahi Kannan. “Sebentar tadi awak menyeksa saya dalam bilik darjah. Kini awak datang ke bilik guru pula? Sudahlah. Jangan ganggu saya!”.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 19).

Menerusi peristiwa dan watak daripada cerpen di atas, S.Vadiveloo ingin menyampaikan mesej bahawa anak-anak pekerja ladang getah ditindas oleh guru-guru berbangsa India di sekolah-sekolah menengah daripada aspek emosi. Tindakan tersebut tentu akan melemahkan semangat anak-anak pekerja ladang getah dalam pembelajaran mereka. Selain itu, Cerpen ‘Puthiya Pathai’ (Jalan Baharu) turut memuat keluhan S.Vadiveloo tentang guru-guru sekolah Tamil yang tidak sanggup tinggal di kuatres yang disediakan oleh pengurusan ladang getah. Guru-guru sekarang lebih suka tinggal di bandar dan berulang alik.

S.Vadiveloo memuji sikap guru-guru sesamanya yang tinggal di kuatres yang disediakan oleh pengurusan ladang getah. Guru-guru dahulu menetap di kuatres dan bersedia untuk mengajar anak-anak pekerja ladang getah pada waktu petang dan malam. Anak-nak pekerja berpeluang untuk mendapatkan penjelasan pembelajaran pada bila-bila masa sahaja. Menurut S.Vadiveloo guru-guru berkenaan lebih berjiwai masyarakat ladang getah. Mereka mendekatkan jarak soial mereka dengan pekerja-pekerja ladang serta anak-anak mereka. Mesej yang disampaikan oleh S.Vadiveloo dicitrakan seperti berikut:

Dahulunya, guru-guru yang mengajar di Sekolah Tamil tidak akan pergi ke mana-mana. Mereka akan menetap di rumah-rumah banglo yang didirikan oleh pengurusan ladang getah. Kami berpeluang menemui mereka pada waktu petang atau malam untuk bertanya mengenai perkara yang tidak faham. Kini, mereka semua balik ke bandar selepas tamat waktu persekolahan.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 19).

Cerpen ‘Puthiya Pathai’ (Jalan Baharu) turut memuatkan tomohan watak guru Arul yang menyakitkan hati seorang pelajar berbangsa India di sekolah menengah. Watak cikgu Arul digambarkan membuat tohmahan terhadap ibu bapa Kannan bahawanya mereka telah memusnahkan masa hadapan Kannan. Menurutnya Kannan tidak sepatutnya belajar di sekolah Tamil. Cikgu Arul digambarkan terus membidas

bahawa jika dia mempunyai kuasa maka dia akan menutup kesemua sekolah Tamil yang beroperasi di negara ini. S.Vadiveloo mencitarkan peristiwa tersebut seperti berikut:

Guru tersebut mula mengkritik sistem persekolahan Vernakular. Dia menolak buku Bahasa Tamil yang diletakkan di atas meja Kannan dan mula membuat leteran. Kalau saya ada kuasa, saya akan menutup sekolah-sekolah Tamil yang ada. Guru itu berleter dengan penuh emosi sambil mengetuk meja.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 18).

Watak cikgu Arul dicipta untuk melambangkan kelompok orang Orang India elit yang tidak menyukai pendidikan bahasa Tamil. Menurut kelompok ini, pendidikan sekolah Tamil adalah sesuatu yang memalukan mereka. Mereka menganggap pendidikan tersebut tidak akan membawa sebarang makna.S.Vadiveloo turut menerangkan pegangan golongan orang Orang India elit yang tidak bersetuju dengan pendidikan Bahasa Tamil di Negara ini. S.Vadiveloo menerangkan fahaman kelompok orang Orang India elit sebagai:

Pelajar-pelajar lepasan Sekolah Tamil dianggap pelajar ang lemah dan tidak bijak. Walaupun mereka mendapat keputusan 2A dan 3B, guru-guru di sekolah Menengah tidak menghiraukan langsung tentang keputusan pendidikan pelajar-pelajar lepasan sekolah Tamil yang terletak di kawasan-kawasan ladang-ladang getah.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 70).

Menerusi watak-watak dan peristiwa-peristiwa yang dipaparkan menerusi beberapa cerpen hasil karya, S.Vadiveloo dengan jelasnya dapat disimpulkan bahawa watak-watak kelompok orang Orang India elit bersifat angkuh terhadap golongan Subaltern.Mereka menindas anak-anak dan sekolah Tamil. Walaupun kelompok ini sebangsa dengan golongan pekerja ladang getah, namun mereka lebih suka mengamalkan jarak social dengan anak-anak getah.

4.4.3 Gambaran Penindasan Oleh Kelompok Kanggani

Cerpen-cerpen S.Vadiveloo banyak mengisahkan tentang penindasan yang dilakukan oleh kelompok kerani ke atas pekerja-pekerja India. Penindasan ini bermula sejak system kanggani dan system kontrak diamalkan di Malaya. Pihak pemodal British dan Jepun menggunakan kelompok kanggani untuk mempengaruhi golongan pekerja agar mendapat bekalan tenaga buruh yang tetap dan murah. Cerpen ‘Tiruvaalar Sinna Kannu’ (Encik Sinna Kannu) mencitrakan penindasan yang dilakukan terhadap pekerja ladang getah oleh seorang kanggani Sinnakannu berasal dari Negara India. Keluarganya kaya raya di India. Sinnakannu sentiasa mendapat leteran daripada bapanya kerana tidak kerana tidak membantu bapanya dalam menjalankan kegiatan hariannya. Sebagai langkah melepaskan daripada leteran tersebut, Sinnakannu tertarik dengan lobi yang dilakukan oleh kelompok kanggani yang berkeliaran di perkampungan Sinnakannu. S.Vadiveloo menerangkan peristiwa tersebut seperti berikut:

Sinnakannu tertarik dengan kata-kata manis para Kanggani yang melobi tentang peluang pekerjaan yang terdapat di ladang-ladang getah di Malaya. Dia terpedaya dengan janji-janji manis yang diberikan oleh para kanggani. Sinnakannu yang baru sahaja berkahwin, sanggup meninggalkan isterinya kerana ingin menjadi kaya dalam masa yang singkat. Setibanya di Malaya, Sinnakannu berasa hampa kerana Malaya tidak kelihatan sepertimana digambarkan oleh para Kanggani.
(Vadiveloo, 1964, m.s. 82).

Peristiwa yang dipaparkan oleh S.Vadiveloo menerusi cerpen ini menerangkan bahawa system kanggani telah membodohkan pekerja India. Watak Sinnakannu merupakan antara pekerja yang dibodohkan oleh kelompok kanggani ini. Para kanggani memberikan janji-janji palsu tentang bidang pekerjaan di Malaya. Mereka juga tidak memberi gambaran yang jelas tentang keadaan geografi Malaya yang dilitupi oleh hutan tebal pada tahun-tahun 30 an. Sinnakannu berasa hampa apabila sampai di Malaya pada tahun 1932 kerana bentuk muka bumi Malaya diselubungi oleh hutan tebal dan belum

diteruskan dengan ladang getah. Penindasan yang dilakukan oleh kelompok kanggani terus di pancarkan menerusi cerpen ‘Taayum Maganum’ (ibu dan anak lelaki). Dalam cerpen tersebut watak kanggani menjadi agen orang Jepun untuk membawa pekerja-pekerja ladang getah bagi melakukan kerja-kerja pembinaan lapangan terbang terbang di Kuala Pilah. S.Vadiveloo menggambarkan peristiwa tersebut seperti berikut:

Jepun membuat perancangan untuk membuka sebuah lapangan terbang di Kuala Pilah. Pekerja-pekerja ladang getah yang berada dalam kawalan kanggani diarah untuk berpindah dari Seremban ke Kuala Pilah. Manggammah adalah salah seorang pekerja yang dipindahkan oleh orang Jepun dengan kerjasama kanggani.
(Vadiveloo, 1964, m.s. 53).

Menerusi cerpen tersebut, S. Vadiveloo ingin memaparkan penindasan yang dilakukan oleh seorang kanggani terhadap pekerja-pekerja ladang getah. Kanggani tersebut memperalatkan para pekerja untuk bekerja di bawah orang-orang Jepun. Kerani menggunakan kekuasaan yang dipegang untuk memindahkan pekerja-pekerja ladang getah dari Seremban ke Kuala Pilah. Dalam cerpen tersebut watak Manggammah mengalami pelbagai masalah untuk menyelamat nyawa diri sendiri serta nyawa anak lelakinya. Watak kanggani didapati menghilangkan diri setelah para pekerja ladang getah diserahkan kepada tentera Jepun. Watak kanggani dicitrakan memperdagangkan manusia kepada tentera Jepun dalam usaha pembinaan lapangan kapal terbang di Kuala Pilah. Sementara itu, cerpen Karuppaiyah Kangani (Kangani bernama Karuppaiyah) memaparkan janji-janji palsu kelompok kanggani terhadap orang-orang Tamil di Negara India. S.Vadiveloo mengisahkan bahawa kelompok kanggani berkeliaran di kawasan desa untuk mendapatkan buruh bagi dikerjakan di ladang-ladang getah. S.Vadiveloo mencitrakan peristiwa tersebut sebagai:-

Karuppaiya mendapati ada kangani-kangani yang datang dari Malaya untuk mencari pekerja-pekerja baru di kampungnya. Kangani-kangani tersebut mengikat kain warna merah di kepalanya. Karuppaiyah yang mempunyai masalah dengan ibu-bapanya menaiki kapal ke Malaya

semata-mata untuk mengumpil harta yang sama banyak seperti bapanya. Dia menaiki kapal tanpa memberitahu sesiapa pun. Karuppaiaya bercita-cita mencari kekayaan di Pulau Pinang.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 68).

Cita-cita yang diimpikan oleh Karuppaiyah menjadi binasa apabila sampai di Malaya. Karuppaiyah menaiki kapal dengan hasrat mengumpul kekayaan dalam jangkamasa singkat dan hidup mewah seperti bapanya. Setelah sampai di Malaya cita-cita Karuppaiyah berkecaci kerana apa yang dijanjikan oleh kanggan tidak dikotakan olehnya. Cerpen tersebut turut memaparkan tentang perbohongan tentang pekerjaan di ladang getah. Kanggan membohongi orang miskin di India bahawa pekerja yang dibawa ke Malaya sebagai pekerja ladang getah hanya perlu melakukan satu gurisan pada kulit pokok getah. Sebaik sahaja diguris, cecair putih akan mengalir keluar dan pekerja hanya diminta mengumpulkan cecair tersebut. S.Vadiveloo mencitrakan pembohongan kanggan-kanggan tersebut seperti berikut:-

Waktu berkerja di Malaya hanya sampai satu petang sahaja. Hanya menggunakan sebilah pisau. Hanya gariskan di permukaan pokok getah. Cecair putih akan mengalir keluar. Kerja itu bukan susah. Sangat senang. Setiap pekerja diperuntukkan sebuah rumah. Ada kemudahan elektrik dan air. Gaji lumayan setiap akhir bulan.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 68).

Berdasarkan kepada janji-janji yang dikemukakan oleh kelompok kanggan itu, dengan jelasnya dapat dibuktikan bahawa tiada pekerja ladang getah yang balik ke rumah pada pukul satu petang. Para pekerja tidak melakukan gurisan, malah menoreh pokok getah sama ada dibawah ataupun menorah di bahagian atas dengan menggunakan anak tangga. Selain itu, para pekerja terpaksa mengusung anak tangga ke tiap-tiap pokok getah. Para pekerja juga turut ditipu dalam hal penyediaan kemudahan asas seperti tempat tinggal, letrik dan air. Para pekerja tidak disediakan rumah yang selesa. Biasanya rumah pekerja dibina dengan sebuah bilik tidur, ruang tamu yang terbuka hingga ke

belakang. Bahagian anjung dan bahagian dapur dalam keadaan terbuka. Keluasan rumah pekerja sebesar garaj kereta. Rumah-rumah pekerja didirikan di pendalaman ladang getah agar para pekerja susah keluar dan masuk ke Bandar.

Pada awalnya para pekerja hidup dalam kegelapan. Lama-kelamanya bekalan dicatukan dari enam pagi hingga sepuluh malam. Paip air disediakan secara berpusat. Para pekerja perlu menunggu untuk giliran mereka bagi mendapatkan air untuk dibawa ke rumah. Mereka membawa air dengan baldi atau tong. Air dari sungai disalurkan melalui paip air untuk kegunaan pekerja. Air tersebut tidak ditapis dengan cara yang betul. Para pekerja ditindas dengan teruk oleh kelompok kerani dan pengurus ladang getah kerana mereka dianggap sebagai golongan Subaltern.

Watak Sinnakannu dalam cerpen ‘Tiruvaalar Sinna Kannu’ (Encik Sinna Kannu) berasa hampa kerana taraf hidupnya sama seperti dahulu. Dia digambarkan tidak mengalami sebarang perubahan daripada aspek sosio-ekonomi walaupun hidup di ladang getah selama tiga puluh tahun. Para kanggani menipu Sinnakannu bahawa Malaya adalah sebagai syurga tetapi hutan tebalnya menakutkan Sinnakannu. Tempat tersebut kelihatan seperti neraka. S.Vadiveloo mengisahkan keluhan watak Sinnakannu seperti berikut:

Hutan tebal yang meliputi tempat itu menakutkan Sinnakannu. Dia mengandaikan Malaya sebagai bumi Syurga, tetapi pada hakikatnya bumi Malaya meliputi neraka. Sinnakannu berazam untuk menyesuaikan dirinya di Malaya. Kini, sudah tiga puluh lima tahun dia menetap di negara ini. Taraf hidupnya tidak berubah.
(Vadiveloo, 1964, m.s. 82).

Watak Muthusamy dalam cerpen ‘Muthusamy Kilavan’ (Orang tua Muthusamy) juga dicitrakan sebagai pekerja yang uzur. Menurut S.Vadiveloo (1970), Muthusamy tidak mengenali akan umurnya. Dia tidak mengetahui tarikh kelahirannya. Dia hanya dapat mengetahui bahwa dia dilahirkan sewaktu Perang Dunia. Dia masih mengingati

percakapan ahl-ahli keluarganya bahawa dia lahir ketika kapal perang Emden dari German melontar bom di Madras. Jika membuat anggaran dari tarikh bom tersebut, maka usia Muthusamy sudah menjangkau lima puluh lima tahun.(m.s.4). Cerpenis menceritakan bahawa watak tersebut tidak berpendidikan sehingga tidak mengetahui tarikh lahirnya sendiri.

Dia hanya mendapat tahu tentang tarikh lahirnya secara verbal menerusi percakapan ibunya bahawa dia dilahirkan ketika Madras di bom oleh kapal Emden dari German. Peristiwa yang cuba digambarkan oleh S.Vadiveloo dalam cerpen ini jelas menunjukkan bahawa pemodal British hanya mengumpam penduduk India selatan yang buta huruf bagi menjadikan mangsa kanggani agar dijadikan buruh di ladang-ladang getah milik mereka di Malaya. Para pekerja India bukan sahaja ditindas sari aspek social malah turut ditindas daripada aspek keagamaan. Para kanggani pura-pura menjadi tok sami untuk mengaut kebendaan yang disimpan oleh para pekerja India. S.Vadiveloo mengisahkan perkara tersebut dalam cerpen ‘Irattai Poottu’(Dua biji Mangga). S.Vadiveloo menjelaskan bahawa:

Perkara utama di rumah berhala itu adalah tabung yang didirikan di hadapan berhala bagi tujuan mengumpul wang. Tabung itu dilindungi dengan sekeping zink agar bebas hujan dan angin Perbuatan ini adalah untuk memastikan wang yang dimasukkan ke dalam tabung itu sentiasa selamat. Kangganu Athimoolam sentiasa memastikan tabung itu tidak terkena air hujan walaupun patung yang berada di dalam rumah berhala itu dicemari oleh air hujan. Kanggani Athimoolam mengunci tabung tersebut dengan sebuah mangga yang besar agar orang lain tidak mencuri wang yang ada dalam tabung itu.
(Vadiveloo, 1970, m.s. 28).

Cerpen ini memaparkan perbuatan Kanggani yang menggunakan rumah berhala untuk tujuan mengaut keuntungan. Dia mengutamakan tabung wang yang diletakkan di rumah berhala tersebut berbanding patung berhala.Kanggani tersebut menggunakan tipu helahnya bagi memungut wang ringgit daripada penduduk ladang getah yang datang

untuk sembahyang di situ. Individu seperti watak Athimoolam adalah merupakan anasir yang kurang sihat serta membawa kekaburuan dalam sistem kepercayaan masyarakat India. Dia menggunakan kelemahan yang terdapat pada masyarakat India terutamanya masyarakat India yang tinggal di ladang getah untuk membesarkan mereka daripada ajaran sebenar.

Penindasan daripada aspek keagamaan ini banyak berlaku di kawasan ladang getah. Masyarakat India yang tinggal di kawasan ladang getah terpengaruh dengan segala tipu helah yang dilakukan oleh sami-sami palsu ini. Watak Sinnakannu dalam cerpen ‘Tiruvaalar Sinna Kannu’ (Encik Sinna Kannu) digambarkan menjadi mangsa penipuan kanggani yang bernama Murugiah. Watak Sinnakannu dibawa oleh kanggani ke Malaya semata-mata untuk mendapatkan komisen. Berkaitan dengan hal ini S.Vadiveloo membincangkan bahawa:

Kata-kata manis puak Kanggani, Sinnakannu berhasrat berhijrah ke Malaya walaupun baharu berkahwin. Setibanya di Tanah Melayu, Sinnakannu dapat mengetahui bahawa dirinya telah ditipu oleh puak Kanggani semata-mata untuk mendapatkan komisen. Dia mendapati Malaya belum diteroka sepertimana dikehendaki oleh puak Kanggani sama seperti apa yang didengar olehnya.
(Vadiveloo, 1964, m.s. 82).

Menerusi huraian yang terdapat dalam cerpen ‘Tiruvaalar Sinna Kannu’ (Encik Sinna Kannu), S.Vadiveloo ingin menyampaikan mesej bahawa kelompok kanggani yang membekalkan tenaga buruh kepada pemodal-pemodal British telah dibayar komisen mengikut jumlah bekalan pekerja. Kanggani yang bersikap tamak seperti kanggani Murugiah menggunakan teknik menipu untuk memperdayakan petani-petani miskin seperti Sinnakannu. Cerpen ‘Karuppiah Kangani’ (Kangani bernama Karuppiah) turut mengisahkan teknik penipuan yang dilakukan oleh seorang kangani. S.Vadiveloo mengisahkan peristiwa tersebut seperti berikut:-

Pekerja akan diberi rumah yang selesa yang dilengkапkan dengan bekalan elektrik dan air. Pekerja akan dibayar gaji setiap hujung bulan. Inilah janji-janji palsu yang dikemukakan oleh kangani yang membawa Karuppiah ke Malaya. Kini Karuppaiyah merasa dirinya telah ditipu oleh kangani .

(Vadiveloo, 1970, m.s. 70).

S.Vadiveloo (1970) menyatakan bahawa Kangani membuat janji-janji palsu. Dia kata akan memberi ini dan itu tetapi tidak memberi apa-apa pun kepada pekerja yang berhijrah dari India ke Malaya. (m.s. 55). Menurutnya, puak-puak kanggani yang memancing tenaga buruh di India dahulu sengaja memberikan janji-janji palsu untuk mengumpul seberapa ramai pekerja yang boleh. Mereka membuat perjanjian dengan para petani miskin bahawa hendak memberi banyak kemudahan kepada mereka. Pada akhirnya para pekerja berhijrah ke Malaya mendapat tahu bahawa mereka telah ditipu oleh puak kanggani tersebut.

Perkara berkaitan dengan penipuan puak kanggani ini turut dipaparkan dalam cerpen ‘Irandu Thirudargal’(Dua orang Pencuri). Dalam cerpen ini kangani didapati menipu puluhan pekerja ladang getah yang menyerahkan barang-barang kemas keluarga mereka semasa mereka terperangkap sebagai buruh paksa dibawah kekuasaan Jepun.Dalam cerpen tersebut watak kanggani menjelaskan bahawa:-

Mungkin awak tertanya-tanya, bagaimanakah seorang Kangani yang makan gaji disebuah ladang getah berupaya mengumpul harta dan menjadi orang kaya pada ketika ini. Saya tidak merompak di mana-mana bank. Saya Cuma menipu pekerja-pekerja ladang getah. Saya membolot emas dan wang ringgit yang diamanahkan oleh mereka kepada saya ketika mereka dikerah ke Siam oleh tentera Jepun.
(Vadiveloo, 1964, m.s. 92).

Watak kanggani dalam cerpen ‘Irandu Thirudargal’(Dua orang Pencuri) digambarkan menjadi kaya raya selepas membolot kesemua wang dan barang kemas kepunyaan pekerja-pekerja ladang getah yang terperangkap dibawah kekuasaan tentera

Jepun. Watak kanggani tersebut mengakui bahawa ia telah menipu pekerja-pekerja ladang getah. Dia menggunakan wang dan barang kemas kepunyaan pekerja ladang getah untuk memulakan perniagaan kain di Bandar Klang. Watak-watak kanggani dalam cerpen ‘Karuppiah Kangani’(Kangani bernama Karuppiah) dan ‘Irattai Poottu’(Dua biji Mangga) digambarkan sebagai individu yang terlalu tegas dengan pekerja-pekerja India. Mereka digambarkan sengaja mencari kesalahan dalam pekerjaan penoreh getah. Watak kanggani dalam cerpen ‘Karuppiah Kangani’(Kangani bernama Karuppiah) dicitrakan seperti berikut:-

Eh, Ponnammah! Kenapa kamu belum letak tanda di pokok ini.? Awak perlu meletak tanda setiap hujung bulan. Saya akan memotong gaji awak untuk tiga hari. Saya sepatutnya tidak perlu menunjukkan belas kasihan kepada orang-orang kita”, Kangani memberi amaran kepada Ponnammah.
(Vadiveloo, 1970, m.s. 66).

Watak kanggani dalam cerpen tersebut didapati mengugut pekerja wanita yang bernama Ponnammah. Kangani tersebut menggunakan sapaan ‘Eh’ untuk menegur wanita tersebut. Selain itu, kanggani mengugut wanita tersebut bahawa gajinya akan dipotong sekiranya tidak meletakan tanda di pokok-pokok getah. Sebenarnya kanggani tidak perlu menggunakan kekerasan terhadap wanita tersebut. Teguran lisan lebih memadainya. Watak kanggani yang bernama kanggani turut dicitrakan memarahi wata pekerja ladang getah yang bernama Munusamy. Kangani tersebut didapati cuba menunjukkan kepandaianya terhadap Munusamy. Selain itu, kanggani tersebut berleter dan memberi amaran kepada penoreh getah tersebut. S.Vadiveloo mencitrakan peristiwa tersebut seperti berikut:-

“Eh Munusamy! Mengapa awak menoreh getah sampai begitu dalam?

Ini adalah pokok getah yang muda. Awak perlu menoreh dengan lembut tanpa melukakan batang pokok. Tidak sampai satu tahun pokok ini dibuka untuk ditoreh. Kamu perlu lebih berhati-hati ketika menoreh pokok-pokok getah yang muda ini. Kalau Tuan Pengurus Besar mengetahui luka-luka yang kamu lakukan terhadap pokok getah yang

muda ini tentu dia akan mengambil tindakan terhadap kamu” Kangani memberi amaran kepada Munusamy dengan sekeras-kerasnya.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 68).

Watak kanggani dalam cerpen ‘Irattai Poottu’(Dua biji Mangga) dicitrakan tidak senang hati dengan tindakan seorang pekerja getah yang cuba menjadi sami di rumah berhala yang dikuasai oleh beliau suatu ketika dahulu.Pekerja ladang getah membaik pulih rumah berhala yang terbiar itu untuk kepentingan dirinya.Kangani Athimoolam didapati cemburu terhadap tindak tanduk pekerja ladang getah tersebut. S.Vadiveloo perasaan kanggani tersebut seperti berikut:-

Kangani Athimoolam naik marah dengan tindakan seorang pekerja ladang getah yang cuba menguasai rumah berhala yang pernah dipelihara olehnya. “Ke mana dia pergi ketika orang Jepun memusnahkan rumah berhala tersebut. Orang Jepun membaling berhala kita keluar dari rumah berhala tersebut. Pada masa itu saya yang menggadaikan nyawa untuk mendapatkan balik berhala kita menempatkan semula di rumah berhala tersebut.

(Irattai Poottu,28:1970)

Watak kanggani yang bernama Athimoolam iri hati dengan tindakan seorang pekerja ladang getah yang membaik pulih rumah berhala yang pernah ditinggalkan oleh kanggani Athimoolam. Rumah berhala tersebut dibiarkan sejak pendudukan Jepun. Selepas pendudukan Jepun seorang pekerja ladang getah mengambil inisiatif untuk membaik pulih rumah berhala tersebut. S.Vadiveloo mencitrakan riaksi kanggani tersebut seperti berikut:-

Kangani Athimoolam mula gelisah kerana pekerja yang menguasai rumah berhala yang pernah dikuasai oleh Kangani Athimoolam itu akan mengaut segala wang ringgit yang akan didermakan oleh penduduk ladang getah tersebut. Kangani Athimoolam berasa cemburu kerana sumber kewangan yang dikuasai olehnya kini menjadi milik orang lain.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 28).

Sepatutnya watak kanggani tersebut perlu senang hati dengan tindakan pekerja ladang getah yang berusaha membaik pulih rumah berhala yang using untuk kegunaan ramai. S.Vadiveloo mengisahkan bahawa pekerja ladang getah tersebut tidak mempunyai niat jahat untuk menguasai rumah berhala tersebut untuk kepentingan diri, Cuma kanggani Athimoolam berasa gelisah kerana segala rahsianya akan terbongkar jika pekerja ladang getah tersebut menguasai rumah berhala tersebut. Kanggani Athimoolam mengetahui di rumah berhala tersebut tidak mempunyai sebarang sakthi.

S.Vadiveloo menggambarkan watak sami tersebut sengaja membuat rekaan bahawa rumah berhala tersebut memiliki kesaktiaan yang amat besar agar mendapat kunjungan ramai dan mendapat derma yang banyak.Kanggani berasa risau kerana derma tersebut akan menjadi milik pekerja ladang getah tersebut. Watak Karuppaiyah dalam cerpen ‘Karuppiyah Kangani’(Kangani bernama Karuppiyah) dicitrakan sebagai pengintip kepada watak kerani untuk mendapat sesuatu kepentingan daripadanya. S.Vadiveloo mengisahkan bahawa watak kanggani tersebut berfungsi sebagai pengintip kepada kerani. Menurut huraian S.Vadiveloo:

Karuppaiyah menjadi pengintip kerani. Dia akan memaklumkan segala tindak tanduk pekerja ladang getah itu kepada kerani agar diambil tindakan. Pekerja mengetahui hal ini dan mereka mula berbisik sesama mereka. Kanggani Karuppiyah melakukan perkara ini semata-mata untuk mejalankan hubungan rapat dengan kerani agar mendapat jawatan yang lebih tinggi. Kanagni Karuppiyah menganggap hubungan dengan kerani adalah lebih penting dan bermakna berbanding dengan hubungan para pekerja ladang itu.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 72).

Golongan pekerja mengetahui perangai kanggani Karuppaiyah yang menjadi pengintip bagi mendapat nama baik daripada pihak pengurusan ladang getah tersebut.Watak kanggani disifatkan sebagai manusia yang mementingkan diri sendiri demi menikmati kebahagiaan dan keselesaan hidup. Watak tersebut digambarkan tidak

menghiraukan nilai keadilan ,kesamarataan, kebenaran dan kejujuran yang menjadiamalan mulia dalam kalangan pekerja-pekerja ladang getah yang lain. Berikut adalah huraian S.Vadiveloo tentang watak kanggani karuppaiyah. Cerpenis mengisahkan bahawa:

Penduduk ladang getah mencaci Kangani Karuppiah kerana menjadi pengintip kepada kerani. Namun, Kangani Karuppiah tidak menghiraukan gelagat tersebut. Pada dirinya, manusia yang menginginkan kemajuan perlu menjauhan diri daripada nilai keadilan, kesamarataan, kebenaran dan kejujuran. Inilah menjadi pegangan hidup Kangani Karuppiah selama ini.
(Vadiveloo, 1970, m.s. 70).

Watak-watak kanggani dalam cerpen ‘Taayum Magalum’(ibu dan anak perempuan) digambarkan berpura-pura di hadapan kerani ladang getah tersebut. Mereka digambarkan akan tunduk di hadapan kerani dengan penuh hormat. Mereka tidak berani menghisap cerut di hadapan kerani.S.Vadiveloo mencitrakan peristiwa tersebut seperti berikut:

Kerani tiba di pusat pengumpulan pekerja dengan menyuuuh lampu pada waktu subuh. Sebaik sahaja kerani sampai di situ para kangani, dengan segera memadamkan puntung cerut yang dihisap. Mereka menghampiri kerani itu dengan penuh hormat.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 45).

Watak-watak kanggani yang menindas golongan pekerja ladang getah digambarkan bertunduk di hadapan puak kerani ladang getah.Mereka berpura-pura di hadapan puak kerani untuk mendapat nama baik daripada mereka. Demi untuk mendapatkan nama baik dan jawatan yang lebih tinggi, kelompok kanggani sanggup menindas golongan pekerja ladang getah daripada aspek emosi dan social. Mereka sanggup menyakitkan hati pekerja tanpa mengira jantina ataupun umur. Watak kanggani Munusamy dalam cerpen ‘Taayum Magalum’(ibu dan anak perempuan) dan watak kanggani Karuppaiyah Karuppaiyah Kanggani dicitrakan sebagai individu yang

hanya mementingkan diri untuk mendapatkan sesuatu daripada pihak kerani dan pengurusan ladang getah. Mereka digambarkan tidak menjalankan tanggungjawab sebagai ketua rumah dan membelakangkan kebajikan keluarga mereka. Watak-watak mereka dicitrakan seperti berikut:

Pada pagi buta tersebut Kangani Munusamy bangun awal dan memulakan tugasnya dengan meniup wisel bagi menjagakan pekerja-pekerja ladang getah agar mereka pergi melapor diri bagi memastikan kehadiran mereka.Kangani Munusamy singgah di hadapan rumahnya sendiri dan meniup wisel itu sekutu-kuatnya agar isterinya bangun dan pergi melaporkan diri.
(Vadiveloo, 1964, m.s. 82).

S.Vadiveloo mengisahkan bahawa isterinya bangun selepas mendengari bunyi tiup wisel tersebut. Dalam cerpen ini, isteri tersebut melakukan segala tanggungjawab keluarganya dengan seorang diri. Dia tidak menerima sebarang kerjasama daripada suami sama ada daripada aspek sokongan moral ataupun kebendaan. Dia digambarkan mengurus keluarga dengan pendapatnya sendiri. Suaminya kangani Munusamy membelanjakan pendapatnya kepada kerani untuk mendapatkan jawatan ketua kangani.Watak kangani dalam cerpen ‘Karuppaiyah Kangani’(Kangani bernama Karuppaiyah) juga dicitrakan sebagai individu yang tidak membantu ahli keluarga. Watak kangani tersebut hanya mementingkan dirinya untuk mendapatkan jawatan ketua kangani. S. Vadiveloo mencitrakan watak kangani Karuppaiyah seperti berikut:

Kangani Karuppiah sudah lama menaruh harapan untuk menjawat jawatan ketua kangani. Demi merebut jawatan itu, kangani Karuppiah sudah membelakangkan kebajikan keluarganya.
(Vadiveloo, 1970, m.s. 71).

Watak-watak kangani yang digambarkan menerusi kedua-dua cerpen ini merupakan individu yang mementingkan diri sendiri. Mereka hanya menjadi orang suruhan puak kerani dan pengurusan lading. Mereka menindas anak bini dan penduduk ladang getah untuk memajukan diri sendiri. Cerpen ‘Taayum Magalum’(ibu dan anak

perempuan) mengisahkan permusuhan antara dua orang kerani dalam merebut jawatan ketua kanggan. S.Vadiveloo mencitrakan bahawa watak kanggan yang bernama karuppaiyah tidak senang hati dengan kemajuan kanggan Munusamy yang lebih berpeluang untuk mendapat jawatan ketua kanggan. S.Vadiveloo (1981) mencitrakan bahawa kangan Karuppiah tidak senang hati dengan kemajuan kangan Munusamy yang sama-sama berkelayakan untuk menjawat jawatan ketua kangan.(m.s. 46). Dalam situasi yang lain, kanggan yang bernama Govindasamy turut mengejek sikap kanggan Munusamy yang menjadi kaki kipas kepada ketua kerani.Kanggan tersebut menjelaskan sikap kanggan Munusamy seperti berikut:

Kangan Govindasamy cuba mengejek kelakuan Kangani Munusamy yang merupakan suami kepada Ammakannu. Kangani Govindasamy memberitahu Ammakannu bahawa pada awalnya Kanagni Munusamy cuba menghadiahkan botol-botol arak kepada Ketua Kangani sebagai rasuah untuk merebut jawatan Ketua Kangani. Oleh kerana, tindakan itu tidak membawa sebarang hasil, maka hari ini, kanggan Munusamy akan menghantar anak daranya ke rumah Ketua Kerani sebagai rasuah seks. Kangani Govindasamy berkata Ammakannu sebagai isteri kepada kanggan Munusamy turut bersubahat dengan suaminya. (Vadiveloo, 1981, m.s. 46).

Cerpen ‘Taayum Magalum’(ibu dan anak perempuan) memaparkan sifat-sifat seorang kanggan dalam usaha mendapatkan jawatan yang diingini. Dalam cerpen ini watak kanggan yang bernama Munusamy menindas anak daranya daripada aspek emosi dan fizikal untuk menjadikan habuan seks bagi mendapatkan jawatan ketua kanggan.

S.Vadiveloo mengisahkan bahawa:

Isiteri kepada kerani besar sudah di hantar pergi ke rumah ibunya untuk bersalin. Kerani Besar keseorangan di rumah dan meminta Ammakannu untuk menjadi pembantu rumah. Pada petang itu, Ammakannu pulang ke rumahnay dalam keadaan menangis. Suaminya Munusamy diberitahu oleh isterinya bahaw kerani besar telah mencabul kehormatannya. Sebaik sahaja mendengar berita pahit itu, dia berlari menuju rumah kerani besar dengan berparangan cangkul dengan penuh kemarahan.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 48).

Menerusi peistiwa yang dipaparkan daripada cerpen ini, dengan jelasnya dapat diketahui bahawa terdapat golongan kerani yang menerima rasuah seks semata-mata untuk menawarkan jawatan kanggani kepada pekerja ladang getah seperti Munusamy. Penindasan oleh kuasa elit India ini dapat dikuatkan lagi dengan model pencerminan Lucas.

4.5 Rumusan

Karya sastera perlu memberi impak kepada pembaca dan seterusnya kepada masyarakat. Menyedari hakikat ini, S.Vadiveloo didapati berjaya menghasilkan karya cerpen yang menggambarkan peristiwa-peristiwa penindasan yang dialami oleh masyarakat India genarsi pertama yang berkerja sebagai buruh-buruh India murah di ladang-ladang getah kepunyaan pemodal British bagi memberi kesedaran kepada generasi muda. Kisah penindasan yang dialami oleh nenek moyang masyarakat India di sekitar tahun 30-an tersebut jarang dirakam dalam buku-buku sejarah yang dikarang oleh orang Barat atau pun kurang menjadi penumpuan bagi cerpenis Tamil tempatan yang sezaman dengan S.Vadiveloo untuk menghasilkan cerpen-cerpen yang sedemikian itu., Walau bagaimanapun, cerpen-cerpen karya S.Vadiveloo seperti “irunda Ulagam” (Dunia Gelap), “Taayum Maganum” (Ibu dan Anak Lelaki), “Taayum Magalum” (Ibu dan Anak Perempuan), “Muthusamy Kilavan” (Orang Tua Muthusamy), “Thiruvaalar Sinna Kannu” (Encik Sinna Kannu), “Irandu Thirudargall” (Dua Orang pencuri), “Muundru Talaimurai” (Tiga generasi), “Kannan Remove Vaguppil Padikkiraan” (Kannan Belajar Di Kelas Peralihan), “Irandaawathu Manaiwi” (Isteri Kedua), “Pillai Varam” (Zuriat), “Irattdai Puutdu” (Dua Biji Mangga), “Serembanil Iruntu Vante Sella” (Sella Yang Datang Dari Seremban) dan “Karuppaiyah Kanggani” (Kanggani Yang Bernama

Karuppaiah) didapati berjaya merakamkan peristiwa-peristiwa pengorbanan masyarakat India generasi pertama menerusi watak dan peristiwanya.

Berlaitan dengan penindasan kuasa British ini, pendapat yang dikemukakan oleh Lian Kwen Fee (2012) telah membantu menguatkan dapatan kajian ini. Beliau berpendapat bahawa “British memerlukan pekerja berbangsa Tamil untuk masalah mengatasi kekurangan tenaga kerja di Malaya. Ini adalah disebabkan oleh pembangunan perindustrian yang pesat di Malaysia dalam abad kedua puluh” (m.s.201). Pendapat tersebut membuktikan bahawa masyarakat India generasi pertama tersebut bukanlah pendatang tetapi golongan pekerja yang dibawa oleh British untuk membantu meningkatkan kualiti ekonomi mereka.

Selain itu, rakaman-rakaman berkaitan dengan sejarah kedatangan masyarakat India ke negara ini generasi pertama yang dimuatkan dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo dalam bentuk watak dan peristiwa ini sangat berpotensi untuk memberi kesedaran kepada generasi muda tentang pengorbanan yang dilakukan oleh nenek moyang untuk kepentingan negara. Mereka telah ditindas sebagai golongan subaltern yang tidak mempunyai status sosial dan hak menyuarakan kehendaknya. Generasi muda perlu menyedari bahawa segala kesenangan yang dirasai sekarang bukanlah dicapai dengan mudah. Semua kebahagian yang dialami oleh mereka adalah daripada hasil titik peluh masyarakat India generasi pertama yang berkerja sebagai buruh-buruh paksa.

Dapatan kajian ini dapat diperkuatkan lagi dengan hasil pendapat Dhandayutham (1981) yang menyatakan bahawa “cerpen S.Vadiveloo yang bertajuk ‘Muundru Talaimurai’ (Tiga Generasi) dan cerpen ‘Thaayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) yang dihasilkan oleh S.Vadiveloo memaparkan realiti kehidupan masyarakat India yang ditindas oleh pengurusan ladang getah yang dimiliki oleh penjajah British”.(m.s.8). Selain itu, pendapat Kirushnan (1993) turut menguatkan

dapatkan kajian ini berkaitan dengan penindasan masyarakat India oleh kuasa tentera Jepun. Menurutnya, cerpen “Taayum Maganum” (Anak Lelaki dan Ibu) mengisahkan kisah hidup ibu tunggal yang bernama Manggamma. Ibu tersebut hidup bersendirian selepas suaminya dibawa ke Siam secara paksa oleh tentera Jepun. Manggamma dipukul oleh tentera Jepun kerana berjuang untuk menyelamatkan nyawa anaknya”(m.s. 64).

Selain itu, kuasa tentera Jepun didapati turut menindas masyarakat India di Malaya ketika zaman penjajahan. Masyarakat India mengalami kesulitan daripada aspek kebijakan apabila berlaku masalah kekurangan beras di Malaya. Selain itu, masyarakat India digambarkan ditindas daripada aspek buruh paksa. Pendudukan Jepun di Malaya menyebabkan ramai ketua rumah terpaksa meninggalkan anak dan isteri mereka untuk beberapa tahun. Antara buruh yang dibawa ke Siam menemui ajal akibat ditindas oleh Jepun.

Selain itu, cerpen-cerpen S.Vadiveloo turut mengambarkan penindasan kuasa superior India elit yang terdapat di kawasan ladang getah. Golongan elit yang terdiri daripada kelompok kerani, guru, kanggani dan sami didapati menindas masyarakat India yang tinggal di ladang getah. Kelompok kerani melayan pekerja India terutamanya orang Tamil sebagai hamba. Watak-watak kerani digambarkan tidak menghormati pekerja ladang getah walau pun tua daripada aspek umur. Watak-watak wanita turut mengalami penindasan daripada aspek tenaga buruh kanak-kanak dan gangguan seksual.

Sebagai rumusannya, cerpen-cerpen S.Vadiveloo berjaya memaparkan peristiwa-peristiwa penindasan yang dilakukan oleh kuasa superior British, Jepun dan elit India dengan jelas sekali. Penindasan ini dapat dikukuhkan dengan Teori Subaltern (TS) dan Model Pencerminan George Lucas (MPL). Secara keseluruhannya, fakta-fakta sejarah dan dapatan daripada tinjauan literatur turut menguatkan dapatan kajian ini tentang penindasan yang dialami oleh masyarakat India generasi pertama.

BAB 5

PEMAPARAN PENINDASAN KAUM LELAKI TERHADAP WANITA DALAM CERPEN-CERPEN S.VADIVELOO

5.1 Pengenalan

Bab ini akan meneliti gambaran penindasan watak-watak wanita yang dipancarkan dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo. Segala penindasan wanita tersebut diklasifikasikan kepada beberapa subtajuk. Pertamanya ialah penindasan wanita yang dilakukan oleh ahli keluarga. Subtajuk ini mempunyai tajuk-tajuk kecil seperti gambaran penindasan wanita oleh bapa, penindasan oleh suami, dan penindasan oleh anak. Subtajuk kedua ialah penindasan wanita oleh bukan ahli keluarga. Tajuk-tajuk kecil di bawah subtajuk ini ialah gambaran penindasan wanita oleh tuan rumah, penindasan wanita oleh pengurusan ladang, gambaran penindasan oleh kanggan, dan penindasan oleh puak kerani.

Subtajuk berikut ialah mengenai penindasan wanita daripada aspek sosiobudaya. Tajuk-tajuk kecil di bawah tajuk ini ialah gambaran penindasan daripada aspek sosial dan gambaran penindasan wanita daripada aspek budaya. Subtajuk berikut ialah penindasan wanita daripada aspek fizikal dan emosi. Tajuk-tajuk kecil di bawah subtajuk ini ialah gambaran penindasan wanita daripada aspek fizikal dan gambaran penindasan wanita daripada aspek emosi. Bab ini berakhir dengan subtajuk penindasan wanita oleh wanita. Tajuk-tajuk kecil dalam subtajuk ini ialah gambaran penindasan wanita oleh wanita daripada bukan ahli keluarga.

Setiap gambaran penindasan yang dicitrakan dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo dianalisis mengikut teori Subaltern dan Model Pencerminan Lucas.. Pendekatan ini digunakan sebagai langkah untuk mengesan paparan penindasan yang dialami oleh watak-watak wanita India dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo. Watak-watak wanita India dalam cerpen-cerpen tersebut dicitrakan mengalami penindasan oleh kuasa superior British, tentera Jepun, kelompok India elit yang terdiri daripada kerani, kanggani, majikan dan sami. Watak-watak wanita turut digambarkan mengalami penindasan oleh ahli keluarga seperti bapa, anak dan suami. Model Pencerminan Lucas (MPL) digunakan bagi mengenal pasti peristiwa-peristiwa penindasan wanita yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo daripada aspek kebenaran.

5.2 Penindasan Wanita Oleh Ahli Keluarga

S.Vadiveloo menghasilkan cerpen-cerpen yang bertemakan cinta dan perkahwinan, keruntuhan moral, pendudukan Jepun, politik, masyarakat majmuk, taraf kewarganegaraan, penindasan pekerja ladang getah, arak, pelajaran, agama dan penindasan wanita. Banyak antara cerpen-cerpen beliau membawa watak-watak wanita seperti isteri, ibu, kakak, adik, adik ipar, pengasuh, ibu mertua dan jiran wanita. Watak-watak wanita yang terdapat dalam cerpen-cerpen beliau dicitrakan mengalami penindasan oleh watak-watak lelaki seperti bapa, suami, kerani, kanggani dan sami. Penindasan ini dilakukan bentuk menyentuh perasaan, paksaan, ejekan, sindiran, dan serangan fizikal. Tajuk ini telah meneliti cerpen-cerpen S.Vadiveloo yang memaparkan isu penindasan golongan wanita oleh ahli keluarga mereka sendiri seperti bapa, suami dan anak.

5.2.1 Gambaran Penindasan Wanita Oleh Bapa.

Cerpen ‘Serambanil Iruntu Vante Sella’(Sella dari Seremban) mencitrakan penindasan seorang kanak-kanak perempuan yang baru berusia sebelas tahun. Kanak-kanak tersebut dinafikan untuk mendapat pendidikan awal dan dihantar bekerja sebagai pembantu rumah di sebuah rumah kerani yang terletak berjauhan dari rumahnya. S.Vadiveloo mengisahkan bahawa watak kanak-kanak perempuan yang bernama Sellamah tersebut tidak dapat menahan tangisannya ketika mengikuti majikannya ke Kuala Lumpur untuk bekerja sebagai pembantu rumah pada usia yang begitu muda. Gadis tersebut digambarkan sedang berpisah daripada keluarganya yang berada di sebuah ladang getah yang terletak di kawasan Seremban. Bapa kepada gadis tersebut digambarkan sebagai kaki botol telah mengambil keputusan untuk menghantar anak perempuan tersebut untuk bekerja sebagai pembantu rumah di rumah seorang kerani dengan upah yang paling murah.

Cerpenis menggambarkan bahawa ibunya tidak sanggup berpisah dengan anak perempuan tersebut. Anak serta ibunya terpaksa membisu terhadap keputusan yang dibuat oleh ketua rumah tersebut. S.Vadiveloo mencitrakan bahawa kedua-dua watak wanita tersebut tidak dapat menyuarakan pendirian dan pendapat mereka kerana takut kepada watak lelaki tersebut. Kedua-dua watak ibu dan anak perempuan digambarkan sebagai golongan Subaltern yang tidak mempunyai hak untuk bersuara seperti mana dinyatakan oleh Spivek. Watak ibu tersebut tidak dapat menahan pemergian anak perempuannya untuk bekerja sebagai pembantu rumah dengan upah bulanan 20.00 ringgit. Cerpenis menggambarkan bahawa:

Saya tidak sanggup menaiki kereta tuan rumah. Saya tiak dapat menahan tangisan setelah melihat keadaan wajah ibu saya. Adik bongsu saya cuba mendampingi saya walaupun dia berada dalam pelukan ibu. Bapa saya dalam keadaan tenang dan gembira kerana sudah menerima upah bulanan saya sebanyak 20.00 ringgit daripada tuan kerani tersebut.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 33)

Menerusi cerpen ini S.Vadiveloo cuba memaparkan penindasan yang dialami oleh seorang kanak-kanak perempuan yang tinggal di sebuah ladang getah. Dalam cerpen ini, cerpenis mencitrakan bahawa kanak-kanak perempuan tersebut tidak membantah apabila bapanya mengambil keputusan untuk memberhentikannya dari sekolah. Watak anak perempuan tersebut digambarkan terpaksa menerima hakikat dan akur dengan tindakan bapanya yang bersikap tamak. Cerpenis mencitrakan bahawa watak kanak-kanak perempuan tersebut masih belum bersedia daripada segi hati dan sanubari untuk berpisah daripada ibu dan adik beradiknya. Selain itu, watak Sella cuba membuat imaginasi tentang tindakan bapanya selepas menerima wang 20.00 ringgit tersebut.

S.Vadiveloo (1981), mengisahkan bahawa pada hari tersebut ayahnya akan minum arak yang mahal dan bukan lagi meminum samsu haram (m.s. 33). Dalam

cerpen tersebut Sella terpaksa membisu dan tidak dapat bersuara bagi mengemukakan hasratnya yang ingin menyambung pelajarannya ke peringkat sekolah menengah. Cerpenis menjelaskan bahawa masa hadapan kanak-kanak perempuan itu menjadi tidak terjamin kerana bapanya yang hanya mementingkan kebendaan. Selain itu, lelaki tersebut digambarkan sebagai individu yang tidak pandai menghormati perasaan golongan hawa. Lelaki tersebut dicitrakan hanya mementingkan wang ringgit yang bakal diperoleh melalui anak peremuannya itu.

Cerpenis turut memaparkan penindasan yang dialami oleh seorang watak wanita menerusi cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan). Dalam cerpen tersebut watak kanak-kanak perempuan digambarkan sebagai anak kedua dalam keluarga tersebut. Kanak-kanak perempuan tersebut mengambil keputusan untuk menamatkan pelajarannya di peringkat sekolah rendah. Anak lelaki yang menjadi anak sulung dalam keluarga tersebut diberi keistimewaan untuk meneruskan persekolahannya di peringkat sekolah menengah. Bapanya menyatakan bahawa anak peremuannya tidak perlu belajar sehingga ke peringkat sekolah menengah. Watak bapa tersebut dicitrakan memandang rendah tentang kebolehan para wanita dalam mendapatkan pendidikan. Bapa tersebut menafikan kebolehan para wanita dalam urusan kepimpinan dan pengurusan. S.Vadiveloo mencitrakan penafian tersebut sebagai:

Anak kita tidak akan menjadi kerani selepas belajar. Sudah memadai anak kita belajar sampai tahun enam sahaja di sekolah Tamil. Selepas ini bawa dia pergi ke ladang getah untuk membersihkan pot (mangkuk) susu pokok getah. Biar dia membiasakan diri dengan pekerjaan tersebut. Lamakelamaan kita boleh mendapatkannya satu nirai untuknya. Jika dia menoreh satu nirai, maka kita akan mendapat lapan puluh ringgit untuk sebulan.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 40)

Menerusi peristiwa yang dipaparkan dalam cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) tersebut, watak kanak-kanak perempuan dipaksa oleh bapanya agar

berhenti belajar setakat darjah enam di sekolah Tamil. Kanak-kanak perempuan tersebut didesak pergi membantu ibunya di ladang getah. S.Vadiveloo menggambarkan bahawa bapa kepada watak kanak-kanak perempuan tersebut mendominasi isteri dan anak peremuannya untuk menambahkan sumber pendapatan keluarganya. Penindasan yang dialami oleh watak wanita turut dipancarkan dalam cerpen ‘Puthiya Paathai’(Jalan Baharu). Dalam cerpen tersebut watak bapa digambarkan memberhentikan anak perempuan daripada persekolahannya.

S.Vadiveloo (1981) menjelaskan bahawa anak perempuan tersebut kini bekerja sebagai pembantu rumah di rumah kerani.(ms. 18). Cerpen- cerpen yang dibincangkan ini jelas memancarkan penindasan watak-watak wanita oleh watak bapa mereka. Ini adalah gambaran sebenar yang berlaku dalam keluarga masyarakat India ketika zaman pra kemerdekaan Malaysia. Anak-anak perempuan tidak dibenarkan menyambung persekolahan mereka di peringkat sekolah menengah semata-mata kerana sikap keangkuhan golongan lelaki. Golongan bapa berusaha memperalatkan anak-anak perempuan mereka untuk menjana pendapatan bagi menyara kehidupan mereka.

5.2.2 Gambaran Penindasan Wanita Oleh Suami

Cerpen ‘Thaayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) menceritakan penindasan yang dialami oleh seorang watak isteri di sebuah keluarga kaum India yang tinggal di sebuah ladang getah di Malaya sekitar tahun 50an. Watak isteri yang bernama Ammakannu digambarkan diserang oleh suaminya yang mabuk. Menurutnya, Ammakannu telah cuba bangun tanpa mengendahkan kesakitan yang dialami pada seluruh badannya (S.Vadiveloo 1981, m.s. 39). Watak Ammakannu digambarkan sebagai watak isteri yang perlu bangun seawal pagi tanpa mengendahkan kesakitan badan bagi melakukan rutin hariannya seperti memasak dan mengurus anak ke sekolah serta menyediakan makan minum untuk anak-anak dan suaminya serta pergi menoreh getah. Watak wanita

turut digambarkan perlu menghadiri ke tempat pengumpulan pekerja penoreh getah yang diadakan seawal jam pagi setiap hari.

Selain itu, dalam jangka waktu yang singkat itu, watak-watak wanita tersebut perlu melaksanakan kesemua rutin hariannya sebelum pukul enam pagi agar dia cepat sampai di tempat bekerja bagi menoreh pokok-pokok getah. S.Vadiveloo (1981) menggambarkan watak lelaki (suami) yang terdapat dalam cerpen tersebut sebagai orang yang berkuasa dalam keluarga dan juga di tempat bekerja. Watak lelaki tersebut digambarkan mendera akan isterinya dalam keadaan mabuk. Watak wanita tersebut digambarkan tidak dapat menahan kesakitan yang dialami olehnya. Namun begitu, wanita tersebut digambarkan tetap bersabar dengan kerendah si suaminya Vadiveloo.(m.s. 38). Penindasan wanita tersebut dicitrakan bahawa:

Ammakannu merasa letih kerana dia hanya melelapkan mata selepas pukul 2 pagi. Matanya rasa pedih dan seluruh badannya sakit kerana dipukul oleh suami yang mabuk. Ammakannu bukan sahaja merasa sakit daripada aspek fizikal malah hatinya juga turut terluka.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 38)

Menerusi watak dan peristiwa yang terkandung dalam cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) ini dengan jelasnya dapat dilihat bahawa watak Ammakannu telah mengalami penindasan oleh suaminya. Penindasan daripada aspek gender ini adalah perkara yang menjadi kebiasaan di ladang-ladang getah. Gambaran yang diberikan oleh S.Vadiveloo adalah peristiwa benar, jika diperhalusi dengan Model pencerminan Lucas dan teori Subaltern. Cerpen ‘Irandu Thirudargal’(Dua orang pencuri) pula menceritakan kisah hidup seorang isteri yang didominasi oleh suami.

Cerpenis menghuraikan bahawa watak si isteri tersebut dalam keadaan hati yang bergelora kerana suaminya sudah memecahkan amanah yang diletakkan oleh para pekerja ladang getah. Suaminya yang bekerja sebagai kanggani di ladang getah tersebut

melenyapkan kesemua barang kemas dan wang yang diamanahkan kepadanya oleh para pekerja yang dikerahkan ke negara Siam. Mereka melakukan sedemikian apabila tentera Jepun menawan mereka sebagai buruh paksa. Mereka menyerahkan kepada kanggani agar dijaga olehnya sehingga mereka pulang ke Malaya (S.Vadiveloo 1964, m.s.93).

Wanita tersebut mengalami tekanan hidup kerana sikap suaminya telah melakukan penipuan dengan membuat laporan palsu kepada pihak pentadbir ladang getah. Kanggani tersebut melaporkan bahawa barang-barang kemas yang diamanahkan oleh para pekerja hilang dan disangka telah dicuri. Si isteri tersebut tidak ingin bersubahat dengan sikap tamak yang dimiliki oleh suaminya yang melesapkan semua barang kemas kepunyaan para pekerja ladang getah. S.Vadiveloo mencitrakan bahawa si isteri tersebut diugut oleh suaminya kerana isterinya tidak memberi kerjasama dalam hal penipuan tersebut. Selain itu, suaminya memohon agar tidak mendedahkan perbuatan tersebut kepada orang lain.

Cerpen ‘Irandu Thirudargal’(Dua orang pencuri) dengan jelasnya memaparkan penindasan yang dialami oleh wanita-wanita akibat daripada sifat tamak kaum lelaki. Kaum wanita terpaksa akur kepada tekanan yang diberikan oleh kaum lelaki, terutamanya tekanan yang diberikan oleh si suami kepada si isteri. Manakala cerpen ‘Irandaavathu Manaivi’(Isteri Kedua) pula memaparkan perasan seorang isteri yang mengalami tekanan perasaan kerana kelakuan suami yang curang. Cerpenis mengesahkan bahawa:

Semua orang sudah tahu akan sikap Rajagopal yang sedang menipunya. Tetapi Amirtham tidak mempercayainya. Terdapat sesetengah orang mengatakan bahawa Rajagopal sudah berkahwin dan mempunyai isteri pertama di Tampin. Amirtham membuat keputusan bahawa dia akan bertanya tentang perkara ini kerana ia membuatkannya merunsing. (Vadiveloo, 1974, m.s. 28)

Menerusi watak dan peristiwa yang terdapat dalam cerpen ‘Irandaavathu Manaivi’(Isteri Kedua) ini, S.Vadiveloo cuba memaparkan penipuan yang dilakukan oleh segolongan suami ketika zaman penjajahan dahulu. Golongan lelaki yang berhijrah ke Malaya sebagai pekerja ladang getah digambarkan sudah berumah tangga di India dan meninggalkan isterinya di India. Pada peringkat awalnya mereka digambarkan setia dengan isteri dan keluarga yang ditinggalkan di negara India. Selepas beberapa lama tinggal di Malaya, lelaki-lelaki tersebut mula berkahwin dengan wanita-wanita tempatan pada kali kedua. Ini menyebabkan kebajikan dan kesejahteraan hidup isteri yang pertama di negara India diabaikan.

S.Vadiveloo menghasilkan cerpen ‘Irandaavathu Manaivi’(Isteri Kedua) bagi memaparkan isu yang berleluasa dalam kalangan masyarakat India pada ketika itu. Beliau mencitrakan kesengsaraan yang dialami oleh para isteri yang ditinggalkan di India. Wanita yang membaca cerpen ini tentu akan mendapat inspirasi untuk bangun menyoal tentang perbuatan suami yang meninggalkan mereka di negara India. Watak wanita dalam cerpen tersebut tidak sanggup menunggu kedatangan suami yang masih bekerja di Malaya. Dia mendesak suaminya datang ke India untuk membawa bersamanya ke Malaya.

Pada akhirnya wanita tersebut berjaya bertapak di Malaya, tetapi suaminya tidak tinggal bersama atas alasan kerja memandu lori. S.Vadiveloo mengisahkan bahawa watak wanita tersebut membangun dan merisik tentang perangai suami yang hanya datang berjumpa pada hujung minggu. Akhirnya, dia mendapat tahu bahawa suaminya sudah berkahwin dengan seorang wanita tempatan pada kali kedua. Wanita tersebut digambarkan telah ditipu oleh suami. Cerpenis mencitrakan peristiwa penindasan tersebut menerusi cerpen ‘Irandaavathu Manaivi’(Isteri Kedua). Menurutnya:

Selepas sampai di Malaya, saya akan menghantar tiket kapal layar untuk anak perempuan kamu. Lepas itu, tolong hantarkan anak perempuan kamu menaiki kapal ke Malaya. Sekarang saya balik tanpa dia. Lelaki dari Malaya memberitahu bapa mertuanya. Dia telah menaiki kapal tanpa iringan isteri. Anak perempuan yang dikahwinkan itu mempercayai bahawa suaminya akan menghantar tiket kapal layar ke rumahnya agar dia dapat sampai ke Malaya dalam tempoh hari. Amirtham menunggu dengan penuh kesabaran kerana berasa yakin dengan janji-janji suaminya yang akan menghantar tiket kapal layar agar dia dapat mendarat di Malaya’.

(Vadiveloo, 1964, m.s. 25).

Dalam cerpen yang sama S.Vadiveloo menghuraikan bahawa watak isteri kedua tersebut telah dibawa ke Malaya selepas menunggu beberapa bulan. Lelaki tersebut menempatkan isteri kedua di sebuah kampung dan selepas itu jarang datang bertemu dengannya. Isteri muda tersebut bermula untuk merisik tentang kelakuan suaminya daripada jiran dan mendapati bahawa dirinya sudah ditipu oleh suaminya. S.Vadiveloo (1964) menghuraikan bahawa Amirtham berasa tertipu oleh suaminya. Dia tidak faham akan tindakan suaminya. Cita-citanya hancur berkecaci (m.s.25). Watak Amirtham digambarkan menjalani penindasan oleh suaminya. Dia didapati tertipu oleh suaminya.

S.Vadiveloo menggambarkan sikap tamak yang terdapat dalam hati seorang lelaki berbangsa India. Watak lelaki tersebut digambarkan sebagai cuba mempermainkan wanita semata-mata untuk kepentingan nafsu mereka. Cerpen ‘Irandaavathu Manaivi’(Isteri Kedua)menjadi contoh kepada penindasan kaum wanita ketika zaman penjajahan. Cerpen ‘Irandaavathu Manaivi’(Isteri Kedua) memaparkan penindasan yang dialami oleh seorang wanita yang berasal dari Negara India. Wanita tersebut digambarkan dikahwini oleh seorang pemuda yang datang dari Malaya. Selepas berkahwin pemuda tersebut membawa isteri kedua ke Malaya dan menetapkan di sebuah negeri yang lain. Dia akan berjumpa isteri muda tersebut di hujung minggu.

S.Vadiveloo mencitrakan bahawa:

Berapa lamakah berlakunya drama ini? Selama ini awak berbohong kepada saya bahawa hendak berjumpa dengan saudara mara kamu. Sebenarnya kamu pergi berjumpa dengan isteri kamu kan? Awak adalah pemandu lori, perlu tak dua orang isteri untuk kamu? Mulai hari ini awak tidak boleh pergi ke rumah dia, dan juga dia tidak boleh datang ke rumah ini. “Raja gopal mula rasa takut terhadap isteri keduanya.

(Vadiveloo, 1964, m.s. 28)

Menerusi peristiwa dan watak yang dipaparkan dalam cerpen ‘Irandaavathu Manaivi’(Isteri Kedua) ini, S.Vadiveloo menjelaskan bahawa terdapat lelaki yang berkahwin dengan dua orang wanita. Lelaki tersebut digambarkan berkahwin dengan wanita Negara India tanpa mendapat restu daripada isteri pertama. Selain itu, watak lelaki tersebut menetapkan kedua-dua orang isteri tersebut di negeri-negeri yang lain agak tidak melanda konflik keluarga. Watak lelaki tersebut menggunakan alasan pekerjaanya sebagai pemandu lori untuk bebas bertemu dengan kedua-dua isteri tersebut. Perbuatan ini memperlihatkan unsur-unsur penipuan yang dilakukan terhadap golongan wanita. Watak daripada aspek gender semata-mata kerana dia lelaki.

5.2.3 Gambaran Penindasan Wanita Oleh Anak

S.Vadiveloo turut menggambarkan watak ibu yang tidak dibantu oleh anak lelakinya ketika keadaan terdesak. Isu ini dibincangkan dalam cerpen ‘Irunda Ulagam’(Dunia gelap) ini berkaitan dengan watak seorang ibu yang tidak mendapat sokongan anak lelakinya. Anak lelaki tersebut digambarkan tidak sudi untuk membantu ibunya yang memerlukan bantuan di tempat bekerja. Ibu tersebut dalam keadaan tertekan kerana kanggani menyuruh menyelesaikan urusan meletakkan pottu di pokok getah dalam kadar waktu yang segera. S.Vadiveloo mencitrakan kesukaran yang dialami oleh ibu tersebut seperti berikut:

Saya menyuruh anak saya membantu saya meletakkan pottu di pokok getah. Tetapi, dia engan membantu saya. Tuan kanggani, saya cuba akan menyelesaikan kerja meletakkan pottu tersebut sebelum senja ini.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 67)

Peristiwa dan watak yang dicitrakan dalam cerpen ‘Irunda Ulagam’(Dunia gelap) ini dengan jelasnya menunjukkan bahawa watak ibu tersebut ditindas oleh anak lelakinya sendiri. Anak lelaki tersebut tidak sudi membantu ibunya untuk menyelesaikan kerja yang belum dibereskan di ladang getah. S.Vadiveloo membawa mesej bahawa anak-anak perlu membantu para ibu kerana mereka bukan sahaja bekerja keras di rumah malah turut mengorbankan tenaga dan masanya di tempat bekerja. Dalam situasi yang lain, watak Kannamah digambarkan sebagai gadis yang baharu berusia enam belas tahun. Ibu kepada gadis tersebut mengambil keputusan untuk mencari jodoh kepadanya walaupun gadis itu baharu berumur enam belas tahun. Gadis tersebut digambarkan sebagai beban kepada si ibunya.

S.Vadiveloo (1981) menerusi watak ibu tersebut mengisahkan bahawa walau ada halangan, saya tetap mencari jodoh yang baik untuk Kannamah. Saya perlu mengahwinkan dia dengan seberapa segera yang boleh. Selepas dikahwinkan, Kannamma harus dihantar ke rumah suaminya.(m.s.45). Menerusi cerpen ini, S.Vadiveloo (1981) memaparkan nasib gadis-gadis yang tinggal di ladang getah adalah amat mengecewakan sekali. Mereka tidak mempunyai peluang untuk berjaya dalam pendidikan mereka. Mereka terpaksa mengikuti ibu mereka ke ladang getah bagi melakukan kerja-kerja menorah getah, mengumpul susu getah serta menebang semak samun yang mengelilingi pokok getah. Mereka dipaksa berkahwin dalam usia yang muda dan terpaksa menanggung tanggungjawab keluarga dalam usia yang sebegini muda. (m.s.41).

Cerpen “Taayum Magalum” (ibu dan anak perempuan) yang bertemakan penindasan wanita daripada aspek gender ini turut mencitrakan peristiwa sedih yang

dialami oleh watak gadis yang cedera melakukan kerja-kerja mencangkul di ladang getah. S.Vadiveloo mengisahkan penindasan tersebut sebagai:

Kannamma merasai bahawa kerja- kerja mencangkul bukan senang seperti kerja menoreh getah. Dia perlu menggenggam pisau tajak dengan kuat untuk menebang belukar dan dahan-dahan. Genggaman tersebut telah mengakibatkan luka di tapak tangannya. Dia merasa pedih yang amat sekali.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 41)

Peristiwa yang dipaparkan menerusi cerpen “Taayum Magalum” (ibu dan anak perempuan) dengan jelasnya menunjukkan penindasan yang dialami oleh seorang gadis yang berusia enam belas tahun di sebuah ladang getah. S.Vadiveloo mencitrakan bahawa watak gadis tersebut sudah bersedia menjadi pelapis bagi menggantikan ibunya sebagai bakal penoreh getah di ladang getah tersebut.

5.3 Penindasan Wanita Oleh Bukan Ahli Keluarga.

S.Vadiveloo turut mencitrakan bahawa watak-watak wanita turut mengalami penindasan oleh watak-watak bukan ahli keluarga. Watak-watak tersebut adalah seperti watak tuan rumah, puak Kanggani dan Kerani, Sami dan individu yang lain. Watak-watak ini melakukan penindasan dalam bentuk sindiran, fitnah, menjatuhkan maruah, kekerasan, gangguan emosi, gangguan seksual dan lain-lain lagi.

5.3.1 Gambaran Penindasan Wanita Oleh Tuan Rumah

Dalam cerpen ‘Taayum Maganum’ (Ibu dan Anak Lelaki) watak Manggamah digambarkan oleh S.Vadiveloo sebagai seorang pembantu rumah di sebuah rumah kepunyaan seorang kerani. Watak Manggamah tersebut menjadi pembantu rumah setelah dia mengorbankan anak lelakinya kepada orang Jepun. Dia keseorangan kerana suaminya meninggal dunia di Siam ketika bekerja di kawasan pembinaan landasan keretapi maut, manakala anak lelakinya pula dibunuh oleh Jepun di Kuala Pilah. Watak Manggamah digambarkan bekerja keras di rumah kerani tersebut dan ianya terpaksa tunggu sehingga larut malam kerana tuan rumahnya sentiasa keluar bersiar-siar dan pulang ke rumah pada larut malam.

Seperti biasa, watak wanita tersebut menunggu kepulangan pasangan tuan rumahnya sehingga larut malam. S.Vadiveloo (1964) mencitrakan bahawa “Sudah larut malam. Menggamah masih menunggu. Kedua suami isteri tersebut baharu pulang dari panggung wayang”.(m.s.60). Dalam cerpen ini Manggammah digambarkan sebagai pembantu rumah di sebuah rumah milik kerani dan menunggu ketibaan tuan rumah mereka sehingga larut malam walaupun dia berasa mengantuk. Dalam cerpen ini cerpenis cuba menyampaikan mesej kepada pembaca bahawa golongan wanita terpaksa mengharungi pelbagai cabaran dalam kehidupan mereka. Cerpen ‘Puthiya Paathai’

(Jalan Baharu) juga mengisahkan kehidupan seorang watak kanak-kanak perempuan yang dijadikan pembantu rumah dengan upah yang tidak munasabah. Kanak-kanak perempuan tersebut hanya dibayar sejumlah dua puluh ringgit sahaja. Gambaran ini jelas menunjukkan bahawa berlakunya penindasan terhadap wanita.

5.3.2 Gambaran Penindasan Wanita Oleh Pengurusan Ladang Getah.

Golongan wanita juga mengalami penindasan daripada pihak pengurusan ladang getah. Pengurusan ladang tidak melaksanakan kemudahan seperti mana yang digariskan dalam akta pekerja wanita. ‘Employment Law in Malaysia’ (1955) menyatakan bahawa “an employer from employing female employee to work In any industrial or agricultural undertaking between the hours of ten o’clock in the morning and five o’clock in the evening” (The Employment Act 1955, Section 34). Jika diperhalusi secara mendalam akta tersebut memuatkan maklumat tentang keistimewaan yang perlu diberikan kepada pekerja wanita dalam sesebuah sektor pekerjaan.

Tinjauan dalam watak-watak wanita yang digambarkan oleh S.Vadiveloo menunjukkan bahawa golongan wanita dilayan sama seperti watak-watak pekerja lelaki. Pihak pengurusan ladang getah didapati menindas pekerja wanita daripada aspek akta pekerja 1955 seksyen 34. Cerpenis S.Vadiveloo mengisahkan penindasan ini menerusi watak wanita dalam cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan). Watak wanita tersebut digambarkan pergi bekerja di waktu subuh. Cerpen ‘Moondru Thalaimurai’ (Tiga Generasi) turut mengisahkan penindasan pihak pengurusan ladang getah terhadap golongan wanita. Watak nenek yang dicitrakan dalam cerpen tersebut dikisahkan bekerja sebagai penoreh getah dan pulang ke rumahnya pada pukul dua petang.

S.Vadiveloo (1981), mencitrakan bahawa ‘datuknya memberitahu cucunya bahawa nenek yang pergi menoreh getah akan sampai ke rumah ini pada pukul dua petang’ (m.s.71). Watak nenek dalam cerpen ini turut digambarkan sebagai Subaltern kerana mengalami penindasan daripada pihak pengurusan ladang getah. Selain mengabaikan pelaksanaan akta pekerja 1955, pengurusan ladang getah tersebut dikisahkan telah mengambil pekerja bawah umur. S.Vadiveloo mencitrakan bahawa pihak pengurusan ladang getah menggunakan gadis yang baru berumur enam belas tahun untuk melakukan kerja-kerja pembersihan seperti menebas belukar dan mencangkul di ladang getah.

Cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) mengisahkan watak gadis yang bernama Kannamma telah diberhentikan daripada persekolahannya dan dihantar sebagai buruh kasar di ladang getah dimana ibu bapanya bekerja. Pihak pengurusan ladang getah tersebut digambarkan melantik Kannamma untuk melakukan kerja-kerja mencangkul dan menebang belukar yang terdapat di sekeliling pokok-pokok getah. S.Vadiveloo (1981), menjelaskan bahawa, ‘Kannamma yang sekian lama menemani ibunya untuk menoreh pokok getah telah diberi tugas baharu oleh kerani. Kannamma mula bekerja sebagai buruh pembersih rumput’(m.s.40).

Menerusi watak dan peristiwa yang dipetik daripada cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) ini, jelas didapati bahawa watak anak dara tersebut ditindas oleh pihak pengurusan ladang getah kerana bidang pekerjaan tersebut tidak sesuai untuk anak muda seperti Kannamma yang baru berusia 16 tahun. Pihak pengurusan ladang getah didapati mengeksplorasi watak Kannamma kerana dia adalah tenaga buruh yang muda dan pihak pengurusan tidak perlu membayar upah yang tinggi kepadanya. S.Vadiveloo menggambarkan kerisauan yang dialami oleh ibu anak dara tersebut menerusi watak ibunya.

Menurut S.Vadiveloo (1981), Ammakannu berasa sedih kerana anak dara yang sekian lama menemaninya tidak lagi datang bersama. Anak dara tersebut bekerja berseorangan di kawasan yang lain sebagai buruh kasar yang menebang belukar dan cangkul mencangkul.(m.s.40). Watak wanita dalam cerpen ‘Taayum Magalum’ (Ibu dan anak perempuan) turut digambarkan mengalami tekanan perasaan kerana anak perempuannya sudah diberhentikan dari sekolah dan diantar sebagai buruh kasar di ladang getah tersebut oleh suaminya. Watak wanita tersebut bersimpati akan anak daranya kerana ianya tidak pernah melakukan pekerjaan yang lasak seperti menebas belukar dan mencangkul.

S.Vadiveloo (1981), mencitrakan kerisauan yang dialami oleh seorang ibu dengan jelas sekali. Beliau mengisahkan bahawa Ammakannu berasa risau tentang nasib anak gadisnya yang terpaksa bekerja sebagai buruh dalam usia muda ini.(m.s. 46). Peristiwa-peristiwa yang dicitrakan dalam cerpen ‘Taayum Magalum’ (Ibu dan anak perempuan) ini dengan jelasnya menunjukkan bahawa watak-watak wanita ditindas oleh kaum lelaki demi menegakkan kekuasaan mereka. Watak wanita digambarkan ditindas daripada aspek fizikal dan emosi. Mereka tidak diberi ruang untuk mengemukakan pendapat dan pendirian mereka. S.Vadiveloo mencitrakan bahawa kaum lelaki mendominasi kaum wanita bukan sahaja di rumah, malah di tempat bekerja. Gambaran yang diberikan oleh S.Vadiveloo ini menjadi selari dengan pendapat Spivek yang menyatakan bahawa kaum wanita adalah Subaltern.

5.3.3 Gambaran Penindasan Wanita Oleh Puak Kanggani

Puak kanggani memainkan peranan penting dalam penghijrahan masyarakat India ke Malaysia. Puak Kanggani yang bersifat dalam dua muka ini pada awalnya berpura-pura menjaga kebijakan dan keselamatan para pekerja ladang getah. Lama-kelamaan mereka bertindak sebagai penderhaka setelah berpihak kepada pengurusan ladang getah. Para

pekerja ladang getah berasa hampa kerana segala janji-janji Kanggani menjadi tidak menjadi kenyataan. Cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) memaparkan penindasan yang dialami oleh seorang watak pekerja wanita di sebuah ladang getah. Watak pekerja wanita tersebut dicitrakan sarat mengandung lapan bulan. Wanita tersebut diberi amaran oleh ketua kanggani kerana menoreh pokok getah secara perlahan. S.Vadiveloo mencitrakan penindasan tersebut seperti berikut:

‘Apa yang saya harus buat tuan Kangani?’.

‘Kini sudah masuk lapan bulan saya mengandung. Saya berasa letih dan susah untuk bernafas. Saya tidak dapat melakukan kerja-kerja menoreh pokok getah ini dengan pantas seperti dahulu’.

‘Saya tidak mahu ambil cuti. Jika saya duduk di rumah bagaimana pula saya akan mendapat upah untuk menyara keluarga saya?’.

‘Saya terpaksa bekerja dalam keadaan sarat mengandung ini hanya untuk menjaga kebajikan dan makan minum anak-anak saya seramai tujuh orang’.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 41)

Menerusi peristiwa dan watak yang dicitrakan dalam cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) ini, dengan jelasnya dapat disimpulkan bahawa puak kanggani mempunyai kuasa yang muktamad dalam hal pekerjaan seseorang penoreh getah. Watak wanita yang dikisahkan sarat mengandung lapan bulan itu masih melakukan kerja-kerja menorah getah tanpa mengambil cuti semata-mata kerana suaminya yang boros. Wanita mengandung tersebut terpaksa mencari rezeki bagi membiayai anak-anaknya seramai tujuh orang. Wanita tersebut memberitahu kanggani bahawa suaminya adalah seorang kaki botol. Watak wanita tersebut digambarkan tidak dapat melaksanakan kerjanya dengan sempurna kerana mengandung.

S.Vadiveloo (1981), mengisahkan bahawa ‘wanita tersebut memberitahu Kanggani bahawa tahap kesihatannya berada dalam keadaan letih dan susah hendak bernafas. Wanita tersebut tidak dapat mengambil cuti kerana terpaksa bekerja untuk mendapat gaji bagi membiayai perbelanjaan keluarganya. Jika beliau tidak bekerja

maka anak-anaknya seramai tujuh orang akan kelaparan kerana tidak menerima sebarang sokongan daripada suami' (m.s. 41). Walaupun begitu, watak Kanggani tersebut tidak sanggup menerima sebarang alasan yang diberikan oleh pekerja wanita tersebut. Kanggani tersebut digambarkan masih tegas dalam urusannya. S.Vadiveloo mencitrakan situasi tersebut sebagai:

‘Ammakannu macam mana ini?’

‘Semua orang sudah habis menoreh pokok getah. Kenapa awak masih lambat?’

‘Sudah pukul lapan pagi. Awak masih ketinggalan lebih daripada seratus batang pokok getah’.

Kangani Govindasami memberi amaran kepada Ammakannu kerana dia menoreh pokok getah secara perlahan-lahan. Ammakannu melakukan pekerjaan itu dengan lambat kerana dia mengalami kesakitan di bahagian bahunya kerana suaminya menyerang dan memukul wanita tersebut sehari sebelumnya.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 41)

Menerusi paparan peristiwa yang terdapat dalam cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) ini, S.Vadiveloo membawa mesej bahawa para wanita bukan sahaja ditindas oleh suaminya, malah turut ditindas oleh puak Kanggani di tempat pekerjaannya. Cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) turut memaparkan bahawa wanita mengandung tersebut terpaksa mengusung tangga daripada sebatang pokok getah ke pokok getah yang lain untuk melakukan kerja-kerja menoreh getah di pangkal atas pokok getah dan pangkal bawah pokok getah. Puak Kanggani bersikap tidak berperikemanusiaan kerana wanita sarat mengandung dibiarkan mengusung tangga daripada sebatang pokok ke pokok yang lain. Ini bermakna, watak wanita tersebut perlu menyelesaikan 500 pokok dalam satu hari.

Maka, wanita tersebut perlu mengusung tangga tersebut selama beberapa jam untuk menoreh 500 batang pokok getah. Manakala, dalam cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) watak Ammakannu dicitrakan mengandar dua baldi yang dipenuhi dengan susu getah. S.Vadiveloo menerangkan bahawa wanita adalah jiwa yang

lembut. Mereka tidak sesuai untuk melakukan kerja-kerja tang lasak seperti mengandar baldi susu getah. Cerpen tersebut mengisahkan kesulitan yang dialami oleh seorang wanita ketika mengandar baldi-baldi tersebut. Menurutnya:

Ammakannu menggandar dua baldi yang dipenuhi dengan susu getah. Baldi tersebut mempunyai isipadu sebanyak enam gallon. Ammakannu terasa pedih di bahagian bahunya. Kulit bahunya tercedera kerana pukulan suaminya. Dia menyapu minyak kelapa di bahagian permukaan bahu agar tidak sakit ketika mengandar baldi susu getah tersebut. Dia cuba menggunakan bahu di sebelah kirinya agar tidak sakit.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 43)

Menerusi watak dan peristiwa yang dipaparkan dalam cerpen ini, dengan jelasnya dapat diketahui bahawa golongan wanita ditindas oleh puak kanggani. Mereka membiarkan pekerja-pekerja wanita untuk mengandar baldi-baldi yang dipenuhi dengan susu getah. Sebenarnya puak kanggani ini mempunyai kuasa untuk menentukan kawasan penorehan getah kepada seseorang penoreh getah. Jika kanggani yang bertimbang rasa, sudah tentu memberi kawasan penorehan getah yang terdekat kepada pekerja-pekerja wanita agar mereka mudah bergerak dan membawa baldi-baldi susu getah.

5.3.4 Gambaran Penindasan Wanita Oleh Puak Kerani

Puak kerani menjadi orang yang berkuasa di ladang getah. Para pekerja ladang getah akan memberi penghormatan yang tinggi kerana mereka adalah orang terpelajar dan menjadi ketua kepada golongan pekerja. Maka, terdapat puak kerani yang mengambil kesempatan untuk menindas golongan wanita daripada aspek gangguan seksual. Cerpen ‘Thaayum Magalum’ (Ibu Dan Anak Perempuan) mengisahkan penindasan yang dilakukan oleh kerani ladang getah terhadap seorang wanita. Sebelum ini kerani tersebut telah memperkosa Ammakannu sehingga dia melahirkan seorang bayi yang berkulit cerah. Perkara itu menjadi ejekan jiran-jiran yang lain kerana dia melahirkan anak

perempuan yang berkulit cerah sama seperti kerani. Kini, suaminya menghantar anak perempuannya ke rumah kerani sebagai pembantu rumah. Vadiveloo mencitrakan peristiwa penindasan yang dialami oleh watak wanitanya seperti berikut:

“Keadaan ini tidak harus berlaku untuk anak perempuan saya”.

Ammakannu tidak rela menghantar anak perempuannya ke rumah kerani untuk menjadi pembantu rumah.

Dia tidak mahu peristiwa hitam yang berlaku dalam hidupnya berulang lagi.

Ammakannu risau kerana anak perempuannya telah terperangkap di rumah kerani.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 50)

Menerusi cerpen ini S.Vadiveloo menerangkan bahawa puak kerani mempermudahkan maruah pekerja-pekerja wanita sehingga mereka hamil dan melahirkan anak. Wanita-wanita yang menjadi mangsa nafsu kerani-kerani tersebut terpaksa hidup dengan ejekan penduduk setempat.

5.4 Penindasan Wanita Daripada Aspek Sosiobudaya

Kamus pelajar edisi kedua mendefinisikan ‘sosio’ sebagai kata awal kepada perkara berkaitan dengan faktor sosial atau kemasyarakatan. Manakala budaya diertikan sebagai tamadun atau peradaban. Dibawah tajuk sosiobudaya ini, penindasan watak-watak wanita dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo telah diteliti mengikut aspek sosial dan budaya. Tajuk sosial dibahagi kepada lima sub topik iaitu penindasan wanita dalam pendidikan, penindasan wanita dalam hak bersuara, penindasan wanita dalam mendapat hak kesamarataan, penindasan wanita dalam hak memilih jodoh dan penindasan wanita daripada aspek seksual. Manakala tajuk penindasan wanita daripada aspek kebudayaan diteliti mengikut subtajuk penindasan wanita daripada aspek kepercayaan karut, penindasan wanita daripada aspek gender dan penindasan wanita daripada aspek beban kerja.

5.4.1 Gambaran Penindasan Wanita Daripada Aspek Sosial

Cerpen-cerpen S.Vadiveloo turut menceritakan penindasan wanita daripada aspek sosial. Watak Sellammah dalam cerpen ‘Serembanil Iruntu Vanta Sella’ (Sella Dari Seremban) disuruh oleh majikannya memasuki rumah dia menerusi pintu belakang. S.Vadiveloo (1981) mengisahkan bahawa, ‘kamu ikut pintu belakang rumah ini. Majikan itu menyuruh Sellammah agar memasuki rumah itu mengikut pintu belakang’ (m.s.28). Peristiwa ini merupakan suatu penindasan yang dilakukan daripada aspek sosial. Tuan rumah itu menganggap Sellammah sebagai orang yang berstatus rendah daripada aspek sosial. Sudah menjadi kebiasaan di negara India bahawa individu yang memiliki status sosial yang rendah tidak diberi kebenaran memasuki halaman rumah mengikut pintu hadapan. Individu tersebut hanya dibenarkan memasuki rumah mengikut pintu dapur. Watak Sellamah digambarkan berbuat demikian dalam cerpen tersebut.

Di samping itu, watak Sellammah dalam cerpen ‘Serambaril Irunthu Vantha Sella’ (Sella Dari Seremban) juga dicitrakan sebagai pekerja bawah umur. Gadis sunti tersebut diberhentikan daripada persekolahan semata-mata untuk dijadikan pembantu rumah di sebuah rumah kerani yang terletak di Bandaraya Kuala Lumpur. Majikan tersebut tidak dapat mencari pembantu di bandaraya Kuala Lumpur kerana terpaksa membayar upah yang banyak. Maka kerani tersebut mencari pembantu rumah bawah umur daripada keluarga yang miskin semata-mata untuk membayar upah yang sedikit. S. Vadiveloo (1981) mencitrakan bahawa ‘Abang...sudahkah abang mencari seorang pembantu rumah?’ Isteri menanya suaminya sambil berdiri di anjung rumah’(m.s.27).

Menerusi cerpen ini S.Vadiveloo cuba mengisahkan bahawa gadis sunti tersebut akan menjadi pembantu rumah selama-lamanya. Dia tidak mempunyai peluang untuk maju dalam kehidupannya. Dia digambarkan Subaltern kerana tidak dapat

bersuara terhadap penganiayaan yang berlaku terhadapnya. Selain itu, cerpen ‘Serembanil Iruntu Vanta Sella’ (Sella Dari Seremban) turut mengisahkan bahawa bapa watak Sellammah memegang kuasa veto dalam keluarga tersebut untuk mengambil keputusan. Kerana itulah dia mengambil keputusan yang berat sebelah daripada aspek jantina. Peristiwa-peristiwa ini mencerminkan bahawa kaum wanita sebagai Subaltern yang tidak berkuasa dan tidak mempunyai suara untuk membela diri.

Cerpen ‘Serembanil Iruntu Vanta Sella’ (Sella Dari Seremban) juga memaparkan peristiwa penindasan yang dialami dua orang gadis sunti yang diberhentikan dari sekolah. Watak anak perempuan yang bernama Sella diberhentikan dari sekolah dan dihantar oleh bapanya ke rumah kerani yang terletak di Kuala Lumpur untuk bekerja sebagai pembantu rumah, manakala adik Sella yang bernama Saroja juga diberhentikan oleh bapanya semata-mata untuk mengasuh adik bongsunya. S.Vadiveloo (1981) mencitrakan bahawa ‘jika saya dihantar bekerja sebagai pembantu rumah di rumah kerani sudah tentu adik Saroja akan diberhentikan dari sekolah untuk mengasuh adik bongsu. Kasihan kepada Saroja. Dia sangat suka untuk pergi ke sekolah’(m.s. 33).

Manakala cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) mengisahkan watak gadis yang bernama Kannamma diberhentikan dari sekolah semata-mata kerana faktor jantina. Bapanya Kanggani Munusamy tidak mempunyai keinginan untuk menghantarkan anaknya ke sekolah menengah. Bapanya menafikan hasrat anak peremuannya untuk melanjutkan persekolahannya ke peringkat sekolah menengah. Peristiwa ini jelas menunjukkan bahawa berlakunya penindasan daripada aspek gender terutama dalam bidang pendidikan. S.Vadiveloo mencitrakan penindasan tersebut seperti berikut:

Kannamma hanya belajar sampai darjah enam di sekolah Tamil di ladangnya. Jika dia hendak menyambung pelajarannya, dia harus berulang alik sepuluh batu dan pergi ke bandar Seremban. Kannamma memang ingin untuk

belajar dan ibunya juga inginkan anak perempuannya menyambung pelajarannya. Tetapi, suaminya kangani Munusamy tidak mempunyai keinginan untuk menghantar anak perempuannya ke sekolah.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 39)

Selain itu, watak dan peristiwa yang dipaparkan menerusi cerpen ‘Muthusamy Kilavan’ (Orang Tua Muthusamy) ini menunjukkan bahawa isteri Muthusamy adalah seorang Subaltern yang tidak mempunyai kuasa untuk menghalang anaknya daripada genggaman tentera Jepun. Tentera Jepun memperkecilkan jeritan dan penderitaan isteri Muthusamy yang tinggal berseorangan tanpa suami dan anak lelakinya. Cerpen ‘Muthusamy Kilavan’ (Orang Tua Muthusamy) juga memaparkan peristiwa penindasan yang dialami oleh seorang wanita ketika zaman pendudukan Jepun. S.Vadiveloo mencitrakan bahawa watak isteri tersebut merayu kepada orang-orang Jepun yang memerangkap suami dan anak lelakinya agar melepaskan mereka. Rayuan watak isteri tersebut dibantah oleh tentera Jepun.

S.Vadiveloo (1970) turut mencitrakan bahawa “Muthusamy berasa terkejut dan dia dalam keadaan tidak dapat berbuat apa-apa. Jangan lepaskan dia bersendirian; tangisan isterinya masih mengguris hati Muthusamy” (m.s.8). Selain itu, cerpen ‘Irunda Ulagam’ (Dunia gelap) turut mengisahkan penindasan yang dilakukan terhadap seorang wanita oleh kuasa superior Jepun. S.Vadiveloo (1970) mencitrakan Penindasan berikut menerusi watak Valliamma. Cerpenis mengisahkan bahawa “Valliamma telah hidup dengan anaknya yang berumur dua tahun tanpa suami kerana suaminya terperangkap di bawah kuasa tentera Jepun dan sudah dibawa ke Negara Siam. Dia mendengar khabar bahawa terdapat beberapa orang yang dibawa ke Siam, sudah kembali ke Malaysia. Valliamma berlari untuk menanya khabar tentang suaminya yang tidak pulang bersama mereka” (m.s.73).

Menerusi cerpen Irunda Ulagam (Dunia gelap) dapat dipastikan bahawa watak Valliamma ialah seorang Subaltern yang mengalami penindasan oleh kuasa tentera Jepun. Watak wanita tersebut digambarkan tinggal bersetoran setelah suaminya dibawa secara paksa oleh tentera Jepun. Penindasan tentera Jepun lebih terserlah apabila wanita itu mendapat tahu bahawa suaminya tidak kembali ke Malaya dari Siam. Valliamma mengetahui bahawa suaminya menimpa maut di Negara Siam. Cerpen ‘Irandavathu Manaivi’ (Isteri kedua) pula mengisahkan peristiwa penindasan yang dialami oleh seorang wanita warganegara India yang mengahwini jejaka yang datang dari Malaya. Selepas melangsungkan perkahwinan, jejaka tersebut pulang ke Malaya tanpa isterinya. Dia berjanji akan kembali ke India selepas beberapa minggu untuk membawa pulang isteri tersebut. S.Vadiveloo mencitrakan peristiwa tersebut bahawa:

Selepas menunggu beberapa bulan, Amirtham hilang kepercayaan terhadap suaminya yang tinggal di Malaya. Amirtham mengambil langkah untuk pergi ke Malaya secara persendirian. Amirtham sampai di Malaya selepas belayar lima belas hari.

(Vadiveloo, 1964, m.s. 27)

Menerusi cerpen ‘Irandavathu Manaivi’ (Isteri kedua) tersebut, S.Vadiveloo cuba memaparkan penindasan yang dialami oleh seorang gadis yang memiliki kerakyatan India. Dia ditinggalkan oleh jejaka berbangsa India yang memiliki kerakyatan Malaya. Cerpenis mencitrakan watak Amirtham sebagai Subaltern yang tidak mempunyai hak bersuara tentang kezaliman yang dilakukan oleh isteri tersebut. Dalam situasi yang lain, watak Amirtham digambarkan menerima berita tentang kematian suaminya yang sudah lama meninggalkan Amirtham. S.Vadiveloo mencitrakan situasi tersebut bahawa:

Apa? suami saya sudah meninggal dunia? Amirtham hanya dapat mengeluarkan sepatah perkataan sahaja. Mata Amirtham tidak menitik air mata. Air matanya sudah tiada lagi dan menjadi kering kerana Amirtham telah menitiskan

air mata yang banyak sebelum ini. Amitham sudah biasa dengan keadaan seperti ini.
(Vadiveloo, 1964, m.s. 30)

Dalam cerpen ‘Irandu Tirudargall’ (Dua orang pencuri) watak suami yang bekerja sebagai Kanggani di sebuah ladang getah berpura-pura sebagai orang yang beramanah. Ramai pekerja ladang getah tersebut terperangkap di bawah kekuasaan tentera Jepun. Mereka dikerah secara paksa ke Siam. Pada situasi yang genting itu kesemua mereka menyerahkan wang ringgit yang disimpan oleh mereka kepada kanggani. S.Vadiveloo mengisahkan peristiwa tersebut seperti berikut:

Awak ini bercakap macam orang gila. Awak tidak cukup pandai lagi. Orang macam awak susah hendak hidup di dunia ini. Saya menjaga barang-barang kemas ini sejak buruh-buruh paksa tersebut dibawa ke Siam. Sudah tentu orang yang dibawa ke Siam tidak akan balik ke ladang getah ini. Mengapa pula saya perlu serah balik barang-barang kemas yang diamanahkan kepada saya? Saya mengatur drama rompakan barang-barang kemas di rumah kita semata-mata untuk mempercayakan penduduk ladang getah ini. Sekiranya ada buruh yang dipaksa balik ke negara ini dan menuntut barang-barang kemas yang diamanahkan kepada saya, maka inilah jawapannya. Saya tidak akan memulangkan barang-barang kami tersebut.

(Vadiveloo, 1964, m.s. 94)

Isteri kepada kanggani tersebut menghalang perbuatan pecah amanah yang dilakukan oleh suaminya. Namun suami tersebut memaki isteri dan menjadikan si isteri tersebut tidak bersuara. S.Vadiveloo mencitrakan bahawa segala nasihat yang dikemukakan oleh isteri tersebut menjadi sia-sia sahaja. Watak kanggani tersebut menggunakan wang ringgit dan barang-barang kemas kepercayaan pekerja-pekerja ladang getah tersebut dalam perniagaan yang dimulakan di Bandar. Lama-kelamaan perniagaan kanggani, tersebut berkembang maju dan dia berpindah ke Bandar bersama keluarganya. Pekerja-pekerja yang menyerahkan wang ringgit dan barang kemas kepada kanggani tersebut didapati tertipu. Menerusi cerpen ini, S.Vadiveloo menyatakan bahawa pekerja-pekerja ladang tersebut ditipu oleh kanggani kerana dia mendominasi

isterinya agar berdiam dan jangan membongkar drama rompakan yang diaturkan oleh suaminya.

Watak isteri terpaksa akur dengan arahan suami. Ini kerana isteri pada ketika itu tidak berani untuk mengemukakan pendapat dan pendirian mereka. Faktor ini menyebabkan para pekerja dipermainkan dalam drama rompakan barang-barang kemas tersebut. Tinjauan daripada aspek kebijakan dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo masih mencerminkan watak kaum wanita sebagai Subaltern. S.Vadiveloo menerusi cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) mencitrakan bahawa:

Ammakannu sedang tidur dengan berbantalkan kain lama yang dipenuhi dengan kesan minyak. Tiba-tiba Ammakannu terkejut dan terjaga apabila mendengar tiupan wisel kanggani, tiupan itu adalah suatu tanda untuk menjagakan pekerja-pekerja yang masih tidur
(Vadiveloo, 1981, m.s. 43)

Paparan dalam cerpen ini jelas menunjukkan bahawa watak Ammakannu sebagai Subaltern. Dia hanya dapat tidur dengan bantal yang disediakan daripada kain lama, manakala suaminya Munusamy dicitrakan tidur di atas katil dengan menggunakan bantal yang sempurna. Peristiwa penindasan ini bukan sahaja memaparkan ketidakadilan gender, malah turut menunjukkan bahawa wanita sebagai Subaltern yang tidak mempunyai status sosial yang sama rata dengan lelaki. Cerpen ‘Iravadavathu Manaivi’ (Isteri kedua), turut mengisahkan penipuan yang dialami oleh watak wanita yang berkahwin dengan jejaka dari Malaya. Lelaki tersebut mengahwini Amirtham dan meninggalkan wanita tersebut bersama keluarganya di India dengan janji palsu kononnya lelaki tersebut akan menghantar tiket kapal layar agar kepada Amirtham untuk sampai di Malaya beberapa bulan kemudian. S. Vadiveloo mencitrakan peristiwa tersebut seperti berikut:

Banyak surat telah dihantar oleh Amirtham ke alamat yang diberi oleh Rajagopal. Walaupun begitu tiada sebarang balasan daripada Rajagopal.Sudah tiga bulan berlalu.

Amirtham mengandung empat bulan. Ibu bapa Amirtham mula mengesyaki tentang janji-janji Rajagopal. Selepas itu, mula membuat bisikan tentang keputusan ibu bapa Amirtham yang mengahwinkan anak perempuan dengan orang kaya Malaya yang tidak dikenali asal usulnya.
(Vadiveloo, 1964, m.s. 25)

Melalui cerpen ini, cerpenis memaparkan penipuan yang dialami oleh seorang wanita yang tinggal bersama keluarganya di Tamil Nadu, India. Meskipun begitu, akibat daripada sikap tamak kedua ibu bapanya watak wanita tersebut diperdaya. Penindasan wanita lebih terpancar dalam cerpen Irandavathtu Manaivi, (Isteri Kedua) S.Vadiveloo mencitrakan bahawa watak pengantin perempuan yang bernama Amirtham ditipu oleh jejaka yang datang dari Malaya dan berpura-pura sebagai orang kaya walaupun ianya merupakan seorang penoreh getah di sebuah ladang getah yang terdapat di Malaysia. S.Vadiveloo mengisahkan bahawa:

Amirthan dikahwinkan dengan jejaka yang tidak dikenali oleh ahli keluarga sebelum ini . Dia dikahwinkan semata-mata kerana jejaka tersebut datang dari Malaya. Jejaka tersebut berjanji hendak membawa Amirtham ke Pulau Pinang selepas melangsungkan perkahwinannya. Jiran-jiran Amirthan bermula membuat pujian bahawa Amirtham akan menjalani kehidupan kaya-raya di bumi Malaya. Pujuan-pujian tersebut menambahkan keinginan Amirtham untuk berhijrah ke Malaya bersama-sama bakal suaminya.

(Vadiveloo, 1964, m.s. 25)

Watak wanita tersebut dicitrakan sebagai Subaltern kerana tidak mempunyai hak membantah untuk tidak mengahwini jejaka yang tidak dikenali itu. Dia menjadi mangsa perkahwinan paksa. Demikian juga cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) mengisahkan gangguan seksual yang dialami oleh seorang yang bernama Ammakannu. Dia telah diperkosa oleh kerani ketika dia baharu sahaja berkahwin dengan seorang penoreh getah yang bernama Munusamy. Suaminya tersebut menggadai maruah isterinya bagi mendapatkan kanggan daripada sokongan kerani tersebut. Selepas enam belas tahun, Munusamy mengulangi kesalahan yang

sama dengan menggadai maruah anak perempuannya bagi mendapatkan jawatan ketua kanggan di ladang getah tersebut. S.Vadiveloo mencitrakan bahawa:

Anak saya tidak harus menjadi mangsa kerani tersebut". Ammakannu membuat iktibar agar anak daranya dibebaskan daripada pendorongan suaminya. Malangnya, anak dara tersebut telah pun dihantar ke rumah kerani sebagai pembantu rumah.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 50)

Dalam cerpen tersebut watak anak dara yang bernama Kannamma dan watak ibu yang bernama Ammakannu dicitrakan sebagai Subaltern kerana kedua-dua wanita tersebut tidak mempunyai ruang untuk membantah dan menyuarakan pendapatnya. Mereka digambarkan mengikut arahan yang diberikan oleh kaum lelaki. Menerusi cerpen yang sama S.Vadiveloo cuba menggambarkan penindasan yang dilakukan terhadap watak Ammakannu sebelum enam belas tahun yang lalu. S.Vadiveloo mengisahkan bahawa:

Ammakannu berasa malu untuk menjelak kaki di rumah kerani tersebut, sambil menunduk kepalanya, Ammakannu memanggil anak daranya bernama Kannamma adalah anak yang dilahirkan hasil daripada hubungan Ammakannu dan kerani. (Vadiveloo, 1981, m.s. 50)

Watak Ammakannu berasa malu untuk menjelak kaki ke rumah kerani kerana dia pernah diperkosa oleh kerani tersebut. Suami Ammakannu tidak mengambil sebarang tindakan terhadap kerani yang memperkosa isterinya. Sebagai langkah menutup kes tersebut, kerani menawarkan jawatan kanggan kepada suami Ammakannu. Dalam cerpen ini watak ibu dan anak digambarkan sebagai Subaltern oleh S.Vadiveloo.

5.4.2 Gambaran Penindasan Wanita Daripada Aspek Budaya

Tajuk mengenai penindasan wanita daripada aspek budaya ini juga diteliti mengikut subtajuk penindasan wanita daripada aspek kepercayaan karut, penindasan wanita daripada aspek gender, dan penindasan wanita daripada aspek beban kerja. Cerpen-cerpen S.Vadiveloo memaparkan jenis-jenis penindasan ini begitu jelas sekali. Cerpen Karuppiah Kangani memaparkan peristiwa kepercayaan karut yang dimiliki oleh seorang bapa. Bapa tersebut digambarkan sebagai tidak membenarkan anak perempuan yang sudah berumah tangga agar tidak tinggal bersama suaminya di bandar. S.Vadiveloo mencitrakan peristiwa tersebut seperti berikut:

Murugamma tidak dapat buat apa-apa? Dia dalam keadaan dilema sama ada mengikut pandangan bapa atau suaminya. Dia terpaksa mendengar pandangan suaminya kerana mengikut budaya orang India suami merupakan lambing kesempurnaan. Dia juga tidak dapat membantah pandangan bapanya kerana dia membesar Murugamah sejak dua puluh tahun.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 74)

Menerusi cerpen Karuppiah Kangani, watak Murugamah dicitrakan sebagai anak dan isteri. Selepas berkahwin, bapanya tidak membenarkan anak perempuannya tinggal bersama suami di rumah ibu mertuanya. Walau bagaimanapun cadangan tersebut tidak diterima oleh bapanya. Watak wanita tersebut dicitrakan tertindas oleh bapa kerana tidak membenarkan anak perempuannya tinggal bersama suaminya. Bapanya berbuat demikian kerana mempercayai budaya nenek moyangnya tentang tuah yang kononnya terdapat pada anak perempuan yang kelima. Mengikut kepercayaan tersebut, anak perempuan yang kelima akan membawa tuah kepada keluarganya.

Maka, keluarga anak perempuan tidak bersetuju menghantar anak perempuan tersebut ke rumah suaminya. Sebaliknya menjemput menantu lelaki untuk bersama keluarga perempuan. Sehubungan dengan perkara tersebut, watak bapa kepada anak perempuan tersebut digambarkan tidak membenarkan Murugammah (anak) balik ke

pangkuan suaminya yang tinggal di bandar. Dalam cerpen yang sama S.Vadiveloo mencitrakan sikap bapa yang menegah anak perempuannya hidup bersama suaminya di Bandar. Cerpenis menggambarkan bahawa:

Kanggani agak tegas dalam hal ini. Dia tidak kisah bahawa sikapnya akan meretakkan rumah tangga anak perempuannya. Kanggani masih berpegang teguh dengan pendiriannya.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 74)

Penindasan wanita lebih terpancar dalam cerpen ‘Karuppiah Kanggani’ (Kanggani Yang Bernama Karuppiah) Dalam cerpen tersebut watak bapa dicitrakan melarang anak perempuannya pulang ke rumah suami. Menerusi watak dan peristiwa yang dicitrakan dalam cerpen ‘Karupiya Kanggani’ (Kanggani Yang Bernama Karuppiah) ini, cerpenis ingin menyatakan bahawa terdapat golongan bapa yang berfikiran kolot sehingga anak-anak perempuan mengalami keretakan dalam hubungan rumah tangga mereka. Watak bapa tersebut tidak sanggup menerima nasihat isteri yang menyebelahi pendirian anak menantu. Dalam cerpen ini watak wanita digambarkan sebagai inferior manakala watak lelaki sebagai superior. Berkaitan dengan perkara ini, Spivek (1988) pernah menghuraikan bahawa golongan wanita adalah Subaltern kerana mereka belum bebas bersuara lagi. S.Vadiveloo mencitrakan watak kanggani yang mendominasi watak anak perempuan sebagai:

Awak seorang sahaja anak perempuan untuk saya. Sebab itulah saya tidak mahu berpisah dengan kamu. Lagipun semasa majlis pertunangan, suami awak bersetuju tinggal bersama kita di estet ini, tetapi kini dia menunjuk perangainya. Dia menyangka boleh melakukan apa sahaja selepas berkahwin. Dia boleh pergi ke mana-mana untuk mencabar saya, biar dia pergi ke pejabat kebijakan atau mana-mana. Saya boleh datang untuk menjawab.

(Vadiveloo, 1970, m.s. 74)

Watak bapa berani melakukan penindasan tersebut kerana anak perempuan tersebut berada dalam situasi dominasi struktural. Menurut Spivek (1988), Subaltern

merupakan kelompok yang mengalami penindasan oleh kelas penguasa. Spivek menekankan bahawa eksplorasi terhadap wanita ini disebabkan oleh adanya dominasi struktural. Dominasi ini berlaku kerana adanya keistimewaan dan kekuasaan. Ini muncul kerana adanya perbezaan daripada aspek kesempatan pendidikan, kelas, ras, gender, dan demografi. Penelitian cerpen ‘Karupiya Kanggani’ (Kanggani Yang Bernama Karuppiah) daripada perspektif teori Subaltern Spivek (1988) memberi dapatan bahawa faktor adat turut menjadi halangan kepada kaum wanita supaya mereka tersekat dan tidak bebas bersuara dan menegakkan pendirian mereka. Budaya masyarakat India yang mementingkan anak lelaki berbanding anak perempuan lebih terpancar dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo.

Dalam cerpen ‘Kannan Remove Vaguppil Padikkiraan’ (Kannan belajar kelas Peralihan) menampilkan watak anak lelaki yang diberi keistimewaan oleh ibu dan bapanya. Meskipun menelan perbelanjaan yang berlipat ganda, anak lelaki tetap diberi peluang untuk melanjutkan pelajarannya di peringkat sekolah menengah. Sebaliknya, watak gadis sunti yang bernama Sella dalam cerpen ‘Serambanil Iruntu Vante Sella’ (Sella Dari Seremban) dan watak Kannamma dalam cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) digambarkan tidak diberi peluang untuk melanjutkan pelajarannya di peringkat sekolah menengah. Penindasan daripada aspek gender ini sudah lama berlaku dalam kalangan keluarga masyarakat India. Keinginan dan kehendak anak-anak perempuan jarang ditunaikan oleh ibu bapa ketika itu.

Dalam cerpen ‘Serembaniliruntu Irunthu Vanta Sella’ (Sella Dari Seremban) cerpenis mencitrakan bahawa watak anak perempuan Sella tidak dibenarkan mengikuti kawan-kawannya yang menyertai rombongan ke Bandaraya Kuala Lumpur yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Watak anak perempuan tersebut digambarkan akur kepada pendapat ayahnya yang menghalang penyertaan Sella dalam

rombongan tersebut. Peristiwa ini menjelaskan bahawa penindasan wanita sudah bermula sejak mereka muda lagi.

Dua tahun lepas dia sedang belajar di darjah empat. Semasa sekolah tersebut menganjur lawatan sambil belajar ke Bandaraya Kuala Lumpur, Sella teringin untuk menyertai rombongan tersebut. Dia telah merayu kepada ayahnya untuk mengikuti rombongan tersebut. Keinginan selesa dihalang oleh ayahnya kerana Sella terpaksa mengasuh adik bongsu yang baharu dilahirkan oleh ibunya. Selain itu, Sella diberhentikan terus dari persekolahannya semata-mata untuk mengasuh adik bongsu tersebut.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 30)

Watak-watak wanita didapati ditindas oleh pihak sami-sami yang berada di rumah-rumah berhala. Cerpen ‘Pillai Varam’ (Zuriat) mengisahkan watak ibu mertua yang menindas menantu perempuan kerana belum hamil meskipun sudah berumah tangga lebih tiga tahun. Dia digambarkan menyuruh menantu perempuannya menyembah tuhan baharu untuk mendapatkan pengurniaan zuriat. S.Vadiveloo (1981) mencitrakan bahawa “dewa Murugan yang disembah sejak puluhan tahun telah diketepikan oleh ibu. Dia sudah mula mengagung-agungkan Sai Baba. Menurutnya Sai Baba paling kuat berbanding Dewa Murugan” (m.s. 82).

Cerpen ‘Iravadavathu Manaivi’ (Isteri Kedua) mengisahkan penindasan seorang ibu terhadap anak perempuannya. Dalam cerpen tersebut, watak gadis yang bernama Amirtham dikahwinkan dengan seorang jejaka yang bermastautin di negara India. Gadis yang lahir di Malaysia tidak sudi berpindah ke negara India untuk tinggal bersama dengan suaminya yang tinggal di India. Kehidupan gadis tersebut terjejas kerana pegangan ibunya yang berpegang teguh kepada budaya masyarakat India yang mengahwinkan anak perempuannya kepada adik lelaki ibu. S.Vadiveloo mencitrakan bahawa “walaupun Amirtham tidak mengenalinya, tetapi disebabkan dia akan mula hidup di Pulau Pinang,maka dia bersetuju untuk perkahwinan ini” (m.s.25).

Adalah menjadi kebiasaan bahawa kerja-kerja berat senang dilakukan oleh kaum lelaki manakala wanita hanya sesuai untuk melakukan kerja-kerja yang ringan sahaja. Cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) menyangkal andaian yang sudah lama diterima oleh masyarakat kita. Dalam cerpen tersebut watak wanita yang bernama Ammakannu mengandar susu seberat enam gelen seperti mana seorang lelaki yang sihat. S.Vadiveloo mencitrakan peristiwa penindasan tersebut seperti berikut:

Ammakannu mengandar baldi yang dipenuhi dengan susu getah. Dia mengandar baldi yang seberat enam gallon. Kulit bahunya berasa pedih kerana dia mengandar baldi susu getah seberat enam gelen. Dia menyapu minyak kelapa di permukaan kulit yang mengalami kepedihan tersebut. Manakala anak gadisnya Kannamma mengekor Ammakannu sambil menjinjing cangkul di bahunya.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 41)

Menerusi cerpen ini cerpenis cuba memaparkan penindasan yang dialami oleh seorang wanita di sebuah ladang getah. Watak wanita tersebut terpaksa memikul susu getah yang seberat enam gelen dengan menggunakan gandar. Peristiwa ini dengan jelasnya menunjukkan bahawa pemodal British tidak bertimbang rasa tentang kemampuan seseorang pekerja. Mereka memeras tenaga manusia tanpa mengira jantina dan umur. Watak Ammanakannu dengan jelasnya digambarkan sebagai seorang Subaltern.

5.5 Penindasan Wanita Dari Aspek Fizikal Dan Emosi

Di bawah tajuk ini, cerpen-cerpen S.Vadiveloo dikaji mengikut watak-watak wanita yang ditindas daripada aspek fizikal dan emosi. Penindasan daripada aspek fizikal ini dimaksudkan sebagai serangan fizikal atau kecederaan yang dilakukan oleh golongan lelaki ke atas wanita. Manakala penindasan daripada aspek emosi dimaksudkan sebagai sindiran,ejekan,melukakan hati dan sebagainya.

5.5.1 Gambaran Penindasan Wanita Daripada Aspek Fizikal

S.Vadiveloo memaparkan tindakan suami yang memukul isteri menerusi cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan). Isu minuman arak menjadi punca kepada serangan fizikal ini. Cerpenis menggambarkan si isteri tersebut dipukul sehingga bahagian bahu wanita tersebut lebam. Watak wanita tersebut mengalami kesukaran untuk memikul baldi yang dipenuhi dengan susu getah. Cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) mencitrakan penindasan aspek fizikal yang dialami oleh watak wanita yang bekerja sebagai pembantu rumah. Dia tidak dapat tidur sehingga pukul dua pagi kerana tuan rumahnya belum pulang ke rumahnya. S.Vadiveloo memaparkan peristiwa tersebut sebagai:

Pukul dua pagi. Dia baru berasa mengantuk. Namun matanya pedih dan terasa sakit. Seluruh badannya terasa sakit. Hatinya lebih sakit lagi. Dia sedih kerana suaminya memukul dia di hadapan anak perempuannya.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 39)

Penindasan daripada aspek fizikal ini menyebabkan keadaan terjejas dan membawa pelbagai masalah kepada individu tersebut. Biasanya wanita yang bekerja pembantu rumah akan bangun sekitar pukul lima atau enam pagi bagi melakukan urusan kerja-kerja rumah seperti membersihkan rumah, menyediakan sarapan dan sebagainya. Dalam cerpen tersebut, watak wanita tersebut digambarkan bahawa terjaga sehingga dua

pagi. Peristiwa ini dengan jelasnya menunjukkan bahawa watak wanita tersebut ditindas oleh majikannya. Manakala watak wanita yang dicitrakan dalam cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) turut memaparkan peristiwa penindasan kaum wanita daripada aspek fizikal. Dalam cerpen ini watak ibu didapati dipukul oleh suaminya. Si Ibu dicitrakan mengalami kesakitan dan tidak menunjukkan kemarahannya terhadap suami. Dia meneruskan tugas-tugas harian seperti menyediakan sarapan pagi, menyiapkan anak-anak ke sekolah dan melayan suami. S.Vadiveloo menggambarkan peristiwa tersebut sebagai:

Kesakitan di badannya belum lagi hilang akibat pukulan oleh suaminya. Dia tidak kisah tentang itu dan mengambil 3 keping ‘appam’ yang dibuat oleh anak perempuannya dan simpan untuk suaminya.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 38)

5.5.2 Gambaran Penindasan Wanita Daripada Aspek Emosi

Penindasan daripada aspek emosi ini adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang menyakitkan hati. S.Vadiveloo memaparkan penindasan jenis ini menerusi cerpen-cerpen beliau. Watak-watak wanita yang ditindas daripada aspek emosi ini adalah seperti isteri, anak mertua, dan anak perempuan. Cerpen-cerpen S.Vadiveloo turut memaparkan peristiwa-peristiwa penindasan yang dialami oleh watak-watak wanita daripada aspek emosi. Watak Ammakannu dalam cerpen ‘Taayum Magalum’ (ibu dan anak perempuan) dicitrakan mengalami sendirian oleh watak kanggani.

S.Vadiveloo mengisahkan bahawa pada mulanya kanggani tersebut menghampiri Ammakannu, dan meminta sehelai daun sirih dan kapur. Sambil mengunyah sirih, pinang yang dicampur dengan kapur tersebut, kanggani mengejek Ammakannu tentang perangai suami yang sentiasa mengunjungi rumah kerani besar dengan botol-botol arak yang mahal. Sebenarnya karenah suami tersebut tidak diketahui oleh Ammakannu digambarkan sebagai suatu penindasan daripada aspek emosi. S.Vadiveloo (1981)

mencitrakan bahawa “Ammakannu, awak berlakon macam tidak tahu apa-apa mengenai perangai suami awak yang melobi jawatan ketua kanggan .Saya tahu awak dan suami awak berusaha habis-habisan untuk mendahului kanggan yang lain (m.s. 46).

Menerusi cerpen yang sama, watak isteri yang bernama Ammakannu dicitrakan telah dipukul oleh suaminya. Cerpenis S.Vadiveloo menggambarkan bahawa watak isteri tersebut ditindas daripada aspek emosi. Menurut cerpenis, Ammakannu bukan sahaja merasa luka daripada aspek fizikal malah turut mengalami luka daripada aspek emosi. S.Vadiveloo memaparkan penindasan tersebut sebagai:

Ammakannu, merasa letih kerana dia hanya melelapkan mata selepas pukul dua pagi. Matanya masih pedih dan seluruh badannya sakit kerana dipukul oleh suami yang mabuk. Ammakannu bukan sahaja merasa sakit daripada aspek fizikal malah hatinya turut terluka akibat daripada kanggan tersebut.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 38)

Watak dan peristiwa yang dipaparkan menerusi cerpen ini dengan jelasnya menunjukkan Ammakannu sebagai Subaltern kerana mengalami penindasan daripada pihak majikan ,suami dan masyarakat. Majikan memaksa watak wanita tersebut bangun seawal pagi untuk berkumpul berhampiran kuil bagi menunjukkan kehadiran untuk bekerja pada hari tersebut. Setelah itu, dia pulang ke rumah untuk melakukan kerja-kerja rumah, memasak, menyediakan sarapan dan menguruskan anak-anak yang pergi ke sekolah. Dia dicitrakan bekerja sebagai jentera setiap hari demi kepentingan suami dan anak-anaknya.

Watak isteri terebut tidak langsung menerima apa-apa sokongan daripada suaminya bekerja sebagai kanggan. Suaminya digambarkan sebagai kaki botol dan sebagai lelaki atau suami yang sanggup mengabaikan maruah isteri dan anak perempuannya kepada kerani besar bagi memperoleh jawatan ketua kanggan.

Ammakannu sebenarnya tidak mengetahui akan rancangan suami yang inginkan jawatan ketua kerani. Dia pernah dengar desas-desus tentang kegiatan suaminya yang sering mengunjung rumah ketua kerani dengan membawa botol-botol arak yang mahal.

S.Vadiveloo (1981) turut mencitrakan bahawa watak Ammakannu dicitrakan sebagai seorang isteri yang solehah kerana dunianya hanya suami dan anak-anak sahaja. Dia menjaga dan memuja suaminya seolah-olah dewa, meskipun suaminya bersikap zalim ketika mabuk. Dia masih tidak dapat memahami maksud tersirat yang diungkapkan oleh kanggani. Keadaan emosi Ammakannu terganggu akibat daripada sindiran yang dilakukan oleh kanggani tersebut. Menurutnya, ‘Ammakannu tidak dapat menerima tuduhan kanggani yang mengatakan bahawa Ammakannu dan suaminya sedang berdrama’ (m.s.46).

S.Vadiveloo (1981), turut menggambarkan peristiwa penindasan daripada aspek emosi yang dialami oleh watak Ammakannu tersebut sebagai “tuan kanggani ,tolong jelaskan lebih lanjut sedikit. Apakah drama yang tuan maksudkan sebentar tadi? Ammakannu berasa sakit hati berbanding luka yang dialami di bahagian bahunya akibat dipukul oleh suaminya semalam” (m.s.46). Menerusi peristiwa yang dipaparkan dalam cerpen tersebut, watak Ammakannu dengan pastinya dapat diklasifikasikan sebagai Subaltern.

Wanita tersebut turut dicaci oleh kanggani atas perbuatan suaminya yang tidak bertanggungjawab. Walaupun Ammakannu tidak bersubahat dengan percaturan yang dimainkan oleh suaminya, namun dia masih dianggap bersubahat dan dicaci oleh kanggani dan penduduk ladang yang lain. Watak Ammakannu dicitrakan mengalami sindiran daripada ditindas daripada aspek emosi menerusi ejekan pekerja-pekerja yang lain. Mereka berasa hairan kerana anak dara sulungnya berkulit cerah dan cantik menawan.

Sedangkan Ammakannu dan suaminya berkulit gelap. Ammakannu tersentuh hati kerana pekerja-pekerja yang lain cuba mencungkil kisah lama, yakni Ammakannu pernah diperkosa oleh ketua kerani lima belas tahun yang lalu. Dalam cerpen ini Ammakannu dicitrakan sebagai Subaltern kerana dia pernah diperkosa oleh kerani besar. Peristiwa tersebut berlaku apabila suaminya bersubahat dengan ketua kerani bagi mendapatkan jawatan kanggani. Maka Ammakannu dihantar ke rumah kerani sebagai pembantu rumah. Ammakannu sengaja dihantar sebagai pembantu rumah ketika isteri ketua kerani tersebut pergi ke rumah ibunya untuk melahirkan anak sulungnya.

Suami Ammakannu menggunakan peluang tersebut untuk menghantar Ammakannu sebagai habuan seks bagi menjawat jawatan kanggani. Akibat keganasan yang dilakukan oleh kerani tersebut, Ammakannu mengandung dan melahirkan bayi perempuan. Anak perempuan yang dilahirkan tersebut memiliki ciri-ciri kerani tersebut iaitu dengan berkulit cerah, tinggi dan berhidung mancung. Maka kerana itulah pekerja-pekerja lain mengejek Ammakannu. Akhirnya Ammakannu tidak dapat menahan penderitaan tersebut kerana dia menjadi mangsa dalam percaturan suami dan kerani tersebut. Situasi yang dialami oleh Ammakannu dengan jelasnya menunjukkan bahawa ia adalah seorang Subaltern yang tidak dapat menyuarakan pendirian. Isterinya tidak bersetuju dengan pendapat suami. Suaminya dalam keadaan tidak bersabar.

Nampaknya awak cuba memerangkap saya dengan penduduk ladang getah ini". Saya tidak sepatutnya memberitahu perancangan membolot barang-barang kemas kepunyaan pekerja ladang getah ini kepada kamu. Jika saya mengambil kira hal dosa dan pahala, tentu tidak dapat maju menjadi kaya dalam jangka waktu yang cepat". "Awak diam sahaja, saya mengetahui segalanya". Suami tersebut menjerit akan isterinya.

(Vadiveloo, 1964, m.s. 94)

Watak Ammakannu dalam cerpen 'Taayum Magalum' (ibu dan anak perempuan) dicitrakan terpaksa bertikam lidah dengan seorang kanggani yang iri hati

dengan tindakan suami Ammakannu yang melobi untuk jawatan ketua kanggani di ladang tersebut. Ammakannu digambarkan sebagai seorang isteri yang tidak mengetahui segala tindak-tanduk suaminya. Suami Ammakannu yang pada awalnya bekerja sebagai penoreh getah pernah menggadai maruah Ammakannu kepada kerani besar untuk mendapatkan jawatan kanggani. Sejak itu Ammakannu tidak mengharapkan sebarang kerjasama suaminya dalam hal pengurusan keluarga.

S.Vadiveloo (1981) mencitrrakan penindasan yang dialami oleh Ammakannu sebagai kata-kata Kangani membuatkan Ammakannu terasa seperti hatinya ditikam dengan benda yang tajam. Badannya mula menggeletar (m.s.47). Menurutnya, watak Ammakannu terasa hatinya tertikam dengan benda yang tajam kerana kanggani tersebut menceritakan perbuatan suami Ammakannu yang ingin mendapatkan jawatan ketua kanggani dengan cara menggadai maruah anak perempuannya kepada kerani besar.

Cerpenis mencitrrakan bahawa suami Ammakannu cuba menghantar anak perempuannya sebagai rasuah seks bagi memperoleh jawatan tersebut. Tindakan ini adalah merupakan suatu penindasan yang dialami oleh seorang ibu dan anak perempuan oleh seorang lelaki yang dahagakan pangkat, jawatan dan kebendaan. Watak lelaki tersebut mendiskriminasikan isteri dan anak perempuannya demi kepentingan. Di samping itu, watak suami dalam cerpen ‘Irandavathu Manaivi’ (Isteri Kedua) digambarkan melangsungkan perkahwinannya dengan dua orang wanita. Pada awalnya lelaki tersebut digambarkan sudah berkahwin dengan wanita tempatan di Malaya, selepas itu dia mengunjungi kampung halamannya, di India dan melamar seorang lagi gadis di situ.

Selepas dia berkahwin dengan gadis itu, watak lelaki tersebut digambarkan meninggalkan gadis tersebut di India dengan janji palsu. Manakala dalam cerpen ‘Irandu Tirudargall’ (Dua Orang Pencuri) suami yang memecahkan amanah digambarkan

memaki isterinya kerana isteri tersebut tidak rela bersubahat untuk menipu para pekerja yang menyerahkan barang-barang kemas dan wang ringgit kepunyaan mereka untuk dijaga sementara. Para pekerja ladang getah tersebut terpaksa menyerahkan barang-barang kemas dan wang ringgit mereka kerana mereka terpaksa meninggalkan ladang getah tersebut untuk bekerja sebagai buruh paksa di Siam. Suami yang tamak tersebut digambarkan memaki isterinya seperti berikut:

Awak ini memang gila! Kalau awak ini tidak cukup pandai,
mesti tidak boleh hidup di dunia ini.
Takkan orang yang pergi ke Siam akan balik pula?
Jika orang kaya sudah meninggal mesti banyak orang
mahukan harta mereka.
Selama ini anda sudah menjaga harta tersebut jadi kenapa
anda harus berikannya. Drama ini adalah untuk tujuan itu.
Jika terdapat orang yang balik untuk harta tersebut saya
tidak akan menjawab untuk mereka.
Sekarang orang yang datang sini akan bercakap tentang
perkara tersebut. Sebab itulah saya berbuat demikian.
(Irandu Thirudargal, 94:1964)

Menerusi cerpen ini, S.Vadiveloo cuba memaparkan sikap segolongan kanggani yang membolot kekayaan pekerja-pekerja ladang getah yang tidak berdosa. Watak Si Isteri yang menegur Si Suami digambarkan menerima padahnya. Dia dimaki kerana tidak bersubahat dengan suaminya.

5.6 Penindasan Wanita Oleh Wanita

Wanita bukan sahaja ditindas oleh golongan lelaki, malah turut ditindas oleh gender yang sama. S.Vadiveloo menggambarkan penindasan yang dilakukan oleh individu daripada gender yang sama ini dalam beberapa cerpen beliau. Tajuk ini akan meneliti cerpen-cerpen S.Vadiveloo yang memaparkan peristiwa penindasan watak-watak wanita. Watak-watak wanita yang digambarkan menindas golongan wanita ialah tuan rumah, ibu mertua, adik ipar dan jiran wanita. Tajuk ini meneliti penindasan tang dilakukan oleh watak-watak wanita yang terdiri daripada anggota ahli keluarga dan anggota bukan ahli keluarga.

5.6.1 Gambaran Penindasan Wanita Oleh Wanita Daripada Ahli Keluarga

Cerpen-cerpen S.Vadiveloo menunjukkan bahawa watak-watak seperti adik ipar, dan ibu mertua digambarkan sebagai individu-individu yang menindas watak-watak wanita. Walaupun S.Vadiveloo memaparkan isu ini dalam sebuah cerpen sahaja, tetapi isu ini bukanlah perkara yang remeh temeh. Isu ini berleluasa dalam keluarga masyarakat India. Cerpen ‘Pillai Varam’ (Zuriat) mengisahkan penindasan yang dialami oleh seorang menantu perempuan di rumah ibu mertuanya. Watak suaminya digambarkan tinggal bersama ibu dan adik-adik peremuannya di rumah yang sama.

Cerpenis menggambarkan bahawa watak wanita tersebut ditindas oleh adik-adik perempuan kepada suaminya. Adik-adik perempuan tersebut dicitrakan tidak langsung melakukan sebarang rutin di rumah mereka sejak abang mereka berkahwin. Mereka membiarkan kakak iparnya melakukan segala rutin rumah tersebut. Ibu mertuanya membiarkan isu ini berlarutan dan cuba menutup daripada didengari oleh anak lelakinya. S.Vadiveloo mencitrakan watak dan peristiwa tersebut seperti berikut:

Semenjak kakak ipar mereka melangkah ke rumah tersebut, adik-adik perempuan suaminya tidak langsung menyentuh rutin harian mereka. Kerja-kerja mengemas dan membasuh

dibiarkan begitu agar dilakukan oleh kakak ipar mereka. Adik-adik perempuan tersebut lebih khusyuk mendengar drama radio daripada stesen radio Malaysia dan Singapura. (Vadiveloo, 1981, m.s. 80)

Menerusi paparan ini, S.Vadiveloo ingin menegah penindasan yang dialami oleh menantu-menantu perempuan di rumah suami yang mempunyai adik-adik perempuan. Menantu perempuan tersebut terpaksa memikul segala rutin keluarga tersebut. Ibu mertuanya tidak langsung menghiraukan penindasan tersebut. Dia didapati menyebelahi anak-anak perempuannya dan membiarkan mereka berehat. Suaminya pula dalam keadaan serba salah dan didapati tidak dapat menegur perbuatan adik beradiknya. Manakala cerpen ‘Thunba Sanggili’ (Penderitaan) yang dimuatkan dalam akhbar Tamil Murasu bertarikh 13.9.1953 turut memaparkan penindasan yang dialami oleh seorang adik ipar di sebuah ladang getah. Isteri kepada abangnya didapati menyiram air panas ke atas muka adik ipar.

5.6.2 Gambaran Penindasan Wanita Oleh Wanita Daripada Bukan Ahli Keluarga

Watak-watak wanita dalam cerpen S.Vadiveloo turut digambarkan sebagai mangsa penindasan daripada watak gender yang sama. Watak-watak wanita tersebut terdiri daripada majikan wanita dan jiran wanita. Kedua-dua watak wanita tersebut digambarkan melayan watak-watak wanita secara tidak adil. Dalam cerpen ini watak Sella dicitrakan sebagai seorang anak ladang getah yang bekerja sebagai seorang pembantu rumah di rumah kerani. Pada pagi tersebut isteri kepada kerani tersebut memberi arahan kepada Sella supaya melakukan kerja-kerja rumah seperti membasuh kain dan mencuci pinggan mangkuk.

Menerusi peristiwa dan watak yang digambarkan dalam cerpen ini, S.Vadiveloo ingin memaparkan sikap tuan rumah tersebut yang melayan Sella sebagai Subaltern. Dia

menyuruh Sella memakan roti dalam kuantiti yang sedikit manakala bakinya disuruh diberi kepada anjing yang dipelihara olehnya. Dalam situasi ini, tuan rumah tersebut digambarkan seolah-olah mengutamakan kebajikan anjingnya Watak Sella digambarkan lebih rendah taraf berbanding anjing.

Hei Sella, tengok di sini..
Saya sudah merendamkan kain-kain keluarga kami di baldi ini.
Saya sudah memasukkan serbuk sabun.
Nanti awak basuh kain-kain ini dan sidai agar semuanya kering.
Tengok di sini..semua pinggan mangkuk yang berselerak di meja makan.
Awak cucikan semua pinggan mangkuk itu.
Saya ada letak kepingan roti di atas meja.
Awak makan sikit dan bakinya berikan kepada anjing.
(Vadiveloo, 1981, m.s. 80)

Dalam situasi yang lain, tuan rumah tersebut dicitrakan menipu pembantu rumah agar mengunting rambutnya yang panjang. Tuan rumah yang memiliki rambut yang tidak lebat membuat perancangan untuk memiliki rambut tebal yang dimiliki oleh pembantu rumah tersebut. Pada akhirnya, tuan rumah tersebut mengunting rambut panjang yang dimiliki oleh pembantu rumah tersebut. S.Vadiveloo (1991), mencitrakan bahawa “Sella sedang bersikat rambut yang pendek yang terdapat di paras telinganya dengan menggunakan sikat yang tidak ada gigi. Manakala, rambut tuan rumah pula sudah menjadi lebih cantik dan lebat” (m.s. 36).

Cerpen Pillai Varam (Zuriat) mengisahkan mengesahkan penindasan yang dilakukan oleh wanita-wanita yang tinggal berhampiran dengan rumah terhadap serang menantu perempuan. S.Vadiveloo mencitrakan bahawa watak-watak wanita tersebut asyik bertanya tentang keadaan menantu perempuan yang masih tidak hamil meskipun sudah berkahwin lebih dari enam bulan. Perbuatan wanita-wanita tersebut menantu perempuan tersebut menjadikan menantu perempuan tersebut berada dalam watak dan peristiwanya sebagai:

Selepas enam bulan mereka berkahwin, wanita-wanita yang tinggal di sekeliling rumah mereka sudah bermula berbisik dengan ibu mertuanya tentang kehamilannya.

Mereka bertanya ‘sudahkah Lechumi mengandung?’.

Maka ibu mertua itu sudah bermula untuk melakukan sembahyang hajat bagi mendapatkan cucunya.

(Vadiveloo, 1981, m.s. 81)

Perbuatan yang dilakukan terhadap menantu perempuan ini adalah sejenis penindasan daripada aspek jiwa. Penindasan jenis ini berleluasa dalam kalangan wanita-wanita tua dan wanita yang bergelar ibu mertua. Golongan wanita ini sanggup menyakitkan hati menantu perempuan mereka demi mendapatkan cucu. Golongan wanita yang sedemikian ini tidak mengambil inisiatif untuk memahami perasaan dan keputusan yang dibuat oleh pasangan muda. Dalam cerpen ‘Pillai Varam’ (Zuriat) ini pasangan tersebut mengambil keputusan untuk mengamalkan perancangan keluarga sementara mereka membeli sebuah rumah di Bandar. Mereka mahukan anak yang dilahirkan kelak dibesarkan dalam suasana yang selesa. Ibu mertua yang tidak memahami naluri pasangan tersebut dan mengharapkan cucu untuknya.

5.7 Rumusan

Bab ini telah meneliti gambaran penindasan wanita yang dipancarkan dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo mengikut perspektif Teori Subaltern (TS). Penindasan yang dialami oleh watak-watak wanita India telah ditinjau mengikut beberapa subtajuk, iaitu penindasan wanita oleh ahli keluarga, penindasan wanita oleh ahli bukan keluarga, penindasan wanita daripada aspek sosiobudaya, penindasan wanita daripada aspek fizikal dan emosi dan akhirnya penindasan wanita oleh wanita. Di bawah subtajuk penindasan wanita oleh ahli keluarga ini penelitian dilakukan daripada aspek penindasan oleh bapa, suami, anak. Penindasan wanita oleh bukan ahli keluarga diteliti mengikut aspek tuan rumah, pengurusan ladang, puak kanggani, dan puak kerani. Penindasan

wanita daripada aspek sosiobudaya diteliti mengikut aspek sosial dan budaya. Penindasan wanita daripada aspek fizikal dan emosi diteliti mengikut aspek fizikal dan emosi. Akhirnya, penindasan wanita oleh wanita oleh wanita telah diteliti daripada aspek wanita daripada ahli keluarga dan wanita daripada bukan ahli keluarga.

Seperti yang difahamkan dalam bab-bab yang lepas, Subaltern adalah golongan yang seringkali dijajah oleh kuasa superior. S.Vadiveloo menggambarkan penindasan wanita berlaku daripada bentuk jantina. S.Vadiveloo menggambarkan penafian wanita dalam mendapatkan peluang pendidikan jika dibandingkan dengan anak lelaki. Wanita India digambarkan tidak memiliki hak dalam urusan memberi pandangan atau pendapat kepada bapa atau suami, memilih jodoh dan mendapat penghormatan (Abdul Jalil, 2014). Sarjana Feminisme, Spivek (1988) menerusi artikel keramat yang bertajuk ‘Can the Subaltern speak?’ juga membincangkan tentang penafian hak yang dialami oleh golongan wanita di India. Beliau berpendapat bahawa “the Subaltern as female cannot be heard or read”(ms.104). Menurutnya, wanita adalah Subaltern dan mereka tidak ada hak bersuara.

Cerpen-cerpen yang dikaji di bawah tajuk ini ialah ‘Putiya Paatai’ (Jalan Baharu), ‘Serambanil Iruntu Vante Sell’ (Sella Dari Seremban), ‘Thaayum Magalum’(Ibu Dan Anak Perempuan), ‘Kannan Remove Vaguppil Padikkiraan’ (Kannan Belajar Di kelas Peralihan), ‘Muundru Talaimurai’ (Tiga Generasi), ‘Pillai Varam’ (Zuriat), ‘Muthusamy Kilavan’ (Orang Tua Muthusamy), ‘Irattai Poottu’ (Dua Biji Mangga), ‘Irandu Kurudigall’ (Dua Orang Pencuri), ‘Irunda Ulagam’ (Dunia Gelap), ‘Karuppiiah Kanggani’ (Kanggani Karuppiyah), ‘Taayum Maganun’ (Ibu Dan Anak Lelaki), ‘Irandaaeathu Manaivi’ (Isteri Kedua), ‘Tiruvaalar Sinnakannu’ (Encik Sinnakannu) dan ‘Irandu Tirudargall’ (Dua Orang Pencuri). Dalam kesemua cerpen tersebut wata-watak wanita dipaparkan sebagai ibu, isteri, nenek, jiran, pekerja dan adik.

Penelitian dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo menunjukkan bahawa penindasan wanita oleh ahli keluarga ramainya dilakukan oleh golongan bapa. Anak-anak perempuan dihalang oleh bapa mereka daripada mendapatkan pendidikan awal dan pendidikan menengah. Watak kanak-kanak perempuan tersebut diberhentikan dari sekolah untuk mengasuh adik dan bekerja sebagai pembantu rumah di rumah kerani. Selain itu, wanita turut digambarkan ditindas oleh suami. Terdapat suami yang memukul isteri sehingga cedera parah. Terdapat suami yang memaksa isteri untuk bersubahat bersama bagi melenyapkan harta-harta yang diamanahkan oleh penduduk ladang getah. Selain itu, terdapat juga watak anak yang enggan membantu ibu yang mengalami masalah dalam pengurusan pekerjaannya.

Selain itu, watak-watak wanita turut digambarkan mengalami penindasan daripada individu atau kumpulan bukan ahli keluarga. Dalam aspek ini, para wanita didapati ditindas oleh pengurusan ladang getah dalam bentuk rutin kerja mereka. Pekerja wanita tidak diberi beberapa keistimewaan yang perlu dirasai mengikut ‘Employment Law in Malaysia 1955’. Watak-watak wanita digambarkan bekerja lebih masa. Selain itu, pihak pengurusan digambarkan melantik pekerja-pekerja wanita bawah umur untuk bekerja sebagai buruh di ladang getah.

Golongan wanita juga telah digambarkan mengalami penindasan daripada puak kanggani dan kerani. Watak kanggani digambarkan tidak bertimbang rasa terhadap watak wanita yang sarat mengandung lapan bulan. Kanngani tersebut dikisahkan mendesak watak Ammakannu bekerja dengan pantas, manakala watak kerani pula digambarkan mengambil kesempatan ketiadaan isterinya di rumah untuk memperkosa pembantu rumah yang bernama Ammakannu. Watak wanita tersebut digambarkan hamil dan melahirkan seorang bayi berkulit cerah seperti kerani tersebut. Wanita tersebut kemudiannya digambarkan buah mulut serta ejekan penduduk ladang tersebut.

Di samping itu, watak-watak wanita turut digambarkan mengalami penindasan daripada aspek sosial dan budaya. Terdapat watak seorang anak perempuan yang dihalang tinggal di rumah suaminya. Bapa tersebut menyuruh anak perempuan dan menantu lelakinya tinggal bersama di rumah beliau. Mengikut adat orang Hindu, anak perempuan yang ke lima memiliki keistimewaan daripada aspek kekayaan. Jika bapa tersebut menghantar anak perempuan tersebut ke rumah suami, maka kekayaan yang ada pada keluarga anak perempuan itu akan merosot dan akhirnya membawa kesusahan. Terdapat juga penindasan daripada aspek kelas sosial, yakni seorang watak kanak-kanak perempuan dilarang memasuki rumah kerani mengikut pintu hadapan. Tuan rumah tersebut menyuruh watak kanak-kanak perempuan itu memasuki rumah tersebut mengikut pintu belakang. Faktor ini disebabkan oleh perbezaan kelas sosial.

Secara ringkasnya, dapat disimpulkan bahawa cerpen-cerpen S.Vadiveloo berjaya menggambarkan penindasan yang dialami oleh wanita-wanita India dalam kalangan keluarga-keluarga masyarakat India. Wanita-wanita tersebut digambarkan mengalami penindasan oleh kaum lelaki dan juga oleh sesama gender. Cerpen S.Vadiveloo turut menggambarkan bahawa wanita digambarkan tidak mempunyai ruang untuk menyuarakan ketidakadilan yang dilakukan terhadap mereka.

BAB 6

KESIMPULAN

6.1 Pengenalan

Bab ini merangkumi empat tajuk kecil iaitu pengenalan, penemuan kajian, cadangan dan kesimpulan. Kajian ini dilakukan untuk menghuraikan perkembangan genre cerpen Tamil di Malaysia serta menjelaskan sumbangan cerpenis S.Vadiveloo kepada dunia kesusasteraan Tamil di Malaysia. Ianya telah dihuraikan dalam bab ketiga. Selain itu, kajian ini turut dilakukan untuk mengkaji gambaran penindasan kuasa superior British, Jepun dan elit India terhadap masyarakat India yang dipancarkan dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo berdasarkan Teori Subaltern dan Model Pencerminan Lucas. Ianya telah dikaji dalam bab empat. Selanjutnya adalah untuk mengkaji gambaran penindasan kaum lelaki terhadap wanita India yang dipancarkan dalam cerpen-cerpen karya S.Vadiveloo berdasarkan Teori Subaltern dan Model Pencerminan Lucas.

Kajian ini melibatkan tiga buah antologi cerpen yang dihasilkan oleh S.Vadiveloo. Antara cerpen yang dipilih untuk kajian ini ialah ‘Putiya Paatai’ (Jalan Baharu), ‘Serambanil Iruntu Vante Sella’ (Sella Dari Seremban), ‘Thaayum Magalum’(Ibu Dan Anak Perempuan), ‘Kannan Remove Vaguppil Padikkiraan’ (Kannan Belajar Di kelas Peralihan), ‘Muundru Talaimurai’ (Tiga Generasi), ‘Pillai Varam’ (Zuriat), ‘Muthusamy Kilavan’ (Orang Tua Muthusamy), ‘Irattai Puutdu’ (Dua Biji Mangga), ‘Irandu Kurudigall’ (Dua Orang Pencuri), ‘Irunda Ulagam’ (Dunia Gelap), ‘Karuppiyah Kanggani’ (Kanggani Karuppiyah), ‘Taayum Maganun’ (Ibu Dan Anak Lelaki), ‘Irandaaeathu Manaiwi’ (Isteri Kedua), ‘Tiruvaalar Sinnakannu’ (Encik Sinnakannu) dan ‘Irandu Tirudargall’ (Dua Orang Pencuri). Hasil penelitian cerpen berdasarkan teori Subaltern dan model pencerminan Lucas menunjukkan bahawa

masyarakat India ditindas ditindas dari aspek kebajikan, kesejahteraan hidup, kesihatan, pendidikan, keselamatan, kemanusiaan, penindasan oleh elit India, penindasan wanita

6.2 Penemuan Kajian

Cerpen	Penindasan dalam kebajikan	Penindasan dalam kesejahteraan hidup	Penindasan dalam kesihatan	Penindasan dalam pendidikan	Penindasan dalam keselamatan	Penindasan dalam kemanusiaan	Penindasan oleh elit India	Penindasan Gender / wanita
Putiya Paatai (Jalan Baharu)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Serambanil Iruntu Vante Sella (Sella Dari Seremban)	✓	✓	✓	✓	✓		✓	✓
Thaayum Magalum (ibu dan anak perempuan)	✓	✓	✓	✓	✓		✓	✓
Kannan Remove Vaguppil Padikkiraan (Kannan Belajar Di Kelas Peralihan)	✓	✓		✓	✓		✓	✓
Muundru Talaimurai (Tiga Genarasi)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Pillai Varam (Zuriat)		✓	✓				✓	✓
Muthusamy Kilavan (Orang Tua Muthusamy)	✓	✓	✓		✓	✓	✓	✓
Irattai Puutdu (Dua Biji Mangga)	✓	✓	✓		✓		✓	
Irandu Kurudigall (Dua Si Buta)		✓			✓			✓
Irunda Ulagam (Dunia Gelap)	✓	✓	✓		✓	✓	✓	✓
Karuppiiah Kanggani (Kanggani Karuppiah)	✓	✓	✓	✓	✓		✓	✓
Taayum Maganun (Ibu Dan Anak Lelaki)	✓	✓	✓		✓	✓	✓	✓
Irandaaeathu Manaiwi (Isteri Kedua)	✓	✓			✓			✓
Tiruvaalar Sinnakannu (Encik Sinakannu)	✓	✓	✓		✓		✓	✓
Irandu Tirudargall (Dua Orang Pencuri)	✓	✓	✓		✓		✓	✓

Patricia Spencer (2013) berpendapat bahawa “the Indian working class played an important role within the colonial plantation economic structure. The plantation economy, especially the lucrative rubber industry, was an Indian domain. Without cheap Indian labor, the British would not have been able to enjoy a profitable rubber trade. The British needed Indian labor to begin working in the stalled rubber industry as soon as the war ended (m.s. 3). Pendapat beliau didapati menyokong hasil penemuan kajian ini. Masyarakat India telah diperalatkan oleh kuasa penjajah British demi kepentingan ekonomi mereka. Kuasa British mendapat keuntungan yang tinggi menerusi eksplorasi ini. Peter Linebaugh and Marcus Rediker (2000) turut menyokong daatan kajian ini dengan menyatakan bahawa “kejayaan perdagangan British terletak dalam peranan yang dimainkan oleh pekerja-pekerja India yang berada di Malaya” (m.s. 42). Pengakuan sarjana-sarjana Eropah ini menguatkan dapatan kajian ini untuk memartabatkan status sosial masyarakat India generasi pertama yang hanya dikenali sebagai buruh-buruh India murah. Kuasa British didapati tidak menghormati Rump Labour Code (1933) yang diperkenalkan oleh kerajaan British di London.

Rump Labour Code (1933) menjelaskan bahawa “the health of workers and their dependants who live on the estates is the responsibility of employers, provisions relating to accommodation, sanitation and health, and hospitals” (m.s. 39). Walaupun akta ini membolehkan masyarakat India yang tinggal bersama keluarga di ladang-ladang getah layak menerima keistimewaan yang yang sepatutnya, namun pihak pemodal British tidak menyediakan keselesaan tersebut. Masyarakat India tidak diberi layanan yang baik oleh British, Mereka diberi layanan yang buruk seperti Subaltern.

Spivek (1988) menyatakan bahawa “Subaltern adalah golongan yang tidak mempunyai latar belakang dari aspek sejarah dan mereka tidak mempunyai ruang untuk bersuara (m.s.27). Sehubungan dengan perkara ini, masyarakat India di Malaya

menerima nasib yang sama seperti mana dirujuk oleh Spivek. Pekerja ladang getah yang majoritinya terdiri daripada masyarakat India telah dijadikan Subaltern oleh puak kanggani dan kerani. Mereka menjadi orang tengah kepada kuasa British. Cerpen-cerpen S.Vadiveloo memaparkan penindasan yang dialami oleh masyarakat India dengan jelas sekali.

Pengaplikasian teori Subaltern dan Model Pencerminan Lucas terhadap watak-watak cerpen S.Vadiveloo seperti Muthusamy dalam cerpen ‘Muthusamy Kilawan’ (Orang Tua Muthusamy), Sinnakannu dalam cerpen ‘Thiruvaalar Sinnakannu’ (Encik Sinnakannu), Munusamy dalam cerpen ‘Thaayum Magalum’ (Ibu dan Anak Perempuan), Kannan dalam cerpan ‘Kannan remove Vaguppil Padikkiraan’ (Kannan Belajar Di Kelas Peralihan), Kannamma dan Ammakannu dalam cerpen ‘Thaayum Magalum’ (Ibu Dan Anak Perempuan), Arumugam dalam cerpen ‘Pillai Varam’ (Zuriat), Kannan dalam cerpen ‘Puthiya Paatai’ (Jalan Baharu) menunjukkan bahawa mereka sebagai golongan Subaltern. Watak-watak tersebut ditindas oleh pengurusan ladang getah yang ditadbir oleh pemodal British dan puak elit India.

Dapatan dalam kajian ini selari dengan pendapat Nagappan (1993). Menurutnya, “watak Muthusamy dalam cerpen ‘Muthusamy Kilawan’ (Orang Tua Muthusamy), adalah seorang buruh paksa dan menghabiskan riwayatnya di bumi yang berdarah bukan sahaja menyiksa tulang daging dan urat saraf penduduk Malaya malah jiwanya juga turut disiksa. Orang tua Muthusamy mewakili penduduk Malaya yang tiba-tiba terjerumus ke neraka pendudukan Jepun itu. Di Tanah Melayu, Muthusamy berpisah dari isteri dan di Thailand dia berpisah dari anak yang menjadi waris tunggal bagi jurai Muthusamy. Setiap saat menipiskan harapannya untuk bertemu dengan anaknya itu. Hampa sahaja akhirnya. Siksaan lahir batin itu tidak memberi peluang mereka bertemu.

Cerpen ini adalah suatu dokumentasi yang agak lengkap yang boleh mengimbaskan balikkan peristiwa-peristiwa zaman berdarah itu” (m.s.37).

Dapatan dalam kajian ini turut disokong oleh pendapat Kirushnan (1993). Menurutnya, “cerpen ‘Taayum Maganum’ (Ibu dan anak lelaki) mengisahkan kisah hidup ibu tunggal yang bernama Manggamma. Ibu tersebut hidup bersendirian selepas suaminya dibawa ke Siam secara paksa oleh tentera Jepun” (m.s. 64). Pendapat beliau menyokong dapatan kajian ini berkaitan dengan penindasan kuasa superior Jepun. S.Vadiveloo mengisahkan bahawa kuasa Jepun menindas masyarakat India dari aspek sosial kerana mereka membawa lelaki-lelaki India ke Siam secara paksaan untuk dikerjakan di kawasan pembinaan landasan keretapi Siam-Burma.

Fakta sejarah turut mengesahkan gambaran yang diberikan oleh S.Vadiveloo dalam cerpen-cerpen beliau. Dalam konteks sejarah, British menguasai keseluruhan Tanah Melayu sekitar tahun 1909. Pemodal British meneroka lebih dari seribu ekar untuk tujuan pertanian. Berkaitan dengan hal ini, Sandu (2006) menyatakan bahawa “Pemodal British mengalami kesukaran untuk mendapatkan tenaga buruh daripada masyarakat tempatan. Oleh itu, British mengalih pandangan mereka terhadap masyarakat India yang tinggal di kawasan kampung-kampung di negara India, terutamanya masyarakat Tamil di India Selatan. Mereka merancang untuk membawa masuk masyarakat India ke negara ini sebagai buruh untuk dikerjakan di kawasan pertanian tersebut kerana masyarakat Tamil ini senang dikawal dan mudah diurus” (m.s.151).

Perkara yang dibincangkan oleh Sandu (2006) turut dihuraikan oleh S.Vadiveloo menerusi cerpen ‘Karuppiyah Kanggani’ (Kanggani Karuppiyah). Selain itu, cerpen-cerpen seperti ‘Putiya Paatai’ (Jalan Baharu), ‘Thaayum Magalum’(Ibu Dan Anak Perempuan), ‘Muundru Talaimurai’ (Tiga Generasi), ‘Muthusamy Kilavan’ (Orang Tua

Muthusamy), ‘Irattai Puutdu’ (Dua Biji Mangga ‘Irunda Ulagam’ (Dunia Gelap), ‘Karuppiah Kanggani’ (Kanggani Karuppiah), ‘Taayum Maganun’ (Ibu Dan Anak Lelaki, ‘Tiruvaalar Sinnakannu’ (Encik Sinnakannu) dan ‘Irandu Tirudargall’ (Dua Orang Pencuri) turut mencitrakan pembawaan pekerja berketurunan India dari negara India ke Malaya oleh puak kanggani untuk dijadikan buruh-buruh kasar di sektor perladangan getah yang dimiliki oleh pemodal British.

Pengaplikasian Model Pencerminan Lucas dalam kajian ini sangat membantu untuk mengetahui cerminan hidup masyarakat India sewaktu zaman penjajahan. Model ini membantu untuk mengetahui realiti hidup watak Sinnakannu dalam cerpen ‘Thiruvaalar Sinnakannu’ (Encik Sinnakannu), Muthusamy dalam cerpen ‘Muthusamy Kilawan’ (Orang Tua Muthusamy), Munusamy dalam cerpen ‘Thaayum Magalum’ (Ibu dan Anak Perempuan), Kannan dalam cerpan ‘Kannan remove Vaguppil Padikkiraan’ (Kannan Belajar Di Kelas Peralihan), Kannamma dan Ammakannu dalam cerpen ‘Thaayum Magalum’ (Ibu Dan Anak Perempuan), Arumugam dalam cerpen ‘Pillai Varam’ (Zuriat), dan Kannan dalam cerpen ‘Puthiya Paatai’ (Jalan Baharu). Watak-watak tersebut dicitrakan sebagai Subaltern kerana ditindas oleh pemodal British yang mengurus ladang-ladang getah di Malaya.

Selain itu, cerpen-cerpen S.Vadiveloo turut mengambarkan penindasan kuasa superior elit India yang tinggal di kawasan ladang getah. Golongan elit yang terdiri daripada kelompok kerani, guru, kanggani dan sami didapati menindas masyarakat India yang menjadi buruh-buruh kasar di ladang getah. Pengaplikasian Model Pencerminan Lucas menunjukkan bahawa kelompok kerani melayan pekerja India sebagai orang suruhan. Watak-watak kerani yang dicitrakan dalam cerpen ‘Muundru Talaimurai’ (Tiga Generasi) didapati tidak menghormati pekerja ladang getah berbangsa Tamil walau pun pekerja tersebut tua daripada aspek umur.

Selain itu, penelitian berdasarkan teori Subaltern dan Model Pencermin Lucas dalam cerpen-cerpen-cerpen S.Vadiveloo turut didapati bahawa watak-watak wanita mengalami penindasan daripada aspek fizikal dan emosi. Cerpen-cerpen yang dikaji di bawah tajuk ini membawa watak-watak wanita sebagai ibu, isteri, nenek, jiran, pekerja dan adik. Penelitian menunjukkan bahawa penindasan wanita oleh ahli keluarga ramainya dilakukan oleh golongan bapa. Anak-anak perempuan dihalang oleh bapa mereka daripada mendapatkan pendidikan awal dan pendidikan menengah. Watak-kanak-kanak perempuan tersebut diberhentikan dari sekolah untuk mengasuh adik dan bekerja sebagai pembantu rumah di rumah kerani. Selain itu, wanita turut digambarkan ditindas oleh suami. Terdapat suami yang memukul isteri sehingga cedera parah. Terdapat suami yang memaksa isteri untuk bersubahat bersama bagi melenyapkan harta-harta yang diamanahkan oleh penduduk ladang getah. Selain itu, terdapat juga watak anak yang enggan membantu ibu yang mengalami masalah dalam pengurusan pekerjaannya.

Selain itu, watak-watak wanita turut digambarkan mengalami penindasan daripada individu atau kumpulan bukan ahli keluarga. Dalam aspek ini, para wanita didapati ditindas oleh pengurusan ladang getah dalam bentuk rutin kerja mereka. Pekerja wanita tidak diberi beberapa keistimewaan yang perlu dirasai mengikut Employment Law in Malaysia 1955. Watak-watak wanita digambarkan bekerja lebih masa. Selain itu, pihak pengurusan digambarkan melantik pekerja-pekerja wanita bawah umur untuk bekerja sebagai buruh di ladang getah.

Golongan wanita juga telah digambarkan mengalami penindasan daripada puak kanggani dan kerani. Watak kanggani digambarkan tidak bertimbang rasa terhadap watak wanita yang sarat mengandung lapan bulan. Kanngani tersebut dikisahkan mendesak watak Ammakannu bekerja dengan pantas, manakala watak kerani pula

digambarkan mengambil kesempatan ketiadaan isterinya di rumah untuk memperkosa pembantu rumah yang bernama Ammakannu. Watak wanita tersebut digambarkan hamil dan melahirkan seorang bayi berkulit cerah seperti kerani tersebut. Wanita tersebut kemudiannya digambarkan buah mulut serta ejekan penduduk ladang tersebut.

Di samping itu, watak-watak wanita turut digambarkan mengalami penindasan daripada aspek sosial dan budaya. Terdapat watak seorang anak perempuan yang dihalang tinggal di rumah suaminya. Bapa tersebut menyuruh anak perempuan dan menantu lelakinya tinggal bersama di rumah beliau. Mengikut adat orang Hindu, anak perempuan yang ke lima memiliki keistimewaan daripada aspek kekayaan. Jika bapa tersebut menghantar anak perempuan tersebut ke rumah suami, maka kekayaan yang ada pada keluarga anak perempuan itu akan merosot dan akhirnya membawa kesusahan. Terdapat juga penindasan daripada aspek kelas sosial, yakni seorang watak kanak-kanak perempuan dilarang memasuki rumah kerani mengikut pintu hadapan. Tuan rumah tersebut menyuruh watak kanak-kanak perempuan itu memasuki rumah tersebut mengikut pintu belakang. Faktor ini disebabkan oleh perbezaan kelas sosial.

Secara ringkasnya, cerpen-cerpen S.Vadiveloo berjaya menggambarkan penindasan demi penindasan yang dialami oleh wanita-wanita India dalam kalangan keluarga-keluarga masyarakat India. Wanita-wanita tersebut digambarkan mengalami penindasan oleh kaum lelaki dan juga oleh sesama gender. Wanita digambarkan tidak mempunyai ruang untuk menyuarakan ketidakadilan yang dilakukan terhadap mereka. Kajian ini membuktikan cerpen-cerpen S.Vadiveloo sebagai suatu dokumen sosial yang menunjukkan identiti penindasan yang dialami oleh masyarakat India generasi pertama di negara ini.

6.3 Cadangan

Pengkaji mencadangkan lebih banyak kajian masa depan yang menumpu sama ada dalam bidang yang atau melibatkan aspek ekonomi dan politik yang belum mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji. Barangkali pengkaji terkemudian boleh menggunakan bahan kajian dan pelbagai teori yang lain bagi memperoleh kesan yang pelbagai dan lebih bermanfaat untuk khalayak seluruhnya.

6.4 Kesimpulan

Kajian ini dilaksanakan bertujuan meneliti citra penindasan kuasa superior British, Jepun dan India elit terhadap masyarakat India di Malaysia dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo. Kajian ini penting kerana dapatan daripada kajian ini akan menyingkap realiti sejarah yang dipersembah melalui sentuhan kreatif, cerpen oleh S.Vadiveloo cerpenis berwibawa. Dengan hal yang demikian, masyarakat dalam kalangan kumpulan etnik yang pelbagai akan berpeluang memahami dan menghayati realiti sejarah, khususnya mengenai citra sosial masyarakat India generasi pertama yang dibawa ke Malaya sebagai buruh-buruh murah oleh kuasa British.

Tiga buah antologi cerpen karya S.Vadiveloo dipilih sebagai bahan kajian. Pilihan ini berdasarkan populariti cerpen berkenaan yang dianggap mewakili citra sosial masyarakat India, yang menjadi pekerja di ladang-ladang getah di bawah seliaan kuasa kolonial British, dan golongan India elit, di Malaya. Bahkan, cerpen yang dipilih juga dianggap turut mewakili citra sosial masyarakat India yang menjadi buruh paksa projek kereta api maut yang menghubungkan Siam-Burma semasa pendudukan Jepun di Malaya. Hashim Awang (1985) dan Mana Sikana (2008) pernah berpendapat bahawa sesuatu cerpen yang dihasilkan oleh penulis adalah merupakan cerminan kehidupan sama ada individu atau sekumpulan masyarakat yang tinggal di sesuatu masa dan di sesebuah negara.

Maka, pengaplikasian Teori Subaltern dan Model Pencerminan Lucas dalam cerpen-cerpen S.Vadiveloo mendapati bahawa masyarakat India generasi pertama mengalami belbagai penindasan daripada kuasa superior British, Jepun dan elit India. Penindasan-penindasan tersebut telah diklasifikasikan kepada penindasan dalam bentuk keperluan asas, penindasan dalam bentuk persekitaran hidup, penindasan dalam bentuk rutin, penindasan dalam bentuk ketuanan, penindasan dalam bentuk eksplotasi gender, agama serta kelas sosial dan akhirnya penindasan dalam bentuk peradaban. Selain itu, golongan wanita didapati turut ditindas daripada aspek gender. Cerpenis berwibawa S.Vadiveloo didapati menggunakan upaya kreatifnya, menghasilkan cerpen berkualiti sebagai landasan untuk mencerminkan kesemua penindasan yang dialami oleh masyarakat India ketika zaman penjajahan British dan Jepun di Malaya.

RUJUKAN

- Abdul Jalil Ramli, (2014). *Wanita dalam novel-novel terpilih Pramoedya Ananta Toer : satu kajian subaltern*, Thesis (Ph.D.) Universiti Sains Malaysia.
- Abrams, M.H. (1953) *The Mirror and The Lamp: Romantic theory and Critical Tradition*. London: Oxford University Press.
- Abu Talib Ahmad,(2000). *The impact of the Japanese Occupation on colonial and anti-colonial armies in Southeast Asia*. In Karl Hack & Tobias Rettig (Eds.). Colonial Armies in Southeast Asia (pp. 213-238). London: Routledge
- Ahmad Murad Merican, (2009). *Sains Sosial & Mengkaji Masyarakat Sendiri*. Paper presented at the Seminar Kelestarian Penyelidikan Sains Sosial, ASASI dan SEFSI, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Ahmad Ali Seman, (2016). *Kepentingan Jepun Dalam Landskap Ekonomi Semenanjung Tanah Melayu Semasa Perang Dunia Kedua*. BookRix,
- Amarjit Kaur,(1988)*International Migration in Malaysia and Singapore since the 1880s: State Policies, Migration Trends and Governance of Migration* The Fourteenth James C. Jackson Memorial Lecture 2006, Malaysia and SingaporeSociety of Australia (Armidale: UNE Asia Centre for MASSA, 2006)
- Amarjit Kaur (2006). *Mobility, Labour Migration and Border Controls in Asia*. Palgrave Macmillan: New York
- Amrith, S. (2010). Indians overseas? Governing Tamil migration to Malaya 1870-1941 Past and Present, vol. 208, issue-1.pp. 231-261
- Ashcroft, Bill, Gareth Griffiths and Helen Tiffin. (2002). *The Empire Writes Back: Theory and Practice in Post-colonial Literatures*. 2nd ed. London: Routledge.
- Ashcroft,B.(2006). *The post-colonial studies reader*, London: Routledge
- Azhar Wahid, (2011).** *Hegemoni Intelektual Kolonialisme dalam Novel Melayu*. *Jurnal Melayu (6) 2011: 169-185, Vol. 6*
- Bhabha, Homi.(1994). Unsatisfied: Notes on Vernacular Cosmopolitanism, Columbia: Camden House.
- Bhabha, Homi.(1994). *The Location of Culture*. London: Routledge.
- Beer Muhamad, (1999). *Verum Vilutugalum*. Chennai: Mugil Pathippagam
- Biswas (2009). Jurnal of Literature, *Culture and Media Studies*, Vol.-I Num.2.Winter Julay-Disember 2009
- Amrita Biswas, (2009). Research Note on Subaltern Studies: Journal of Literature, Culture and Media Studies, Vol.1,Num.2, hlm.200
- Chakrabarty, (1995) "Radical Histories and Question of Enlightenment Rationalism:

- Some Recent Critiques of Subaltern Studies." *Economic and Political Weekly* 30, no. 14 (8 April):751-59.
- Chaturvedi, Vinayak. (2000). *Mapping Subaltern Studies and the Postcolonial*. London and New York: Routledge
- Gomathy (2006), The Indian Review of World Literature in English, Vol. 2, No. II – Jul.
- Gramsci, Antonio. (1971). *Selections from the Prison Notebooks*, edited and translated by Quintin Hoare and Geoffrey Nowell Smith. London: Lawrence and Wishart.
- Guimoto, (2015). *The Tamil Migration Cycle (1830-1950)*, Jurnal of Tamil Foundation Malaysia, Kuala Lumpur: Tamil Foundation Malaysia
- Hashim Awang, (1988). *Kritikan Kesusastraan: Teori dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Huan. L. P & Diana Wong. (2000). *War and memory in Malaysia and Singapore*, Institute of Southeast Asian Studies, Singapore.
- Hayden, C. (2008). *The Rebels Shout Back – subaltern theory and the writing of A Christmas Game*. Degree Master of Arts, Queensland University of Technology,
- Jain Ravindra,K. (1970). *South Indians On Plantation Frontier in Malaya*, New Haven: Yale University Press.
- Jeniri Amir (2007) Bahasa, negara dan bangsa, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kalaivani Palaney (2011). *Isu-isu semasa dalam cerpen Tamil terbitan Akhbar Malaysia*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Kamachy Chelian (2013).*Stereotaip wanita dalam cerpen-cerpen Tamil Malaysia*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Karthigesu (1993). *Vadiveloo Vaalwum Paniyum*.Kuala Lumpur:Siva Patippagam
- Kirushnan (1993) *Vadiveloo Vaalwum Paniyum*.Kuala Lumpur:Siva Patippagam
- Kondapi, C. (1951),*Indians Overseas, 1838-1949*, New Delhi: Indian Council World Affairs, 1951. hlm.10-12
- Krishanan, M. (1993) *Cerpen Tamil dan Melayu: Perbandingan Tema dan Satruktur (1967-1970)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Krishanan, M. (2008). *Cerpen-cerpen A. Samad Said dan Suara kemanusian*. Seminar Kesusastraan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krishanan, M. (2001). *Masyarakat India Malaysia Adalah Masyarakat Pinggiran: Satu*

Tinjauan Umum. Kertas kerja yang disampaikan dalam simposium Kebangsaan Masyarakat Malaysia Isu dan Cabaran Abad ke-21. 22-24 Julai 2001, Fakulti Sastera dan sains Sosial, Universiti Malaya.

Kuppusamy (1993) *Vadiveloo Vaalwum Paniyum*. Kuala Lumpur:Siva Patippagam

Louai,(2012).*Retracing the concept of the subaltern from Gramsci to Spivak: Historical developments and new applications.* African Journal of History and Culture, 4(1), 4-8.

Louai, (2012). *Retracing the concept of the subaltern from Gramsci to Spivek: Historical developments and new applications*, African Journal of History and Culture (AJHC) Vol. 4(1), pp. 4-8, January 2012.

Louai (2012), African Journal of History and Culture, 4(1), 4-8, Retracing the concept of the subaltern from Gramsci to Spivak: Historical developments and new applications.

Lian Kwen, (2002). *The political and economic marginalisation of Tamils in Malaysia :* Asian Studies Review.

Ludden, David.(2001). *Reading Subaltern Studies. Critical History, Contested Meaning and the Globalization of South Asia*, London: Routledge.

Mana Sikana, (1988). *Teori dan kritikan sastera pascamodenisme*, Shah Alam: Fajar Bakti

Marcus, Green. (2011). Rethinking the subaltern and the question of censorship in Gramsci's Prison Notebooks Pages 387-404 |

Maniyarasan (2007) "Kata-kata Pinjaman Bahasa Melayu Dalam Bahasa Tamil".

Maniyarasan (2015). *Suara Kemanusiaan Dalam Cerpen-cerpen Tamil Malaysia yang Berlatarkan Zaman Penjajahan British dan Jepun.* SARJANA, [S.I.], v. 30, n. 1, p. 37-53, june 2015. ISSN 2289-5434.

Maniyarasan (2017) *Sirukatai Sirphi Vadiveloo*.Chennai:Kalainnyan Pathippagam

Marcus Green, (2002). *Gramsci Cannot Speak: Presentations and Interpretations of Gramsci's Concept of the Subaltern*, Rethinking Marxism Volume 14, Number 3 (Fall 2002)

Marimuthu, T. (1993). *The Plantation School as an Agent of Social Reproduction.* in Sandhu and Mani (eds.)

Mohamad Saleeh Rahamad (2007) *Citra Subaltern, Comparador, dan Ambivalence dalam Novel-Novel Jong Chian Lai: Analisis Studi Budaya*, Jurnal Pengajian Media Malaysia, 9(1):109-124. (Non-ISI/Non-SCOPUS)

Mohamad Saleeh Rahamad (2014). Dewan Sastera, Bil.2 tahun 2014

- Mohammad Redzuan (2006) *Sejarah Pembinaan Negara Bangsa*.Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Muhammad Isa Othman ,(1992).*Pendudukan Jepun Di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Murugu Subramaniam (1993) *Vadiveloo Vaalwum Paniyum*.Kuala Lumpur:Siva Patippagam
- Nagappan (1993) *Vadiveloo Vaalwum Paniyum*.Kuala Lumpur:Siva Patippagam
- Najib Razak, (2017) Hindustan Times, New Delhi, Saturday, April 01, 2017, m.s. 21)
- Pachai Balan (1993) *Vadiveloo Vaalwum Paniyum*.Kuala Lumpur:Siva Patippagam
- Prakash (1994). Subaltern Studies as Postcolonial Criticism", The American Historical Review, December 1994, Vol. 99, No. 5, 1475-1490, 1476.
- Punniawan (2017) *Sirukatai Sirphi Vadiveloo*.Chennai:Kalainnyan Pathippagam
- Rajeswari,A. (2015). Tamil Education Journal of Tamil Foundation Malaysia, Vol.2-3/2015
- Ramasamy, P. (1994). Plantation Labour, Unions, Capital and the State in Peninsular Malaysia, New York: Oxford University Press
- Ramaya (1996). Malaysia Tamil Ilakkya Varalaatru Kalanjiyam.Selam:Puratchip Pannai.
- Ranajit, Guha.(1988). "On Some Aspects of the Historiography of Colonial India", and "The Prose of Counter-Insurgency", *Selected Subaltern Studies*, New York: Oxford
- Ravindaran, M. (2012) *Penggambaran Citra Wanita Dalam Cerpen Tamil Malaysia*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Rosmah Derak (2007) Penulisan Sejarah Dalam Novel Terpilih Faisal Tehrani: Satu Kajian Subaltern, Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Said, Edward. (1978). *Orientalism*. London: Penguin Books.
- Said, Edward. (1984). *The World, The Text and The Critic*. London: Faber and Faber.
- Said, Edward. (1993). *Kebudayaan dan Kekuasaan: Membongkar Mitos Hegemoni Barat*. Bandung: Mizan.
- Sandu (1969). *Indians In Malaya*, Cambridge: The Universiti Press.
- Sandhu & Mani.(1993). *Indian Communities in Southeast Asia*. Singapore: Times Academic Press and Institute of Southeast Asian Studies.
- Selvakumaran,R. (1994).*Indian Plantation Labour in Malaysia*, Kuala Lumpur : S.Abdul Mejeed & Co.

Sohaimi Abdul Aziz, (2011) *Khatijah Sidek: suara pejuang terpinggir yang dibisukan dalam sejarah perkembangan politik UMNO*. AKADEMIKA, 81 (3). pp. 43-47.
ISSN 0126-5008

Spencer, (2013). *Malaya's Indian Tamil Labor Diaspora: Colonial Subversion of Their Quest for Agency and Modernity (1945-1948)*, Tesis Master of Arts, Utah State University.

Spivak, G. (1985). *The Rani of Sirmur: An essay in reading the archives. In Europe and its Others*, ed. F. Barker, 128–51. Colchester: University of Essex.

Spivek, G. (1988). Can the subaltern speak? –The Post colonial Studies Reader. London: Routledge

Spivak, G. (1988). *Can the Subaltern Speak?: Marxism and the Interpretation of Culture*, London: Macmillan

_____. (1988). *Can the subaltern speak. In Marxism and the interpretation of culture*, ed. C. Nelson and L. Grossberg, 271–313. Urbana: University of Illinois Press.

_____.(1990a).*The postcolonial critic: Interviews, strategies, dialogues*. Ed. S. Harasym. New York: Routledge.

_____.(1990b). *Gayatri Spivak on the politics of the subaltern. Interview with H. Winant*. Socialist Review 20 (3): 85–97.

_____.(1992). *Interview with Gayatri Chakravorty Spivak: New Nation Writers Conference 24 Green in South Africa. Interview conducted by L. de Kock*. Ariel: A Review of International English Literature 23 (3): 29–47.

_____.(1999). *A critique of postcolonial reason: Toward a history of the vanishing present*. Cambridge, Mass.: Harvard University Press.

_____. (2000). *The new subaltern: A silent interview. In Mapping subaltern studies and the postcolonial*, ed. V. Chaturvedi, 324–40. New York: Verso.

Subramaniam,N. (1978). *Perkembangan Cerpen Tamil Malaysia Selepas Merdeka*. Universiti Malaya: Jabatan Pengajian India.

Sucked Oranges:*The Indian Poor in Malaysia*, Petaling Jaya: Institute Social Analisis (INSAN), 1980.

Shamsul Amri Baharuddin (2011) *Ilmu Kolonial Dalam Pembentukan Sejarah Intelektual Malaysia: Sebuah Pandangan*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Instuitut Kajian Etnik.

Silcock dan Ungku Aziz (1950). *Di sebalik tabir' sejarah politik Malaysia 1945-1957*. Pulau Pinang: Penerbit USM

Stenson (1980). *Tamils and the Haunting of Justice: History and Recognition in*

Malaysia's Plantations. NUS Press

Stenson, M. (1980). *Class Race Colonialism In West Malaysia: The Indian Case.* Australia: University of Queensland Press.

Sohaimi Abdul Aziz (2007). *Novel dalam kritikan,* Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia

Tamil Nesan, 17.12.1967

Tamil Malar 2.4.1976

Tamil Malar 16.4.1967

Tamil Malar 5.3.1967

Tamil Nesan 10.2.1955

Tamil Nesan 27.2.1955.

Tamil Nesan 26.6.1955

Tamil Nesan 21.10.1956.

Tamil Nesan 4.11.1956.

Tamil Nesan 27.1.1957

Tamil Nesan 7.4.1957

Tamil Murasu 21.8.1955

Teeuw (1984). *Sastera dan Ilmu Sastera: pengantar Teori Sastera.* Jakarta: Pustaka Jaya

Vadiveloo, S. (1964) *Valluvarin Kaathali.* Seremban: Bharathi Press

Vadiveloo, S.(1970) *Irunda Ulagam.* Seremban: Bharathi Press

Vadiveloo, S. (1981) *Phutiya Paatai.* Seremban: Bharathi Press

Veeramohan (2008) "Pemaparan Unsur-unsur Ramayana dan Mahabaratha Dalam

Walia,S. (2001). *Edward Said and the writing of history.* London:Totem Books.

Yulyanti Cardena (2011). *Subalternisasi Dalam Kumpulan Cerpen 'perempuan Bawang & Lelaki Kayu'* Karya Ragdi F. Daye (M.A), Universiti Andalas,Padang.

Zainal Kling (2005) Minda Melayu: Satu Tafsiran. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.